

**BERJALAN-  
JALAN**

**DI SINI**



S. OTHMAN KELANTAN

EDISI KHAS  
SASTERAWAN NEGARA

KUMPULAN CERPEN

**S. OTHMAN KELANTAN**

# **BERJALAN- JALAN**

## **DI SINI**

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KUALA LUMPUR  
2004

Cetakan Pertama 2004  
© Syed Othman Syed Omar 2004

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-  
dalam-Penerbitan

S. Othman Kelantan (Syed Othman Kelantan), 1938-  
Berjalan-jalan di sini : kumpulan cerpen / S. Othman Kelantan.  
ISBN 983-62-8478-8  
1. Short stories, Malay. 2. Malay fiction. I. Judul.  
899.233010803

Dicetak oleh  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037, Jalan AU3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

m

899 233010803

SOK

M

- 8 NOV 2004

Perpustakaan Negara

*Terima kasih kepada Mestika, Dian, Dewan  
Budaya, Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat,  
Dewan Sastera, dan Berita Minggu yang telah  
menyiarkan cerpen-cerpen saya.*



## KANDUNGAN



Dedalu	1
Angin Timur Laut	13
Pahlawan Lembu	25
Riang bagaikan Burung-burung	37
Kehidupan Saya	53
Takdir	67
Pahlawan Buntung	86
Kepuasan	101

KANDUNGAN

Tamunya Seorang Menteri	117
Perjuangan	143
Mimpi yang Bertaburan	159
Penyiksaan	169
Ibu	181
Pulang	191
Aku Menemui Wajahku	206
Ustaz	218
Suara Ombak	237
Seorang Tua, Sebuah Masjid Lama, Sebuah Kota	252
Sang Raja	274
Pintu dan Jendela	295
Pada Suatu Ruang	309
Kesementaraan	329
Rindu Seri Samudra	341
Berjalan-jalan di Sini	357
Dia yang Dia	380
Putera Si Luncai	398
Gua Percintaan	419
Bintang Kemilau	428
Salakan Seorang Anjing	439
Pulau Sekajing	449
<i>Biodata</i>	461

## DEDALU



**T**IDAK pernah terfikir di kepala Pak Kasran kejadian itu boleh berlaku. Sekuman pun tidak. Keuntungan dan kemewahan saja yang menjadi isi dalam kepalanya. Akan tetapi, sesuatu yang tidak terfikir itu sudah berlaku. Pak Kasran cuba menghitung-hitung kesilapan tempat mulanya. Punca kesilapan itu dapat dikesannya samar-samar seperti gurisan-gurisan kesan perahu di air sungai. 'Ini silapku. Aku bodoh.' Pak Kasran menyesali sikapnya sendiri. Lalu menjatuhkan berat-berat kedunguannya ke atas ketololan cara berfikirnya sendiri.

'Tapi mengapa sahabat tidak selalu memikirkan kebaikan atau keikhlasan sahabatnya yang lain?' Pak Kasran meraba-raba dalam sudut hatinya yang kosong. 'Mengapa keikhlasan seseorang dibalaskan dengan keburukan yang timbangannya begitu merosot?' Pertanyaannya itu mati di situ sahaja, seperti enjin yang kehabisan minyak.

Akan tetapi, hati Pak Kasran begitu rusuh, begitu mencemaskan. Keluar dari kampung tidak mungkin dilakukan. Sedangkan untuk terus tinggal menyalahkan perhitungannya sendiri. Pak Kasran serba salah. Dia menjadi orang buruan oleh perasaan cemas dan kesal yang memekik-mekik dan merentak-rentak dalam jiwanya.

Semakin hari semakin tebal, dan berat perasaan kesal dan waswas itu menekan tengkuk jiwanya. Perasaannya telah menjadi gerombolan yang ganas dan buas menerkam dan menggigit tunjang-tunjang fikirannya. Sesungguhnya Pak Kasran benar-benar diburu oleh gerombolan perasaannya sendiri.

Lima belas tahun yang lalu, ketika Pak Kasran datang meneroka hutan untuk membuka Kampung Belukar Nangka ini, hanya ditemani oleh beberapa orang daripada keluarganya sendiri. Termasuk isterinya, Mak Saimah, anak-anaknya, Said dan Omar yang telah dewasa, Zaharah puterinya yang hanya seorang untuk menolong isterinya masak-memasak, serta tujuh orang yang lain (seorang daripadanya telah mati dipagut ular dan seorang lagi mati ditimpa kayu). Keperitan menebas dan menebang pokok yang besar-besar dan gigitan nyamuk dan agas-agas tidaklah dapat hendak diperikan. Setiap malam menjelang, ketika pulang daripada menebas dan menebang, tidak sepatah pun Pak

Kasran berborak-borak dengan anggota keluarganya atau kawan-kawannya. Sedang Mak Saimah dan Zaharah menyiapkan pinggan mangkuk yang tidak pun sampai sepuluh buah, dengkur Pak Kasran sudah lantas didengar. Sesekali dia membalikkan badannya, kedengaran keritut dan gerak-gerak tulang geramatnya. Kadang-kadang Mak Saimah menggeleng-geleng. Kasihan!

Setahun kemudian, dengan susah sukar, tidur penat dan makan tidak sempurna, terjelmalah sebuah kampung kecil. Penghuninya hanya anggota-anggota keluarga asal, yang bersama-sama Pak Kasran meneroka dan membuka kampung itu. Kerana mengambil sempena hutan angka yang lebat dan belukar yang tebal, maka Pak Kasran telah menamakannya Kampung Belukar Angka.

Lapan buah rumah yang lebih baik daripada rumah asal setahun yang lalu telah terdiri. Tiang-tiang kayu bulat dengan atap daun cucuh yang terjahit rapi begitu menyenangkan, begitu menyerikan. Lapan buah rumah itu bertambah menjadi dua belas buah yang dibangunkan secara gotong-royong. Pak Kasran tidak pernah mengadakan persatuan itu dan ini untuk kerja gotong-royong itu. Akan tetapi, semua itu adalah semangat dan cita-cita bersama yang tumbuh dan subur dalam jiwa sedarnya sejak kecil. Sesuatu yang hendak dikerjakan tidak pernah dicitus dengan seruan berapi-rapi. Namun, kerjanya lebih berjaya, lebih berkesan, dan lebih cepat. Itulah Kampung Belukar Angka hasil perpaduan keluarga yang erat dan tidak mengenal erti jemu.

Tahun yang kedua, apabila tanah-tanah sudah diteroka, terang dan cuci, anak-anak getah mula ditanam (sesuai dengan kemudahan kerajaan waktu

itu). Pak Kasran yang telah dijadikan ketua kampung bersikap baik dan lunak. Sebagai pekerjaan bersama, sementara mendapatkan hasil getah yang makmur dan mewah, sayur-sayur dan pelbagai jenis tanam-tanaman ditanam untuk menyenangkan kehidupan. Di sungai yang jernih dan tenang yang menjadi kemegahan dan kesenangan perhubungan Kampung Belukar Nangka dengan kampung-kampung yang lain, didapati ikan-ikan yang sedap-sedap.

Lima tahun kemudian Kampung Belukar Nangka mula dikunjungi oleh penghuni-penghuni kampung berdekatan. Peraih-peraih dari Kampung Tarina dan Sadia datang menukarkan barang-barang penghasilan. Keluarga Kampung Belukar Nangka bertambah ramai dengan lahirnya anak-anak penghuni asal dan hijrah penghuni-penghuni kampung lain.

Sikap Pak Kasran yang lunak dan berbudi bahasa telah menimbulkan kemegahan Kampung Belukar Nangka. Peraih-peraih yang jauh datang dan berjual beli dengan baik. Getah-getah yang ditanam sudah mula mengeluarkan hasil. Kampung Belukar Nangka sudah menjadi begitu terkenal. Dan inilah puncak kegembiraan Pak Kasran apabila hasil daripada susah sukarnya, telah melahirkan kemewahan dan kemegahan.

Ketika Pak Kasran berbual-bual dengan Pak Busu dan Abang Ujang di beranda rumahnya yang sudah agak sempurna itu, dia dikejutkan oleh puteranya Said yang sudah beristeri.

"Ada orang datang, ayah," kata Said dan mengarahkan tangannya ke tangga.

Pak Kasran lantas berdiri dan melangkah menuju ke tingkap.

Pada mulanya perasaan Pak Kasran seperti ka-get melihat orang yang tidak dikenali itu. Kemudian, apabila dikenali bangsanya, lalu dijemputnya naik.

"Gua latang lali jauh, suka lapat kawan-kawan sama olang-olang pengulu," kata orang itu, seorang lelaki berbangsa Cina. Wajahnya kelihatan lebih muda daripada wajah Pak Kasran. Lelaki Cina itu menyambung, "Kita olang atak bawak balang-balang lumah, kain-kain pulikat, atak lain-lain jugak."

Dan, kemudiannya penghuni-penghuni Kampung Belukar Nangka mengerumuni perahu-perahu lelaki Cina itu untuk memilih keperluan-keperluan sendiri. Ada yang membeli baju, alat-alat rumah, barang-barang permainan, dan sebagainya.

Hati Pak Kasran begitu besar apabila dua helai kain baju dihadiahkan oleh lelaki Cina itu kepadanya.

Beberapa hari kemudian, lelaki Cina itu datang lagi. Kali ini lebih banyak barang yang dibawanya. Dan, kemudiannya kedatangan lelaki Cina itu menjadi kelumrahan bagi Pak Kasran dan penghuni-penghuni Kampung Belukar Nangka. Pada hari-hari yang kemudian, seorang India pula datang berniaga. Seperti kebanyakan orang yang datang ke kampung itu, maka Pak Kasranlah yang ditemuinya. Dan, seperti lumrahnya pula, Pak Kasran dihadiahi dengan pelbagai barang yang mahal harganya.

Lelaki Cina itu - Lee Tong Ho namanya - sudah begitu dikenali oleh orang-orang kampung. Kadang-kadang Lee Tong Ho tidak pulang. Bermalam di rumah Pak Kasran. Begitu juga bangsa India itu - Mohendar Singh namanya - selalu sahaja bermalam di rumah Pak Kasran.

"Bagaimana, penghulu, kalau kita buka kudai

balang-balang dalam ini kampung, atak baik?" suatu malam Lee Tong Ho bertanya Pak Kasran, sedang mereka berbual-bual dengan beberapa orang kampung.

"Itu suatu cadangan baik," sampuk Pak Busu yang mula tertarik kepada barang-barang lelaki Cina itu.

Pak Kasran tidak terus berkata. Dagunya ditopangkannya ke atas meja, seperti berfikir berat.

"Kita olang boleh kasi penghulu beli balang mulah. Untung bahagi tiga. Satu penghulu punya dan lua gua punya. Penghulu tatak kasi luit selinggit pun!" Lee Tong Ho menegaskan keterangannya dengan wajah yang bersungguh-sungguh. Direnungnya muka Pak Kasran tajam-tajam, seperti menduga kemahuan Pak Kasran.

"Saya belum boleh benar-benar memutuskan soal ini, Lee," tiba-tiba Pak Kasran menjawab sambil menggulung rokok daun nipahnya. "Nantilah saya tanya kawan-kawan."

"Oh, oh, mana boleh, penghulu! Ini macam pikilan tentu baik. Olang sini lapat sinang bili kain-kain baju, kita olang boleh bagi halga sikit mulah."

Pak Kasran kemudiannya menyatakan persetujuan bahawa keuntungan kedai dibahagi tiga tanpa mengeluarkan modal. Dia akan mendapat satu pertiga keuntungan, suatu perniagaan yang amat menyenangkan. Pak Kasran mula memikirkan, bahawa kesusahan selama ini mula terbayang hilang dalam kehidupannya. Getahnya sendiri mula mengeluarkan hasil. Keuntungan daripada lelaki Cina itu pula sudah didapati, untuk belanja hari-hari.

Ketika orang-orang kampung menolong mendirikan kedai di atas tanah Pak Kasran di sudut

rumahnya, Said, puteranya yang sulung menyatakan tidak setujunya atas sikap ayahnya. Akan tetapi, Said kemudian membisukan dirinya apabila kena panahan-panahan mata yang tajam daripada Pak Kasran. Beberapa hari kemudian kedai itu pun siap didirikan. Seminggu berikutnya, barang-barang aneka macam telah memenuhi kedai Lee Tong Ho itu. Dan, seminggu berikutnya pula enam orang anggota keluarga Lee Tong Ho datang, iaitu isterinya, adik laki-lakinya yang dewasa serta tiga orang anaknya.

Seperti lumrahnya, kemesraan Lee Tong Ho dan keluarganya dengan penghuni Kampung Belukar Nangka mudah sekali. Penghuni-penghuni Belukar Nangka begitu baik hati, oleh asuhan Pak Kasran yang lunak lembut.

Enam bulan kemudian, Mohendar Singh pula mendirikan kedai, kira-kira lima puluh ela jaraknya dari kedai Lee Tong Ho. Seperti Lee Tong Ho juga, Mohendar Singh memberikan keuntungan kedainya satu per tiga kepada Pak Kasran. Kedai Mohendar Singh dipenuhi dengan jenis-jenis kain yang indah-indah. Dan, sebagai biasanya, kedua-dua kedai itu menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli-belah.

Tiga tahun sudah kedai-kedai itu dibuka. Barangnya bertambah banyak. Kedainya bertambah besar. Getah-getah yang semakin banyak mengeluarkan hasil melimpah ke dalam kedua-dua kedai Lee Tong Ho dan Mohendar Singh. Mereka saling berebutan pengaruh. Oleh kedudukan dan kemesraan, Lee Tong Ho dan Mohendar Singh telah menjadi tumpuan orang ramai untuk meminta sesuatu keperluan. Lee Tong Ho dan Mohendar Singh lebih penting bagi orang-orang Kampung Belukar Nangka daripada Pak Kasran.

Hal ini dirasakan sedikit sebanyaknya oleh Pak Kasran, apabila orang-orang Kampung Belukar Nangka mula menumpukan sepenuh minat terhadap barang-barang di kedai Lee Tong Ho dan Mohendar Singh. Tahun berikutnya, beberapa orang anggota keluarga Lee Tong Ho datang lagi membuka beberapa buah kedai. Tanah-tanah kedai yang baharu sudah berubah dengan nama mereka sendiri. Begitu juga Mohendar Singh, telah membangunkan sebuah kedai dua tingkat di atas sebidang tanah kepunyaannya sendiri.

Pak Kasran berasa begitu terhina, apabila Lee Tong Ho dan Mohendar Singh tidak memberikan lagi keuntungan kedai-kedai mereka.

"Penghulu jangan salah faham," kata Lee Tong Ho pada suatu hari, apabila dipanggil ke rumah Pak Kasran. "Dulu kita olang niaga di tanah penghulu. Sikalang gua punya tanah sendili. Mana boleh untung gua bagi sama penghulu. Cuba penghulu pikit baik-baik, atak butut atau titak?"

Pak Kasran menyepi sendiri. Darahnya mula membakar jantungnya mendengarkan kata-kata Lee Tong Ho itu. Disabarkannya hatinya, lalu berkata dengan perlahan-lahan, "Saya tau itu, Lee, saya tau. Saya bukan suruh lu orang pindah tempat. Lagipun lu datang ke sini adalah dengan kebenaran saya."

"Itu butul, penghulu. Gua latang dulu, penghulu bilang boleh. Tapi gua sutak banyak bagi luit, banyak kasi balang-balang. Apa itu penghulu tatak ingat sikit pun?"

Pak Kasran sudah tidak dapat berkata lagi. Tangannya seperti terangkat hendak mematahkan leher pendatang Cina yang lancang mulutnya itu. Akan tetapi, apabila memikirkan akibatnya, kerana orang

ramai yang begitu mesra dengan Lee Tong Ho, Pak Kasran menyimpan marahnya ketat-ketat dalam hatinya.

Sekarang lelaki Cina itu berniaga atas dirinya sendiri. Pak Kasran mulalah membeli segala keperluannya di kedai Lee Tong Ho, dengan hatinya yang jengkel.

Sikap Lee Tong Ho itu kemudiannya dilakukan oleh Mohendar Singh. Hampir-hampir terjadi perkelahian apabila Mohendar Singh memanggangkan getah-getah Pak Kasran tanpa membayar harganya. Apabila Said datang Mohendar Singh mengatakan Pak Kasran ada hutang dua ratus ringgit. Kemudian hutang itu diakui oleh Pak Kasran, dipinjамnya daripada Mohendar Singh kerana membeli baja getah sebulan yang lalu. Akhirnya, keuntungan kedai tidak diberikan lagi kepada Pak Kasran, dengan alasan yang sama diberikan oleh Lee Tong Ho.

"Dulu ayah tidak mendengar apa yang telah saya kata. Menyetujui mereka itu masuk ke dalam kampung kita banyak mudaratnya. Sekarang lihatlah!" Said memberikan paku buah keras kepada ayahnya yang sedang bertopang dagu di meja makan.

Pak Kasran tidak berselera hendak menjawab kata-kata Said. Dirasakannya kebenaran perkataan anaknya, suatu kebenaran yang nyata.

Minggu berikutnya, seorang anggota keluarga Mohendar Singh dipukul orang. Mohendar Singh merepotkan kepada polis bahawa yang melakukan perkara itu adalah Said. Kerana ketika dia menyorot, apabila mendengar lolongan, dilihatnya Said berada di jalan. Said menafikan itu, dia kebetulan sahaja berada di situ dalam perjalanannya pulang dari masjid. Namun, Said dihadapkan juga ke mahkamah.

Pak Kasran menjualkan sebidang kebun getahnya kepada Lee Tong Ho untuk perbelanjaan pembicaraan dengan Mohendar Singh itu.

"Kita kawan-kawan kalau atak cinang selalu datang, ya. Kila-kila boleh kita kasi halga patut sama penghulu," kata Lee Tong Ho apabila nama kebun getah itu sudah bertukar atas namanya.

Api sengketa mula menyala antara keluarga Pak Kasran dengan Mohendar Singh. Akan tetapi, kemudiannya padam, apabila diadakan suatu perjumpaan.

Waktu di rumah Lee Tong Ho berlaku kecurian, Omar, anak Pak Kasran, di hadapkan ke muka pengadilan. Kerana pada malam itu Omar ditemui oleh Lee Tong Ho sedang berlari-lari anak ke balik masjid. Akhirnya, sekali lagi kebun Pak Kasran dijualkan. Kali ini kepada Mohendar Singh pula. Dan, Omar terlepas daripada tuduhan. Api sengketa berlaku lagi antara keluarga Pak Kasran dengan Lee Tong Ho. Api sengketa ini lebih panjang daripada yang berlaku dengan Mohendar Singh dahulu. Antara anak-anak dan cucu-cucu Pak Kasran selalu berlaku tumbuk-menumbuk dan pukul-memukul dengan anak-anak Lee Tong Ho. Apabila seorang luka, maka berekor lagi ke mahkamah.

Kampung Belukar Nangka berkocak oleh api sengketa. Pak Kasran berasa lumpuh kekuasaannya untuk melapangkan nafas-nafas kehidupannya.

Pada suatu hari datanglah pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang besar negeri ke kampung itu. Di sebuah balai raya yang sudah dibangunkan kira-kira empat bulan yang lalu, Pak Kasran dan anak-anak buahnya serta Lee Tong Ho dan keluarganya juga Mohendar Singh dengan keluarganya, berkumpul beramai-ramai.

"Kamu semua hendaklah bersatu, hidup saling mengerti. Kalau didapati kamu saling bersengketa, maka kampung ini akan diambil dan dikawal oleh kerajaan." Begitu antara lain kata-kata pegawai kanan kerajaan.

Pak Kasran, Lee Tong Ho dan Mohendar Singh menurunkan tandatangan untuk menjamin bahawa anak-anak buah mereka tidak akan melakukan apa-apa persengketaan lagi.

Ketika pegawai-pegawai itu berlalu, mereka bertiga - Pak Kasran, Lee Tong Ho dan Mohendar Singh - masih bercakap-cakap.

"Kita lugi banyak kalau kita galoh-galoh," kata Lee Tong Ho dengan senyum dan memandangi kedainya yang penuh dengan barang dan getah yang bersenggayutan.

"Betul itu, Lee," sampuk Mohendar Singh sambil dan memerhatikan orang-orang yang sedang membeli-belah di kedai dua tingkatnya, yang penuh dengan kain dan sebagainya. "Tadak wuntong punya worang kalau dalam satu kampun ada selalu bikin kacau."

"Kita sekarang sudah tak berkelahi lagi," kata Pak Kasran sambil merenung kedua-dua muka kawannya bergilir-gilir, selintas lalu memandangi ke rumahnya yang sudah tua dengan pagar-pagarnya yang sudah buruk dan berkata, "Mari kita hidup rukun damai!"

Akan tetapi sekarang, hati Pak Kasran begitu rusuh, begitu dukacita. Kebun-kebunnya sudah separuh berada dalam tangan kawan-kawannya yang dihormati kedatangannya tempoh hari. Lee Tong Ho dan Mohendar Singh bertambah besar kedai masing-masing. Padahal mulanya mereka

adalah sahabat-sahabat dalam perkongsian untuk hidup.

Lee Tong Ho dan Mohendar Singh datang ketika kampung itu sudah siap.

"Kau," kata Pak Kasran kepada Said dan Omar, "Mulai hari ini bekerjalah sungguh-sungguh mengawal kebunmu daripada jatuh ke tangan orang lain. Janganlah mengharapkan sangat perkongsian dengan orang lain, sebab mereka lebih cekap daripada kita dan banyak tipu helahnya!"

Pak Kasran melepaskan keluhan kesalnya lambat-lambat.

*13 Cerpen S. Othman Kelantan*

Kota Bharu: Dian Sdn. Bhd., 1970

## ANGIN TIMUR LAUT



**B**UKIT Marak sudah hilang. Pokok keruing dan mercu suar, sudah lama benar hilang. Yang kelihatan hanyalah Bukit Yong. Bukit yang tertinggi dalam jajahan Pasir Puteh. Sekitarnya gelombang ombak. Pulau Perhentian, Pulau Salji, dan Pulau Kecil kelihatan seperti tiga buah busut besar. Terapung-apung di tengah Laut China Selatan.

Semuanya bergolak dalam dada Pak Mat. Berawan dan bergelombang. Sampan koleknya seperti apung-apung di tengah laut itu. Dan, dia sendiri seperti debu. Dalam kepala Pak Mat tersergam sebuah mahligai. Bininya yang dipeluk

setiap malam menjongol di jendela. Juga enam orang anak-anaknya. Pak Mat tersedu melihat anak-anaknya. Tiga orang berperut buntal. Dua orang rincing seperti lidi. Seorang cacat, tidak bertangan, tidak berkaki. Sekaliannya masih hidup. Yang cacat, perutnya tidak cacat. Pasti diisi. Enam mulut yang bergigi ini sentiasa memamah tenaganya. Memacu dia ke tengah laut. Tujuh wajah yang bermata kuyu di terataknya, nafasnya tergantung di kepalanya.

Tiba-tiba wajah di jendela itu hilang seperti kabut. Dan, Pak Mat terapung-apung di tengah laut. Laut bulat seperti payung. Hatinya berdebar. Pukulan gelombang agak kuat. Dalam dadanya berdiri Tuhan. Dan, Pak Mat mengadu kepada-Nya. Tiba-tiba fikirannya tenang seperti bayi.

Tiga hari dahulu Pak Mat mendengar amaran. Sampan-sampan kecil tidak dibenarkan ke laut jauh. Berbahaya. Pak Mat mengutuk. Bilakah di laut tidak ada bahaya? Laut manakah yang boleh dijamin tidak bahaya? Laut manakah yang ada perikemanusiaan? Laut manakah? Pak Mat menelan sendiri pertanyaan-pertanyaannya itu.

Dan, Pak Mat menggariskan tulisan dalam dadanya. Laut ertinya bahaya. Laut ertinya mampus. Laut ertinya hidup! Sudah ramai yang kena bahaya di dalam laut. Sudah ramai yang mampus di dalam laut. Sudah ramai yang hidup, menyambung nafasnya dengan laut. Dan Pak Mat tahu, dia dan anak-anaknya, bininya, nafasnya ada di laut. Rumahnya di laut. Nasinya di laut. Tuhannya di laut.

Pak Mat tahu itu. Pak Mat tahu.

Laut itu dunianya. Wang dan berasnya. Amaran itu untuk siapa? Pak Mat menghitung-hitung. Bukan untuknya. Bukan. Amaran itu untuk orang-orang

yang sudah bernyawa. Dan Pak Mat, nyawanya di laut. Bininya juga nyawanya di laut. Anak-anaknya juga nyawa mereka di laut. Bagaimana dia akan hidup kalau dia tidak ke laut? Bagaimana dia akan berbicara kalau tidak bertemu Tuhannya di laut?

Pak Mat tidak peduli. Ketika gelombang tidak mengoyak birai pantai, Pak Mat turun ke laut.

Seketika dia akan meluncurkan sampan koleknya, sahabat yang paling setia, bininya, ikut sama. Juga anak sulungnya. Mereka ikut menolak sampan kolek ke air. Pak Mat sempat melihat dalam cahaya subuh kelam, wajah mereka yang kering seperti kertas. Pak Mat melihat mata mereka yang kejam seperti mata ikan kering. Dan, dengan mata batin yang terang, Pak Mat melihat nyawa mereka tergantung seperti asap di udara.

Pak Mat menggetus terus perasaan itu. Dia tidak mahu melihat mereka. Mereka penghancur perasaannya. Mereka pemutus tali harapannya. Mereka syaitan! Penggoda!

Tanpa melihat, Pak Mat menenggelamkan jasadnya ke dalam perut sampan koleknya. Layar dikembangkan. Cepu nasi dan kotak rokok daun nipahnya tersadai di haluan. Pak Mat menyorot sebentar ke arah itu.

"Airku!" laung Pak Mat. Dan, Pak Mat memeta dalam kepalanya. Air itu junjungan. Dia terjun ke air. Menarik sampan koleknya ke tepi. Gelombang besar memecah betul-betul pada sampan kolek Pak Mat. Pak Mat terdorong. Dia jatuh. Bininya berlari-lari. Membetulkan perahu itu.

"Airku!" laung Pak Mat. Dan, bininya menyambungkan kepada anak sulungnya. Anak itu bingung seperti belon. Pak Mat tahu. Debur gelombang dan

ombak yang memecah di bibir pantai begitu keras. Begitu geger. Memekakkan kuping.

"Air!!!!" Pak Mat melaung mengguruh. Cuba mengatasi suara debur ombak yang bertempik di bibir pantai.

Pak Mat melihat anak itu hilang dalam bayang-bayang pokok kelapa. Berminit-minit dia membetulkan haluan sampan koleknya agar lepas daripada dihempas ombak yang memecah. Pak Mat menggeletar dalam ombak gila. Telinganya berdengung-dengung.

Kemudian, bininya bersuara. Pak Mat tidak faham. Bininya turun ke air. Badan ricing berwajah malaikat itu digenangi air. Di bibir pantai, putera sulungnya berselimut telanjang. Matanya terpancang ke dalam gelombang. Ketika Pak Mat melompat naik ke atas sampan koleknya, mendirikan layar kain kelabunya, bininya masih tegak di dalam air. Tidak bergerak seperti kubu di Kuala Pak Amat. Patung!

Pak Mat menoleh. Bininya masih di situ juga.

"Mengapa tak naik!" laung Pak Mat. Memancarkan matanya ke atas badan bininya. "Buat apa lagi?" tanya Pak Mat. Akan tetapi, suaranya sedesar sahaja masuk ke dalam gendang-gendang telinga isterinya.

Dada Pak Mat digayut bimbang. Bergantungan seperti keluang di dalam gua. Ketika Pak Mat menoleh sekali lagi, bininya yang setia seperti anjing itu, sudah tercacak di atas pantai. Dalam samarasamar subuh, telinganya menangkap suara orang bercakap. Tentu anak dan bininya. Pak Mat tidak peduli.

Pak Mat mengikatkan tali layarnya kuat-kuat.

Tali belon yang tahan uji. Tali berpintal lima. Dipulasnya ke dalam cekakannya yang kukuh. Menariknya ke buritan. Diikatkannya pada pancang. Ikat-an simpul pulih. Angin barat yang basah berpuput mengembangkan layar kain belon kelabunya. Angin segar yang boleh dibuat sifir.

Ketika Pak Mat menoleh sekali lagi ke daratan, wajah bini dan anaknya sudah lenyap dipeluk kegelapan subuh. Tidak berkesan sedikit pun. Dan, Pak Mat melihat dalam hembusan angin barat dan deburan gelombang gila, terpacak doa bininya. Doa itu terpampang seperti dinding waja. Pak Mat melihat itu. Tentu!

Tiba-tiba nafsu Pak Mat seperti singa. Azamnya hebat seperti ribut.

Dia melihat pada layar ada doa bininya. Pada sampan koleknya ada doa bininya. Dan, gelombang besar seperti relung padi itu tidak terlihat lagi. Deburan ombak yang memecah tidak didengarinya lagi. Sejuknya sudah hilang. Yang dirasainya hanya doa bininya. Doa itu menyelimuti tubuhnya. Membalut hatinya daripada dilanda ketakutan. Mendinding fikirannya daripada mencanangkan gambaran-gambaran yang buruk.

"Wahai bidadari yang berwajah sugul! Kau setia seperti kuda perang!" Pak Mat mengeluh dan mengucup bininya dalam kenangan subuh yang basah.

Mercu suar pantai Sabak tidak berkelip lagi. Hilang ditelan laut jauh. Di sebelah timur, kilat matahari sudah memecah. Sebahagian langit sudah ada merah kuningnya. Terpancar menerusi celah-celah awan gelap. Dan, cahaya itu terpancar juga dalam dada Pak Mat, seperti kelip-kelip dalam gelita malam di belantara.

Akan tetapi, Pak Mat bangga seperti harimau. Angkuh. Dia melihat di laut ada doa bininya. Doa anak-anaknya. Doa anak cacatnya yang seperti sabut itu. Tentu Tuhan melihat doa anak cacat ini. Tuhan mengerti tujuannya turun ke laut. Tuhan tahu maksudnya yang mulia. Mengaut rezeki untuk disuapkan kepada enam buah mulut yang tahu mengunyah, tidur, dan berak. Tuhan tahu. Tentu!

Dan, Pak Mat masih merasakan dirinya orang paling nekad di sisi Tuhan. Manusia mukmin yang berjasa. Tiba-tiba degup jantung Pak Mat kendur seperti tayar bocor. Sebuah gelombang memesonkan haluan sampan koleknya. Pak Mat tegak dalam harapannya. Teguh seperti Tembok Besar Negeri China. Dia melawan gelombang gila itu. Diuwetnya buritan dengan lebar sehasta yang panjang lebih enam kaki itu. Sekali uwet sahaja, sampan koleknya betul menuju laut jauh.

Tidak apa-apa, fikir Pak Mat. Gelombang ini tidak bahaya. Gelombang relung yang tidak sampai lapan ela. Dia pernah menempuh gelombang sebesar rumah batu dua tingkat. Dia lulus. Licin seperti pelaut-pelaut purba yang ternama. Pak Mat senyum dalam hatinya. Doa bini dan anak cacatnya menolong itu. Pak Mat angkuh. Dan, dia lalu mengutuk amaran bahaya yang diada-adakan oleh kerajaan. Laut mana tidak bahaya? Pak Mat ketawa dalam hatinya. Bodoh!

Angin barat yang basah bertiup setia seperti merpati surat. Pak Mat menetapkan kemudi. Berjalan memeriksa mata kailnya. Melihat tali benang randang berpintal sembilan. Memeriksa tali tasi untuk tenggiri empat puluh kati. Semuanya sedia. Kong sudah nyata. Walaupun matahari tidak kelihatan,

sekitar laut sudah terang. Dan, Pak Mat menerawang matanya ke depan. Tidak ada sebuah pun sampan kolek. Tiba-tiba hatinya disenggau gementar. Benarkah amaran itu? Akan tetapi, Pak Mat melenyapkannya dengan berdiri dalam harapannya sendiri.

Dibukanya dada kong sampan koleknya. Udag angka sebesar ibu jari kaki disangkutkan pada mata kail benang randang berpintal sembilan. Setelah meludahnya dengan ludah berlendir pekat, dicampakkannya ke laut. Tali kail itu dilepaskan hati-hati benar. Dan, tali itu memanjang ke belakang. Tali itu akan tenggelam beberapa kaki dari permukaan laut. Ada batu diikatkan pada atas tali kailnya.

Pak Mat memeta-meta dalam kepalanya. Sekurang-kurangnya ikan suji atau jebol akan tersangkut di situ. Dia memegang kemudinya semula. Tali disangkut pada cabang kayu di birai sampan koleknya. Kalau ada ikan, tali itu akan tegang. Dan, cagak itu akan bergetar. Dia tentu akan membiarkan begitu beberapa menit. Biar ikan itu meluluhnya ke dalam tekaknya. Kail itu akan tersangkut pada insangnya. Atau pada perutnya. Akan ditariknya perlahan-lahan. Akan disauknya dengan jaring bermuka bulat berkeroncong daripada benang belon yang kukuh. Akan dicangkuknya dengan pencangkuk berceracak. Dan, ikan itu akan ditariknya naik, dimasukkan ke dalam kong tengah.

Tiba-tiba Pak Mat melihat cagak bergetar. Tali tegang. Dia tidak menyentuhnya. Kemudian, tali itu kendur semula. Ikan jebol sedang meluluhnya, fikir Pak Mat. Ikan itu selalu mengikut umpan, mengikut perahu. Pak Mat terus membetulkan kemudinya menuju laut jauh. Menuju unjang laut yang banyak

ikan. Beberapa menit dibiarkan begitu. Setelah menatapkan kemudi pada talinya, Pak Mat mula menarik tali kailnya yang dilepaskan sepanjang tiga puluh ela itu.

Pak Mat menyumpah pada tali benang randang berpintal sembilan itu. Tidak kukuh. Mata kail dan umpannya sia-sia direnggut ikan. Barangkali suji lapan kati. Barangkali jebol sepuluh kati. Barangkali tenggiri sebesar budak umur setahun. Pak Mat meludah sekali. Tali benang randang berpintal sembilan itu dilingkarnya. Dicampakkan ke haluan. Tali itu tersangkut pada bangau lalu tercampak ke air. Pak Mat bergerak pantas seperti harimau, menyambar tali kail itu dengan pencangkuk ceracaknya. Tali kail itu dapat diambilnya.

'Tali sial!' bentak Pak Mat dalam hati.

Sampan koleknya terus menempuh gelombang sebesar rumah padi. Tidak ada ombak yang memecah. Pak Mat berjalan membuka dada kong haluan. Mengeluarkan tali kail tasi tenggiri empat puluh kati. Menyangkutkan umpan udang kara hitam mengilat, yang masih hidup. Pak Mat berhati-hati menyangkutkan mata kailnya pada kepek udang kara itu. Kemudian meludah dengan liur cair. Lalu menghulurkannya ke laut. Sejauh tiga puluh lima ela.

Tali akhir kail itu disangkutkan pada cagak di birai sampan koleknya. Makanlah suji. Makanlah jebol. Makanlah tenggiri sebesar budak dua tahun. Makanlah. Luluhlah. Tali itu tidak akan putus. Tali itu tidak putus. Makanlah. Pak Mat menghitung-hitung dalam kepalanya.

Dia melihat kilat kulit udang kara yang mengilat hitam itu kelemayar di dalam air laut sepuluh depa

sekelilingnya. Baunya, ah, tentu keras. Bukan kara laut. Bukan. Kara sungai yang dibelinya dibelat petang semalam. Belat air keruh di Sungai Sabak. Tiga puluh sen seekor. Lima belas ekor semua dibelinya. Pak Mat tahu, bau udang kara air keruh amat keras. Boleh menggilakan tenggiri empat puluh kati. Dan tentu, tidak sampai lima minit, mata kail se-cangkuk kelengkeng itu akan disambarnya. Akan diluluhnya. Dan, kail itu akan tersangkut pada insangnya. Atau pada perut dalamnya.

Pak Mat melihat wajah isterinya yang girang. Melihat anak-anaknya yang gembira menyambut kejayaannya di pantai. Melihat peraih-peraih yang berebut-rebut menawar ikannya. Melihat wang yang dicekaknya kemas-kemas. Melihat anak-anaknya makan dengan penuh selera. Dan, Pak Mat melihat beberapa orang nelayan lain iri hati padanya. Dan, dia akan berkata dengan sombong: "Mana bahaya? Mana kebenaran amaran kerajaan itu?"

Tiba-tiba Pak Mat tersentak. Perahunya bergegar hebat. Cagaknya ranap disertai dengan tali tasinya yang tegang seperti tali gitar. Pak Mat cepat-cepat menghulurkan tali yang bakinya, yang masih ada dua puluh kaki lagi itu. Dilepaskannya hati-hati. Ditegaknya dua kali. Tali direnggut hebat. Pedih tangannya. Mungkin tenggiri betul-betul empat puluh kati. Pak Mat terpaksa menggunakan kepantasan yang luar biasa. Sebuah gelombang sebesar relung padi bergulung jauh di depannya. Gelombang besar itu akan sampai dalam tempoh tiga nafas. Kalau gelombang itu tidak dielakkan, perahu ini akan terbalik.

Pak Mat masih melihat doa bini dan anak cacatnya yang seperti sabut itu. Dia berdiri dalam hatinya yang teguh seperti waja. Tali kailnya disepit di celah

ibu jari kakinya. Diapit dengan kotak rokoknya, ditindihnya. Kalau ikan menariknya, tali itu akan meluncur. Kalau tidak, tali itu akan tertahan di situ sahaja. Tangannya cepat mencapai pengayuh kemudi lebar sehasta, panjang lebih enam kaki itu. Dinantikannya gelombang itu tiba dengan penuh sabar. Dia bergantung dalam tangan Tuhan. Dan, nasibnya dalam penglihatan Tuhan.

Pak Mat merasa-rasakan renggutan selanjutnya daripada ikan tadi. Tidak ada apa-apa. Gelombang sebesar relung padi itu datang dari sebelah kiri. Pak Mat meletakkan pengayuhnya yang panjang itu di sebelah kiri. Nanti akan diuwetnya melawan gelombang itu. Tepat seperti jangkannya, gelombang itu memukul haluan sampan koleknya. Dan, seperti seorang pahlawan di medan peperangan laut, Pak Mat menguwetkan buritan sampan koleknya dengan tenaga yang seperti singa. Kemudian, dada Pak Mat lapang seperti angkasa. Gelombang itu lepas sia-sia. Juga sebuah gelombang kecil yang ikut di belakang gelombang sebesar relung padi tadi.

Ketika itu tali kail yang dikepit di celah jari kakinya direnggut. Pak Mat meletakkan cepat-cepat pengayuh enam kakinya. Memegang tali tasi. Lalu menariknya perlahan-lahan. Tidak ada renggutan. Pak Mat menariknya lebih cepat. Tiba-tiba tertahan. Pak Mat melepaskan sedikit. Kemudian dengan cepat seperti mesin, dia menarik terus sehingga kelihatan kepala ikan tenggiri kira-kira lima depa dari sampan koleknya. Ikan itu tidak berdaya. Ketika ikan itu akan meronta, pencangkuk besi berceracak dan jaring benang belon sudah tiba menyokong tali kail. Pak Mat menariknya ke atas. Membuka kong tengah. Memerluskan ikan tenggiri itu ke dalamnya.

'Kira-kira tiga puluh lima kati,' hitung Pak Mat dalam hatinya.

Dan, Pak Mat tidak pantas membuang mata kailnya, kerana kebetulan sekali, gelombang lain sudah pula bersedia akan memukul haluan sampan koleknya. Dan, Pak Mat sudah besar hati atas kekuhan tali tasinya. Tidak sesial benang randang berpintal sembilan. Kalau tidak sial tali itu, sudah dua ekor didapatinya.

Gelombang itu lepas lalu. Dan, Pak Mat terus mengembangkan layarnya menuju unjang laut. Di sana banyak ikan tenggiri. Ikan yang mahal-mahal harganya. Unjang itu kira-kira dua batu lagi. Unjang berair empat puluh lima depa. Dan tentu sahaja, ikan akan berkumpul di sana. Sudah lama tidak didatangi nelayan. Sudah dua minggu.

'Sekurang-kurangnya aku mesti dapat tiga puluh ekor!' Pak Mat berjanji. Dan, azamnya itu ditanam dalam-dalam di dalam dadanya.

Pak Mat menoleh. Kecuali Bukit Yong dan tiga buah pulau dalam Terengganu, semuanya sudah lenyap. Dia dilingkungi oleh laut yang kelihatan bulat seperti payung. Tiba-tiba dia gementar. Dia melihat laut bulat itu hendak menelannya.

Tiba-tiba Pak Mat berasa tiupan angin dari timur laut. Airnya kelihatan putih memercik seperti kapas. Dia mendengar hembusan yang menghilangkan hati dalam dadanya. Hembusan yang amat mengerikan. Dan, tepat seperti sangkaannya, segumpal angin timur laut yang ganas memukul kepala sampan koleknya. Dia mencapai pengayuh panjangnya, tetapi gelombang membentur dengan hebat. Pak Mat hendak menjatuhkan layarnya yang masih terkembang, angin itu terus bertiup dengan amat kencangnya.

BERJALAN-JALAN DI SINI

Pak Mat melihat, doa isterinya sudah tidak ada. Doa anak cacatnya juga tidak ada. Pak Mat sempat menyebut nama Tuhan ketika sampan koleknya dipesongkan oleh gelombang dan angin.

Dan, laut terus bergelombang. Angin timur laut terus bertiup dengan kencangnya!

*Dewan Bahasa, April 1967*

## PAHLAWAN LEMBU



**M**AMAT pulang dengan kemenangannya sebagai pahlawan lembu!

Bangganya terpacak dalam dadanya seperti Gunung Kinabalu. Dia tidak dapat berkata apa-apa. Wajah mukanya terpancar cahaya kebanggaan yang aneh. Dia menang. Dia dianggap sebagai pahlawan lembu yang terbilang. Alangkah riangnya. Alangkah besar hatinya.

Ketika Mamat melangkah masuk kawasan rumahnya yang sederhana besar, mulutnya bergerak-gerak. Hendak mengucapkan sesuatu kepada isterinya. Minah tidak marah-marah lagi. Minah akan -

tentu – menyambutnya dengan senyum seperti pelacur kelas satu. Tentu. Minah tidak akan mengucapkan lagi: “Ha, bapak lembu sudah pulang.” Tentu tidak. Akan tetapi, Mamat tidak melihat kelibat Minah. Tidak juga melihat kelibat anak-anaknya yang nakal. Lumrahnya, kalau dia pulang, Jusuh anak laki-lakinya yang tunggal dan bongso, akan menyambutnya dengan penuh kemanjaan.

Ke mana Minah? Ke mana Melah, Selamah, dan Faisah? Pusu-pusu aneh tercegat di dalam kepala Mamat. Dia hendak mengucapkan sesuatu kepada anak-anaknya. Hendak mendesiskan kepada telinga isterinya yang separuh pekak sejak akhir-akhir ini. Dia akan mengatakan bintangnya sudah bertambah cerah sekarang. Akan tetapi, ke mana mereka semua?

Mamat melangkah terus. Menapak dengan penuh gagah. Gunung kebanggaan yang terpacak ke- mas di dalam dadanya terus tersergam dengan indah. Dia akan meruntuhkan kebanggaan itu di depan isterinya. Biarlah gunung kebanggaan itu dilihat dan dirasa oleh Minah juga. Dan, biar dirasakan juga oleh Melah. Juga oleh Selamah dan Faisah. Malangnya, fikir Mamat tiba-tiba, ketiga-tiga anak perempuannya itu sudah janda. Dan, digarinya kebanggaan yang memuncak itu, agar menurun sedikit.

Mamat masih ingat sebentar tadi. Hai, alangkah hebatnya. Dia seorang profesional dan mempunyai pengalaman yang banyak. Dia tidak mudah ditipu. Dia benar-benar tahu. Lembu Pak Isa dapat dibacanya satu-satu. Lembu itu, Langsung. Betapa pun besarnya kegagahan, dia dapat mengatakan, Langsung itu mesti kalah juga.

Dia cuba memeriksa Langsung Pak Isa waktu di- bawa masuk ke gelanggang.

"Tidak ada peraturan memeriksa lembu lawan," bantah Pak Isa dengan wajah menyinga. Membebulkan semuntal kain batik lepasnya di atas kepala. Mengemaskan ikat kainnya. Dua orang penolongnya kelihatan begitu waspada.

Orang ramai memerhati dengan dada cemas. Mamat tidak peduli. Dia cuba hendak memegang tubuh Langsung itu. Pak Isa membantah. Dan, tiba-tiba Penghulu Lamin menegah dengan berkata:

"Jangan jamah. Tengok-tengok boleh. Ini peraturan kita. Peraturan zaman-berzaman."

Pak Isa menyorot muka Mamat dengan marah. Matanya membelalak, seolah-olah berkata, 'Nah, dengarlah peraturan orang tua-tua!'

"Aku tahu," kata Mamat dengan tiba-tiba. "Langsat ini lahir dari Kijang, di atas belakangnya berjalur merah. Begitu juga di bawah pusat sampai ke batu pelirnya."

Pak Isa membelalakkan matanya.

"Apa kena-mengenanya dengan peraturan kita?" tanya Abang Lazim peranakan Sumatera itu dengan serius.

"Lembu itu selalu tertipu. Pandai menipu," jawabnya dengan memandang bulat pada juara pihak Pak Isa. "Lembu itu menikam. Tapi tak apa. Tanduknya seligi. Kalau Calet dapat merepahnya kali kedua, kita menang. Jangan bimbang."

Mamat melihat wajah Abang Lazim agak gugup. Keterangannya itu tentu sahaja tidak menyenangkan. Pertaruhan itu hidup mati.

"Kalau Calet sempat mengelak kali pertama, hai, kita mesti menang. Mesti!" Dia menjongketkan jarinya menunjjal langit.

Abang Lazim mengangguk-angguk.

Dia menepuk-nepuk punggung Calet. Dan, penutup tanduk Calet tidak dibuangnya. Lembu itu memugar-mugar. Mendengus-dengus. Juga Langsung Pak Isa. Mengais-ngais tanah. Orang ramai berpusing-pusu. Pertaruhan hebat. Ini menentukan hidup mati. Dan baginya, kalau pertaruhan Calet kali ini kalah, dia akan bersara daripada gelanggang lembu, sebagaimana dia bersara daripada medan politik. Dia agak menyesal sedikit. Sepatutnya dia membawa Aral, lembu muda belum diadu itu. Akan tetapi, Aral terlalu muda. Walaupun batang tanduknya sama dengan tubuhnya yang tegap, ia masih tidak berpengalaman. Mungkin Aral akan maut di hujung tanduk Langsung. Biarlah dia membawa Calet saja. Calet yang sudah empat kali menang.

"Boleh?" tanya Penghulu Lamin. Mengarah kepadanya.

Dia menerbangkan pandangannya kepada Pak Isa dan dua orang juara yang menepuk-nepuk belakang Langsung. Kesanggupan mereka akan menentukan kesanggupannya.

"Tanyalah *demo*, tu," jawab Mamat.

Hatinya berdebar sedikit. Tubuh Langsung memanjang dan batang tengkuknya sasa. Dua tanduk seliginya itu amat berbahaya. Namun, lembu itu akan cepat penat kalau dua kali tidak dapat menikam lawan.

"Boleh?" laung Penghulu Lamin kepada Pak Isa.

Pak Isa dengan dua juaranya tampil menerima syarat-syarat di tengah bon. Juga Abang Lazim dan Mamat.

"Ini kita kawan," kata Penghulu Lamin. "Kalah menang adat lawan. Siapa ke tengah?"

Abang Lazim menolak Mamat. Dan, Pak Isa

menunjuk dirinya sendiri. Kemudian, orang lain berundur ke tepi. Mamat dan Pak Isa mengambil nafas baik untuk membawa lembunya ke tengah bon.

Mamat berdebar sedikit. Dia teringat tiba-tiba kepada sumpah politiknya dahulu. Kalau dia kalah dalam pilihan raya, dia akan bersara daripada politik. Tiba-tiba dia kalah dalam harapan kemenangannya. Lalu dia bersara, setelah hampir dua puluh tahun masuk politik.

"Jangan ragu-ragu tentang perjuangan saya," katanya ketika dia memberi ucapan selamat tinggal kepada kawan-kawannya dalam Partai Perpaduan Malaya, dalam satu majlis yang diadakan untuknya. "Saya tetap bersama-sama saudara. Dan perjudian saya, bagi usia saya, sudah sampai setakat ini. Saudaralah pula meneruskannya. Judi saya sudah kalah. Rakyat yang tidak menghendaki saya."

Dan sekarang, dia masuk gelanggang lembu. Gelanggang lembu dengan gelanggang politik dalam praktiknya tidak banyak bezanya. Lembu itu pun sama seperti politik juga. Sama-sama diperjudikan. Kalau lembu kalah, orang pun kalah. Kalau politik kalah, orangnya pun kalah. Lembu itu pun politik. Dan, politik itu pun lembu. Demikian Mamat berfikir sebentar.

Mamat dikejutkan oleh Penghulu Lamin. Dia diperintahkan membawa lembunya.

Mamat waspada. Dia mesti melepaskan Caletnya agak kemudian sedikit. Ini mesti. Akan tetapi, ini suatu penipuan. Barangkali Pak Isa akan membantah kemudian. Akan tetapi, apa guna membantah, kalau Langsung sudah mampus? Ini Mamat mesti waspada.

Apabila Penghulu Lamin mengisyaratkan "lepas", Mamat pura-pura tidak dengar. Ketika itu Pak Isa

sudah melepaskan Langsungnya. Langsung menerkam seperti ribut. Mamat melepaskan Caletnya. Dan, dia memerhati Calet menangkap dua tanduk seligi Langsung dengan dua tanduknya yang agak kupit itu. Calet memulasnya. Dan, Mamat dengan sikap beraninya menerpa, bersorak memberi galakan. Calet memulas terus. Dan, peluang bagi Langsung menikam tidak ada langsung.

Waktu itu juga Pak Isa membantah. Orang-orangnya juga membantah.

"Tidak betul. Tidak betul. Ngapa lepas kemudian? Ini tipu! Ini tipu!" Pak Isa dengan orang-orangnya membulatkan mata kepadanya dengan persediaan senjata yang mengerikan.

Penghulu Lamin menarik tali hidung Calet. Dan Pak Isa menarik tali hidung Langsung. Pertarungan ditengahi oleh ucapan kasar orang-orang Pak Isa. Dan, orang-orang Mamat juga cukup bersedia untuk menerima apa sahaja cabaran. Mamat tahu, di dalam bon lembu begini, terutama di kawasan ini – Bangnara, Selatan Thailand – pertarungan senjata bila-bila boleh berlaku. Bila-bila boleh mencabut nyawa orang. Bila-bila sahaja. Dan, Mamat dengan tiba-tiba berasa seperti sebutir peluru pistol hinggap di atas kepalanya. Dia ngeri tiba-tiba.

Ucapan kurang ajar itu segera dihentikan, apabila Penghulu Lamin menyelesaikan kesalahan Mamat. Dan, membenarkan Mamat masuk beradu sekali lagi. Kalau diperlakukan juga seperti tadi, dia akan dikira kalah. Dan kalau kalah, dia akan menanggung rugi ribuan *baht* akibat kekalahannya itu.

Mamat tidak habis tipu daya. Betul dia kalah dalam pilihan raya. Kalah dalam politik. Akan tetapi, dia tidak mesti kalah dalam perlagaan lembu. Dia

seorang profesional dalam hal-hal ini. Dia mesti melaksanakan teori adu lembu yang dipelajarinya. Kali ini mesti melepaskannya lebih awal dari arah kanan, agak miring. Kalau nasibnya baik, Calet akan memulas dari arah kiri muka Langsung. Tidak dapat tidak, Calet akan menang. Mesti.

Ketika alamat dibunyikan, Mamat sudah melepaskan Caletnya dari arah kanan. Dan, ketika Langsung menyerbu dan menunduk ke bawah, tanduk Calet sudah menyanggah dari arasan dua matanya. Tanduk Calet tepat terletak pada aras mata Langsung. Dan, tanduk kupit yang berbahaya itu terus memulas muka Langsung. Mamat bersorak tanpa sedar. Dan, Abang Lazim juga terlompat-lompat seperti kera. Mamat menyaksikan dengan wajah kemenangan yang aneh, bahawa buih telah keluar dari mulut Langsung. Dan, Calet tidak apa-apa. Masih memulas dua cabang tanduk Langsung yang kelihatan kepayahan dari arah miring.

Melihat kekuatan yang tidak seimbang, mungkin Langsung akan sakit selama-lamanya, Pak Isa mengangkat tangan.

Mamat dan orang-orang yang bersimpati kepadanya, yang 'menahan' pertaruhan secara besar-besaran, lantas bersorak dengan penuh keriang. Ketika tali hidung Calet ditarik, Mamat tidak sedar dia telah menyapu hidung Calet yang sedang berang itu. Dia lupa bahawa tanduk Calet tajam seperti samurai. Ketika Calet cuba menggugat, tanduk binatang itu sudah disarungkan oleh Abang Lazim. Mamat sedar selepas itu. Dan, dia mendapat sanjungan yang tidak terhingga.

Dia digelar pahlawan lembu!

Hal inilah yang akan dikatakan kepada isterinya.

Minah mesti mendengar ini. Mesti mendengar kebijaksanaannya membawa lembu untuk menempa kemenangan yang gemilang. Dan, dia akan memberikan wang yang dimenangnya kepada Minah. Semuanya sekali. Semuanya!

Akan tetapi, ke mana Minah dan anak-anaknya? Mamat menjamah dan cuba merasakan wang yang penuh di dalam saku seluarnya. Barangkali kemenangan yang akan tetap menjadi sejarah dalam hidupnya. Dan, kalau dia tertembak sekarang, atau kalau kalah lagi, dia akan berpuas hati. Jusuah akan mengenang riwayat kemenangannya sebagai pahlawan lembu walaupun dia kalah dalam politik.

Tidak apa. Politik yang sudah mendarah daging biarlah merupakan daging lembu yang disembelih kerana kalah. Calet telah menang, tetapi tidak beroleh apa-apa. Calet dipuja. Calet akan diperkatakan di mana-mana. Akan tetapi, Calet tidak beroleh apa-apa. Calet kemudian akan disembelih setelah tenaganya tidak diperlukan lagi. Begitulah!

Mamat ingat pada dirinya. Dia bertungkus lumus menuntut kemerdekaan, menuntut diadakan pilihan raya, menerima pelbagai tuduhan. Cemuhan dan penghinaan. Kemudian, tanah air ini merdeka. Dia berasa amat bangga waktu itu. Kemudian, susunan pemerintahan ketika merdeka diperhitungkan dengan kelulusan-kelulusan. Dia tidak ada kelulusan apa-apa. Dia hanya lulus darjah dua Inggeris. Dia tidak dianggap intelektual, kerana dia tidak 'berekor'. Akan tetapi, jasanya dimenangkan kepada tingkat pilihan raya pertama. Dia kalah. Pilihan raya kedua. Dia kalah juga. Kemudian, seperti lembu-lembu yang diperlagakan itu juga, tenaganya semakin susut dan semakin tidak dihargai.

Mamat masih ingat. Apabila tokoh-tokoh baru muncul, dia dengan secara halus disingkirkan. Dan, sedar atas penyingkiran halus itu, Mamat pun minta bersara. Dia bersara setelah usianya lebih lima puluh tahun. Justeru keluarganya ramai yang berada di Bangnara, Thailand Selatan, dia pun pindah ke sana. Membuka tanah. Dan, anak-anaknya yang ketigatiganya berkahwin dengan orang-orang politik, kemudian berpisah seorang demi seorang. Dan, mereka semuanya mengikutnya ke Thailand. Dan sekarang, sesuai dengan pergolakan politik 'lembu' di sini, Mamat menceburkan dirinya juga. Dia menang. Dia tidak dapat ditipu oleh juara-juara yang pakar.

Alangkah bangganya. Alangkah!

Akan tetapi, ke mana Minah? Ke mana anak-anaknya?

"Minah! Minah!" Mamat melaung agak kuat. Dia tidak melihat tingkap dibuka. Dan, tidak melihat wajah Jusuh yang sudah berusia empat belas tahun itu. Jusuh di sekolahkan di Pasir Mas, sekolah Inggeris. Itulah politik, kata Mamat, diam-diam dalam hatinya. Mesti sekolah Inggeris, walaupun negeri Melayu.

Dengan tiba-tiba Mamat diserbu oleh ingatan lain. Dia teringat kepada Calet yang berjuang mati-matian. Dan, Calet tidak beroleh apa-apa. Walaupun ia menang, hidungnya masih ditanjul juga. Samalah juga seperti dia dahulunya menjadi orang politik yang berjuang mati-matian untuk merdeka. Kemerdekaan tercapai tetapi dia tidak dapat apa-apa.

"Jusuh! Jusuh!" Mamat melaung sekali lagi. Dia mesti menyatakan kemenangannya ini di depan anak bininya. Mesti. Dia mesti melonggokkan wang kemenangannya sebagai pahlawan lembu di depan anak bininya.

"Jusuh! Jusuh!"

Rumah itu tidak bernafas sedikit pun. Mereka ke mana? Mamat tahu, Minah tidak pernah ke mana-mana kalau dia ke bon lembu. Dan, Minah hanya akan menyambutnya dengan wajah seperti cuka. Akan mengatakan 'bapak lembu' sudah pulang. Akan tetapi, sekarang ke mana Minah? Dan, Minah tidak akan berkata begitu. Dia telah menang berpuluh-puluh ribu *baht*. Mamat cuba menghitung-hitung. Barangkali Minah ke rumah Mak Cu Sela. Barangkali Minah bertandang ke rumah Tuk Bali. Barangkali ke warung Pak Nik Suh. Akan tetapi, mengapa tidak suruh Jusuh sahaja kalau untuk membeli keperluan dapur? Tentu tidak. Buat apa bertandang ke rumah orang dalam tempoh semua orang ke bon lembu? Tidak takut pada pencurikah?

Segugus debaran jengkel terbangun dalam dada Mamat. Kakinya terus menapak. Matanya disorot tajam-tajam menembus kekaburan pandangannya sejak akhir-akhir ini. Nyata rumah itu tidak bernafas sedikit pun.

Ketika Mamat melangkah anak tangga bulat daripada batang tembusu, tiba-tiba telinganya mendengar keriuhan yang entah apa. Dia mula-mulanya tidak mempedulikannya. Barangkali orang bersorak kerana kemenangan Calet. Barangkali begitu. Anak-anak memang begitu. Perasaannya tidak dapat dibendung. Terluah sana sini. Akan tetapi, Mamat kemudian mendengar namanya diseru. Dia menoleh tiba-tiba. Jusuh tercungap-cungap di pintu pagar. Budak itu berlari dengan kencang.

"Ayah!" Jusuh berseru dengan kasar. "Pak Cik Lazim...." Kalimat Jusuh mati di situ sahaja.

"Ha, apa? Pak Cik Lazim apa?" Sebuah debaran

yang meletus di mulutnya. Dadanya mulai goncang. Mengapa Jusuh berlari? Dari, mana Jusuh datang? Ke mana Minah dan anak-anak jandanya? Mamat agak jengkel dan bingung.

"Pak Cik Lazim ditembak!" kata Jusuh dengan gugup.

"Lazim ditembak?" Mamat terperanjat. Kegupannya bertambah sembilan puluh persen. Mamat melompat turun. Cepat seperti seladang luka, mencapai lengan Jusuh dengan kemas. Matanya bersinar-sinar aneh.

"Mak dan kakak di tengah jalan. Ayah saja awal pulang dari bon tadi."

Ya Allah, kata Mamat dalam hati. Minah dan anak-anaknya ke tempat pertarungan. Barangkali salahnya sedikit. Dia cepat pulang setelah kemenangan Calet. Dan, Mamat tidak sempat berfikir. Minah dan anak-anaknya terjengul di muka pagar.

"Abang Lazim mati," kata Minah dengan muka cemas. Wajah itu terpancar juga pada Melah, Selamah, dan Faisah. Dan, Minah terus melangkah naik diikuti oleh anak-anaknya dengan gopoh-gapah.

Mamat terpegun. Aneh. Dia mencapai senapang patahnya. Melihat picunya. Senapang ini boleh membela Abang Lazim. Mamat mengerti. Lazim ditembak, tentu oleh Pak Isa atau orang-orang Pak Isa. Langsung menjadi korban Calet. Abang Lazim, tuan punya Calet, menjadi korban Pak Isa. Nyawa di kawasan ini murah seperti harga kapur. Keriuhan tadi kian hampir. Ketika Mamat cuba melangkah pergi, dia melihat mayat Abang Lazim diusung. Dan, Mamat melihat keberangan orang-orang Abang Lazim. Mereka akan membelanya sampai mati.

Sampai Pak Isa dan orang-orangnya mampus seperti anjing.

Mamat tidak sempat bertanya tentang Calet. Akan tetapi, dia tahu kemudiannya. Calet juga mati ditembak. Penembak-penembak Abang Lazim dan Calet sempat melepaskan diri. Mereka tentu orang-orang Pak Isa. Tentu. Mamat menerpa. Abang Lazim sudah kejang. Darah sudah banjir di atas dadanya.

Ketika Mamat menyaksikan mayat Abang Lazim diturunkan ke dalam tanah, dia tersedu sendiri dalam gelodak kejengkelannya. Perjudian Abang Lazim dengan nyawa. Dan, ketika Mamat melihat bangkai Calet ditanam tidak jauh dari pusara Abang Lazim, Mamat segera teringatkan perjuangan politiknya selama ini. Calet mati setelah memenangkan orang-orang bertaruh. Tanah air merdeka untuk memenangkan orang-orang yang berjuang. Orang-orang yang berjuang itu Lazim. Dan, mereka terus mati untuk orang-orang yang tidak bertarung apa-apa. Mereka bertaruh sahaja.

Abang Lazim dan Calet tidak jauh bezanya daripada orang-orang yang hendak merdeka. Mereka disingkirkan setelah merdeka. Yang menang hanya orang-orang yang bertaruh.

Sebab itu bagi Mamat, politik itu lembu!

*Dewan Bahasa, Mei 1969*

## RIANG BAGAIKAN BURUNG- BURUNG



**H**IDUP ini suatu kemestian. Hidup ini bukan paksaan. Kemestian yang bukan paksaan adalah kelumrahan hidup yang setulen-tulennya. Sebagai suatu kemestian, hidup ini ada gelombangnya. Ada susah senangnya. Ada surut pasangnyanya. Dalam menempuh lautan hidup yang beralun dan berombak ini, perlu kesabaran seperti pokok. Perlu semangat waja seperti kegagahan singa Afrika.

Tekad waja ini sudah terpacak dan membesi dalam jiwa Pak Min sejak lebih lima puluh tahun yang lalu. Juga terpacak dan terhunjam kejam dalam dada Mak Su Bibah, bininya yang mem-

punyai kesetiaan anjing.

Dia sudah mengapung dalam gelombang hidup yang tidak berair ini. Sudah terhunjam dalam bumi kepapaan dan duka nestapa yang tidak terperikan.

Akan tetapi, hati Pak Min tetap teguh. Ini surat-an azali. Dan, tanpa ucapan dia menelannya dengan rongkong yang seperti akan pecah.

Kadang-kadang berbaris juga kehampaan dalam dadanya, untuk apa hidup ini kalau selalunya dilingkari jerat-jerat keperitan dan duka nestapa? Untuk apa dilahirkan ke dunia ini kalau untuk dipertontonkan sebagai watak-watak yang jahat dan papa kedana?

Akan tetapi, Pak Min cepat-cepat berdiri tegak dalam hatinya: Hidup ini suatu kelumrahan. Suatu kebiasaan. Suatu denyut daripada suatu gelombang yang maha besar. Dan baginya, dia dijadikan bukan untuk dipertontonkan. Tetapi barang tontonan yang termesti.

Suratan Tuhan begitu. Ya, begitulah!

Sudah empat hari Pak Min tenggelam dalam selimut lumpur yang hitam hanyir itu. Dia tidak tahu berapa puluh kaki sudah dalamnya tanah lumpur yang digalinya. Dan, bininya yang membonceh, merembes seperti perut kerbau kasi itu menunggunya dengan patuh. Mendiangkan muka dan badan di tengah-tengah panas yang membahang sejak hampir tiga bulan yang lalu. Dia semestinya rehat di rumah. Bininya yang sudah empat puluh tahun itu masih sahaja sanggup meneran anak. Dan, setiap anak yang diteran dari perutnya tidak pernah lama tinggal di dalam dunia bapanya. Yang paling lama lapan belas tahun. Kemudian, dibujurkan ke dalam tanah. Di kambus. Dan, akhir sekali dilupakan. Dia bukan

tidak berbenih. Sudah sebelas orang diramkan di dalam perut Bibah. Dan, Bibah meneran keluar kesemua sebelas orang itu. Akan tetapi, mati semuanya. Semuanya menjadi tanah.

Tiba-tiba sekarang, perut Bibah membonceh lagi. Sudah genap bulannya. Bibah harus berehat-rehat di rumah. Dan, dia sendiri akan memanjakan Bibah seperti mula-mula dia kahwin hampir tiga puluh tahun yang lalu. Bibah mengandung lagi. Bibah akan menerankan anak yang kedua belas. Dan Pak Min mendoakan siang malam kepada Tuhan, biarlah hidup anaknya yang seorang ini. Barangkali ini anak penghabisan yang sanggup diterankan oleh Bibah dalam usianya yang sudah menjelang lebih sedikit empat puluh tahun.

Dia mendongak ke atas. Wajah Bibah mengecil dan perutnya membuyut. Di langit tidak ada segaris awan putih pun. Biru dan sebam menguning yang mengerikan mencekik daerah kehidupan ini sejak hampir tiga bulan yang lalu. Pokok-pokok tidak berpucuk. Rumput-rumput menjadi bahan api semuanya. Merah kekuning-kuningan yang menakjubkan. Lembu-lembu dan kerbau-kerbau terhincut-hincut malas di dalam kubang-kubang yang garing putih. Pak Min tahu semuanya ini. Semuanya sekali.

Dia berasa kemestian hidup ini terlalu mencekik. Dan, cekikannya bertalu-talu.

Ketika banjir besar mengamuk, mengganas seperti tentera Amerika Syarikat di seluruh dunia, Pak Min kehilangan semua berasnya. Juga dua ekor lembunya. Dia masih ingat Bibah menangis tersedusedu di atas runtuhan rumahnya.

"Ini takdir Tuhan," kata Pak Min dengan kesabaran pokok-pokok. Merenung wajah Bibah yang

mengilat disorot cahaya matahari tiga penggalah. "Ini cubaan Tuhan. Kita bukan berkuasa. Bersabarlah. Semua orang seperti kita."

Pak Min tidak melihat wajah Bibah yang tenang dalam beberapa hari itu, sehingga rumahnya yang baharu dibangunkan dengan bantuan orang-orang kampung. Dan, Bibah bekerja keras untuk mendapatkan makanan. Pak Min melihat wajah Bibah penuh dengan restu daripada para malaikat.

Pak Min tahu, tahu sungguh-sungguh, tahu betul-betul, sejak landaan banjir itu kehidupannya menjadi murat-marit. Dia tidak berlembu lagi. Tanah pusaka yang tidak sampai seekar itu terpaksa dicangkul untuk ditanam padi. Tenaganya yang sudah surut dan semakin hari tenaga itu bertambah juga surutnya, terpaksa digunakan berganda-ganda. Bibah yang selamanya tidak ikut melumatkan tanah padi, ikut memberikan tenaganya. Bibah turut mencangkul. Bukan tidak ada kerbau di kampung Lubok Batu ini. Penghulu Seman masih sanggup menyewakan kerbaunya untuk petani-petani kampung ini. Tetapi Pak Min tahu. Bibah pernah bersungutkan hal untuk menyewa kerbau Penghulu Seman.

"Padi kita terlalu sedikit, Bibah," kata Pak Min dengan nada kendur dan hampir-hampir tidak terdengar oleh telinga Bibah. "Sewanya terlalu mahal. Kita tidak mempunyai wang. Kalau kita terpaksa menyewa kerbau penghulu juga, lebih sesuku daripada padi kita akan masuk baluh penghulu. Kau suka gitu?"

Pak Min tidak mendengar jawapan Bibah walau sedesus saja. Barangkali Bibah sudah mengerti. Bibah sudah maklum. Kerbau Penghulu Seman

adalah jerat halus yang memerangkap semua penyewa kerbaunya untuk bertekuk lutut di depan penghulu yang 'baik hati' itu apabila menjelang musim padi dituai. Pak Min tahu itu. Tahu betul-betul. Tahu sungguh-sungguh. Sewa kerbau itu akan membesar saban bulan selagi tidak dibayar.

"Aku bukan tidak mahu. Kau pun tahu, tenagaku tidak cukup untuk mencangkul tanah-tanah yang keras itu. Tapi kalau kau nak melihat dan nak merasakan lilitan jerat Penghulu Seman tu, bolehlah!" Pak Min menguji Bibah. Dia berasa adanya lega seperti ruang angkasa.

Dan sejak itu, Pak Min tidak pernah mendengar sungutan Bibah hendak menyewa kerbau-kerbau Penghulu Seman. Dan, dengan keinsafan yang besar seperti gunung, Bibah ikut mencangkul.

Pak Min dapat merasakan bahawa kemestian hidup yang tidak dipaksa itu terus menjalar ke dalam diri mereka walaupun padi amat merosot tahun itu. Nafasnya terus berhembus kencang dalam jantungnya.

Menjelang tahun kemudiannya, perut Bibah berisi bayi lagi. Sejak kematian anaknya yang kesebelas tiga tahun yang lalu, perut Bibah mengendur saja. Kempis dan seperti tidak berongga. Dan, selera Pak Min sendiri sudah hambar. Akan tetapi, tiba-tiba Bibah mengatakan kepadanya: Dia mengandung lagi!

"Kaupulanglah!" laung Pak Min dari dalam tanah yang dikorek tiga hari yang lalu. Periginya yang dahulu tidak berair sedikit pun. Dan, kedudukannya yang terpencil, agak jauh dari himpunan kekeluargaan rumah-rumah di Kampung Lubuk Batu ini, menjadikan Pak Min sukar untuk menum-

pang perigi di bawah lembah sagu. Perigi itu terlalu jauh. Dia mesti meredah dua buah padang yang boleh menghanguskan otak di dalam kepalanya. "Bibah, kaupulanglah!"

Pak Min melihat muka Bibah yang mengerut. Menjongolkan kepalanya sedikit.

"Apa?" tanya Bibah. Tangannya bergantung pada kayu yang dipancang suaminya untuk ikat tali waktu mahu turun dan naik.

"Pulanglah! Baliklah! Baliklah dulu!" laung Pak Min sekali lagi.

"Siapa nak angkat tanah yang kaukorek?" tanya Bibah tiba-tiba dengan suara yang agak menekan.

Pak Min menyepi. Pertanyaan Bibah ada benarnya. Kalau Bibah tidak ada, tanah-tanah yang dikorek tidak akan dapat dikeluarkan. Dia mendongak ke atas. Wajah Bibah masih terpancang. Dan, wajah itu semakin manis dilihat oleh Pak Min. Dia tidak berkata apa-apa. Bibah juga tidak berkata apa-apa.

Sebentar Pak Min mendengar Bibah bercakap-cakap. Ketika dia melangut, matanya masih dapat mengenal siapa orang itu. Wajah gagah Penghulu Seman.

"Belum berair, Pak Min?" tanya Penghulu Seman. Menjongolkan kepalanya ke tengah sedikit. Tangannya memegang kayu yang terpacak kejam.

"Belum, penghulu!" jawab Pak Min dengan terengah-engah.

"Kalau gali telaga musim ini sampai jumpa tanduk lembu pun tak akan ada air." Suara Penghulu Seman itu terdengar kepada Pak Min.

Segugus debaran terjatuh ke dalam dada Pak Min. Dan kebimbangan, kesangsian mula memanjat kepalanya. Sudah tiga hari dia berpenat-penat meng-

gali telaga ini untuk faedah kesenangan. Dia tidak sanggup memungghah air untuk keperluan anaknya yang akan keluar tidak lama lagi. Biarlah telaga itu terhimpit ke dalam rumahnya. Di dalam kawasan rumahnya. Tapi ucapan penghulu itu ada kebenarannya. Pak Min mengagak-agak. Barangkali sudah dua puluh kaki dalamnya. Barangkali lebih daripada itu. Tanah yang dikoreknya telah bertukar kepada tanah hitam yang hanyir dan busuk. Dan tanah itu lebih lembut dan mudah dikoreknya dengan penggali.

"Tak upah orang?" Tiba-tiba suara penghulu terhunjam ke dalam telinga Pak Min.

Pak Min mendongak.

"Tak upah?" tanya Penghulu Seman lagi.

"Tidak!" sepatah Pak Min menjawab.

"Penat sangat badan, Pak Min. Kalau boleh gilir-gilir kerja tu ada lain sikit." Penghulu Seman mengucapkannya dengan nada yang menghancurkan hati Pak Min yang gagah.

Pak Min tergigit sendiri giginya. Dia memamah kuat-kuat giginya sendiri. Dia tidak dapat meneruskan kerjanya lagi. Dia berasa penat tiba-tiba. Dia menghitung-hitung. Tempohnya sudah cukup dia berehat hari ini. Pak Min terus memanjat naik ikut tali yang terikat pada pancang, disaksikan oleh Penghulu Seman dan Bibah.

"Hamba rasa dapat dikerjakan sendiri," kata Pak Min kemudian, setelah Penghulu Seman bertanyakan mengapa dia tidak mengupah orang saja. "Wanglah yang utama, penghulu."

"Itu tidak susah sangat, Pak Min," tiba-tiba dengan cepat Penghulu Seman menyampuk. Menyambung. "Kalau kena kiranya bukanlah hamba tidak

dapat berikan. Dan, tentu sekali Pak Min nak juga seringgit dua untuk belanja Mak Su Bibah beranak nanti."

Sebaris harapan berdiri di dalam dada Pak Min. Kebenaran kata-kata penghulu itu memanjat kepalanya. Dia perlu juga seringgit dua untuk belanja ketika Bibah melahirkan anak. Tentu sekali. Dan, dia mesti juga terpaksa meminjam kepada Penghulu Seman yang amat ditakutinya itu. Dia gerun menghadapi Penghulu Seman dalam soal-soal begitu. Dia tidak mahu kehilangan tanah sawahnya hanya kerana dua tiga puluh ringgit hutang yang tidak dapat dilunaskan dalam tempoh sekian-sekian. Inilah yang dijaganya sejak bertahun-tahun yang lalu.

"Sudah ditempah bidannya?"

Pak Min agak terperanjat sedikit. Bibah sudah berjalan agak memboyot menuju ke rumahnya. Pak Min melihat langkah bininya yang lambat-lambat di dalam petak-petak terung dan timunnya yang separuh terbakar. Ya, benar. Keadaan perut bininya yang sudah melondeh itu perlu ditempahkan bidan. Dan, kalau mungkin mesti bidan itu disuruh berada selalu di rumahnya. Dan, tempahan itulah yang selalu difikirkan oleh Pak Min. Bidan tidak akan datang dengan sukarela. Ada pengerasnya. Ada upahnya. Ada petua-petua gurunya yang mesti dibuat oleh tuan rumah. Semuanya itu memerlukan wang. Dalam tahun-tahun sebelum banjir, Pak Min tidak pernah memikirkan hal-hal ini. Dia dapat menjualkan padinya. Dapat menjualkan terungnya. Semua tanahnya mengeluarkan wang. Dan dengan gampang dia dapat menempahkan bidan untuk keamanan bininya meneran anak.

"Belum lagi, penghulu," Pak Min menjawab

dengan kendur seperti tayar bocor.

"Bukankah Mak Su Bibah tu sudah cukup bulannya?" Mata Penghulu Seman memanjat ke atas badan Bibah yang sedang mengiring di antara dua apitan buluh pagar terungnya. "Ini tidak boleh ditangguh-tangguhkan."

Pak Min membenarkan ucapan Penghulu Seman itu berlalu sendiri. Dia tahu ucapan itu mengandungi kebenaran yang hakiki. Akan tetapi, dia tidak akan bersuara sampai lidahnya keluar sendiri. Dia tidak akan mengatakan kerusuhan hatinya tidak mempunyai wang itu. Tidak akan menyerahkan tanahnya yang sekeping itu kepada Penghulu Seman ini, walaupun dia tidak dapat makan sebulan. Bukan. Walau setahun pun.

"Tak apalah, Pak Min. Kalau ada susah gaduh malam dinihari, datanglah ke rumah. Kita sama-sama sekampung. Mesti ada tolong-menolong. Kalau hendak apa-apa, boleh berjumpa hamba."

Pak Min tidak melihat kepergian, Penghulu Seman, sehingga penghulu itu kelihatan sebesar lengan bergerak-gerak seperti burung kedidi di tengah permatang sawah. Dan, tubuh yang agak kecil dan tinggi itu semakin menghilang arah ke hujung sawah matahari jatuh, dalam tiupan angin petang yang semakin menjarum, dalam luyupan pokok-pokok padi yang merah kekuning-kuningan oleh panahan matahari sejak tiga bulan yang lalu. Walaupun padi itu kebanyakannya sudah dituai dengan hasil yang terlalu mengerikan, akan tetapi banyak yang dibiarkan hidup begitu kerana isinya tidak berbiji. Dan, pohon-pohon itu luyup dilentok oleh angin yang kasar.

Pak Min mengibarkan matanya ke langit jauh.

Bukit kelihatan biru samar-samar dalam cahaya kekuningan yang amat menakutkan. Pokok kelapa kelihatan mengecil sahaja daunnya. Lurus-lurus seperti tidak berdaging. Juga beberapa batang pokok durian yang sedang berbunga kelihatan tidak bermaya untuk hidup dalam beberapa bulan ini. Alangkah hebatnya musim kemarau kali ini. Alangkah!

Ketika Pak Min pulang daripada mengandar dua tin air dari telaga di lembah sagu, melalui dua padang yang boleh menhanguskan otak di dalam kepalanya, dia berasa keadaan amat menakutkan. Pokok-pokok kelapa kelihatan mengecil. Akan tetapi, sejak pulang tadi, Bibah begitu tidak berdaya. Barangkali isi di dalam perutnya sudah melonjak hendak keluar. Dan, Pak Min dipagut kesangsian yang amat berat. Kalau benarlah Bibah akan mengeluarkan anak, adakah tanpa bidan? Pak Min berasa aneh. Lazimnya, Bibah akan bersegera supaya mencari bidan. Dan, akan memelihara bidan itu berhari-hari. Akan tetapi, ketika mengandungkan anak yang seorang ini, Bibah tidak pernah bersungut. Menyebut nama bidan pun tidak. Alangkah anehnya. Atau Bibah sedar bahawa mereka tidak mampu untuk membayar upah dan pengeras untuk bidan?

Fikiran itu bergerak-gerak di dalam kepala Pak Min. Dan, dia merasakan kewajibannya mesti memberikan bidan kepada bininya yang mungkin akan melahirkan anak yang akan mempusakai tanahnya yang sekeping itu. Mesti. Dia mesti mencari bidan sekarang. Mesti. Dan, dengan kegagahan singa yang lapar dan luka, Pak Min dengan cepat melangkah kakinya sehingga hampir-hampir dua tin airnya

tumpah apabila tersepak kepala batas. Air itu sudah hilang separuh daripada tinnya yang di depan. Pak Min memaki sedikit.

Ketika Pak Min meletakkan tin airnya di atas jemuran, matanya tidak melihat wajah Bibah. Dia mendehem dua kali. Akan tetapi, dia tidak melihat juga wajah Bibah. Sebaris debaran terbangun di dalam dadanya. Ke mana Bibah? Pak Min mendehem sekali lagi. Lebih keras daripada dehemnya tadi. Akan tetapi, wajah Bibah tidak muncul juga.

Pak Min melompat naik ke atas bendul. Dan, dengan cepat dia memerluskan dirinya ke celah pintu. Menyorotkan matanya ke dalam.

"Bibah!" serunya dengan amat terperanjat.

Pak Min menerkam ke arah Bibah. Bininya sedang bergelung di atas tikar mengkuang yang terhampar di atas ranjang yang diperbuat daripada kayu tembusu itu.

"Kau sakit, Bibah?" tanya Pak Min seperti akan pecah dadanya.

Bibah tidak menjawab. Akan tetapi, melihat wajah lakinya dengan mata berkaca-kaca. Tangannya memegang perutnya yang memboyot. Pak Min mengerti sekarang. Bibah sedang sakit hendak melahirkan anak.

"Aku berkira-kira hendak mencari bidannya tadi," kata Pak Min tanpa perasaan.

Bibah merenungnya dengan mata kuyu. Pak Min mengerti. Bibah berkehendakkan bidan. Bibah memerlukan bidan seberapa ramai. Dan, Bibah memerlukan sebanyak-banyak bidan, kerana setiap kali dia akan melahirkan anak, dia akan menempuh banyak kesukaran. Alangkah kejamnya suami. Alangkah. Dada Pak Min berdetak-detak oleh debaran

yang amat kencang. Dia mesti mencarikan bidan sekarang untuk Bibah. Mesti! Akan tetapi, mestikah pula dia membiarkan Bibah keseorangan dalam tempoh yang genting sekarang? Mestikah dada Pak Min digomol oleh gerombolan resah dan serba salah.

"Aku cari bidan sekarang!" kata Pak Min.

Mata Bibah berkaca-kaca memancar tenang ke arah suaminya.

"Aku seorang diri," kata Bibah sepatah.

Benar katamu. Benar. Kata Pak Min dalam hati. Bibah tidak mesti dibiarkan bersendirian. Tidak boleh. Akan tetapi, mestikah dia menanggung penderitaannya tanpa bidan, tanpa rawatan?

"Aku mesti cari bidan untukmu. Mesti!" Pak Min menegaskan dengan rasa belas kasihan bertimpamtimpa dalam dadanya. Dia memandang sekali ke dalam mata Bibah. Bibah sedang merenungnya. Dan, cahaya mata Bibah memperlihatkan tanda harapan untuk membantunya. "Aku mesti cari bidan sekarang."

Waktu Pak Min cuba hendak melangkah, dia melihat Bibah amat gelisah. Dia memberi pertolongan seada-adanya. Dan dia kesal tidak mengikut kata Penghulu Seman untuk bersedia bagi kelahiran bayi itu. Apalah pentingnya sekeping tanah dengan nyawa Bibah? Kalau ditakdirkan tanah itu hilang kerana Bibah hendak melahirkan anak, itu merupakan bakti yang seluhur-luhurnya. Mengapa dia tidak segera menerima tawaran penghulu? Mengapa tidak sanggup berusaha sedikit demi keselamatan Bibah?

Tiba-tiba dia melihat keadaan Bibah agak tenang. Dia menjamah perut Bibah perlahan-lahan. Mengusap-usapnya dengan penuh kasih sayang.

"Sekarang aku pergi mencari bidan," kata Pak Min.

Bibah mengangguk.

Ketika Pak Min pulang menjelang isyak bersama-sama Mak Da Siti, bidan tunggal di kampung itu, juga ikut serta Limah janda muda anak Mak Da Siti, dia mendapati Bibah tidur nyenyak sekali. Dan, di dalam tangan Pak Min terenggam wang lima puluh ringgit. Dia bersedia untuk mengorbankan apa sahaja demi keselamatan Bibah dan anaknya yang akan dilahirkan itu. Biar semua dunia ini tergadai, tidak apa. Dia mahu: Bibah selamat. Anaknya selamat. Biarlah anak yang kedua belas yang dikandung dengan susah payah ini hidup, besar, dan bertenaga seperti ayahnya. 'Wahai Tuhan!' doa Pak Min dalam hatinya.

Mak Da Siti dan Limah mengasuh Bibah. Bibah sudah dapat bercakap-cakap dengan dua orang jururawatnya. Dan, dengan kesedaran yang benar, Pak Min menyangkutkan dua tinnya untuk memungkah air dari perigi lembah sagu. Alangkah penatnya. Akan tetapi, Pak Min tidak peduli. Dia mesti jadi singa dalam menghadapi dunia yang penuh kemestian ini. Dan, Pak Min merasakan usianya yang lebih lima puluh tahun itu seperti baru berusia dua puluh lima tahun, yang sedang menghadapi anak yang pertama. Pak Min dengan gagah membawa tinnya. Dia akan memungkah air hingga sampai dinihari. Dia tidak akan tidur semalam-malaman ini. Dia akan turut merayakan hari lahir anaknya. Turut merayakan kesihatan Bibah.

Pak Min terus mengandar air. Air itu akan diperguna untuk kepentingan Bibah dan bayinya. Periginya sendiri sudah kering dan tanah di dalamnya

merekah. Perigi yang baru digalinya mungkin tidak akan siap dalam sehari dua ini. Kalau Bibah tidak pulih, dia terpaksa berjalan hampir setengah batu untuk air minumannya. Alangkah hebatnya musim kemarau. Dia mendengar ada kampung-kampung yang dibahagi-bahagikan air oleh kerajaan. Akan tetapi, Kampung Lubuk Batu ini tidak, Pak Min tahu. Tidak ada jalan untuk kereta kerajaan datang membawa air. Kampung ini jauh dari jalan besar.

Waktu Pak Min menenggekkkan punggungnya di atas tangga kayu bulat, dia mendengar seruan Mak Da Siti. Dia terus melompat naik. Memerluskan dirinya ke dalam kamar. Pak Min melihat wajah Mak Da Siti dan Limah dalam cahaya pelita minyak tanah itu berseri-seri. Wajah gembira dan jaya.

"Pak Min mendapat anak laki-laki," kata Mak Da Siti dengan suara agak nyata.

Pak Min tidak tahu apa yang mesti diucapkannya. Dia menangis sendirian. Akan tetapi, cepat-cepat dia pura-pura menggenyehkan matanya dengan hujung bajunya yang sudah berbintik-bintik hitam. Pak Min ingin mendengar keselamatan Bibah. Dia melihat keresahan Mak Da Siti dan Limah. Kemudian, dengan telinganya yang menghiris, dia mendengar Bibah merintih. Dia mendengar suara Bibah mengucap. Dia mendengar suara Mak Da Siti menyabarkan Bibah. Pak Min mengagak-agak, tentu ada sesuatu yang berlaku dan sukar diselesaikan bagi tiap-tiap orang yang bersalin. Tiba-tiba dia mendengar Mak Da Siti menyeru namanya dan menyuruh dia masuk.

Pak Min menjadi kaku sebentar. Saat bahaya itu sedang bertenggek pada kehidupan Bibah. Dan, dengan hati tabah, Pak Min dapat berfikir dengan cepat. Bibah mesti diangkut ke kota. Biar berapa

sahaja belanjanya. Benda yang masih melekat di dalam rahim Bibah mesti dikeluarkan. Mesti.

Dan, malam itu juga, Pak Min dengan belanja yang mahal membawa bininya ke kota. Dan, malam yang terang oleh sinar bulan yang kelihatan pucat pada pandangan Pak Min, telah dapat melihat persambungan nyawa Bibah. Dia melihat Bibah disambung nyawanya di hospital, apabila sesuatu yang tergalang di dalam perut Bibah dapat dikeluarkan.

Musim yang membahang itu tidak enak bagi Pak Min. Anak yang baru dilahirkan itu sentiasa demam. Dan sudah berapa banyak air matanya mengalir mendoakan supaya anaknya yang seorang ini akan dihidupkan Tuhan. Pak Min berdoa sungguh-sungguh. Dia mendoakan keselamatan anaknya dan keselamatan Bibah. Dia sudah melepaskan tentang tenaganya sendiri. Dia tidak peduli betapa panasnya. Dan, kulitnya yang sudah seperti belulang itu dipanah matahari setiap hari untuk memungkah air. Biar apa saja yang dikehendaki Bibah. Dan, dia melihat Bibah sudah agak sihat, walaupun masih tidur.

"Budak ni demam agak keras," kata Bibah setelah menjamah kepala bayi yang sentiasa saja menanggis. Bayi itu mengalirkan najis hitam yang hanyir.

Pak Min menjamah kepala anaknya. Beberapa kalimat suci dilafazkan dengan lancar. Dia tegak di samping Tuhan. Dan, dia benar-benar mengharapkan biarlah bayi ini hidup terus.

"Bukalah sikat dinding tu. Terlalu panas," kata Bibah kemudian.

Musim panas terlalu lanjut. Dan Pak Min membelah dinding pelupuh itu dengan parangnya. Di buatnya berjejala. Angin panas dapat masuk melalui lubang itu. Ketika Pak Min menyudahkan jejala itu,

Bibah menyerunya. Cepat seperti singa, Pak Min masuk ke dalam kamarnya.

Bibah menangis teresak-esak. Tangannya memangku kepala bayi. Dan, kemudiannya Pak Min menangis tersedu-sedu. Doanya tidak makbul. Bayi itu meninggal. Di udara kelihatan awan hitam menggelap seperti akan menurunkan sesuatu. Angin bertiup agak kencang.

Ketika mayat bayinya dibawa ke pusara oleh seorang jiran, Pak Min mendekati isterinya dan berkata, "Tuhan Maha Adil, Maha Bijaksana, Bibah."

Bibah tercengang-cengang mendengar perkataan suaminya.

"Tuhan Maha Mengetahui," kata Pak Min lagi. "Dia mematikan anak kita kena pada tempatnya."

Bibah merenung dengan hairan ke wajah suaminya yang kelihatan tenang saja. Kebingungan terlukis pada wajah Bibah.

Pak Min terus berkata, "Kerana, kalau dia hidup, apalah yang akan dipusakai daripada kita." Berhenti lagi. Menenggelamkan matanya ke dalam mata Bibah. Lama sekali. "Tanah sawah telah kugadaikan kepada Penghulu Seman untuk belanja penyakitmu!"

Bibah tersentak seketika. Kehairanan yang terpacak di dalam dada mulai reput dan ranap. Dan, Pak Min berjalan turun dengan tenang, hatinya penuh dengan nyanyian burung-burung.

Awan hitam sudah berserak. Desauan dan rintihan terdengar dengan hebat di luar.

Hujan mulai turun!

## KEHIDUPAN SAYA



**S**ETIAP pagi aku menghadapi wajah murid-murid darjah enam, setiap pagi itulah aku diterpa perasaan malas, bosan dan hampa. Perasaan kecewa yang lanjut dan menyayukan begitu menekan nafas. Wajah-wajah kecil, muram, kusut, nakal, degil yang menakjubkan tetapi bersemangat; melongo dengan pandangan yang bersinar-sinar merenungku. Setiap kali darjah itu mengucapkan selamat pagi, kurasa seperti suatu rintihan daripada suatu kelompok suara yang berbaur dari sudut-sudut kemiskinan dan kepapaan. Amat memberat dalam dadaku. Wajah-wajah yang kusam dalam sinar pagi yang berdebu

halus oleh desauan angin tajam dari suatu kawasan yang berpasir seperti gurun, dapat kurasakan tangantangan kehampaan mencengkam mereka.

Darjah inilah yang menyambung nafas kami sekeluarga. Pada wajah-wajah yang seruh dan dihinggapi keraguan inilah; rezekiku, rezeki isteri dan anak-anakku aku gantungkan. Darjah inilah yang menentukan bahawa aku ini seorang guru. Murid-murid yang bersemangat dalam keadaan yang sayu dan sedih yang amat memilukan ini, menentukan bahawa aku seorang guru yang dikatakan orang "pembentuk" bangsa. Taraf darjah inilah kelulusanku dipadankan!

Kesayuan yang aneh selalu berbaris dalam dadaku setiap kali aku melihat wajah mereka. Seramai 29 orang semuanya, 12 laki-laki dan 17 perempuan. Kecuali tidak ada perut-perut yang buncit, wajah mereka sama saja. Garing, hitam, berkelip malas dan merenung dengan pandangan yang bermanik-manik. Menakjubkan. Menyayukan. Menghampakan.

Keyakinan selalu bertapak dalam dadaku. Kesungguhan mereka menghadiri darjah, sangat menggalakkan. Kecuali beberapa orang, semua kedatangan dalam sebulan dua ini sangat baik. Mereka ingin belajar bersungguh-sungguh. Barangkali ingin mengubah kehidupan untuk masa-masa yang mendatang. Atau tidak apa-apa? Mungkin. Mereka belum mengerti untuk memikirkan masa hadapan mereka. Belum tahu. Belum sampai secerdik itu. Belum.

Mereka menghadapi kejengkelanku setiap pagi. Mereka mendengar kata-kata pedasku dengan wajah tenang. Aku marahi mereka kerana membuat bising di dalam darjah. Lalu, mereka dengan patuh yang menakjubkan melihat mukaku tidak berkelip-kelip,

seolah-olah mereka sedang mendengar suatu cerita yang sedang diceritakan oleh seorang nenek yang peramah, beruban putih dan tidak bergigi. Dan, ini sangat membosankan aku. Mereka tidak membantah. Tidak melawan. Akan tetapi, kedegilan dan kebodohan mereka menolak simpatiku. Setiap kali aku berdepan dengan murid darjah enam seramai 29 orang itu, suatu kejengkelan yang aneh, kebencian dan kebosanan yang menakjubkan, selalu menghiris-hiris jantungku. Aku seolah-olah ditarik oleh perasaan yang hampa dan tidak berketentuan. Keadaan yang aneh itu selalu menekan tanggungjawab yang sebenarnya ke atas darjah ini.

Akan tetapi, perhitungan rezeki yang disengayutkan kepada darjah ini dapat kutekan segala perasaan yang aneh itu. Mereka kuajar seada-adanya dengan perasaan tawar, malas, bosan yang menjemukan sekali. Kukutuk guru besar yang selalu memberi perintah. Walaupun perintah itu sebenarnya suatu yang membolehkan muridku menjadi pandai. Akan pandaikah mereka dengan keadaan badannya yang berpanau, garing, pucat dan kusut ini? Kukutuk lagi guru besar yang sebenarnya dia juga kawanku yang baik hati.

Pagi itu, selepas pelajaran Pendidikan Jasmani, perasaan malas, bosan dan gelisah mula menjamah tenagaku. Dan, kebosanan itu kutekankan dengan mata pelajaran Karangan.

"Ceritakan hal diri kamu. Hal kehidupan kamu sendiri. Ertinya kehidupan ibu bapa kamu," kataku dan segera saja aku duduk di atas kerusi rotan yang sudah 75 peratus menghadapi kerobohannya. Setiap kali kuhenyakkan punggungku di kerusi yang sangat tua itu, setiap kali itulah punggungku dite-

kan oleh ketajaman rotan yang sudah tanggal, yang sekali imbas seperti gigi orang separuh umur yang ketawa menganga.

"Tuliskan saja tajuknya 'Kehidupan Saya'," kataku lagi dengan perasaan yang sangat memuakkan.

Suatu pacakan perasaan senang yang menakjubkan terhampar lebar dalam dadaku. Aku bersenang-senang sambil melihat murid-muridku mengarang. Dan, dengan tiba-tiba aku diterkam perasaan bosan lagi. Karangan-karangan itu mesti kuperiksa. Mesti kutatap walaupun dengan malas. Buku-buku mereka mesti kutandai. Mesti kubaiki segala tanda dan ejaannya. Perenggan juga mesti dibetulkan. Ah, lagi satu beban yang sangat aku takuti. Akan tetapi, "rezeki" kami bergantung pada darjah yang menjemukan ini.

Tempoh yang sangat singkat, satu *period* 40 minit telah menentukan bahawa kebosanan dan kejemuanku mesti dikorbankan. Buku-buku karangan itu sudah menimbuni dataran mejaku yang sudah sopak-sopak dan bobos. Sedang murid-muridku melakukan kerja lain seperti melukis peta, aku dengan perasaan tawar membuka buku-buku karangan yang memuakkan itu.

*Saya sangat suka belajar. Hari-hari saya datang belajar. Guru saya sangat rajin. Dia tidak merokok. Ayah saya suka merokok. Kehidupan saya susah. Ayah saya kerja naik kelapa. Ibu saya sangat rajin menetak atap. Dia jual atap dan banyak dapat duit. Duit itu untuk belanja saya pergi sekolah. Adik-adik saya sangat kecil. Adik saya selalu demam. Saya pun demam juga. Kadang-kadang ayah saya tidak naik kelapa apabila musim angin. Kalau tidak musim angin pun ada juga tidak kerja. Orang tidak upah.*

*Saya susah hati. Adik saya menangis. Saya suka belajar.*

Tulisannya buruk benar. Aku berdebar sedikit. Suatu perasaan yang tidak dapat aku gambarkan telah terjelma daripada tulisan muridku ini. Kulihat nama di kulitnya: Salim bin Jusuh. Kulihat budak itu. Kutimbangkan dengan karangannya. Dia seorang budak yang rajin, tetapi sangat lemah. Akan tetapi, mengapa dia mengatakan gurunya 'sangat rajin'? Sebaris kehormatanku berdiri disebabkan karangan murid ini. Kubaca sebuah lagi:

*Saya tinggal di Kampung Tanjung Baru. Ayah saya sangat suka kerja menangkap ikan. Dia tangkap ikan banyak. Ada macam-macam ikan. Ibu saya tidak kerja. Dia hanya menyang ikan-ikan yang ayah saya tangkap. Saya suka makan ikan. Ayah saya pergi kerja pukul 4.00 subuh dan pulang selepas asar. Ayah dapat banyak duit. Saya tengok di dalam beg ayah banyak duit sampai dua ringgit. Emak ambil duit itu buat beli beras. Saya makan nasi dengan suka hati. Saya tidak ada adik-beradik. Hidup saya sangat senang.*

Ya Allah! Hai burung-burung yang periang ini sudah berasa mewah. Sudah menilaikan bahawa hidupnya penuh kesenangan. Dan, ketika kurenung wajahnya (namanya Mat bin Mat Ali, ejaan daripada penulis surat beranakanya dahulu); Mat berbaju putih bertampung hitam oleh kebersihan yang tidak dikawal. Aku tidak dapat lagi melihat hatiku. Kebosananku beberapa minit tadi telah dipenuhi oleh suatu pendedahan yang tidak kuduga sebelumnya.

*Ayah saya sudah tua. Ibu saya tua juga. Abang saya kerja jadi askar dan mati dibedil komunis. Ayah saya kerja gatih teksi. Pagi-pagi dia bangun, selepas*

*makan nasi, lalu pergi kerja. Ayah saya pulang kadang-kadang malam. Dia bawa beras bersama-samanya. Emak saya tidak menanak, asyik menganyam tikar. Kakak saya rajin menanak. Apabila ayah balik, saya, kakak dan emak makan nasi bersama-sama. Saya membaca buku dan lalu tidur.*

Kesayuan yang jauh bergema dalam dadaku. Tulisan Salmah binti Husain merenggut separuh daripada perasaan jemu untuk menghadapi wajah-wajah kawannya yang lain. Aku menjadi agak gelojoh untuk melihat kebanyakan isi daripada tulisan murid-muridku yang selama ini aku jauhkan daripada perasaan baiku.

Kulihat namanya dulu. Buku Saidah binti Md. Nur. Tulisannya cantik. Ada tiga perenggan pendek-pendek. Dan, memang selalu aku ingatkan supaya murid-muridku membuat perenggan apabila menarang. Akan tetapi, ketiga-tiga tulisan tadi tidak ada perenggan dan sangat pendek. Aku baca:

*Hidup saya sangat susah. Saya duduk di Kampung Lapan Pari. Saya ada lapan adik-beradik. Saya anak yang kelima. Saya tinggal di dalam sebuah rumah yang kecil. Datuk saya sangat tua. Emak saya sangat susah hati. Ayah saya kerja menanam sayur-sayuran. Emak saya kerja menjahit atap. Abang saya setahun sekali pergi kerja memukul padi di Kedah.*

*Kerja ayah saya sangat penat. Saya kasihan melihat ayah. Kadang-kadang sayur itu tidak laku. Kurus-kurus kata orang yang membeli. Saya makan sayur itu. Adik-adik saya makan juga. Makan sayur banyak zat.*

*Pada musim hujan, sayur ayah saya tenggelam dan busuk. Emak saya menjahit atap tidak banyak*

*yang laku. Sekarang banyak orang buat rumah pakai atap bata atau atap zink, tidak pakai atap nipah lagi. Saya hendak tolong emak saya menjahit atap apabila habis belajar tahun ini.*

Suatu tunjangan perasaanku membuak dalam dada. Budak perempuan ini menumpahkan perasaannya. Sangat takjub aku membaca latar belakang murid-muridku yang sangat menjemukan ini. Saidah muridku yang cerdas, tetapi lembap pergerakannya. Pendiam dan pemenung. Buku itu kutandai sebagai Hampir Sedang.

*Saya hidup dengan datuk dan seorang kakak yang buta. Emak saya sudah mati. Ayah saya berbini muda dan tidak duduk dengan saya. Datuk saya kerja ambil upah mencuci kain. Kadang-kadang dia ambil upah menuai padi. Saya tolong datuk saya mengangkat padi. Datuk perempuan saya sangat baik. Kadang-kadang dia beri nasinya kepada saya apabila nasi tidak cukup. Saya makan nasi di rumah apabila hendak pergi ke sekolah. Kadang-kadang saya tidak makan. Saya tidak pernah bawa wang apabila pergi ke sekolah. Ada juga saya bawa bekal ubi rebus dengan ikan kering.*

Kulihat kulit buku, Muhd. Yusuf bin Abdullah. Tulisannya kotor. Aku tidak melihat wajahnya. Aku sudah tahu segala-galanya tentang wajah dan pakaian murid-muridku. Kecuali seorang, semuanya menyedihkan. Aku buka lagi sebuah buku. Aku baca:

*Kehidupan saya boleh dikatakan tidak senang. Bapa saya kerja nelayan. Kami tinggal di Kampung Tanjung. Emak saya kerja menjahit baju. Kalau dekat-dekat hari raya, banyak orang datang upah jahit baju. Emak suka kalau hari raya.*

*Ayah saya sangat bengkung. Dia selalu pukul emak apabila emak jawab mulutnya. Ayah saya ber-bini dua. Ibu tiri saya sangat baik dengan saya dan adik-adik saya. Tetapi emak larang saya jangan dekat dengan ibu tiri. Takut kena racun. Saya tidak pergi lagi ke rumah ibu tiri.*

*Saya ada lima beradik. Abang saya tidak sekolah lagi. Saya dua orang saja yang bersekolah. Adik saya masuk darjah satu. Emak saya perut besar. Saya suka dapat adik lagi.*

*Saya tidak bawa duit apabila pergi ke sekolah. Saya makan apabila saya pulang pukul 1.20 tiap-tiap hari. Ayah suruh saya keluar kalau saya selalu minta duit. Saya suka belajar walaupun saya tidak makan. Apabila saya besar nanti, saya boleh makan banyak-banyak. Boleh simpan duit dan buat rumah besar, pelihara emak dan adik-adik saya.*

Dia Muhd. Rawi bin Saleh, seorang muridku yang paling cerdas. Dia ketua darjah. Kurenung wajahnya sebentar. Dia sedang asyik melukis peta. Seperti terbayang di wajahnya perasaan dendam terhadap ayahnya yang beristeri dua. Dia tidak menyatakan isteri muda ayahnya beroleh anak atau tidak. Ah, tidak perlu kutahu. Ceritanya sudah jelas menggambarkan suatu cengkaman penderitaan dalam kehidupan Muhd. Rawi yang cerdas ini. Alangkah sedihnya. Dan, aku terlihat gambaran dosaku selama ini. Aku mendendami murid-muridku yang tolol, degil, garing dan seolah-olah darjahku diselimuti kemalasan dan kebosanan yang ajaib, dan tidak aku selidiki mengapa terjadi begitu. Aku berdosa. Sesungguhnya aku telah berdosa. Dan sekarang, murid-muridku menyatakan kelalaianku. Mereka membuka lubang dosaku. Mereka mengopak kesilapanku.

Mereka sedang menyanyikan sebuah lagu kemanusiaan yang sangat murni dan amat mengharukan.

Aku terus membaca lagi dengan rakus:

*Kehidupan saya bersama-sama bapa dan emak saya. Saya ada empat beradik. Saya anak yang kedua. Kakak saya masuk sekolah menengah rendah dalam tingkatan II. Saya hendak masuk sekolah menengah juga.*

*Bapa saya kerja sadap kelapa. Pagi-pagi dia naik kelapa dan sadap mayangnya. Mayang itu ada tuak. Tuak itu dijadikan manisan. Cikgu-cikgu di sekolah ini pun ada beli manisan bapa saya. Emak saya kerja di rumah. Kadang-kadang dia ambil upah menuai padi. Ada juga mencari kayu api dan dijualnya.*

*Sekarang manisan kurang laku. Harganya sangat murah. Saya tidak mahu tinggalkan sekolah.*

Penuh gigi-gigi kehampaan yang mencengkam dada budak ini. Aku lihat kulit bukunya: Md. Zali bin Ismail. Dia tidak tahu hendak menyembunyikan kejadian yang sebenarnya berlaku di dalam rumah dan kehidupannya. Penelanjangannya itu telah membakar dadaku. Sikap berterusterangnya telah menyelak kebosanan dan kehampaanku terhadap murid-muridku selama ini. Kurasa darjah ini sudah dirayapi nyawa. Darjah enam yang mempunyai 29 murid ini mulai mendapat nafasnya.

Sebuah buku lagi kubaca. Aku tidak perlu melihat kulit bukunya. Tulisannya kukenal. Muridku yang baik. Tulisannya cantik dan teratur. Kubaca:

*Saya tinggal bersama-sama emak saya. Ayah sudah meninggal dunia empat bulan yang lalu. Saya ada tujuh beradik. Mati tiga orang. Yang mati itu abang saya bernama Yaakub, dua orang adik saya*

*bernama Zailani dan Ruhani.*

*Emak saya kerja jahit atap. Kakak saya yang bernama Rohana berhenti sekolah menengah kerana tolong emak jahit atap. Baru-baru ini emak saya kena marah kerana tetak pokok nipah di Pengkalan Baru. Nipah itu nipah Pak Su Chek Seman, seorang yang kaya. Emak saya susah hati. Nipah dekat-dekat rumah sudah habis.*

*Saya kasihan kepada emak saya. Saya bangun pagi, saya masak nasi. Kemudian saya makan dan pergi ke sekolah. Saya tidak bawa bekal kerana saya malu.*

Tulisannya cantik, terang dan bersih. Murid perempuanku bernama Siti Hara binti Mat Sin. Sejak kulihat awal tahun ini, pakaiannya ke sekolah tidak bertukar. Memang pada umumnya, murid-muridku mempunyai sepasang pakaian; kain sarung biru yang lusuh kerana dipakai setiap hari dan baju putih yang pucat kehitam-hitaman. Laki-laki perempuan sama saja. Pakaian itu juga digunakannya dalam kegiatan kumpulan waktu petang.

Sebuah buku lagi kubuka. Kulitnya dibalut dengan kertas kuning tipis. Namanya terang: Hasmah binti Lil.

*Saya duduk dengan emak saudara. Emak saudara saya ada lima orang anak. Seorang sudah bekerja sebagai penggatih teksi. Ayah Su saya juga kerja gatih teksi. Mak Su saya jual kuih. Kuihnya dihantar ke kedai di depan rumah saya.*

*Emak saya sudah mati. Saya sangat sayangkan emak saya. Dia mati kerana kena sakit cerah muntah. Adik saya mati kerana demam panas. Apabila emak mati, ayah saya pergi ke hulu kerja toreh getah. Saya*

*sudah dua kali pergi ke tempat ayah dalam estet.*

*Mak Su saya sangat baik. Dia beri kepada saya lima sen setiap hari. Kadang-kadang saya bawa bekal kuih apam yang Mak Su saya buat.*

*Saya mahu belajar rajin-rajin. Saya hendak jadi jururawat. Jadi jururawat dapat tolong orang sakit.*

Hasmah ini agak bersih. Pakaiannya juga dua pasang. Wajah mukanya tidak membayangkan kesayuan yang jauh tentang kehidupannya. Akan tetapi, dia mencintai ibunya. Dia berasa ibunya tidak dirawat dengan betul. Kerana itu dia mahu jadi jururawat. Bapa saudara dan sepupunya yang bekerja mengatitih teksi, yakni mengayuh basikal roda tiga atau beca, yang hidup di dalam sebuah rumah, bagi orang kampung sudah agak senang kalau dibandingkan dengan pekerjaan-pekerjaan yang lain. Dan, Hasmah binti Lil ini sudah dikira anak yang "lumayan". Dia sudah menjelaskan yuran sekolahnya awal-awal lagi: Satu ringgit.

Aku dapat merasakan apa yang dirasakan secara sederhana oleh murid-muridku. Kebisuannya yang menakjubkan telah bergema hebat dalam kepalaku. Kesunyian itu sudah direnggut oleh kebisingan duka nestapa murid-muridku yang dicurahkan dalam karangan-karangannya.

*Kehidupan saya sangat sibuk. Abah saya kerja buka kedai runcit. Kalau abah saya pergi menjual ikan dengan motosikal Hondanya, emak saya jaga kedai. Saya pun ada jaga kedai. Tetapi saya tidak pandai menimbang gula.*

*Saya ada dua beradik. Adik saya duduk dalam darjah dua. Dia suka makan coklat. Kedai abah saya sangat laku.*

Semua buku ini kutandai dengan dakwat merah. Aku sain. Karangan ini kurang menarik. Tetapi sungguh-sungguh, ini sebuah kehidupan yang bercuaca dalam kesempitan yang selalu dialami oleh orang-orang kampung. Ini kehidupan murid-muridku. Salmiah binti Ibrahim. Kubaca lagi sebuah:

*Cikgu suruh saya mengarang tentang kehidupan saya. Saya sangat malu hendak menceritakan. Tetapi saya kena cerita juga. Emak dan ayah saya sangat tua. Emak saya buta mata. Kata emak, dia buta masa kecil lagi. Kata cikgu agama takdir Tuhan. Ayah saya berpenyakit lembik dan tidak boleh buat kerja. Tetapi ayah saya boleh berjalan sedikit-sedikit pergi ke kedai. Dia duduk di atas kaki lima dan baca al-Quran. Orang kata ayah saya tuk fakir minta sedekah. Kalau sudah besar dan saya dapat kerja makan gaji seperti cikgu, saya tidak mahu lagi ayah saya kerja minta sedekah. Saya sangat malu diejek oleh kawan-kawan. Kalau saya jadi kaya, saya mahu pelihara semua orang miskin.*

Ini tulisan muridku Khalid bin Abu Yamin. Rambutnya panjang tidak terurus. Wajahnya kusam selalu. Tidak banyak cakap. Tidak berkasut. Dalam ujian-ujian bulanan, dia yang tercorot. Pengotor. Dan, sekarang aku tahu, dia bukan pengotor sebenarnya. Tetapi dia pengotor kerana kemiskinan dan kemelaratannya. Dia tidak menyatakan berapa orang adik-beradiknya. Aku tidak perlu tahu. Sudah cukup dengan keterangannya. Aku melihat sekali imbas wajah Khalid. Dia sedang meniru peta perlombongan di Ruhr.

Mengapakah aku selama ini menggambarkan kebodohan murid-muridku secara melulu? Ya Allah,

aku sudah melakukan kesilapan yang sangat besar. Seluruh ruangan dalam dadaku diterobosi gajah-gajah dosa yang berkeliaran. Karangan murid-muridku telah membuka mata hatiku untuk melihat mereka. Untuk melihat mengapa mereka bodoh. Mengapa mereka pengotor. Mengapa mereka sukar membayar yuran. Mengapa mereka tidak pernah cukup buku. Mengapa mereka menulis dengan pensel walaupun sudah berbuih mulutku supaya mereka membeli pena pakai dakwat.

Aku mulai sedar daripada tidurku yang bodoh dan kurang teliti. Aku sesungguhnya dibuai oleh khayalan yang menjauhkan diriku daripada anak-anak yang dilahirkan oleh ibu-ibu dan ayah-ayah daripada bangsaku sendiri. Mereka terhimpit di bawah roda pembahagian rezeki yang tidak adil. Pembahagian rezeki yang lebih menyebelahi golongan elit. Aku menyesal. Sesungguhnya aku menyesal.

Aku baca lagi sebuah buku. Muridku Nik Rahimah binti Musa yang kerdil dan hitam kelabu.

*Kampung saya bernama Kampung Chek Deris. Saya duduk dengan emak dan ayah saya. Saya anak yang kelima. Ada tiga orang adik lagi di bawah saya. Saya seorang sahaja yang bersekolah.*

*Ayah saya kerja gatih teksi. Emak saya kerja cari lokan. Ayah dan emak pergi kerja pagi-pagi dan petang baru balik. Kakak saya menyang lokan dan pagi esok dijual kepada tuk peraih.*

*Ayah saya orang sebut Lebai Musa. Pandai meratib dan sembahyang orang mati. Kadang-kadang bawa bekal nasi dengan lauk lokan dan air teh.*

Keadaan hidup yang kubaca tidak jauh bezanya. Semuanya menerkam dan menggigit perasaanku.

Sekolah yang terpencil ini jauh dari jalan raya, dan kami berjalan kaki untuk menemui mereka setiap pagi. Kejengkelanku selama ini merupakan cerutan ke atas anak-anak ini yang menambahkan penderitaannya akan datang. Betapa tidak? Apabila aku bosan, aku tidak mempedulikan mereka. Dan, mereka akan tetap bodoh sampai ke sekolah menengah. Bukankah itu menambahkan lagi cerutan?

*Saya tinggal di Kampung Badang. Saya duduk dengan emak dan dua orang adik saya. Seorang dalam darjah tiga dan seorang lagi darjah satu. Emak saya kerja cari buah nipah. Emak cari buah nipah banyak sampai 12 tandan. Apabila malam baru emak belah buah nipah itu. Pagi esok dia jual kepada orang-orang yang kerja mancis api.*

*Saya jarang bawa wang ke sekolah. Saya menanak pagi-pagi dan menghidangkan kepada emak. Lepas makan saya pergi ke sekolah.*

Aku perhatikan tiap-tiap wajah muridku. Dan, buku yang masih belum kubaca itu kuletakkan di bawah tanganku. Kulihat tiap-tiap wajah mereka. Simpati dan kasih sayangku berlambak-lambak. Mereka adalah darah dagingku yang beruntung di tanah air mereka. Mereka selalu dikatakan lemah dalam pelajaran. Dan guru-guru? Guru-guru paling berat dijatuhi kesalahan.

Buku-buku itu kutekankan di bawah tanganku seperti menekan kemiskinan yang ingin melonjak keluar. Dan, sayup-sayup pada wajah murid-muridku terpancar cahaya hidup yang muram.

## TAKDIR



“**B**UNUH diri!”

Dia menghanyutkan diri dalam arus kebisingan yang bertali-tali. Dia merasa dirinya terapung-apung dalam lautan pikirannya yang maha kusut. Segalanya sudah putus. Sudah selesai. Untuk apa hidup kalau kesusahannya sahaja bertunda-tunda? Untuk apa mencintai hidup kalau penderitaannya sahaja yang datang menerpa? Sesuatu dalam kepalanya gelap. Tidak berbulan. Tidak berbintang. Cahaya hidup sudah mati sama sekali. Perlu apa lagi kehidupan ini kalau sudah sampai di hujung keputusan? Sudah sampai di hujung kehormatan?

"Bunuh diri!"

Hanya ini satu sahabatnya. Hanya ini temannya untuk memisahkannya daripada kekusutan. Untuk memisahkannya daripada malu. Untuk memisahkannya daripada setan-setan kehidupan yang maha kejam. Itu sahaja. Ya, itu sahaja!

Persetan anak isteri. Mereka manusia. Mereka akan mencari makan sendiri. Tiga orang anak-anaknya sudah besar panjang. Sudah beristeri dan beranak. Anak-anaknya ini pun tidak guna. Tidak berguna satu sen pun. Bukankah dia mendapat kesusahan sekarang? Fikirannya dengan tiba-tiba berlabuh pada anak-anak jantannya. Anak-anak jantan yang sial. Anak-anak jantan yang lebih baik dibunuh sahaja ketika mula-mula dilahirkan dahulu. Alangkah sialnya dia beroleh tiga orang anak jantan ini. Alangkah sialnya. Alangkah!

Beribu-ribu, malah puluhan ribu ringgit dia menghabiskan wangnya untuk menanam otak ke dalam kepala anak-anak jantannya itu. Mereka keluar negeri. Yang sulung ke New Zealand, akauntan. Kerja bank. Yang tengah ke Jerman, jurutera. Yang bongsu ke England, guru. Semuanya hidup lumayan. Semuanya beristeri cantik. Ada perempuan Cina dan ada Orang Putih. Semua berkereta besar. Akan tetapi, semuanya tidak mempedulikan tekanan hidup yang sedang menindih bapanya. Inilah yang dikesalkannya. Inilah.

Tempoh sebulan yang diberikan oleh mahkamah untuk menyelesaikan wang Syarikat Seri Purnama Berhad hanya tinggal lima hari sahaja lagi. Tempoh lima hari itulah yang akan menentukan dia tidak akan berdiri lagi di dunia ini. Tempoh lima hari itulah yang telah memutuskan semua kehidupannya

bersama-sama isterinya. Tempoh itulah yang akan menentukan dia akan digiring ke mahkamah atas tuduhan menggelapkan wang 45 000 ringgit. Dan, tempoh itu akan menyelesaikan segala-galanya.

Isterinya membungkam apabila cerita ini terbe-nam dalam pengetahuannya. Anak-anak jantannya juga menyepi apabila mendengar kisah ini. Semuanya tidak mahu tahu. Semuanya tidak mempedulikannya. Semuanya senang hati. Isterinya tidak berkata. Anak-anak jantannya tidak berkata. Mereka bungkam. Mereka murung. Mereka masam. Mereka mengutuk. Mereka seolah-olah meletakkan kesalahan itu total di atas pundaknya saja.

Jadi, untuk apa dia bersedih untuk hidup di dunia ini lagi? Untuk apa? Bukankah anak-anak jantannya melanjutkan pelajarannya keluar negeri? Dengan belanja sendiri pula. Cukupkah gajinya daripada Syarikat Seri Purnama Berhad sebanyak 500 ringgit sebulan? Cukupkah? Apakah dengan ini dia sendiri sahaja yang bersalah tanpa mendapat pembelaan daripada anak-anaknya? Tanpa pembelaan isterinya?

"Bunuh diri!"

Semuanya akan selesai. Semuanya akan tamat. Isterinya tidak akan rusuh. Tidak akan dukacita. Anak-anaknya tidak akan rusuh. Tidak akan dukacita. Isterinya akan tinggal di rumah itu juga. Anak-anaknya akan pulang ke rumah itu juga. Rumah itu tidak akan dirampas. Tanah tapak rumah itu tidak akan dirampas. Semuanya atas nama isterinya. Harta lain? Tidak ada. Kereta Fiat 1000nya tidak masuk hitungan. Kereta itu lebih merupakan besi yang bergerak.

Dengan lintasan yang kejam, dia dapat melihat ke arah Syarikat Seri Purnama Berhad. Dia yang

menubuhkannya. Dia yang berusaha memajukannya. Dia yang berusaha membesarluaskan syarikat itu. Akan tetapi, dengan tiba-tiba fikirannya digambari oleh tindakannya. Syarikat itu masih syarikat rakyat. Syarikat orang ramai. Wang orang ramai. Titik peluh orang ramai. Dia tidak harus menggelapkan wang orang ramai. Dia tidak boleh menggemukkan dirinya atas keringat orang ramai. Tidak boleh. Ya, tidak boleh! Alangkah kejamnya dirinya apabila difikirkannya. Dia telah memusnahkan amanat rakyat yang diserahkan kepadanya. Dia telah mengoyak-carikkan kepercayaan orang ramai kepadanya. Dia telah memotong kehormatan orang ramai selama lebih 10 tahun yang telah diberikan kepadanya. Alangkah kejamnya dirinya. Alangkah!

Keputusan ini sangat wajar. Pesakit amanat orang ramai patut dihukum. Fikirnya lambat-lambat. Dosanya sudah cukup untuk dihukum! Fikirannya menderas. Tepat dengan tindakan anak-anaknya. Tepat dengan tindakan isterinya. Akan tetapi, bukannya dia menggunakan wang itu untuk keperluan anak-anaknya? Untuk keperluan isterinya? Untuk menanam otak dalam kepala anak-anaknya?

Wang orang ramai!

Itulah salahnya. Itulah! Fikirannya berjalan terus. Kenderaan-kenderaan juga berjalan terus. Dalam kepalanya dipekati oleh keriuhan ingatannya yang mengasak-asak. Di jalan raya, kebisingan loceng basikal, beca dan hon kereta berbaur dan mendesak-desak. Mengapakah ini berlaku dalam usianya menjangkau 53 tahun? Ketika kehormatan memanjat puncak kepercayaan orang ramai kepadanya? Fikirannya meraba-raba jawapan. Buntu. Ke manakah mukanya hendak disorokkan? Ke manakah?

“Bunuh diri!!!”

Itu sahaja. Fikirnya. Kakinya terus melangkah. Dia tahu ke mana. Kenderaan-kenderaan terus bergerak, seperti Bergeraknya kehidupan yang perlahan-lahan akan meninggalkannya. Mentari berayun-ayun di sebelah barat dengan cahaya yang kemerah-merahan pudar, seperti cahaya hidupnya yang kian pudar sekarang. Cahaya mentari itu akan hilang sebentar lagi. Cahaya kehidupannya juga akan hilang sebentar lagi. Akan tetapi, mentari akan bangun lagi dengan cahayanya yang dirindui oleh sekalian makhluk. Dia tidak akan bangun-bangun lagi oleh kebencian manusia. Dia tidak akan bangun-bangun lagi oleh kebencian isteri dan anak-anaknya. Dia akan meneruskan apa yang telah diputuskannya. Dia dibenci. Dia tidak dipedulikan. Dia tidak guna. Dia tidak berguna sekaki semut pun!

Dia akan mati sebentar lagi. Fikirannya bergerak terus dalam kepalanya. Fikirannya itu terus menderas. Ya Tuhan! Tiba-tiba ingatannya memanjat pokok iman dalam dadanya. Atas alasan apakah dia akan menjawab soalan di depan Tuhan? Ah, tidak perlu. Fikirannya terus bergerak. Tidak perlu difikirkan jawapan. Bukankah semuanya itu berlaku dalam suratan Tuhan? Bisakah semuanya ini berlaku tanpa iradat-Nya? Bisakah? Dan, dia berasa bahagia apabila fikiran itu mengapung di sudut imannya. Semuanya takdir. Semuanya berlaku dalam tadbir Tuhan. Semuanya.

Buat apa memikirkan seksaan-seksaan yang belum diketahui apabila penderitaan di dunia ini tidak dapat dihindarkan? Ke mana dia akan mencari 45000 ringgit untuk menutup kehilangan itu? Jadi, apakah perlu memikirkan iman lagi?

Ketika dia melangkah masuk pekarangan bangunan lama yang ditinggalkan penghuninya bertahun-tahun dan hampir roboh itu, suatu cahaya menerpa masuk ke dalam kawasan itu. Sesuatunya sudah nekad dalam hatinya. Tali belon berpintal sebesar kelengkeng itu dirabanya. Masih bergumpal di dalam saku seluarnya. Tali itu akan memutuskan kekusutan dan kebenciannya kepada hidup sebentar lagi. Dia menarik tali itu. Cukup. Bisiknya sendirian. Tali itu cukup untuk menarik dan mencerut lehernya. Alangkah kecilnya dunia ini dirasakannya. Alangkah!

Cepat seperti disergah, dia menaiki tangga batu bangunan lama kerajaan yang terbiar itu. Ajaib. Alangkah ajaibnya. Dia merasakan ada sesuatu sedang mengintipnya. Dia melihat keliling. Tidak ada apa-apa. Gelap mula menguasai suasana. Kesepian oleh kegelapan dirasakannya mula mencekik suasana yang maha tegang itu. Gendang-gendang telinganya seperti menangkap suatu suara. Seperti! 'Iguan ketidakberanianku!!' fikirnya. Dengan penuh kebencian kepada nasibnya, dia melemparkan tali belon itu ke atas tapak alang bangunan yang sudah rompong-rompong silingnya. Hanya di situ ada lubang yang menampakkan tapak alang. Naik dan terjun saja! Tidak! Dia membantah. Terjun dari tempat serendah itu tidak akan mati sekali gus. Menyakitkan sahaja.

Dia membuat satu cerutan mati. Sekeping papan lantai yang sudah terbongkas oleh orang-orang terdahulu kelihatan tersandar di tepi dinding. Dia memungghanya. Meletakkannya di atas tingkap. Papan itu akan dikuakkan dari kakinya apabila tali itu mencerut lehernya nanti. Dua kali dia melemparkan

tali itu ke atas tapak alang, tali itu melekat. Dia mencerutnya ke atas. Mengenakan hujung tali bawah pada lehernya. Dia naik ke atas papan yang disandarkannya. Mencerutnya semakin singkat. Keringat sedang membasahi sekujur tubuhnya. Nafasnya terengah-engah. Dia sedang menghadapi kematian yang amat tegang. Dia menyingkatkan lagi simpulan tali ke lehernya. Tanpa ragu-ragu, dengan keberanian seorang samurai, dia menguakkan papan dengan cara lompatan yang tinggi untuk lebih kuat cerutan yang sedang terpasang di lehernya. Tali itu mencerut dengan hebat di keliling lehernya yang diminyaki oleh keringatnya. Pandangannya hilang sama sekali. Dia dapat merasakan dirinya tergantung sebentar dengan cerutan yang sangat hebat pada lehernya.

Selamat tinggal dunia!

Tiba-tiba dia masih dapat merasakan dia terjatuh. Alangkah sakitnya. Alangkah! Dirasakannya seluruh daging dan tulang punggungnya tercabut. Tali belon yang mencerut lehernya dapat dirasakan tercerut dengan sangat eratnya, tetapi tidak memutuskan lehernya. Sengal tulang punggungnya disertai dengan cekikan batang lehernya sangat hebat memamah seluruh tubuhnya. Dia tidak dapat bergerak sedikit pun. Tidak. Dalam keadaan kesakitan yang tidak terperikan yang sedang memamah seluruh punggung dan lehernya, dia merasakan ada tangan yang menangkap lehernya. Tangan itu memegang juga bahunya. Dan, dengan kepantasan yang luar biasa, dia dapat merasakan cerutan tali belon pada batang lehernya longgar. Longgar sama sekali. Tercabut. Dalam samar-samar cahaya, matanya yang berkunang-kunang kerana diabui cahaya

menjelang senja, dia masih dapat melihat sebatang tubuh mencangkung di sisinya.

“Bodoh!”

Telinganya dapat menangkap suara itu. Kalimat itu masuk dengan tepat ke dalam gendang-gendang telinganya.

“Mahu bunuh diri?”

Pandangannya masih berkunang-kunang. Punggungnya masih dimamah kesakitan. Lehernya masih dirasakan seperti tercekik. Akan tetapi, dia dapat melihat juga dengan samar-samar. Orang itu sedang memegang kedua-dua belah tangannya. Kemudian memegang lehernya. Orang itu masih mencangkung di situ.

“Alangkah bodohnya orang setua ini mahu bunuh diri!”

Kalimat itu masih menunjal masuk ke dalam telinganya. Dan, pandangannya kian terang oleh sorotan cahaya lampu jalan. Berbayang-bayang.

“Kau sudah sangat tua. Kalau tidak bunuh diri pun, kau akan mati juga tidak lama lagi. Bodoh!”

Dia menangkap satu-satu kalimat itu. Dan, sesekali dia merasakan bahawa dia sudah berada di alam arwah. Dia sedang berhadapan dengan malai-kat-malaikat yang sedang menyoalnya. Benarkah? Tidak! Dia menyedarkan dirinya. Akan tetapi, dia segera kembali kepada dirinya. Mengapa dia disekat daripada mati? Mengapa kau sungguh-sungguh menahan kegemaranku untuk mati? Akan tetapi, soalan itu tersimpan dalam kepalanya sahaja. Suaranya masih belum kembali ke dalam mulutnya. Leher dan punggungnya masih ditujah-tujah oleh kesakitan yang maha dahsyat.

“Mengapa kau cuba bunuh diri, bodoh? Wajahmu

tidak seburuk wajahku. Dan aku duga, kau orang senang.”

Suaranya belum juga kembali ke dalam mulutnya. Dan, suara orang itu masih mengapung-apung ke dalam gendang-gendang telinganya.

“Tua seperti kau belum juga berfikiran? Tidak adakah jalan lain bagi menyelesaikan dirimu sehingga kau terpaksa membunuh diri?”

Dia merenung sungguh-sungguh dalam cahaya yang samar-samar itu. Matanya mula kembali bercahaya. Dan, sayup-sayup dalam hatinya, suara kesal mulai bersuara. Dia dapat melihat orang yang mencangkung di sisinya. Berbadan gempal dalam pakaian agak hitam. Berjambang dan panjang rambutnya. Diamat-amatinya. Nyata sekali orang itu bermisai. Misai itu lebat.

“Kau, kau, siapa?”

Suaranya mula kembali ke dalam mulutnya. Dia terketar sedikit. Pandangannya kian jelas. Wajah orang itu satu-satu mulai nyata. Tangan orang yang perkasa itu masih memegang kedua-dua belah tangannya.

“Semua manusia ada masalah. Semua masalah itu menyusahkan. Tapi penyelesaiannya bukan dengan membunuh diri.”

Dia diam. Satu suara itu menusuk ke dalam hatinya. Dia mulai kembali kepada hatinya. Dia mula melihat cahaya kehidupan yang mula memanasakan keputusasaannya.

“Kau tentu ada anak bini. Aku juga ada anak bini. Tapi aku belum memikirkan untuk bunuh diri.”

“Siapa kau?”

Orang itu mencekak kemas-kemas tangannya. Merenung matanya dengan tajam. Menenggelamkan

seluruh pandangannya ke dalam matanya.

"Aku?" tanyanya.

Dia merenung orang itu. Jelas. Wajah orang itu seperti dikenalnya. Tidak. Dia tidak ingat.

"Aku?" tanya orang itu sekali lagi. Suaranya tidak terang benar. "Aku bandit. Aku perompak. Aku pembunuh. Aku sedang diburu oleh polis. Kaulihat surat khabar? Ada gambarku di mana-mana. Kau ingat perompakan dan pembunuhan di rumah tauke Wong Swee Chor?"

Dia cuba mengingatkannya. Ya. Dia ingat. Tauke itu mati dibunuh. Hartanya juga lenyap.

"Walaupun aku diburu dan mungkin akan dibunuh, belum terfikir olehku untuk membunuh diri. Kehidupan ini adalah sesuatu yang sangat berharga untuk manusia. Kalau dapat menyelesaikan masalah, itu bijaksana."

Dia mula kembali kepada dirinya yang mula-mula. Dia menangis!

"Nah, kembali ke rumahmu. Anak isterimu tentu masih merinduimu. Jangan bodoh lagi!"

Dia berasa orang itu telah mengembalikan nyawa kepadanya. Dia mulai bangun. Kesakitannya mulai beransur-ansur hilang walaupun masih menyengatnyengat.

"Hidup itulah manusia. Besok atau lusa mungkin aku ditangkap, kemudian dibunuh. Tapi aku masih mencintai hidup selagi aku bernama manusia."

Ketika dia melangkah turun dari rumah lama yang terbiar itu, dia cuba melihat sekali lagi ke arah orang tadi. Tidak kelihatan lagi. Dia mulai merangka-rangka. Memeta-meta. Orang itu sedang bersembunyi di atas alang-alang. Di atas siling. Lalu mengeratkan tali belonnya ketika dia melompat

untuk mencerutkan lehernya. Tentu. Dan, papan itulah untuk turun naiknya. Tentu.

Dia meraba-raba lehernya. Dirasakannya cerutan tali belon tadi masih terlekat di situ. Dia menggosok-gosoknya. Alangkah sakitnya. Alangkah. Keringat masih mencucur ke seluruh badannya. Dia seperti tidak berdaya untuk berjalan pulang ke rumahnya.

"Lailahailallah Muhammadur Rasulullah!" Pertama kali sejak sepetang ini dia mula mengingati Tuhan dan Junjungannya. Perasaan kesal mula mendatangi kalbunya.

Tepat dia masuk pekarangan rumahnya, bang isyak dari masjid di seberang jalan mula didengungkan. Dia tersedu. Kesalnya menerpa dan menggigit-gigit perasaan nuraninya. Beca itu tepat berhenti di depan dua buah motokar yang terhantar di depan tangga rumahnya.

"Datuk pulang! Datuk pulang!"

Dua orang kanak-kanak menerpa ke tangga. Kanak-kanak itu terjun ke halaman. Mereka mengayuti datuknya.

"Datuk ke mana tadi? Mi lama mencari. Abah pergi masjid."

Dia menggagahkan dirinya. Menghilangkan kekusutan. Menghilangkan peristiwa setan sebentar tadi.

"Datuk ke rumah kawan. Dah lama Imi dan Lina datang?"

Dia melangkah perlahan-lahan. Kesakitan pungung dan lehernya masih juga dirasakannya. Dengan segera dia dapat menangkap apa yang berlaku di rumahnya. Semua anak jantannya pulang!

Isterinya menjengul di pintu dapur. Menegurnya dengan ragu-ragu.

"Sepetang abang ke mana?"

"Ke rumah kawan di Bayam."

"Mengapa tak bawa kereta?"

"Meragam. Benci aku."

"Mereka tu semua pulang. Di atas meja tu ada surat Abang Mud." Isterinya, Siti Saleha hampir ke meja, mengambil surat dan memberikannya kepada suaminya.

Dia mengambil surat itu. "Untuk: Hasyim bin Yusuf". Tahulah dia surat itu untuknya. Nama itu agak rasmi sebutannya. Kalau tidak, orang menyebutnya Pak Hasyim saja.

Menjelang jam 9.00, dia tanpa diragui oleh anak-anak jantannya dan isterinya, duduk berbual-bual di ruangan tamu.

"Kami telah membereskan apa yang telah berlaku kepada ayah," kata anak sulungnya, Abdul Fatah. "Pak Cik Mud juga telah memberikan ayah 3000 ringgit sebagai bantuannya atas kesilapan yang tidak disengajakan itu."

"Kami telah sama-sama memikirkan penangguhan ayah itu." Tiba-tiba sampuk anak bongsunya, Abdul Kudus. "Kami sedar, itu hanya semata-mata satu kesilapan yang ayah tidak sedar."

"Dan, kerana itulah kami membuat pakatan senyap-senyap adik-beradik untuk menolong melepaskan ayah daripada kesilapan itu," sambung anak tengahnya, Abdul Rauf.

"Besok boleh ayah gantikan wang 45 000 ringgit itu," kata pula Abdul Fatah.

"Kami harap ayah tidak bekerja lagi. Biarlah kami tanggung semuanya." Abdul Rauf memutuskan. "Ayah patut berehat setelah lama menanggung kami."

Dia tidak dapat berkata apa-apa. Tanpa disedari-nya dia menenggelamkan mukanya ke dalam telapak tangannya. Dia mula menangis. Dia menangis tersedu-sedu. Semua anggotanya berkocak. Tidak terucap sepatah pun oleh mulutnya. Anak-anaknya tidak berkata apa-apa. Mereka saling pandang-memandang. Mereka menduga ayahnya menangis kerana sangat terharu dengan kerjasama dan pakatan anak-anaknya. Biarlah ayahnya menangis lamalama. Biarlah ayah mereka tersedu-sedu kerana sangat terharu. Mereka gembira dengan penerimaan ayahnya itu.

Sehingga tiap-tiap seorang anaknya mengundurkan diri ke dalam kamar masing-masing bersamasama isteri dan anak-anak, dia masih di kerusi di ruangan tamu. Matanya digenangi air mata yang masih juga keluar. Dia sangat terharu.

'Ya Tuhan!' serunya dalam hati dengan penuh suci. 'Kau masih memberikan aku nyawa untuk melihat kesungguhan dan kerelaan anak-anakku dalam tempoh aku dilanda putus asa,' katanya dalam hati. Suci dan kudus. Dengan tiba-tiba wajah bandit yang memberikan kehidupan ini semula kepadanya datang. Wajah itu begitu suci. Begitu mulia. Begitu ghairah terhadap kehidupan. Alangkah tingginya kemanusiaan ini di tangan seorang pembunuh! Alangkah! Kalau tidaklah kerananya, dia tentu saja akan diratapi oleh isteri dan anak-anaknya yang bersusah payah untuk melonggarkan kegelapan yang berlaku dalam Syarikat Seri Purnama Berhad itu. Mengapakah dia sejahat itu mengambil keputusan untuk menilai dirinya? Mengapakah?

Dia dapat melihat dalam batinnya keluhuran anak-anaknya. Keluhuran menantu-menantunya.

Mereka membuat pakatan senyap-senyap. Malah iparnya juga, Mahmud, abang kepada isterinya, seorang peniaga. Mereka bersama-sama menanggung kesusahannya. Mereka itu melepaskan seksaannya. Dan, malam itu dia sembahyang lama sekali. Dia bermunajat dan minta ampun kepada Tuhan. Sehingga dua per tiga malam, setelah sesuatu kesunyi-an yang dirasakannya sangat ajaib, barulah dia melangkah ke tempat rehatnya. Ketika dia merebahkan tubuhnya di sisi isterinya, dia merasakan seolah-olah diliputi oleh suatu kehidupan baru yang amat ajaib sedang menguasai dirinya.

Sehingga anak-anaknya bersama-sama isteri-isteri mereka pergi meninggalkannya, dia merasakan sesuatu yang sangat ajaib sedang meliputi kehidupannya. Suatu padang kesayuan yang berombak-ombak oleh tiupan nafas yang dikembalikan kepadanya, nafas panas atas pengorbanan anak-anak dan iparnya, berdiri dan terbentang indah dan aman. Dia dapat menyelesaikan segala-galanya. Penerimaan Syarikat Seri Purnama Berhad atas penyelesaian yang dibuatnya di depan peguam, telah melepaskan dia daripada apa-apa tindakan. Tetapi dia telah meminta bersara daripada tugasnya. Dalam mesyuarat lembaga pengarah syarikat itu, permintaannya untuk bersara diluluskan. Dia diberikan ganjaran yang wajar, suatu penilaian kerjanya selama lebih 10 tahun.

Hilmi dan Alina, cucunya, anak-anak Abdul Fatah, tinggal bersama-samanya. Cucunya itu baru berumur lima dan empat tahun. Kehidupan yang dibina semula atas pengorbanan anak-anaknya, mulai bercahaya dan bersinar. Kesan lompatan tali yang mencerut batang lehernya, yang kelihatan

lebam, hilang selepas dua tiga hari. Rongkongnya yang sakit-sakit kemudiannya hilang setelah dua kali dia diinjek. Tidak siapa yang tahu tentang kisah gilanya itu. Isterinya ada juga menanyakan itu. Akan tetapi, dia mengatakan kena sulur mempelas saja.

Pada minggu kedua selepas kisah hitamnya, yang diputuskannya daripada ilham para setan, dia menghadapi hari depan yang indah. Dua orang cucunya mengisi kesunyiannya. Dia cuba mencari akhbar yang menyiarkan gambar bandit yang ditemuinya dahulu. Dia melihat gambar itu. Dicamkannya. Benar. Benar. Kata hatinya. Orang inilah yang telah memberi erti kehidupan ini kepadanya. Dia melihat lama-lama. Gambaran watak dan ucapan perompak yang bijak itu masih ada dalam kepalanya.

"Mengapa kau jadi bandit?" ucapnya tiba-tiba sehingga mencengangkan isterinya yang kebetulan lalu untuk ke kamar. Isterinya hampir ke sisinya dan melihat gambar yang terang dalam akhbar itu.

"Siapa?" tanya isterinya, mengerutkan sedikit keningnya.

"Perompak. Pembunuh tauke getah," jawabnya.

Puas hati dengan jawapan suaminya, Siti Saleha terus berlalu. Dan, dia berasa aman kembali. Dia membaca semula kisah perompakan dan cerita pembunuhan yang ngeri itu. Tauke itu mati ditembak. Juga isteri dan seorang anak laki-lakinya. Drebar dan tukang kebunnya luka-luka ringan. Gambar itu disiarkan atas dasar ingatan drebarnya yang dapat mengenali pemuda itu. Pemuda yang kelihatan tenang air mukanya, dalam gambar itu, memahami kehidupan yang lebih bererti daripada apa yang dia fahami.

"Hidup itulah manusia. Kehidupan itu adalah sesuatu yang sangat berharga untuk manusia!"

Kata-kata bandit itu masih menari-nari dalam kepalanya. Benar sekali. Benar! Dia mengiakan. Dia membenarkan dalam hati. Wajah itu terus direnungnya lama-lama sehingga dua orang cucunya datang dan merembas sebuah surat khabar yang lain. Surat khabar hari ini yang baru dibawa oleh budak Leman itu.

"Ya Allah!" keluhnya dengan terharu. Surat khabar baru itu, *Warta Merdeka*, dibacanya dengan rakus. Dadanya dengan tiba-tiba ditusuk debaran yang hebat. Dua orang pemuda yang disyaki terlibat dalam pembunuhan tauke getah dua minggu yang lalu telah ditangkap. Apakah pemuda itu ditangkap? Pemuda yang telah memberikan api kehidupan kepadanya itu tertangkap? Tidak! Dia seperti mengharap begitu. Biarlah pemuda itu bebas. Biarlah pemuda itu hidup selama-lamanya. Dia mengharap dengan rasa cemas dalam dadanya. Mudah-mudahan tidak. Mudah-mudahan!

"Menonton wayang, tuk. Mak janji nak menonton malam ini." Hilmi memutuskan ingatannya kepada pemuda itu.

"Ya, boleh pergi. Imi pergi dengan mak. Datuk tunggu rumah." Dia menggosok-gosok kepala cucunya. Dan, Alina datang juga. Menyenderkan tubuhnya yang berpeluh. "Lina juga pergi dengan mak."

"Datuk tunggu rumah. Imi dan Lina pergi dengan mak." Hilmi mengulangi kalimat datuknya.

Memang begitu anak-anak. Fikirnya. Hilmi dan Alina akan pergi menonton malam ini dengan isterinya. Cucu-cucunya menyebut "mak" kepada datuk

perempuannya. Dia melihat Hilmi dan Alina berlari-lari mengekori datuk perempuannya yang sedang memberi makan itik. Dan, dia mendengar bunyi bising mulut cucunya disertai dengan mulut isterinya yang berkata entah apa. Dia melihat semula surat khabar itu.

'Ya Allah!' Hatinya diserang gerombolan debaran yang maha ganas. Dua pemuda yang ditangkap itu dapat dikesan oleh polis di sebuah rumah lama kerajaan, yang sudah ditinggalkan kira-kira tiga empat tahun yang lalu di Jalah Bayam. Ya Allah! Sesuatu gambaran yang mengerikan terbayang jelas dalam kepalanya. Mudah-mudahan tidak! Doanya kudus dalam hatinya. Dia mengharapakan supaya Tuhan melanjutkan nyawa pemuda itu, walaupun pembunuhan. Bukankah pemuda itu telah memberi nyawanya kembali dan menilaikan kehidupan yang sangat bererti ini kepadanya? Ya Tuhan! Doanya hangat. Pemuda itu tentu selamat. Harapannya panas dalam dadanya. Biarlah pemuda itu hidup. Kehidupan ini sangat bererti. Dan, ketika azan maghrib didengungkan, dia masih berulang kali membaca dan melihat wajah pemuda itu dalam *Warta Merdeka*.

Isteri dan dua orang cucunya sudah pergi. Maghrib masuk dua per tiga. Keharuan malam yang lazimnya dibauri suara kenderaan seperti tidak masuk ke dalam telinganya. Keharuan itu lenyap dalam doa dan wiridnya di atas tikar sembahyang.

Dia agak terperanjat. Beberapa ketukan di pintu depan menerjah masuk ke dalam gendang-gendang telinganya lalu memancung ketenangan wirid dan doanya. Ketukan itu bertali-tali. Dia cuba mengatakan tolak saja pintu itu. Tetapi segera diingatnya. Pintu itu telah dikuncinya apabila isteri dan cucu-

cucunya keluar. Dia bangun dan mampir ke pintu. Dia membuka kuncinya.

Dia hampir-hampir melaung. Mulutnya ternganga. Sesuatunya berlaku dengan sangat cepat dan ajaib. Lembaga itu terus menerpa masuk. Menolaknyanya ke tepi. Mengunci pintu itu dengan segera.

"Kau, kau!!!"

Dia separuh melaung. Tetapi suara itu dapat ditahannya. Lembaga itu masih dikenalnya. Itulah pemuda yang dilihatnya dalam surat khabar. Itulah pemuda yang telah memberikan erti hidup ini kepadanya. Itulah!

"Kaudatang!"

Suaranya memancung kebisuan yang terben-tang. Dia ingin mengatakan sesuatu. Tetapi rongkongnya tersekat. Pemuda itu tersenyum melihatnya. Wajahnya serupa yang dilihat minggu lepas juga. Hebat. Berjambang. Agak comot sedikit. Tidak berkata apa-apa. Tetapi matanya selalu awas melihat dari jendela ke arah jalan. Dia menutup pintu dan mempersilakan pemuda itu duduk. Pemuda itu tidak mempedulikannya. Dia menjadi serba salah. Gelisah.

"Kau mengkhianati kami!"

Dia terperanjat seperti ditikam dengan jarum. Muka pemuda itu sangat kejam memandangnya. Pandangan itu bukan pandangan sahabat. Dia tidak tahu. Kehairanannya menyelimuti fikirannya.

"Kau orang tua yang bodoh. Dulu kaumahu bunuh diri. Kemudian kaucuba membunuh kami!"

Dia tidak dapat berkata sepeatah pun. Dia tidak mengerti apa yang diucapkan oleh pemuda yang sedang berdiri di muka pintu dan bersandar gagah.

"Kautelah membuka rahsia tempat persem-

bunyian kami kepada kerajaan. Dua orang kawan-ku telah ditangkap!"

Ya Allah! Sekarang dia mula mengerti. Kedatangan pemuda itu ada niat yang luar biasa.

"Dulu kaumahu bunuh diri, tapi kauhidup. Sekarang kauhidup, dan aku memberikan kau kematian. Bersedialah!"

"Tidak!" Dia cuba hendak menerangkan kedudukan dirinya. Tetapi dia melihat pemuda itu mengeluarkan pistol dari dalam bajunya. Ketika dia cuba hendak berkata, pistol itu telah meletup. Letupan itu tepat dengan bunyi siren di jalan raya.

Pandangannya berkunang-kunang dan menggelap!

*Dewan Bahasa, April 1973*

## PAHLAWAN BUNTUNG



**K**EHADIRAN Pak Husain menjadi jambatan kepada ingatanku untuk menyeberang bagi menemui detik-detik peristiwa yang berlaku lebih daripada tiga puluh tahun yang lalu.

Kakinya yang buntung terkulai di dalam kain sarungnya yang kelihatan singkat. Kaki kayunya sudah usang. Kepala kakinya sudah berjabu-jabu di bawah ketiakanya. Kalau tidaklah kerana parut yang memanjang di atas dahinya, yang separuh telah ditutup oleh semuntal kain batik Kelantan, aku akan kehilangan wajahnya. Kehilangan itu akan membuatku tidak melihat peristiwa sejarah tanah air.

Kebisingan dan kehiruk-pikukan yang berbau daripada ramainya orang yang menghadiri temasya kota (menyambut ulang tahun kemerdekaan), seolah-olah tidak masuk ke dalam telingaku. Tidak.

Wajah Pak Husain memanjat kepalaku. Menerkam dan menggigitku. Berlari-lari dalam ingatanku. Dia pahlawan yang tidak pernah difikirkan bahawa dia telah menyelamatkan kami. Ketika dia tersiuk-siuk melangkah dengan tiga kakinya, melewati orang ramai, di dalam kumpulan yang lebih merupakan sampah sarap yang disongsong oleh pasang penuh, aku tepuk belakangnya. Pak Husain berhenti mendadak. Menikam wajahku dengan pandangannya yang berkaca. Aku menaburkan senyumku. Kuduga ingatannya. Ingatkah dia?

"Kau, kau, Khalid?"

"Ya, Khalid," kataku membenarkan dugaannya.

Pak Husain mencengkam tanganku. Cengkaman-nya kuat seperti tidak mahu dilepaskannya. Matanya menajam menembusi wajahku. Terasa berdetak-detak dalam hatiku. Dan, tidak ada yang kudengar di sekitarnya kecuali detak hati Pak Husain yang merenungku. Pada wajahnya terlukis gambaran keriang yang beriak-riak di bibirnya yang kelihatan separuh tertutup oleh misainya yang seperti kapas. Janggutnya jarang-jarang. Juga seperti kapas. Pakaiannya yang sederhana membayangkan keperibadian desa yang suci murni.

Kugeser dia ke tepi. Kami berlabuh di dalam sebuah warung. Kami minum-minum.

"Ayahmu masih sihat?" tanyanya. Memang Pak Husain sangat sayangkan ayahku.

"Meninggal," jawabku perlahan. "Ayah meninggal kira-kira setahun yang lalu."

"Meninggal?" sepatih pertanyaan engkarnya. Mulutnya kumat-kamit. Dia membaca ayat suci tentunya, fikirku.

"Ayah selalu menyebut nama Pak Sin," kataku. "Tapi kerana uzurnya, kami tidak dapat membawanya untuk menemui Pak Sin."

Pak Husain merenung orang ramai. Dalam riak matanya dapat kubayangkan wajah ayahku terdiri di dalamnya. Dia melihatku kembali. Menghirup kopi.

"Memang lama tak bertemu," kata Pak Husain kemudian.

Ya, lama, bisik hatiku.

Sesungguhnya kami telah berpisah dalam tahun-tahun pendudukan BMA. Keluargaku pindah ke kota. Ketika bunga-bunga politik memercup tumbuh pada tahun-tahun 1940-an, kami telah melupakan satu sama lain. Ketika permulaan perpindahan kami, ayahku sering ke desa peninggalannya. Akan tetapi, apabila api politik membakar seluruh tanah air, ayahku larut di dalamnya. Dan sejak itu, perpisahan tidak rasmi itu saling lupa-melupai.

Kira-kira lebih tiga puluh tahun yang lalu, Pak Husain masih sepertiku. Usianya baru kira-kira tiga puluh tahun. Aku berusia lebih sedikit empat belas tahun. Pak Husain tegap sasa. Dia berani. Dia banyak dicintai oleh gadis-gadis kampungnya. Dan aku sering mengekorinya untuk memancing. Menyandak juga. Kampung kami damai. Deburan ombak Laut China Selatan saban detik menyiulkan lagu nelayan yang penuh duka nestapa. Kerana kedudukannya yang agak terpencil oleh sungai dan laut yang mengelilinginya, disebut Kampung Pulau Pak Amat.

Inilah Pulau Pak Amat yang gamat!

Ketika kusedar oleh hentakan dan siulan bunyi yang bergemertuk, aku seperti diselimuti oleh gebar kebingungan yang menakjubkan. Memang gendang-gendang telinga dapat menangkap bunyi siulan yang ajaib itu. Siulan peluru dan bunyi gegaran. Menerusi celah-celah dinding pelupuh rumah kami, dapat kulihat pancaran api yang menjilat. Geraaarrrrr! Suatu ledakan yang boleh memutuskan anak telingaku. Ledakan itu disambung terus-menerus oleh rentetan bedilan yang membertih.

Aku menajamkan pendengaranku. Barangkali suatu latihan seperti yang kulihat minggu akhir-akhir ini. Kampung kami dipanjati kegembiraan dalam dua tiga minggu akhir-akhir ini. Saban petang kami berlari-lari ke pantai untuk melihat askar-askar Punjabi yang meniarap di sepanjang pantai. Benteng yang tersergam hitam penuh kengerian, kemas di muka Kuala Pak Amat. Ia merupakan hantu bisu yang penuh misteri. Adakah gegaran daripada ledakan dan jilatan api yang memancar pada malam kelam ini juga latihan?

Tidak. Tidak. Bentak hatiku. Sesuatu tersergam hitam asing di dalam kepalaku. Aku cuba melihat ayah dan ibuku. Mereka sudah lebih awal daripadaku. Mereka berceratak di dalam gelap. Melihat sesuatu ke dalam diri masing-masing. Abang dan adikku juga. Aku bangun. Menapak di dalam gelap seperti ada sesuatu yang akan kucaapai dengan fikiranku.

Geraaarrrrr!

Aku terduduk. Detakan debar yang maha kencang di dalam dadaku, menyebabkan aku terduduk. Rentetan terus-menerus mengotori malam kampung kami. Pulau Pak Amat dibisingi bunyi bedilan dan

ledakan yang entah mengapa.

Dalam keadaan malam yang mencekik suara kami, tiba-tiba kudengar beduk Subuh. Beduk dari Kampung Tuk Lukup. Dan, tidak kudengar beduk dari kampungku sendiri. Mengapa?

Kudengar hingar-bingar daripada jiran-jiran. Ayahku bangun. Bukan. Ayahku berdiri di atas lututnya saja. Kami dapat melihat api yang sedang menjulang di sebelah matahari jatuh. Ya Tuhan! Aku berseru dalam hati.

“Perang!”

Sepatah keluar dari mulut ayahku. Dan, aku terhenyak semula ke dalam punggungku. Suatu ledakan menyala berhampiran pagar ubi kayu yang aku tanam. Kebisingan sudah merasuk dari sebelah-menyebelah. Kudengar ada tapak berlari di halaman rumah kami.

“Hasan!!” Laungan pendek dan tajam menyeru nama ayahku. “Jepun melanggar!!” Suara itu membantu menyalakan kegelapan di dalam dada kami.

Ibuku meraung kecil. Abang dan adikku juga. Kami berkumpul rapat-rapat seolah-olah menyatakan perpaduan kami. Biarlah kami hangus dalam keluarga. Tidak! Aku tiba-tiba membentak kepada hatiku sendiri. Tetapi ayahku lebih dulu bertindak sebelum aku berkata apa-apa.

“Keluar! Meniarap di tanah!” perintahnya.

Kami berbondongan terjun ke tanah. Dan ibuku menyebut nama Allah tidak berhenti-henti. Gerarrrrr! Api menyembur ke mana-mana. Mencerahkan halaman rumah kami. Dan aku berkumpul di dekat ibuku. Fatimah, adikku, memeluk paha ibu. Salim, abangku, tercanguk-canguk di depan jemuran. Dia segera ditarik oleh ayahku hingga terduduk di sisi kami.

Ketika kami melangkah ke pintu tadi, cahaya subuh sudah terpancar dari sebelah timur. Kemerah-merahan. Keheningan malam, selalunya masa begini, telah membawa langkah para nelayan ke gigi ombak yang menepis-nepis lembut. Akan tetapi, pagi ini tidak. Aku sempat melihat jalur-jalur hitam dan entah apa sedang bergerak-gerak dengan cepatnya di sekitar kami. Dapat kulihat arah ke pantai: Rentetan-rentetan dan api menyembur ke darat. Dalam desiran lunak ombak pagi yang malas, tompok-tompok hitam yang sedang bergerak kelihatan dalam kehitaman yang sangat ajaib. Garisan-garisan api yang lebih merupakan titik-titik merah yang memanjang sedang menyembur ke arah benteng di muka Kuala Pak Amat.

Perang!

Itu saja yang sedang tersemat dalam kepalaku. Rupa-rupanya, dan tidak pernah kutahu sebelumnya, perang sudah dimulakan sekarang. Dalam kebolehan fikiran kanak-kanakku, dapat juga kutahu, kesibukan askar-askar Punjabi dalam minggu-minggu terakhir ini, inilah!

Hari semakin terang. Perbauran rentetan senapang dengan ledakan bom motor dan jerit-pekik penghuni Kampung Pulau Amat, sudah merasuk dan menghantu. Di sana sini sudah kelihatan orang-orang berlari. Pancaran kemerah-merahan dari sebelah timur menjelaskan kejadian yang mengagumkan itu. Di bibir pantai, kira-kira seratus atau dua ratus ela dari rumahku, ya Tuhan, kulihat barisan dan lembaga-lembaga bergerak dengan cepat. Semuanya menuju benteng di kuala. Tidak dapat kubilang. Tidak dapat. Lembaga-lembaga itu terus mendarat dari sampan-sampan yang masih bertaburan di laut.

(Kemudian baru kutahu sampan-sampan itu adalah sampan-sampan getah yang sangat banyak).

Dalam kebingungan yang sudah menguasai kampung kami, dengan tiba-tiba itu, aku masih bercera-tuk bersama-sama anggota keluarga kami. Ketika ayahku termangu-mangu, kami sempat melihat satu lembaga berlari dengan pantas dan menuju kepada kedudukan kami.

"Pindah!" Sepatah ucapan itu tersembur dari mulutnya. Dia jugalah dinihari tadi yang melaung nama ayahku. Pak Husain!

Ayahku masih termangu-mangu juga.

"Pindah sekarang juga waktu belum cerah!" Pak Husain membongkok ke arah ayahku. "Semua orang kampung sudah berada di sana," sambil mengarah ke sebelah hulu. "Di pangkalan."

Seperti tidak mempunyai kekuatan apa-apa, kami mengekor di belakang Pak Husain. Dia tidak bersenjata apa-apa. Berkain pelekat berbaju kemeja gelap, tidak berkasut Pak Husain meninggalkan kami di suatu selekoh batas dan pokok-pokok pandan yang lebat. Barangkali mengatur orang lain pula. Barangkali. Ketibaan kami di pangkalan, perahu sudah berasak-asak dengan orang. Dan, ketika kami melangkah naik perahu, sebuah ledakan betul-betul jatuh di depan kami. Kudengar suara pekikan berhampiran. Ya Tuhan! Rumah Mak Esah terbakar. Berkecai. Korban pertama kampung Pak Amat, Mak Esah dua beranak telah hilang bersama-sama rumahnya.

Ketika itu juga kudengar laungan dari darat, arah laut. Kulihat beberapa orang sedang mengu-sung sesuatu. Dalam permulaan matahari terbit ini, sesuatunya berbalam-balam oleh bayang-bayang

atau lindungan pokok-pokok kelapa yang banyak. Terdengar suara tangisan dan raungan. Semua kami bangun. Menajamkan pandangan dan pendengaran. Lembaga-lembaga itu kian hampir. Menapak terus ke arah kami. Kelihatan Pak Ngah mendahului usungan itu. Dan, masing-masing kami hanya menyebut nama Allah. Mengucap dan beristighfar. Jarah, anak Pak Ngah ditembusi peluru sesat dari atas bahunya ke belakang. Jarah belum mati. Akan tetapi, dia menyumbatkan air matanya ke dalam tiap-tiap mata kami. Dia terlantar tanpa sedarkan dirinya.

“Kampung Dal!”

Jerit seseorang. Tidak cerat padaku siapa yang bersuara nyaring itu. Dan, semua perahu kami bergerak dalam samar-samar pagi itu seperti suatu denyut nadi yang malas. Sinar cerah dari timur kian jelas. Dan, kami semakin jauh dari rentetan dan ledakan. Ketika kami melewati Kampung Tuk Lukup dan Pulau Tukang Dolah, kami tidak melihat penghuni kampung itu. Mereka sudah pindah. Mereka lebih awal daripada kami. Hanya beberapa orang (yang kebetulan sengaja melambatkan diri) ikut menyertai rombongan kami. Barulah aku dapat memastikan mereka pindah ke mana-mana. Pindah ke Kampung Tebing Tinggi. Pindah ke Kemumin. Pindah ke Pulau Gajah.

Matahari kian terang. Dan, fikiran kami kian lega. Semua harta benda kami ditinggalkan. Ibuku sempat membawa barang-barang kemasnya. Akan tetapi, Pak Ngah Isa bawa beras sebanyak-banyaknya. Aku mengerti dengan sesungguhnya, bahawa perpindahan kami adalah disebabkan oleh perang. Ya, perang. Walaupun aku tidak mengerti

sesungguhnya apakah perang itu, tetapi kuraskan akibatnya. Rata-rata kami mengetahui perang sekarang ialah pelanggaran mendadak oleh Jepun ke atas Inggeris. Dan kampung kami, Pulau Pak Amat, yang mempunyai sebuah benteng yang kami banggakan selama ini, menjadi tempat permulaan tentera-tentera Jepun mendarat. (Ini kutahu setelah aku masuk sekolah di kota). Seorang jiran kami, telah menghitung di depanku. Pagi ini ialah 8 Disember 1941.

Aku menghirup sesuatu ke dalam rongkong pengalamanku dalam usiaku empat belas tahun. Rata-rata kami dihinggapi duka nestapa oleh kejadian ini. Ketika kami tiba di depan Sungai Gali, kami tidak mendengar lagi ledakan bom mortar. Sesekali kudengar sayup-sayup rentetan senapang. Akan tetapi suatu yang ajaib telah berlaku. Ketika kami tiba di pangkalan Kampung Dal, kami telah kehilangan sesuatu. Kami tidak sedar sebelum ini. Dan, kami terpinga-pinga. Ayahku dengan gagahnya cuba menguasai sebuah perahu untuk sorot ke belakang. Ayahku ditahan oleh Pak Ngah. Dan, semua orang menahan ayahku. Ibuku menangis dan bersenggayut di kain pakai ayahku. Adikku juga.

Kami kehilangan Pak Husain!

Dialah yang mengetuai kami berpindah. Dialah yang mengusung Jarah. Dia jugalah yang mengumpulkan kami ke pangkalan. Dia segala-galanya. Dan, dia tertinggal dalam saat akhir apabila Pak Ngah memerintahkan kami meninggalkan pangkalan. Tidak seorang pun di antara kami yang sedar bahawa Pak Husain belum turun ke pangkalan. Dan, ketika perahu-perahu kami melewati Tuk Lukup, Pulau Tukang Dolah, Pulau Panjang dan Sungai Gali, kami

belum sedar akan kehilangan Pak Husain. Mak Bidah, isterinya juga tidak sedar. Dan, sekarang. Mak Bidah mula meraung. Ketiadaan Pak Husain, pahlawan kami, menjadi suatu kumpulan fikiran kami bersama-sama. Dan, sebagai lazimnya dalam saat-saat yang menekan dan maut di mana-mana, kehilangan itu terpaksa ditelan. Dan, tiap-taip kami hanya mendoakannya dalam hati.

Kami berkumpul di Dal.

Dan, ketika matahari benar-benar mencerahkan seluruh penglihatan kami, mata kami dan pendengaran kami segera tertumpu kepada dengungan kapal terbang. Ya, kapal terbang. Kami tidak mendengar sebelum menjelang jam tujuh pagi. Kapal-kapal terbang yang bertanda bulat matahari menggegarkan suasana pagi jam sembilan. Kelajuannya yang seperti lang sewah telah menyemburkan rentetan peluru dan bom.

Nyata kepada kami bahawa benteng Kuala Pak Amat sudah jatuh. Dan, secara automatik aku melihat wajah Pak Husain yang berkecai-kecai dalam batinku. Bagaimana benteng di Dasar dan Sabak? Aku tidak tahu. Akan tetapi, aku dapat mengagak, kemaraan tentera Jepun yang nekad tidak dapat diampang. Dan, apa yang kusangkakan itu telah benar berlaku. (Seorang pengungsi dari Dasar yang lewat menyatakan ketiga-tiga benteng di pantai dan askar-askar Punjabi sudah tewas).

Kami yang menjadi saksi atas kemaraan tentera Jepun dari jarak setengah batu atau lebih sedikit dari Pengkalan Chepa, dapat melihat kepulan asap hitam dan ledakan yang hebat. Gumpalan asap itu nyata dari Pengkalan Chepa, benteng yang terkuat pada ramalan kami.

Walaupun kami sekalian menyaksikan kebakaran dan kemusnahan serta kejatuhan Pengkalan Chepa dari jarak dekat, kami tidak dapat melupakan Pak Husain. Bagaimanakah nasibnya? Ketika di Dal, aku tidak temui lagi Mak Bidah, isteri Pak Husain. Kami saling mencari tempat pada jiran-jiran. Dan, dengan sendirinya pula aku tidak tahu penderitaan keluarga Pak Husain.

Penyewahan kapal-kapal terbang Jepun yang merendah dan memuntahkan bom yang tidak berhenti-henti sejak jam lapan pagi membuatkan hatiku kecut seperti lokan yang direbus. Akan tetapi, ketika menjelang jam sebelas, kecut hatiku mula kembang. Keadaan yang berlarut-larut menimbulkan suatu keberanian yang sangat ajaib. Dengan beberapa orang kawan, aku menyeberangi Sungai Pangkalan Chepa. Kami mendarat (seperti juga tentera-tentera Jepun yang mendarat) di seberang Sungai Gali. Dan seperti tentera-tentera yang mendarat di Kuala Pak Amat, aku dapat melihat kebakaran besar di Pengkalan Chepa. Ketika kepulangan kami ke Dal petang itu, aku dapat menyatakan Pengkalan Chepa sudah musnah. Pengkalan Chepa sudah jatuh. Askar British sudah memanjangkan langkahnya ke Ketereh. Dan, lebih jauh (ini kutahu daripada cakap-cakap orang) askar-askar British menyelamatkan diri ke hulu-hulu Kelantan. (Mereka membumihanguskan jambatan-jambatan dan jalan-jalan kereta api. Ini kutahu setelah keadaan pulih dalam beberapa tahun kemudiannya).

Dalam keadaan kami diselubungi oleh raksasa ketakutan dan putus asa, tiba-tiba Pak Husain menjongol dalam lingkungan kami di Kampung Dal. Tiap-tiap kami melingkungi Pak Husain, seperti

anak-anak melingkungi ahli silap mata. Kehadiran Pak Husain juga menakjubkan. Dia tiba waktu menjelang isyak. Wajahnya pucat dan seperti tidak bermaya. Ya, memang Pak Husain tidak bermaya. Dan, tiap-tiap kami berasa bahawa kehadirannya bersama-sama cerita yang dibawanya, tanpa disedarinya telah memanjatkan gelaran pahlawan kepadanya. Ceritanya begini:

Waktu kami akan berangkat meninggalkan pangkalan, Pak Husain dalam perjalanan kerana memeriksa barang-barang rumahnya. Dengan tiba-tiba dia dicegat oleh dua orang tentera Jepun. Rupanya Jepun itu boleh berbahasa Melayu. Dia kenal orang Melayu. Dengan senapangnya, dia memaksa Pak Husain menguburkan mayat-mayat tentera dan orang-orang yang mati. Ketika beberapa orang tentera Jepun itu mahu mencari orang-orang kampung, Pak Husain menyatakan semuanya sudah lari. Sekaliannya sudah pindah. Akibat sikapnya yang berani itu, Jepun itu tidak turun ke pangkalan. Dan, Pak Husain dipaksa menggali kubur besar. Mayat-mayat yang berpuluh-puluh itu (di pantai Pak Amat saja) dikuburkan beramai-ramai. Dia bekerja sehari suntuk. Darah menyimbah seluruh badannya. Dia seorang diri. Sehingga menjelang senja (dia diberi makan biskut dan air oleh tentera Jepun), dia meminta kepada tentera yang pandai berbahasa Melayu itu, mahu buang air besar. Dan, ketika itulah dia mengambil peluang melarikan diri. Pak Husain menyeberangi sungai ke Tuk Lukup. Dari Tuk Lukup dia berjalan kaki ke Sungai Gali.

"Semua askar Punjabi mati. Kubu Kuala Pak Amat jatuh. Juga di Dasar dan Sabak. Jepun berada di mana-mana."

Suara Pak Husain sangat lemah. Dia sudah dimandikan Mak Bidah. Darahnya sudah dicuci. Tetapi semangat Pak Husain sudah hilang. Dia menjadi takut-takut. Dia selalu meracau dan menyebut apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun. Dia melihat mayat di mana-mana, walaupun kami tidak melihatnya. Kwong yang menyerobot ke dalam perasaan Pak Husain sangat membimbangkan kami. Beberapa malam berikutnya ayahku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain. Kami sedar, keadaan Pak Husain akan membahayakan. Dia mesti dijaga. Dia bertanggungjawab menyelamatkan kami. Aku dapat bayangkan betapa akan berlaku ke atas kami sekalian di pangkalan kalau tentera-tentera Jepun itu sempat turun. Bukankah keberanian dan sikap Pak Husain membohongi tentera Jepun itu telah menyelamatkan kami? Alangkah besar jasanya. Alangkah!

Kisah Pak Husain dipaksa menguburkan mayat sehari suntuk telah berkembang dari mulut ke mulut. Kisah itu mengapung terus dari Kampung Dal ke kampung-kampung yang lain. Berkembang di Tebing Tinggi, di Dasar, di Kemumin, di Pancur, di Pulau Tukang Dolah, dan di Teluk Kitang. Dan, cerita itu tidak dirasakan baktinya oleh mereka selain kami penghuni asli Kampung Pulau Pak Amat.

Pak Husain telah menyelamatkan kami!

Kisah Pak Husain tidak berakhir di situ sahaja. Ketika Jepun menyerah pada tahun 1945, dia menyelamatkan kampung kami sekali lagi. Waktu perompakan menjadi-jadi. Rompakan berlaku di Tuk Lukup. Berlaku di Sabak. Berlaku di Pengkalan Datu. Awan ketakutan berkembang hitam di tiap-tiap buah kampung yang agak terpencil. Ketika

pendaratan perompak di Kampung Pak Amat, Pak Husain telah membedil kawanan perompak yang masih di dalam perahu. Senapangnya yang diambilnya daripada kematian seorang askar Punjabi (waktu dia menguburkan mayat-mayat mereka pada permulaan perang), telah dipergunakan pertama kali. Bedilannya itu telah menyelamatkan rumah Pak Ngah Isa. Menyelamatkan semua orang kampung. (Akhirnya Pak Husain menyerahkan senapang itu kepada kerajaan apabila semuanya normal).

Kepahlawanan Pak Husain dikenang dengan air mata apabila pada suatu pagi, kira-kira lima puluh ela dari benteng Kuala Pak Amat (ini berlaku setahun selepas Jepun menyerah), suatu ledakan mengotori keheningan pagi kaum nelayan yang sedang berarak menuju ke laut lepas. Masing-masing orang berlari-larian. Ketika orang ramai tiba, Pak Husain sudah tidak sedarkan dirinya. Dia diangkut ke hospital Kota Bharu. Pecahaan-pecahan bom yang tertanam (saki-baki pendaratan tahun 1941) itu, menyebabkan kaki kiri Pak Husain dipotong.

Inilah dia! Pak Husain, pahlawan kami!

"Masa yang betul-betul tidak bertemu, aku kira hampir tiga puluh tahun," tiba-tiba kata Pak Husain.

"Ya," jawabku. "Kita berpisah dalam tahun empat puluh enam. Sekarang tujuh puluh tiga."

Pak Husain menikam pandangannya ke wajahku. Dia seolah-olah merenung wajahku. Aku yang sudah empat puluh enam tahun. Dia masih kelihatan gagah. Bahagian muka dan tubuhnya masih kelihatan tegap kalaulah tidak kerana kakinya yang buntung. Usianya sudah meningkat enam puluh. Barangkali lebih.

"Nampaknya Pak Husain masih segar," kataku menanam harapan di dalam dadanya.

Dia senyum saja. Merenung orang ramai.

"Selalu sakit-sakit. Mak Dah sudah meninggal. Lima tahun lalu."

Aku mengucap kalimat suci. Mengangguk-angguk.

"Jemputlah ke rumah kami," kataku. "Kami tinggal di Jalan Bayam. Abang dan adik kebetulan ada."

"Terima kasih, Khalid!" Pak Husain menanamkan matanya ke dalam mataku. "Aku nak ke Padang Bemban, rumah cucuku. Dia akikah."

Dan, ketika kami berpamit, perpisahanku dengan Pak Husain merentangkan sebuah jalan ingatan tentang kejahnya perang. Dia mengingatkan aku pada sifat kekejaman untuk suatu perebutan pengaruh politik yang memperalatkan nyawa.

Pahlawan buntung itu tersiuk-siuk pergi!

*Dewan Sastera*, Oktober 1973

## KEPUASAN



**M**ATANYA terkulat-kulat. Dia merenung bersahaja pada ibunya. Perkataan yang mencurahkan keluar dari dua bibir yang tebal, agak pucat dan kering dengan wajah muka mencuka ibunya itu, seperti tidak apa-apa.

Salim berlalu diam-diam. Dan, kedua-dua pipinya kembang dengan kuih susun yang dirampas dari tangan adiknya, Ramli, berumur empat tahun.

"Nanti aku pukul mampus. Pulanglah karang. Aku sembelih. Hai, celakanya budak Salim ni!" ibunya menggerutu. Memamah gigihnya sendiri. Matanya tajam mencerlung pada Salim. "Aku kerat

lehermu malam ini, Salim!”

Akan tetapi, Salim tersengih sahaja. Dia berlalu diam-diam. Dia mengunyah dengan nikmatnya seperti tidak pernah berlaku apa-apa. Dia sangat aman. Dia tidak mempedulikan adiknya menangis. Menangislah sampai kau mampus dengan suaramu, desis hatinya.

“Nanti bapamu pulang, teruk kau kena!” laung ibunya lagi.

Salim melihat ibunya sedang memujuk-mujuk adiknya. Salim tiba-tiba naik geram. Itulah yang menyakitkan hatinya. Semua kekuatan kebencian berdiri dan berbaris dalam dadanya. Selama tahun-tahun kematian ayahnya, Salim tidak berasa dia beroleh sesuatu. Dia hampa. Akan tetapi, dia sendiri tidak tahu. Dia tidak tahu mengapa dia boleh bersikap begitu.

“Kau akan mampus malam ini, hai anak celaka!” ibunya melaung lagi.

Salim melihat sekali lagi. Ibunya mengacung-acungkan tangan ke arahnya. Salim menjeling sedikit. Dan, kuih susun yang dirampas dari tangan adiknya sudah lenyap ditelannya. Dia dapat merasakan keenakan kuih itu. Menjilat sedikit bibirnya. Alangkah enaknya kalau begini selalu. Fikirnya lambat-lambat. Ibunya akan membunuhnya malam ini? Bapa mudanya akan mengerat lehernya malam ini? Salim tersenyum saja. Dia tahu itu. Tahu betul-betul. Mati dan hidup baginya sama sahaja. Ya, sama sahaja.

“Kau akan mampus!”

Suara itu terdengar sayup-sayup. Salim sudah agak jauh. Dia melangkah perlahan-lahan. Dia puas. Dia akan naik pokok jambu Cu Bidah. Di dalam kebun

yang banyak itu, dia akan bersenggayut senang. Tidak siapa yang tahu. Dan, akan keluar diam-diam dari sebelah matahari jatuh. Dia sudah membuat lubang kecil di situ. Dia sudah menutupnya kemas-kemas dengan anak-anak kayu. Tidak seorang pun yang tahu. Dan kalau kenyang, dia akan naik ke surau yang terpencil di hujung kampungnya. Dia akan tidur di situ. Surau itu tidak akan didatangi orang kecuali hari Jumaat. Dia tidak cuak tinggal di surau. Dia sudah biasa dengan suara cicak. Biasa dengan suara burung hantu. Biasa dengan suara burung ketuk. Dan, malah tidak berasa apa-apa ketika mendengar suara mengilai daripada langsuir pangan.

Ketika Salim menoleh sekali lagi ke arah rumahnya yang perlahan-lahan ditinggalkannya, matanya sempat melihat kelibat bapa mudanya. Bapa mudanya sedang berlari-lari ke arahnya. Sebatang kayu tercekak kemas di dalam tangan bapa mudanya. Dan, Salim tidak terperanjat dengan sikap bapa mudanya. Dengan kepantasan seekor rusa di dalam belantara, Salim mempercepat kakinya. Dia membelok cepat di jalan bawah sawah. Waktu dia seperdua padang, dia mendengar suara garuk bapa mudanya. Akan tetapi, dia tidak cerat. Dan, sebentar dia mendengar suatu suara ganjil menuju ke arahnya. Salim menoleh. Kayu yang dicekak oleh bapa mudanya tadi sedang terbang ke arahnya. Dia melihat kedatangan kayu itu dengan tenang. Salim tidak berlari lagi apabila melihat bapa mudanya tidak mengejarnya. Dan, kayu itu dibiarkan Salim datang ke arahnya. Dia akan mengelak dengan senang sahaja. Dan, ketika kayu itu hampir padanya, tepat sahaja jatuhnya dekat kakinya.

Salim tercegat di situ. Memungut kayu itu. Mencampakkannya ke tepi. Dia tahu. Kalau kayu sebesar lengan itu mengenai kepalanya, dia akan mati. Dia melihat tenang-tenang ke arah bapa mudanya. Melihatnya cerat-cerat. Bapa mudanya tidak mengejanya lagi. Akan tetapi, dia dapat melihat api kejengkelan sedang memamah hati bapa mudanya. Salim tidak berasa apa-apa. Dia tersenyum melihat kepergian bapa mudanya. Alangkah baiknya kalau tidak mengejanya tadi?

Dia sudah tidak berasa apa-apa. Kemarahan ibunya dan bapa mudanya sama sahaja. Dan, dia sudah merasakan penangan mereka. Sudah dapat merasakan penampar yang mendengungkan kepalanya berhari-hari. Sudah dapat merasakan siatan tangan mereka yang biru lebam berminggu-minggu. Sudah dapat merasakan tendang dan ketuk kepala mereka yang memusingkan mata dan menyenangkan perut berhari-hari. Pernah. Pernah merasakan kelaparan seperti kebuluran. Pernah. Dan sekarang, dia tidak begitu mengharap minuman dari rumah. Tidak lagi. Tidak.

Salim tahu dia mempunyai banyak kawan. Kawan sekolahnya dulu masih ada. Dan, dahulu kawan-kawannya itu masih bersekolah kira-kira sebatu dari kampungnya. Dia berhenti dalam darjah lima. Tidak ada buku. Tidak ada kalam. Dia masih ingat Cikgu Abdul Rashid pernah mengatakan padanya, waktu itu dia dalam darjah lima:

“Kalau kaubelajar rajin-rajin, tidak berhenti, kau akan menjadi orang pandai. Menjadi orang bijak. Orang Besar.”

Waktu itu dia mendapat nombor tiga dalam darjahnya. Dan sekarang, kawan-kawannya sudah

masuk sekolah lain di bandar. Salim dengar sekolah itu sekolah lebih tinggi. Ada tingkatan. Dan, dengan rasa harapan yang sudah berlalu dia dapat melihat wajah Cikgu Abdul Rashid yang baik hati. Walaupun Cikgu Abdul Rashid pernah memukulnya kerana silap membuat kira-kira, akan tetapi Cikgu Abdul Rashid lebih baik daripada ibunya dan ayah mudanya. Seribu kali!

Salim sayang pada adik-adiknya. Dia tidak pernah memukul adik-adiknya. Ramli tidak menangis ketika dia mengambil kuih susun yang dua keping tadi. Dia meminatinya dengan benar. Ramli akan mencemarkan kuih itu dengan tanah. Bukankah baik dia makan sahaja? Salim tidak berasa kesal. Dia merampas dengan alasan benda itu akan rosak binasa. Bukankah lebih baik dimakan sahaja? Dia sayang pada Ramli. Dia sayang pada Sakinah, usia hampir satu tahun. Akan tetapi, dia tidak pernah merasakan tumpuan kasih sayang penuh pada adik-adiknya kerana dia selalu diburu. Dia selalu dihandaskan dengan pelbagai kerja. Selalu dihandaskan dengan pelbagai maki. Maki daripada ibunya. Maki daripada ayah mudanya.

Kadang-kadang ada ingatan syaitan dalam kepala Salim. Tapak kakinya sudah agak sama besar dengan ayah mudanya. Tingginya agak sama. Dia lebih kecil. Dan, dia sudah masuk usia lima belas tahun. Kawan-kawannya akan masuk STP tahun ini. Dia akan kerjakan bapa mudanya. Dia akan membenamkan pisau tajam pada jantung bapa mudanya. Dia akan mengerat leher bapa mudanya. Tidakkah ini dapat dikerjakan seorang diri? Tidakkah ini dapat dikerjakan dengan jaya?

Akan tetapi, fikiran-fikiran syaitan itu teng-

gelam dalam kepala Salim saja. Dia masih takut. Takut kepada ibunya. Takut pada bapa mudanya yang garang. Takut pada orang ramai. Takut pada dirinya sendiri.

Salim masih ingat lebih empat lima tahun yang lalu. Ketika itu dia dalam darjah lima.

"Salim boleh pulang sekarang. Ada orang datang menjemputmu pulang," kata Cikgu Abdul Rashid.

Dan, dengan keadaan termangu-mangu, untuk apa dia disuruh pulang dengan segera, mengekor di belakang Pak Cu Deraman.

"Ayahmu," kata Pak Cu Deraman cuba memberikan sesuatu keterangan. Berhenti. Mereka berjalan terus. Salim menyangkutkan beg rotannya di atas bahunya dengan menyengkelangkan tangannya. "Ayahmu diserang kelintasan."

Salim diam sahaja. Ayahnya diserang kelintasan. Dia tidak tahu apa itu kelintasan. Dan, setelah dia tiba di rumah barulah dia mengerti, kelintasan itu ialah penyakit yang datang dengan tiba-tiba. Kelintasan itu menyerang ayahnya. Dan, ayahnya mati diserang penyakit kelintasan itu. Dia menangis. Dan, tangisannya mendapat simpati daripada senda jiran. Ada yang memujuknya. Ibunya mendakapnya seperti tidak mahu melepaskannya seumur hidup.

Kejadian itu awal tahun. Dan, dalam penggal tiga sekolahnya, Salim berasa gembira lagi. Dia beroleh bapa baru. Ibunya kahwin lagi. Bapanya yang baharu itu lebih muda. Salim pernah mendengar ucapan jiran: Bapa mudanya seperti adik ibunya. Segala kerja yang dipikul oleh almarhum bapanya dahulu diambil alih oleh bapa mudanya. Akan tetapi, Salim berasa sedikit kecewa. Sebelum dia menghadapi peperiksaan akhir darjah lima, ibunya menyuruh dia

berhenti. Dan, bersama-sama bapa mudanya (dia memanggil ayah muda) dia menenggala, mengerat, dan mencedung. Dia juga menuntun lembu petang-petang di permatang sawah.

Bulan-bulan kemudiannya dia berasa kasih sayang ibunya sudah kian jauh daripadanya. Ibunya sangat kasih pada suami baharunya. Salim tidak pernah melihat seumur hidupnya, waktu ayahnya masih hidup dahulu, ibunya bergurau-gurau dan ketawa-ketawa seperti sekarang dengan suami baharunya. Dan, menjelang akhir tahun berikutnya, ibunya melahirkan adiknya Ramli. Dia sangat sayang pada adiknya yang hanya itulah satu-satunya. Salim tidak beroleh adik daripada ibu dengan ayahnya yang telah mati. Dialah satu-satunya anak. Dan, sekarang dia beroleh adik. Salim juga tidak mengerti bagaimana bapa mudanya sangat sayang pada ibunya. Tidak tahu. Ibunya tidak cantik. Akan tetapi, Salim tahu, ibunya mempunyai banyak tanah. Ada kebun kelapa. Ada tanah sawah. Ada juga sedikit kebun getah. Akan tetapi, Salim tidak tahu mengapa bapa mudanya sangat kasih pada ibunya.

Permulaan Salim dapat menimang adiknya, dia dapat merasakan bapa mudanya banyak menghandakan pekerjaan padanya. Ibunya juga bersikap begitu. Apabila dia tidak terbuat, dia dimarahi oleh bapa mudanya. Kemudian, dimarahi oleh ibunya. Dan dalam hari-hari, bulan-bulan berikutnya Salim selalu kena marah Dan, sejak itu dia selalu kena marah. Bertahun-tahun. Ketika dia melihat adiknya yang kecil keluar dari ibu dengan bapa mudanya, Salim sudah terpisah daripada kemanjaan ibunya. Dia tidak mendapat kemanjaan ibunya seperti waktu dia di samping bapanya yang mati kena kelintasan.

Dan, Salim tidak merasa dirinya apa-apa. Maki dan pukul oleh ibu dan bapa mudanya seperti tidak apa-apa. Dia sayang pada adik-adiknya. Dia mengharap bapa mudanya dan ibunya sayang kepada adik-adiknya itu. Dan, itu benar. Ibunya sayang pada Ramli. Sayang pada Sakinah. Bapa mudanya sayang pada Ramli. Sayang pada Sakinah. Dia pun sayang pada Ramli. Sayang pada Sakinah. Akan tetapi, mengapa bapa mudanya tidak sayang padanya? Mengapa ibunya tidak sayang kepadanya? Salim tidak tahu. Barangkali kerana dia sudah besar. Barangkali dia tidak kecil seperti adik-adiknya. Apakah adik-adiknya akan dipukul oleh bapa mudanya atau oleh ibunya apabila mereka besar? Mereka akan dimaki apabila besar sepertinya sekarang?

Salim tidak tahu. Dia tidak penat-penat untuk memikirkannya. Secara samar-samar dia dapat merasakan itu bukan. Ya, bukan. Yang dia tahu, dia tidak ada bapa. Bapa mudanya bapa tiri. Ibunya? Masih ibunya yang sejati. Masih ibunya juga.

Dia juga tidak mengerti. Dia sangat berasa senang dengan apa-apa yang dibuatnya. Kalau dia dimarahi kerana memelas buah jambu, memelas buah duku jiran, dia tersenyum sahaja. Tersengih sahaja. Jiran tidak pernah memukulnya. Mereka akan memakinya. Makilah, aku tidak akan hancur. Ibuku pernah memakiku. Hari-hari. Aku tidak hancur. Sumpahlah sampai mulutmu berbuih. Aku tidak akan hancur. Dan, dia akan menerima pukulan daripada sesiapa sahaja. Akan tetapi, Salim tahu. Jiran tidak pernah memukulnya. Dan, dia bersikap menentang dengan berani kalau ada kawan-kawan sebaya yang mencemuhnya. Dia akan melawan. Dia akan memukul. Dia akan menendang. Dia akan

menumbuk. Dia akan menyumpah juga. Dan, dia akan lari serta-merta kalau ibunya atau bapa muda datang.

Salim terperanjat tiba-tiba. Dia hampir-hampir terjerempak dengan Mak Sum yang sedang menjunjung padi. Jalan itu sangat sempit.

"Hai, budak ni, mujur tak tempuh." Mak Sum agak latah sedikit. Bakulnya di atas kepala bergoyang-goyang sedikit.

Salim tersengih sahaja. Dia mengelak ke tepi. Masuk ke dalam pokok-pokok tepang yang lebat. Beberapa ekor pacat meliuk lentok dan berjangkit ke rumput-rumput berdekatan apabila tercium bau manusia. Salim cepat melompat ke tengah jalan. Matanya segera terpandangkan daun tepang yang berbungkus. Sarang kerengga. Salim mampir ke situ. Diambilnya seketul batu. Dibalingnya ke sarang kerengga itu. Sarang itu koyak. Dan, Salim menghampirinya. Semua kerengga kelam-kabut. Daun itu merah seluruhnya oleh kerengga yang beratus-ratus. Beberapa ekor merayap ke daun-daun yang lain. Merayap ke batang pokok tempat Salim. Salim mengambil sebatang kayu sebesar kelengkeng. Dipenyetnya seekor kerengga itu dengan kayu sebesar kelengkeng tadi. Datang lagi yang lain. Dipenyetnya lagi. Datang lagi. Dipenyetnya lagi. Datang lagi. Dipenyetnya lagi.

Salim senang melihat kerengga-kerengga yang terkerat dua itu bergerak-gerak. Sesungguhnya meliuk-liuk. Kemudian diam. Mati. Salim memenyet yang lain pula. Kerengga itu memancarkan air bisanya. Salim memenyetnya lagi. Barangkali sudah dua puluh ekor. Barangkali tiga puluh ekor. Kerengga-kerengga itu datang juga. Meramaikan tempat

Salim. Salim mengambil sebatang kayu. Dia memukul-mukul kerengga itu sampai hancur. Dan, dia undur sedikit. Dia melihat seluruh kerengga itu berjatuhan di atas tanah. Merata-rata di pokok-pokok tepang dan nenada di situ. Kemudian, Salim berjalan pergi meninggalkan sarang kerengga yang hancur berkecai itu.

Dia memungut beberapa ketul anak batu. Dari poket seluar pendeknya yang sudah separuh koyak, dikeluarkan lastik. Dia mendongak ke atas pokok dedap yang sedang berbunga. Merah terhampar seluruh pokok dedap itu. Burung-burung jerijit, kekunyit, dan kelicap bersiul-siul. Sangat riang. Salim membidas dengan lastiknya. Batu kecil itu melayang melanggar daun pokok dedap. Beberapa ekor burung jerijit terkejut dan terbang bersiul-siul. Kemudian, hinggap di situ pula. Salim melastiknya lagi. Batunya tepat mengenai tubuh seekor burung kekunyit. Burung itu berdecit-decit dua tiga kali. Kemudian, tersangkut-sangkut di beberapa helai daun yang lebat, gugur ke tanah. Tidak bergerak. Salim memungutnya. Darah keluar dari bawah perut burung kekunyit itu. Salim mengesat darah burung itu dengan tangan kirinya. Disapunya darah itu ke tangkai lastiknya. Dibuatnya beberapa kali sehingga tangkai lastiknya merah dengan darah burung kekunyit itu. Burung itu dicampakkannya ke dalam belukar kecil.

Salim mendongak lagi. Diacungkan dengan betul. Dilastiknya lagi. Kali ini seekor burung jerijit. Burung itu terus jatuh ke bumi tanpa suatu bunyi. Salim memungutnya. Burung itu pecah kepalanya. Dengan tangan kirinya Salim mengesat darah burung jerijit itu. Disapunya ke tangkai lastiknya

yang sebelah lagi. Beberapa kali diulangnya. Tangkai lastiknya merah dengan darah burung jerijit. Dan kemudian, diletakkan di tanah. Salim memijaknya. Pup! Perut burung jerijit itu pecah. Terburai. Salim meludah sekali.

Dan, serentak itu Salim mendongak ke atas pokok dedap itu lagi. Beberapa ekor burung jerijit dan kekunyit terbang ke pokok-pokok yang lain. Keamanan tidak dirasakan lagi. Manusia sedang mengancam di bawah. Salim melastik lagi. Dan, burung-burung itu kemudiannya tidak ada lagi di pokok dedap itu. Yang tidak mati terbang berdecit-decit ke pokok-pokok lain.

Seekor ayam yang datang untuk mematuk bangkai-bangkai burung yang dibiarkan Salim di bawah pokok dedap itu agak ragu-ragu melihat Salim. Berketuk-ketuk dua tiga kali.

Cis! Kata Salim dalam hati. Dan, serentak itu dia mengacungkan lastiknya kepada ayam itu. Dilastiknya. Batu lastik itu tepat mengenai ayam itu. Ayam itu menggelupur. Menyasar-nyasar dan berpusing-pusing. Rebah. Salim menambahnya sekali lagi. Kena tubuhnya. Ayam itu menendang-nendang kakinya.

“Ngapa ayam itu?”

Salim terperanjat mendengar suatu suara. Garau. Penghulu Adam yang baru pulang dari pejabatnya.

“Entah,” jawab Salim, cepat.

Penghulu Adam menghampiri ayam itu. Dia menjamahnya. Dan, dia melihat kepala ayam itu pecah. Dia melihat ke arah Salim. Akan tetapi, Penghulu Adam tidak melihat wajah Salim lagi. Salim sudah pergi. Penghulu Adam menggeleng-gelengkan ke-

palanya sahaja. Dan, matanya segera melihat bangkai burung. Ada yang pecah perut. Ada yang pecah kepala. Ada sesuatu yang tergambar di dalam kepala Penghulu Adam. Dan, tiba-tiba dia teringat akan Adnan, ayah Salim, yang mati kena kelintasan. Adnan yang lurus dan penyantun. Dia cuba melihat-lihat ke arah jalannya Salim. Akan tetapi, tidak terlihat apa-apa. Salim sudah menghilangkan dirinya di selekoh jalan ke arah tepian sawah. Di sana banyak pokok. Salim akan berumah di sana. Fikir Penghulu Adam. Dia melangkah pergi.

Ketika Penghulu Adam bersiap-siap akan ke madrasah Kampung Tanjung petang itu, untuk urusan penerangan tentang bersawah padi dua kali setahun, dia digemparkan oleh suatu keriuhan. Sambil membetul-betulkan pakaiannya, dia melihat dua tiga orang sedang menggiring seorang lain. Dia tidak begitu cerat. Matanya kurang terang waktu hampir-hampir menjelang senja begitu.

Waktu dua tiga orang itu memasuki halaman rumahnya, barulah Penghulu Adam cerat betul-betul. Pak Ngah Isa suami Cu Bidah, Abang Jamdin, Lamin, dan beberapa orang lagi termasuk kanakkanak yang menjadi pengikut.

Juga Salim!

"Pencuri, datuk!" Abang Jamdin bersuara. Masih memegang dengan kuat lengan Salim bersama-sama Lamin dan Pak Ngah Isa di belakang Salim. "Memecahkan pagar Pak Ngah Isa!"

Penghulu Adam terdiam seketika. Matanya merenung jauh ke dalam wajah anak muda yang sedang menentangnya dengan berani dan mata berkacakaca. Tidak terbayang pada wajahnya tanda-tanda takut dan ngeri. Penghulu Adam tidak melihat wajah

itu sangsi akan menerima hukuman. Wajah anak muda yang digiring itu tetap tegang dan keras.

"Bawalah, datuk, laknat ni ke balai!" rayuan atau separuh perintah daripada Pak Ngah Isa, suami Cu Bidah. "Habis separuh jambu dan duku hamba dipelas dan dikhianati!"

"Lepaskan dia," Penghulu Adam memerintah dengan suara separuh keras.

"Dia akan lari, datuk!" Lamin separuh membantah.

"Tidak. Dia tidak lari. Lepaskan dia!" perintah Penghulu Adam lagi.

Salim meronta sedikit. Dan, dia terlepas daripada pegangan mati dua orang tadi. Dia berpaling pada Abang Jamdin dan Lamin. Juga pada Pak Ngah Isa. Kemudian perlahan-lahan melihat wajah Penghulu Adam. Dia menentang wajah Penghulu Adam dengan berani. Dan, dia benar-benar berasa tidak bersalah apa-apa.

"Benarkah kau memelas dan merosakkan jambu dan duku Pak Ngah Isa?" Penghulu Adam bertanya. Berdiri di atas tangga rumahnya.

Salim mendiamkan dirinya. Mukanya agak masam sedikit. Akan tetapi, wajahnya tidak membayangkan kekesalan sedikit pun. Menentang wajah Penghulu Adam. Dan, Penghulu Adam yang banyak pengalaman itu melihat dengan wajah bersahaja pada Salim. Merenung wajah anak muda itu tidak berkelip-kelip. Salim menundukkan mukanya ke tanah.

"Pulanglah kalian," Penghulu Adam mengarah pada Pak Ngah Isa, Abang Jamdin, dan Lamin. "Pulanglah, kalian," ulangnya sekali lagi. "Tinggalkan Salim di sini," sambungnya. Melihat wajah anak

muda itu sekali lagi. "Jangan diberitahu ibu bapanya," pesan Penghulu Adam kepada beberapa orang tadi.

Pak Ngah Isa, Abang Jamdin, dan Lamin pergi. Tidak berkata apa-apa. Pergi dengan diam-diam dalam kedatangan maghrib yang hening.

"Naiklah," kata penghulu Adam kepada Salim.

Salim melangkah naik dengan tenang. Dia tidak melihat kebengisan seperti bapa mudanya atau ibunya pada wajah penghulu yang berkuasa itu. Dia duduk di sebuah kerusi yang diperintahkan oleh Penghulu Adam. Penghulu Adam melihat tenang-tenang ke arah anak muda itu. Salim didatangi oleh suatu perasaan yang sangat luar biasa. Sayup-sayup di dalam hatinya dihimbaui oleh perasaan malu dan segan.

"Almarhum ayahmu seorang yang baik," tiba-tiba Penghulu Adam mematahkan hati Salim. Salim mendongak kepada Penghulu itu. Menyambung. "Ayahmu seorang yang penyantun, baik hati, dan lurus." Salim hanya mendengar. Tidak ada orang ketika itu. "Kau adalah anak ayahmu, Adnan. Dan kau juga adalah anakku!"

Salim tersentak sedikit. Dia tidak pernah mendengar sejak empat lima tahun ini, dia diakui anak oleh seorang manusia. Hati Salim mulai cair. Dadanya berdebar-debar sedikit.

"Kau seolah-olah anakku. Kalau kau jahat, maka jahatlah aku. Jahatlah ayahmu ini!" Suara itu agak mengeras keluar menerusi dua bibir Penghulu Adam. Matanya berkaca-kaca merenung Salim.

Salim diam sahaja. Dia teringat ibunya. Teringat bapa mudanya. Teringat jiran-jiran. Teringat kawan-kawan. Semuanya menolaknya jauh-jauh. Ibunya

tidak mengakuinya anak. Semua orang menyumpahnya. Mengapa selama ini dia tidak datang sahaja ke rumah penghulu ini? Mengapa tidak datang dan hidup bersama-sama penghulu ini?

"Kau anak orang baik-baik. Anak orang berketurunan baik-baik. Ayahmu seorang lebai. Orang alim. Orang baik. Layakkah anak orang baik-baik melakukan sesuatu yang menyakitkan hati orang lain?" Penghulu Adam merenung ke dalam mata Salim. Dia melihat anak muda itu mendiamkan dirinya. Dia melihat juga anak muda itu tunduk. Mengguris-guriskan telunjuknya ke atas kusen yang didudukinya. "Sebab itu, aku sebagai ayahmu, mengharapka kau menjadi orang baik-baik." Penghulu itu berhenti sebentar. Menyambung, "Aku telah beritahu ibumu dan ayah mudamu. Mereka akan menerimamu dengan baik. Kalau mereka tidak menerimamu, mereka akan dihukum."

Salim menggeletar. Dia tidak dapat menahankan kekerasan hatinya. Dia tidak pernah mendengar sedesus pun kalimat-kalimat yang mengakui dia ini anak sudah bertahun-tahun. Dan, alangkah baiknya, dia akan pulang kepada ibunya. Dan, ibunya akan berkata: Anakku! Salim tiba-tiba menangis. Dia menangis teresak-esak.

"Kau anak yang baik, Lim. Kau daripada keturunan orang baik-baik. Ayahmu seorang alim. Lurus dan baik-baik."

Salim terus menangis. Tubuhnya berkocak-kocak. Dia tidak tahu mengapa dia menangis. Penghulu Adam tidak memukulnya. Tidak. Dia dapat menahan tangisnya dalam pukulan-pukulan ibu dan bapa mudanya. Akan tetapi, mengapa dia menangis? Dia tidak tahu.

BERJALAN-JALAN DI SINI

Sayup-sayup dalam hatinya Salim melihat ayahnya hidup kembali. Dan, ayahnya itu ialah Penghulu Adam!

*Dian*, bil.10, 1973

## TAMUNYA SEORANG MENTERI



**D**ADA Jamilah disenggayuti debaran. Tamunya kali ini seorang yang agung. Tamu itu juga pelanggannya. Langgan yang diimpikannya selama ini. Sekali pun cukuplah kunjungan tamu agung itu kepadanya. Cukuplah.

Tamu itu seorang menteri!

Jamilah tidak perlu tahu menteri apakah itu. Tidak peduli. Asalkan menteri, cukuplah. Jamilah cuba membariskan kemanisan layanan yang akan ditaburkan kepada menteri itu. Dia akan melayaninya sebaik mungkin. Dia akan menggunakan segala kekuatan daya berahinya yang terkenal itu. Jamilah

cuba memeta-meta. Lumrahnya, dengan sebuah senyum, dia boleh meruntuhkan sebuah iman seorang laki-laki di jalanan. Dengan suatu kerlingannya, sebuah rumah tangga yang damai berpuluh-puluh tahun hancur berkecai. Dia menyedari akan dirinya. Tuhan mengurniakan sesuatu yang indah yang tidak ada pada wanita-wanita lain. Dia tahu kemanisannya bukan kemanisan biasa.

Dia tahu. Tahu sungguh-sungguh. Tahu betul-betul.

Jamilah mengerti di mana letaknya kelemahan laki-laki. Rayuannya, ya, rayuannya akan meruntuhkan gunung. Pujukannya akan menghancurkan besi waja. Betapa pun besarnya manusia itu, akan menjadi tikus putih di depannya. Laki-laki itu akan berlutut minta dicinta olehnya. Betapa pun jempulnya 'jantan-jantan' itu, akan meniarap dan berbuat apa sahaja. Hatta menyuruh bunuh diri pun!

Akan tetapi, Jamilah mengerti. Mengerti sungguh-sungguh. Tamunya kali ini orang luar biasa. Tamunya seorang menteri kanan kerajaannya. Barangkali. Akan tetapi, Jamilah segera bertapak dalam hatinya. Menteri itu manusia. Manusia! Setiap manusia ada kelemahannya. Dia pasti meneliti di mana kelemahan itu. Dia akan memberikan sesuatu kepada menteri itu. Dia akan mengumpannya. Dia akan memperguna apa sahaja cara. Apa sahaja!

Jamilah mengutuk dirinya. Mengapakah kali ini dia berdebar-debar? Mengapa dia mesti memikirkan tentang tamunya ini? Adakah tamunya ini seorang hipnosis, sehingga dia tidak dapat mengawal fikiran-nya? Dia mengesalkan dirinya sendiri. Sudah beraus laki-laki 'playboy' yang ditentangnya. Sudah

beratus-ratus orang berpangkat dihadapinya. Sudah beratus-ratus putera raja yang dilayaninya. Semuanya tunduk dan mencium tapak kasutnya. Menyembah-nyembah minta dicintai. Dan, semuanya berlaku seperti air di sebuah jeram yang hebat.

Akan tetapi, mengapa tentang tamunya yang seorang ini fikirannya tidak kunjung surut daripada memikirkannya? Jamilah cuba melupakannya. Cuba melihat sesuatu seperti yang lumrah dihadapinya. Laki-laki boleh datang kepadanya. Dan, boleh pergi daripadanya. Bila-bila masa sahaja. Bila-bila sahaja. Akan tetapi, Jamilah tahu. Tahu sungguh-sungguh. Setiap laki-laki yang datang kepadanya tidak akan pergi sebelum mereka menyembah dan mencium tapak kasutnya minta dikasihi.

"Kumohon penuh kasihanmu, marilah kita kahwin. Akan kusediakan apa saja yang kau kehendaki. Putera kita yang pertama akan menjadi bakal raja negeri ini. Bukankah ini kebahagiaan yang kau-kejar-kejar selama ini?" Ucapan ini berpuluh-puluh kali diucapkan oleh Tengku Abdul Rahim, putera mahkota yang berusia tidak lebih dua puluh lapan tahun.

"Saya akan hadiahkan sebuah rumah batu untukmu, sayangku," pujuk Datuk Kelana Wira Muhammad Adnan Ariffin, yang sudah punyai lima enam orang cucu. Kerdut-kerdut yang merupakan garis-garis sungai di dalam peta menampakkan kegagahannya dalam mencintai wanita. "Katakanlah sekarang, bahawa kausuka kahwin dengan saya."

"Katakanlah kesanggupanmu, itu saja. Semua harta kekayaanku untukmu. Katakanlah, kekasihku. Katakanlah!" Seorang saudagar balak yang sedang meningkat, seorang bumiputera yang menjadi

harapan semua orang lain.

"Aku sanggup berpisah daripada segala-galanya di dunia ini, akan tetapi tidak denganmu, manisku!" Seorang *playboy* yang sudah kering biji matanya kerana terlalu banyak menangis di depannya.

Semuanya ini ditolaknyanya. Jamilah mengerti. Mengerti sungguh. Dia akan mengumpulkan semua manusia jenis laki-laki ke dalam ribaan kekuasaannya. Akan mengalahkan semua mereka. Semua mereka di dalam dunia ini. Semuanya!

Akan tetapi, mengapa dia berdebar-debar juga apabila mengingatkan tamunya yang seorang ini? Putera raja sudah dihanyutkannya. Tengku Abdul Rahim sanggup memberikan segala-galanya. Dia pun yakin begitu. Akan tetapi, anak raja itu terlalu mentah. Belum sampai tiga puluh tahun. Anak-anak begini belum pandai bercinta. Dan, Datuk Kelana Wira pula terlalu tua untuk bercinta.

Jamilah tersenyum. Senyumnya agak memanjang. Gelagat manusia di dunia ini terlalu banyak. Mereka semuanya orang-orang penting dalam perjuangan. Rakyat pun mengenali mereka sebagai 'pahlawan-pahlawan' tanah air yang terkemuka. Mereka dikenal oleh dunia sebagai orang-orang penting yang dicatatkan sejarah masing-masing di dalam kitab-kitab tawarikh. Jamilah agak mencebik sedikit. Memasamkan mukanya. Melepaskan pandangan kosongnya ke sebelah jalan raya yang bertali-tali dihubungi kenderaan. Dalam adanya segera diterkami kekesalan. Benar mereka pahlawan. Akan tetapi, bukan pahlawan sejati. Mereka masih dapat dikalahkan oleh nafsu masing-masing. Mereka sanggup berbuat apa sahaja; menjual rakyat, malah menjual negara, hanya kerana ingin memilikinya!

Fikiran-fikiran aneh berterbangan dalam dada Jamilah. Siapakah lebih pahlawan sekarang? Diakah atau Datuk Kelana Wira? Siapakah Putera Mahkota sekarang? Diakah atau Tengku Abdul Rahim? Siapakah yang lebih kaya? Diakah atau saudagar-saudagar? Siapakah yang lebih penting dicatatkan sejarahnya? Diakah atau 'pahlawan-pahlawan' yang telah menyembah dan mencium tapak kasutnya?

Sebuah gunung kebanggaan terbangun dalam dada Jamilah. Biar apa yang diucapkan oleh masyarakat. Biar mereka menuduh apa sahaja. Sampah masyarakatkah, pelacur terhormatkah, betinakah? Persetan. Masyarakat mana tahu semuanya. Masyarakat hanya melihat segi-segi yang lahir sahaja. Masyarakat memandang hina padanya. Itu jangkakan masyarakat sahaja. Masyarakat melupakan 'pahlawan-pahlawannya' yang dengan bangga mengucapkan 'kemuliaan' dirinya. Masyarakat melupakan 'pujaan' pahlawan mereka ialah apa yang dikatakan hina dan jahat itulah. Dan, bagi Jamilah, kemuliaan mutlak manusia bukanlah segi lahirnya. Bukan. Kemuliaan itu ialah kesanggupan dan kemungkinan menundukkan secara k.o. 'pahlawan-pahlawan' masyarakat itu di bawah tapak kasutnya. Itulah!

Jamilah bangga. Dia bukan pelacur. Bukan. Dia adalah 'batu ujian' yang dikuduskan Tuhan untuk melihat 'ketulenan' manusia yang disebutkan 'pahlawan-pahlawan' perjuangan itu. Jamilah cuba mengingatkan: Sekolah tidak tamat. Cuma sempat menghabiskan Sijil Rendahnya sahaja. Ibunya tidak sempat memberikan kasih sayang padanya. Bapanya kahwin lain. Kelemahan bapanya sebagai manusia tunduk melutut di depan isterinya yang baru. Dia cuba melupakan kekalahan bapanya (yang kemudian

mati dimamah tibi). Anak laki-laki ibu tirinya kemudian tersungkur di depan kejelitaan wajahnya. Mereka ingin kahwin. Akan tetapi, ibu tirinya memberi pancungan samurai atas keputusan anak laki-lakinya.

Kasih sayang itulah Jamilah pertama kali buktikan pada kekasihnya. Dan, Jamilah menyesal kemudian bahawa pembuktiannya itu tidak benar. Kekasihnya meluahkan perjanjian sucinya. Mereka kemudian berpisah (Jamilah tahu kemudiannya, kekasihnya itu mati dipukul oleh sekumpulan samseng yang dimasukinya). Dia berkahwin dengan seorang pemuda yang kasihan padanya. Akan tetapi, sebelum mendapat anak yang pertama, suami yang 'pengasih' itu dipanggil Tuhan kepada-Nya. Pemuda gagal itu mati ditembusi peluru dalam zaman akhir darurat akan diisytiharkan tamat.

Jamilah agak murung. Dari jalan-jalan yang dilaluinya inilah dia bertolak meninggalkan pelabuhan kesenangan yang diimpikannya selama ini. Dia tidak meyakini ada kesenangan dan kebahagiaan yang mutlak di muka bumi ini. Dia mengingatkan ucapan seorang filsuf yang entah apa namanya: Kehidupan manusia seperti gambar, apabila sebahagian diper-tonton, maka sebahagian yang lain dilipat. Jamilah benar-benar mengerti. Dialah gambar yang diper-tonton ke muka dunia sekarang. Gambar seksi yang menakjubkan 'pejuang-pejuang' tanah air.

Ah! Jamilah menggetuskan fikirannya yang terapung-apung begitu jauh. Untuk apa dia mengingatkan cerita-cerita yang lepas? Untuk apa dia mengulangi, mengenangi kisah-kisah yang mendukacitakan itu?

Jamilah memancung ingatan itu. Dia cuba

mengenakan wajahnya di depan cermin. Mencubakan senyumannya. Bentuk senyum apa yang akan ditaburkan di depan tamunya nanti. Ah, fikir Jamilah. Lagi-lagi dia memikirkan tamunya itu. Dia mesti melupakannya. Dia mesti membuatkan tamunya bertekuk lutut dan mencium tapak kasutnya. Mesti. Dan, dia tidak usah memikirkannya. Tidak usah mengingatkan tamunya itu. Tamu boleh datang. Kemudian boleh pergi. Dan, lumrahnya akan datang lagi. Datang lagi. Datang lagi. Datang lagi sampai dia akan memutuskan: Kau bunuh diri!

Sebentar lagi tamu itu akan datang!

Jamilah menyiapkan tubuhnya yang putih bersih dan gebu gempal seperti tilam *dunlop pillow* itu. Kelunakan kulitnya lebih daripada kulit bayi yang berusia lima bulan. Pipinya, ah, pipinya. Jamilah tidak usah menggambarkannya. Cukuplah dengan semua orang menurukannya. Cukuplah dengan pandangan mata ribuan orang kalau dia berjalan-jalan untuk mengambil udara. Matanya, ah, matanya. Tidak ada manusia di dunia yang tidak akan mengatakan: "Matanya menikam jantungku." Dan, kemudian semua pandangan orang akan berlumbalumba memanjat dadanya. Memanjat punggungnya. Memanjat pundaknya. Semuanya dia mengerti. Dia tahu. Akan tetapi, dia tidak menghiraukannya. Biar mereka mengigau. Biar mereka mimpi. Mengigaulah. Mimpilah. Masing-masing mereka berhak mengigau. Berhak bermimpi. Silalah, fikir Jamilah.

Jamilah tahu ini. Tahu betul-betul. Tahu sungguh-sungguh. Matanya, dadanya, pundaknya, pinggangnya, punggungnya dan semuanya, semuanya! Ya, semuanya menjadi bahan 'cinta' manusia terhadapnya. Akan tetapi, Jamilah segera mengerti.

Kerana kecantikan itulah juga dia terkorban dengan kekasihnya yang pertama. Dengan kecantikan yang dimilikinya itulah banyak rumah tangga yang runtuh. Banyak 'pejuang' yang gugur. Banyak putera diraja yang jatuh tersungkur. Banyak orang yang berpangkat melupakan pangkatnya. Peduli apa! Bentak Jamilah. Itu bukan salahku. Bukan. Aku mempunyai diriku sendiri. Dan, bukan mereka. Mereka sendiri yang menghancurkan rumah tangga mereka. Mereka sendiri yang melupakan darjat dan pangkat mereka. Aku tidak pernah memerintahkan demikian. Tidak pernah!

Senjata itu juga akan digunakannya apabila berhadapan dengan menteri itu nanti!

Jamilah cuba bercakap kepada hatinya. Menanya. Apakah namanya menteri itu? Ah, tidak pernah dia bertanya tentang nama. Bernama atau tidak bernama sama sahaja. Semua laki-laki sama sahaja. Mereka itu 'jantan'. Dan, kebanyakan 'jantan-jantan' itulah yang mengunjungnya. Akan tetapi, Jamilah mengerti. Dia bukan sembarangan. Semua orang menuturkan begitu. Semuanya. Dia berhak 'menundukkan' sesiapa sahaja di depan lututnya. Dia akan meletakkan serendah-rendahnya darjat manusia yang setinggi-tingginya di depan atau di belakang punggungnya. Akan tetapi, dia perlu tahu nama menteri itu. Sekurang-kurangnya untuk memudahkan sambutannya nanti.

Jamilah cuba mengangkat gagang telefon. Kamarnya itu penuh dengan barang keperluan. Semua perhubungan. Dia masih ingat. Pagi tadi Setiausaha Partai Ulat Bulu menelefonnya.

"Helo, helo. Tuan Setiausaha? - Saya, saya. Saya Jamilah, saya ingin tanya sikit. Tidak lagi. Belum.

Apakah namanya menteri yang tuan sebutkan itu? Oh, cantik namanya. Garangkah orangnya? Baik, terima kasih."

Sekali lagi Jamilah merenung wajahnya dalam cermin. Nama menteri itu baik sekali. Namanya lunak. Ah, fikir Jamilah tiba-tiba. Lupa pula dia hendak bertanya: Sudah beristerikah? Tentu! Fikir Jamilah. Isterinya tentu ada. Dan, menteri itu manusia juga. Isterinya cantik waktu mula dinikahi dahulu. Apabila isteri itu telah menjadi kilang untuk mengeluarkan anak-anaknya, kecantikannya mula pudar. Dan, menteri itu (tentunya juga seorang pahlawan dan pejuang kemerdekaan) akan mengambil sikap memerdekakan dirinya. Dia akan mencari sebuah telaga yang nyaman baginya. Begitulah dasar semua jantan di dunia ini, fikir Jamilah.

"Baharum," Jamilah mendesiskan ke telinganya sendiri. Menteri itu bernama Baharum. Baharum yang harum, kata Jamilah pada hatinya. Atau Baharum yang sudah tidak harum lagi? Entah. Jamilah tidak perlu berfalsafah. Baginya, cukuplah dia seorang menteri. Dia akan menundukkan menteri kanan kerajaan ini. Jamilah pernah mendengar namanya. Namanya terkenal di mana-mana. *Engineer*lah menteri itu bagi negara ini. Dialah '*masterplan*' bagi semua projek negara. Baharum! Jamilah cuba merapatkan sekali lagi nama itu kepada sebutan dua bibirnya yang sudah bergincu samar-samar itu. Pertama kali dia akan dikunjungi menteri kanan ini. Sungguhpun Menteri Baharum sudah kerap mengunjungi kota 'Paris' ini, akan tetapi belum lagi dia menemui menteri itu secara dekat. Dan, dia selalu mendoakan semoga ditemukan. Sekarang, menteri itu akan mengunjunginya.

Dada Jamilah diterkani dan disenggayuti debaran juga. Dia tidak mengerti. Dia pernah disuakan dengan orang-orang yang 'terhormat', akan tetapi adanya tenang saja. Tidak ada orang yang benar-benar membangkitkan keghairahannya selepas suaminya dimamah peluru musuh yang mencuri. Dan sekarang? Tiba-tiba dia selalu digomoli debaran apabila mengingatkan Menteri Baharum.

Jamilah membusungkan adanya. Gunung berahi itu menongkat udara petang yang semakin lembut. Dia menggayakan pinggulnya. Kelihatan masih menarik. Sekali gus dia membiarkan semua pakaiannya tercabut dari tubuhnya. Dia melihat suatu bentuk tubuhnya yang aneh dan mengghairahkan. Mulutnya merekah di tengah-tengah sebuah muka yang dibaluti keputihan yang dicorengi gincu merah. Dan, dia dapat merasakan imbalan badannya dengan sebuah patung marmar yang pernah dilihatnya. Dia melihat sesuatu di bahagian tubuhnya. Itulah yang menyegarkannya. Itulah. Dia dapat merasakan kenikmatan yang sungguh-sungguh ketika dengan suaminya yang pertama. Kemudian tidak lagi. Dengan Datuk Kelana Wira juga begitu. Juga begitu dengan sesiapa lagi. Dengan 'pejuang kemerdekaan' pun!

Dia cuba menyepak-nyepak di udara dalam kamarnya seperti kuda perang yang mendengar genderang. Dia merasakan keringanan tubuhnya. Dibuatnya sebuah lenggokan manja. Mengerling. Mengenyit. Merajuk. Pura-pura menangis di atas tilamnya dengan keadaan yang berbogel itu. Tiba-tiba Jamilah berdiri dalam adanya. Mengapa dia mesti berlatih begini? Bukankah menteri itu pun

seorang manusia? Dengan sebuah kerlingan samurainya, dia boleh mengalahkan menteri itu dengan sekali pukul sahaja. Menteri itu akan menyembah dan minta dikasihi dan dicintainya. Tentu.

Jamilah melabuhkan matanya ke atas jam mejanya. Sudah jam lima setengah petang. Tengah hari tadi menteri itu merasmikan sebuah projek. Tempat itu agak jauh. Tentulah sekarang Menteri Baharum dalam perjalanan kembali. Tentu dalam kepala menteri itu sudah tergambar wajah 'mangsa' yang kesekian banyak. Tentu. Akan tetapi, Jamilah dapat menegakkan hatinya. Dia tidak akan menjadi mangsa menteri itu. Tidak. Malah dia akan menumbangkan lawannya itu sampai menyembah dan mencium tapak kasutnya. Mesti!

Alangkah! Jamilah berteriak sendiri dalam hati. Menteri itu membuka sebuah projek rakyat. Cakapnya pun berdegar-degar. Bersemangat. Tentu. Mahu melahirkan masyarakat yang aktif. Mahu melahirkan masyarakat yang bersopan. Mahu itu mahu ini. Dan, menteri itu sendiri? Jamilah tersenyum. Menteri itu sendiri akan menolak ucapannya sendiri. Menteri itu akan berenang di atas daratan tanpa menghiraukan anak isteri. Jamilah tersenyum lagi. Terlalu ramai anggota masyarakat yang munafik, hipokrit, desis Jamilah dalam hatinya.

Dia mengenakan pakaiannya kembali. Cukuplah pakaian ini, katanya dalam hati. Pakaian *see through* ini cukuplah untuk menyegarkan seorang lelaki yang berusia seratus tahun pun! Apalagi Menteri Baharum. Akan tetapi, dia perlu juga memakai coli yang sama warna dengan kulitnya. Juga seluar dalam yang serupa. Ini suatu penipuan. Dan, itulah umpan bagi 'jantan-jantan' yang selalu-

nya gagah di depan rakyat. Itulah. Jamilah tiba-tiba terperanjat, telefon di atas gagangnya dideringi. Dia maju. Menggoyangkan pinggulnya. Menatap wajahnya sebentar di depan cermin.

"Helo!" Suaranya lunak sekali.

"Helo, ya, saya. Sudah pulang? Eh, pantas sekali. Bukankah menteri itu membuka projek baharu? Eh, eh, eh, eh, ngapa cepat sangat tu. Seperti tak sempat. Entahlah. Badan saya pun tak sedap. Cuba-cuba bolehlah. Baik, terima kasih."

Menteri Baharum sudah pulang. Sekarang di rumah rehatnya. Terlalu banyak mata telinga di situ. Patutlah menteri itu hendak ke kamarnya sendiri. Patutlah. Fikir Jamilah. Dia merenung wajah malam yang kian berlabuh. Sinar neon dan lampu-lampu jalan sudah mula berjaga-jaga, seolah-olah mengawal tentera-tentera gelap yang ingin menyerkup seluruh kota.

Dadanya semakin berdebar-debar. Dia cuba melupakannya. Akan tetapi, debaran yang menggomol dadanya kian garang. Dia merasakan gunung berahnya berdenyut-denyut. Tiba-tiba terdengar pijakan dan suara di depan pintu kamarnya. Pintu kamarnya diketuk. Wajah awal yang dilihatnya Setiausaha Partai Ulat Bulu. Kemudian seorang laki-laki yang tampan. Di belakangnya, tauke Hotel Purba.

"Menteri," sebuah ucapan mendesis dari bibir Setiausaha itu. Jamilah menelan suara itu dengan dada lebih berdebar lagi.

"Apa khabar, Cik Jamilah?" Menteri Baharum lantas menjabat tangan Jamilah.

"Baik-baik saja, tuan. Dan, tuan masih sihat?" Jamilah menjawab dengan menerkamkan sebuah pertanyaan.

Menteri Baharum tidak segera menjawab. Tauke Hotel Purba dan Setiausaha itu meminta permisi.

Sekarang tamu itu sudah datang!

Jamilah tidak merasakan kemesraan yang sungguh-sungguh daripada menteri ini. Jabatan tangannya tadi tidak begitu erat. Dan cepat pula dilepaskannya. Ketika Menteri Baharum menghendak-punggunya ke dalam kerusi lunak *made in Italy* itu, Jamilah memerhatikan sikap tenang menteri itu. Wajahnya bersahaja merenung perabot-perabot dalam kamar itu. Jamilah dapat merasakan, Menteri Baharum lebih tampan daripada gambar-gambar yang dilihatnya di surat khabar. Lebih kukuh tubuhnya. Lebih tahan gayanya. Pakaiannya, kemeja *sport* biasa daripada kain batik bertanah agak cerah. Seluarnya tidak yang terbaharu. Barangkali sudah beberapa kali dipakainya. Kalau tidaklah kerana rambutnya yang agak jarang Menteri Baharum kelihatan seperti kebanyakan *playboy* yang ditemuinya.

"Tuan Baharum cepat pulang," Jamilah memulakan ucapannya. Mengiringkan badannya supaya menteri itu dapat menyorot tubuhnya dari celah-celah pakaian *see through* ini. "Bukankah tuan merasmikan satu projek baru kerajaan?"

"Semuanya berlaku dalam tempohnya. Tidak cepat. Adakah Cik Jamilah merasakan saya terlalu tergesa-gesa datang?" Mata Menteri Baharum merenung tenang ke atas muka Jamilah. Menghisap rokoknya sekali. Menghembuskannya ke dalam udara malam yang diterangi dua buah lampu neon. Warna samar-samar yang menghilangkan bekas kudis di badan.

Jamilah senyum. Menjilatkan matanya dengan

tajam pada Menteri Baharum yang seolah-olah berdepan dengan seorang sahabatnya yang lama tidak ditemui. Jamilah menjatuhkan kakinya ke bawah. Menggelungkan suatu ruangan di celah-celah *see throughnya*. Akan tetapi, Menteri Baharum tidak melihatnya.

"Tidak, tuan. Malah saya rasa terlalu lewat. Ini sepatutnya tuan sudah lama berada di sini." Jamilah mengumpulkan sedikit rambutnya yang menutupi sebahagian besar pundaknya. Menteri Baharum akan berubah letaknya, fikir Jamilah. Dia memperlihatkan pundaknya yang seperti lilin. Pura-pura tunduk untuk mengambil sesuatu. Ketika Jamilah mendongak, dia melihat Menteri Baharum masih merenung jauh ke atas jam meja. "Tuan ada program lain?"

Menteri Baharum mendongak. Menanamkan matanya ke dalam mata Jamilah. Dan, Jamilah membetulkan sedikit pakaian *see throughnya*. Dengan berbuat begitu, dia telah mendedahkan sebahagian kecantikan tubuhnya. Kemudian, bangun. Berjalan ke tingkap. Merenung alam sebentar. Jamilah dapat merasakan mata Menteri Baharum tentu sahaja telah mencium seluruh tubuhnya yang menggiurkan itu. Tentu. Kemudian Jamilah menggeliat sedikit.

"Saya pun agak letih," kata Jamilah. Jalannya ditunjukkan ke atas katil. Menjuntaikan kakinya. Sebelah lagi melunjurkannya. Memanjang di atas katil yang membeku. "Dan tuan patutlah berehat sedikit sekarang. Tidakkah tuan letih sehari suntuk menemui rakyat? Tuan perlu rehat sekarang. Marilah!" Nada akhir itu ditekankannya dengan selunak-lunak mungkin.

Jamilah berbaring di atas katil. Pakaian *see*

*throughnya* agak terselak dari lututnya. Dia menggeliat-geliat seperti seorang bayi yang baru sedar kerana laparkan susu. Jamilah melihat Menteri Baharum merenungnya dengan tajam. Akan tetapi, masih tidak bergerak-gerak. Mata menteri itu tepat tertanam ke dalam tubuhnya. Rata-rata. Betapa pun intelegnya 'jantan' dia akan lemah juga di depan tubuh seorang wanita, fikir Jamilah.

Menteri Baharum mematikan rokoknya. Menjobloskan ke dalam bekas katak. Bangun. Berjalan. Inilah saatnya. Kata Jamilah dengan bangga. Dia cuba memejamkan sedikit matanya. Dia menggeliat-geliat juga seperti kanak-kanak. Nasfu Menteri Baharum tentu akan terbakar sebentar lagi. Dia mesti menyalakannya sekarang. Mesti.

Ketika dia membukakan matanya, alangkah anehnya. Alangkah. Lampu besar 60 watt dua buah kiri kanan terbuka. Kamar itu terang seperti siang. Inipun baik, fikir Jamilah. Menteri Baharum tidak terlalu rakus. Dia akan melihat keindahan badan wanita lebih dulu. Akan menikmati kurniaan Tuhan. Tidak apalah. Tapi dalam dada Jamilah sudah diterkami binatang-binatang aneh yang ganas. Mengapa Menteri Baharum bersikap begitu di depan seorang wanita yang boleh membogelkan tubuhnya, di dalam sebuah kamar yang terkawal? Jamilah cuba merenung menteri itu. Dia menggeliat sedikit. Dan pura-pura tidur. Akan tetapi, dia masih dapat melihat Menteri Baharum sudah menyalakan sebatang rokoknya yang lain. Alangkah anehnya!

"Tuan tidak penat?" Jamilah sudah merasa suatu kelemahan menjamah dirinya. Bangun. Menyandarkan badannya pada birai katil yang tinggi.

"Ya, saya agak penat. Kerana itu saya mesti

rehat-rehat sikit." Menteri Baharum tersenyum melihat Jamilah yang seperti kanak-kanak yang dimanjakan.

"Kalau penat marilah rehat-rehat. Tuan boleh baring-baring." Jamilah bangun. Berjalan. Hampir. Menggeselkan tangannya ke pundak Menteri Baharum. Menteri itu segera menyambut tangan yang menjamah pundaknya. Dan tangan sebelah lagi mematikan api rokok ke dalam bekas katak.

Jamilah menggeselkan pinggulnya. Dia duduk di atas cagak kerusi. Tangannya memeluk leher Menteri Baharum.

"Tuan penat menemui rakyat, bukan?"

"Tapi tidak penat menemui Cik Jamilah," sampuk Menteri Baharum dengan cepat. Memegang tangan Jamilah dengan mesra.

"Tuan perlu baring-baring. Saya mengasuh tuan."

"Terima kasih. Cik Jamilah terlalu berbudi. Dan saya bangga menemui Cik Jamilah."

Jamilah agak terpegun. Dia tidak dapat melihat reaksi Menteri Baharum dengan rayuan dan pujukannya, seperti yang selalu diperlihatkan oleh Datuk Kelana Wira atau Yang Berhormat yang lain. Menteri ini agak berbeza. Adakah menteri ini mempunyai 'kelemahan'?

"Saya dapat membangunkan tuan dari tidur!" Sindir Jamilah dengan tajam. Mencium sekali pundak Menteri Baharum. Menteri itu tidak mengelak.

"Terima kasih. Terima kasih. Cik Jamilah memang bijak." Menteri Baharum cuba beralah. Tangannya masih memegang tangan Jamilah yang lunak. "Saya perlu rehat. Saya boleh baring-baring sekarang."

Tidak ada laki-laki yang tidak kalah bila berdepan dengannya. Jamilah membangunkan gunung kebanggaan dalam dadanya.

"Silakan," kata Jamilah. Dia sendiri membuka butang baju kemeja *sport* Menteri Baharum. Bergayut pelan-pelan pada tengkuk menteri itu. Dia akan menjatuhkan pahlawan negeri ini. Fikir Jamilah. Dan seksinya mesti mengatasi semua milik manusia.

Ketika Jamilah melihat Menteri Baharum membuka seluarnya, dia akan berpura-pura mahal. Itulah umpannya. Itulah satu-satunya cara menundukkan lelaki. Untuk itu kebanyakan lelaki akan memberinya apa sahaja yang dia mahu. Dan, ketika Menteri Baharum tidur di atas katil, Jamilah dapat merasakan menteri itu masih segar-bugar.

"Tuan seorang pejuang rakyat yang dicintai oleh semua rakyat. Saya beruntung dapat bertukar-tukar perasaan dengan tuan," Jamilah cuba memujuk.

Menteri Baharum hanya menggosok-gosok tengkuknya sendiri.

"Ini pertama bagi saya menemui Cik Jamilah. Dan kebanggaan saya besar sekali. Penat lelah saya berminggu-minggu hilang setelah menemui Cik Jamilah."

Akan tetapi, Jamilah tidak melihat reaksi yang lebih berani daripada menteri itu. Jamilah melepaskan pakaiannya. Dan, kekukuhan badan Menteri Baharum begitu menggiurkannya. Dia menekan dada menteri itu dengan dadanya. Cuba merangkulnya.

Menteri Baharum mengelak. Bangun dan menuju ke meja. Berkata, "Cik Jamilah terlalu rakus." Menteri itu tertawa sedikit. Meneguk minuman yang disediakan Jamilah sebentar tadi. Merenung badan

batu marmar putih yang seperti patung di atas katil itu. "Jangan terburu-buru sangat. Orang lama pun kadang-kadang tidak sempat sampai ke pangkalan."

Pertama kali sebuah pukulan berat jatuh di atas hati Jamilah. Dia sudah dikalahkan. Ini pusingan pertama. Keghairahan sebagai manusia telah mendeburi dada Jamilah. Dia berasa telah disiasikan oleh Menteri Baharum. Dia bangun. Mengenakan semula pakaiannya. Turun dari katil.

"Tuan seorang yang sabar," katanya dengan senyum yang dirasakan sendiri amat tawar. "Tuan sesungguhnya orang yang cekal dan berhati-hati."

"Saya sendiri tahu tentang diri saya. Terima kasih atas pujian Cik Jamilah." Menteri Baharum memegang lengan Jamilah dan melingkari pundaknya dengan tangan sebelah lagi. Sentuhan menteri itu membuatkan Jamilah berasa gelisah. Dia melihat sesuatu yang sedang dipermain-mainkan oleh menteri itu. Alangkah malunya. Alangkah. Dia tidak pernah mengalami begini. Menteri Baharum bukan sembarangan 'jantan'. Dia jantan sungguh-sungguh.

"Tuan seorang pejuang," kata Jamilah. Ucapan ini diulangnya berkali-kali. Dia telah mengumpulkannya sejak beberapa jam yang lalu, malah beberapa hari yang lalu. Dia akan mengatakan sesuatu kepada menteri itu.

"Terima kasih," Menteri Baharum menjawab. Bersahaja.

"Tapi tuan pun seorang pelacur seperti saya!"

Menteri itu agak terperanjat. Cekakannya ke atas pundak Jamilah agak dilonggarkan sedikit. Merenung muka dan tubuh yang hampir berbogel itu.

"Saya tidak mengatakan Cik Jamilah ini pelacur. Tidak pernah," menteri itu menjawab. Mukanya

agak berubah.

"Tapi masyarakat mengatakan saya begitu."

"Itu terpulang kepada masyarakat itu sendiri. Tapi saya tidak."

"Tuan sendiri pun adalah sebahagian daripada masyarakat. Tuan dianggap pejuang masyarakat, pejuang bangsa. Tapi tuan juga seorang pelacur macam saya. Macam saya ini. Macam saya!" Jamilah mengarahkan kepada tubuhnya yang telah dilepaskan semula semua pakaiannya. "Tuan seorang menteri pada pandangan masyarakat. Pada pandangan rakyat. Pada pandangan dunia juga."

"Itu pandangan umumnya. Saya tidak pernah merasakan sesuatu tentang segala anggapan itu," kata Menteri Baharum dengan dada agak kalut.

"Tuan hanya berpura-pura begitu. Sama saja dengan kepura-puraan tuan di depan rakyat sebagai 'pembentuk' masyarakat, akan tetapi tuan pun adalah 'pembentuk' pelacuran di negeri ini. Sayalah yang dibentuk oleh 'perjuangan' tuan itu. Sayalah itu!"

Jamilah cuba memeluk Menteri Baharum. Dia cuba merenggut kain menteri itu. Dia melihat kesegaran menteri itu yang sebenarnya.

"Cik Jamilah menyedari itu?" menteri itu bertanya. Melabuhkan punggungnya ke dalam lopak kerusi. Jamilah dalam pegangannya yang erat.

"Ya. Saya sedar. Masyarakat memandang orang serupa saya ini pelacur. Sampah dalam sebuah masyarakat yang bersopan-santun. Tapi kaum seperti saya ini amat diperlukan oleh orang seperti tuan. Oleh menteri-menteri. Oleh tengku-tengku. Mereka semuanya orang terhormat. Ngapakah tuan tidak dapat memuliakan juga kewajipan seperti saya ini

sebagai orang-orang yang 'terhormat'?"

Menteri Baharum terdiam kaku. Dia tidak pernah memimpikan ucapan manusia serupa ini di kalangan wanita-wanita yang memperniagakan diri mereka. Yang tidak malu berbogel di jalanan. Tidak pernah. Dia sudah profesional dalam mempermainkan wanita. Dia ingin melemahkan Jamilah dengan taktik lambat-lambatnya. Dia akan membakar Jamilah dengan cara itu. Siapakah yang tidak akan terbakar dengan menegangkan suatu kematian dengan lambat-lambat? Adakah ucapan Jamilah itu kerana putus asa dipermain-mainkannya? Atau sudah dirancang lebih dahulu?

Menteri Baharum amat hairan. Takjub terbangun dan bergerak dalam kepalanya. Pelacurkah ini? Dia agak berasa malu. Sebuah daripada kehormatannya jatuh di kaki Jamilah. Ini tidak mungkin. Tidak. Dia seorang menteri. Menteri tidak boleh jatuh di depan seorang wanita 'nafsu' begini. Tidak boleh.

"Cik Jamilah menyesal?" tanya Menteri Baharum.

"Tidak. Saya tidak menyesal selagi ada menteri serupa tuan mengunjungi saya. Untuk apa kesal kalau pejuang-pejuang kemerdekaan yang dimuliakan masyarakat dan bangsa turut memuliakan orang seperti saya, walaupun masyarakat memandang hina? Bukankah menteri-menteri itu 'kemuncak' kemuliaan di dalam sesebuah negara?" Jamilah tertawa lanjut-lanjut. Dia melepaskan pelukannya. Dengan tidak berpakaian, Jamilah melabuhkan punggungnya yang bulat ke atas birai katil. Menjuntaikan kakinya. Meletakkan kakinya yang kanan ke atas kakinya yang kiri.

Menteri Baharum hampir ke sisi Jamilah. Tangannya lantas menjangkau dagu Jamilah. Akan tetapi, wanita itu segera mengelakkan dengan memegang tangan Menteri Baharum.

"Tapi ini menteri. Dan masyarakat kita amat menghormati tuan. Tapi tuan sendiri sebenarnya seorang pelacur pada hakikatnya, walaupun berselindung di sebalik nama menteri. Malu apakah saya menjadi pelacur kalau menteri negara kita pun adalah juga pelacur?" Jamilah tersenyum. Menanamkan mukanya ke dalam muka Menteri Baharum. Mengeratkan tangan menteri itu ke dagunya. Menariknya ke dalam pelukannya.

"Ini bukan ucapan Cik Jamilah. Saya agakkan demikian," Menteri Baharum menduga. Dia sebenarnya dapat mengagak bahawa daripada wajah dan biji mata wanita itu memperlihatkan kecerdasannya.

"Anggapan masyarakat pun beginilah. Saya ini bukan manusia. Dan sekarang tuan pula menganggap demikian." Jamilah menyembamkan mukanya ke dalam bantal. Dia agak kesal. Sesuatu mula bertapak di dalam dadanya.

"Saya tidak mengatakan begitu. Mungkin Cik Jamilah yang merasakannya sendiri." Menteri Baharum memeluk tubuh gempal putih yang seperti batu marmar itu. Dirasakannya kelunakan badan yang tidak dapat digambarkan. Dadanya diterkami suatu perasaan yang sukar difahami. Dia tidak pernah merasakan angin perasaannya yang bertiup begitu lunak dalam dadanya.

"Mengapa tidak?" Jamilah memiringkan tubuhnya. Dan, pelukan Menteri Baharum dibiarkannya. Akan tetapi, dia berasa sedih. Air matanya sudah penuh di dalam kawahnya. "Tuan tidak meyakini

saya bercakap padahal tuan mendengar sendiri kalimat-kalimat itu terpancar dari bibir saya. Bukankah ini pun merupakan anggapan menghina?"

"Maafkan saya, Cik Jamilah. Maafkan saya, Jamilah."

Jamilah memegang tangan Menteri Baharum. Dirasakan kelunakannya. Lengan itu berbulu halus. Perasaan bawah sedar yang selama ini terpendam telah muncul ke paras sedarnya. Dia mahu mengatakan sesuatu kepada menteri ini. Dia akan mencurah dendam masyarakat kaumnya.

"Tuan tidak pernah menganggap orang macam saya ini mulia. Saya ini hanya permainan. Kolam tempat berenang. Perahu penambang untuk menyeberang. Apabila tiba ke seberang tuan akan membiarkan perahu itu!"

"Jamilah! Perkataanmu terlalu! Saya melangganmu bukan sia-sia. Bukan. Saya akan memberimu jalan kehidupan. Bukankah wang yang kaukejarkan selama ini?" Menteri Baharum bercakap agak keras. Tangannya masih tidak melepaskan pelukannya ke tubuh yang lunak itu. Beberapa batang kasihan terjatuh ke dalam dadanya.

"Wang?" Jamilah segera mendongakkan mukanya. Matanya jelas digenangi air bening. "Tuan memikirkan semua pelacur memerlukan wang? Tidak pernahkah tuan memikirkan terjadinya pelacur itu kerana susunan masyarakat yang pincang? Susunan masyarakat yang tempang oleh salah tadbir oleh orang seperti tuan? Tidak pernah terfikirakah begitu?" Dada Jamilah benar-benar tegang. Jiwanya menggelodak. Dia telah lama ingin mencurahkan perasaan ini. Sudah lama.

"Kau terlalu cerdik yang pernah kudengar.

Cukuplah itu, Jamilah, cukuplah. Saya mengerti. Saya faham." Menteri Baharum melihat tenang-tenang. Dalam cahaya lampu yang terang-benderang itu seluruh keelokan Jamilah dapat diperhatikan. Alangkah sia-sianya hidup wanita secantik ini, fikir Menteri Baharum. Usianya barangkali tiga puluh tahun. Kurang lebih. Dia pernah melihat buku-buku. Ada sebab yang musababnya seseorang itu jadi pelacur. Suatu 'escapism'.

Jamilah menangis sungguh-sungguh.

"Kadang-kadang wang itu bukan suatu hitungan. Dan, itulah satu daripada sebab kekalnya orang macam saya berkeadaan begini. Orang-orang besar tidak pernah memikirkan saya sebagai sebahagian daripada masyarakatnya. Kami dihumban. Mereka lalu membiakkan pelacuran dengan alasan kami raja nafsu, gila wang dan berkelakuan jahat!" Jamilah terus menangis di atas lengan Menteri Baharum yang memeluknya.

"Tenangkan fikiranmu, Jamilah. Tenanglah. Kau dapat mengatakan apa saja, itu kebebasanmu." Menteri Baharum merasakan adanya seperti pecah. Kalimat-kalimat yang diucapkan Jamilah merupakan peluru-peluru tajam menikam jantung kesedarannya. Benarkah kaum-kaum berpangkat, intelek-intelek yang membiakkan pelacuran? Benarkah ucapan Jamilah? Benar! Kata hati Menteri Baharum. Benar! "Kau terlalu cantik, Jamilah. Dan kecantikanmu sebenarnya disia-siakan dengan perbuatanmu selama ini."

Jamilah tersentak. Melepaskan tangan Menteri Baharum. Dan, merenggut sehelai kain. Menyelempangkan ke tubuhnya. Menutup sebahagian besar atas badannya. Pahanya masih jelas kelihatan

dengan keadaan yang ghairah.

"Tidak, tuan, tidak. Saya pergunakan kecantikan saya untuk kepuasan nafsu orang-orang besar, orang-orang yang berpangkat. Juga saya hadiahkan tubuh saya untuk menteri-menteri seperti tuan. Adakah itu pun dinamakan perbuatan sia-sia juga?" Mata Jamilah menikam tajam ke dalam muka Menteri Baharum. Mulutnya agak dicebikkan sedikit. Menyambung, "Dan sekarang, saya mempergunakan tubuh saya untuk memuaskan nafsu tuan. Silalah!" Jamilah hampir ke sisi menteri yang terdiam kaku itu. "Silalah, tuan. Dan kemudian turun menemui rakyat. Katakanlah bahawa 'kita mesti membangunkan masyarakat yang bersopan', dan malam esok datang lagi ke kamarku!"

"Jamilah!" Sepatah ucapan Menteri Baharum. Ucapan itu begitu kaku, sejuk seperti salji. Dia bangun merangkul tubuh yang longlai itu, dibawanya ke atas kerusi. Dijobloskan di sana. "Kau terlalu cantik. Kau terlalu bijak berbicara."

Jamilah memandang tenang. Air matanya sudah hilang sama sekali. Dia melihat Menteri Baharum melepaskan pandangan yang seruh terhadapnya. Biarkan. Biarkan. Fikir Jamilah. Menteri boleh menang di depan rakyat, tapi dia tidak akan menang di depan pelacur. Tidak dapat.

"Kau bukan seorang pelacur, Jamilah. Bukan, kau seorang wali!" Ucapan itu disertai dengan suatu jilatan pandangan yang bererti. "Fikiranmu benar. Dan, aku yang bersalah." Menteri Baharum hampir ke sisi Jamilah. Mengusap rambutnya. Jamilah membiarkan keadaan itu. "Bangunlah dan kenakan pakaianmu. Kau berhak memasuki masyarakat yang mulia. Kau berhak." Kalimat itu mendesis saja.

"Tidak. Saya tidak boleh berpakaian. Bukankah tuan telah membeli saya dengan harga 'mahal'? Bukankah itu merugikan wang tuan sendiri?" Jamilah melonggokkan perasaannya di depan muka hati menteri yang kelihatan letih oleh tikaman-tikaman ucapannya.

"Aku boleh membeli tubuhmu atas kelaziman manusia. Akan tetapi saya tak dapat membeli fikiran dan hatimu yang mulia." Menteri Baharum mengangkat tubuh Jamilah. "Kenakanlah pakaianmu." Mukanya dialihkan ke ruangan kamar yang penuh dengan gambar seksi.

"Tidak, tuan. Tidak. Saya masih hina dan fikiran saya tidak baik. Kalau sesuatu yang baik itu bukanlah ucapan orang-orang seperti saya. Tidak!" Jamilah berlari-lari ke katil. Menyembamkan mukanya. Menangis teresak-esak.

"Maafkanku, Jamilah. Anggapanku dulu itu sudah salah. Dan, aku ini manusia. Manusia itu ada salah silapnya." Menteri Baharum mengusap-usap rambut Jamilah. "Tenangkanlah fikiranmu. Kau akan memasuki sebuah dunia baru yang lebih mulia. Yakinlah."

Jamilah separuh tersentak. Pantas seperti ular yang dipijak ekornya, Jamilah mendongak. Memancangkan matanya ke dalam mata menteri yang sedang mengusap rambutnya. Kagum dan takjub di dalam dadanya.

"Dunia yang lebih mulia?" tanya Jamilah. Gugup.

"Ya. Dunia lain daripada duniamu sekarang ini," kata Menteri Baharum. "Yakinlah. Dunia itu akan kauhuni tidak lama lagi."

Jamilah memandang dengan tenang. Matanya

tidak berkelip sedikit pun. Menatap wajah menteri itu dengan sungguh-sungguh. Menduga kebenaran ucapannya.

"Benar, Jamilah. Akan kujemput kau ke dunia baru, dunia rumah tangga yang damai." Menteri Baharum merangkaikan sebuah senyum yang panjang. Mata hening wanita itu diciturnya dengan pandangannya yang tetap.

Tiba-tiba Jamilah menangis tersedu-sedu. Dia merangkul tubuh menteri itu. Dia mengerti ucapannya. Mengerti sungguh-sungguh. Dan, dia dapat merasakan menteri itu mencium lunak dahinya.

"Akan saya jemput tidak lama lagi. Bersihkanlah dirimu daripada noda ini. Yakinlah, Jamilah."

Jamilah menangis tersedu-sedu. Dan, ketika Menteri Baharum keluar dari kamarnya, dia memimpikan suaminya yang pertama.

Dan, suaminya itu ialah seorang menteri!

*Hadiah* (antologi cerpen pilihan 1966-1970) diselenggarakan oleh A. Bakar Hamid dan Abdullah Hussain. DBP, Kuala Lumpur, 1977.

## PERJUANGAN



**A**LANGKAH lamanya masa!

Sesuatunya terjalin manis dalam kegetiran seluruh pengalamannya. Hidup dan segar-bugar. Wajah itu masih kejam kemas dalam halaman cintanya yang selalu panas. Dia akan melihatnya. Dia akan meraih kasih sayang yang telah ditinggalkannya. Dalam kepalanya dirayapi restu Malaul A'la yang tidak kunjung putus. Sesuatunya tergambar jelas penuh rahmat. Penuh berkat. Dia sedang melayari suatu lautan kenang-kenangan yang beralun dan berombak. Alangkah takutnya dia. Alangkah sangsinya dia. Alangkah!

Alangkah lamanya masa lima belas tahun!

Dia membiarkan dirinya ditobroki kebisingan suara para peraih yang lincah seperti lalat. Perbauran suara gontongan kereta api, perbualan penumpang-penumpang, kekecohan suara dan kaki para peraih beras dan barang-barang serbaneka dan kiut decit lantai kereta api, seperti tidak pernah masuk dalam kepalanya. Seperti tidak pernah menancap gendang-gendang telinganya. Dia membiarkan semuanya larut dalam keadaan sekeliling. Dia berasa dirinya seolah-olah berada di depan suatu pintu kehidupan yang ternganga yang sedang menanti kehadirannya. Ngangalah. Nantilah. Fikirnya. Dia akan segera sampai sebelum malam berlabuh. Dia akan melihat wajah kesayangan para malaikat itu sebelum siang melucutkan cahayanya.

Akan tetapi, dengan tiba-tiba, seperti pelipisnya dicucuk dengan jarum peniti, dia dapat melihat suatu bayangan kesangsian yang amat menakutkan. Tergambar dalam kelir otaknya harapannya yang berkembang tadi sedang menguncup dan carik celober. Tidakkah hancur sebuah hati wanita yang ditinggalkan selama lima belas tahun? Manakah wanita dapat mempertahankan kewanitaannya selama itu? Ya Tuhan! Serunya dalam hati. Tidak! Dia mempertahankan harapannya yang seakan-akan sedang runtuh itu. Keimanan dan kesetiaan itu selama-lamanya dapat mempertahankan sesuatu yang sangat mustahil. Fikirnya. Betapa tidak? Bukankah dia dapat mempertahankan kelelakiannya selama masa tersebut? Ya Tuhan! Serunya penuh harapan.

Alangkah besar harapannya. Alangkah.

Dia mengesat keringat yang sedang berbaris di atas muka dan pundaknya dengan sapu tangannya

yang sudah carik-carik. Ruang panas daripada bayangan yang menakutkan tadi telah menyimbah anggotanya. Dia menyapu berkali-kali, seperti menyapu bayangan kesangsian yang sedang meredupkan tapak hati harapannya yang berpayung. Begitu-lah. Kerimasannya telah merenangkan dia ke dalam lautan kesangsian. Alangkah takutnya dia. Alangkah!

Kereta api berjalan terus. Kebisingan dan hingar-bingar sambung-bersambung. Dan, fikirannya terus menderas. Dia bertapak kukuh dalam harapannya yang mula goncang. Ya Tuhan! Dia mendekati Tuhan. Hanya Tuhan satu-satunya harapannya untuk digantungkan.

“Ruhani!”

Serunya dengan kuat. Akan tetapi, suara itu terbenam dalam ruangan hatinya. “Ruhaniku!”

Nama itu tergantung kejam dalam dada cintanya yang selalu panas. Ruhani, sebuah nama yang suci murni. Sebuah nama percintaan yang hangat dan kudus. Nama itu saban detik terayun-ayun tenang dan damai dalam hatinya. Dia telah menjalani saat perjuangan di punggung-punggung gunung berbekalkan azimat cinta nama yang kudus itu. Ya, Tuhan! Sekejap lagi, ya, sekejap lagi, dia akan menyeru nama itu semerdu-merdunya. Dan, dia akan menyeru nama itu sampai kiamat.

Dia terperanjat sedikit. Badannya digesel kuat. Seorang peraih dengan sebuah bakulnya yang besar sedang menghanyutkan tubuhnya di dalam satu deretan penumpang yang sedang mahu turun. Dia menjenguk keluar menerusi tingkap sebelah kanannya. Stesen Gual Periok. Sebentar matanya terbang menghinggapi sekitar kawasan itu. Sudah banyak perubahan. Fikirnya. Sebentar lagi dia akan tiba di

Pasir Mas. Akan turunkah dia di Pasir Mas? Tidak! Bentaknya. Dia akan tetap turun di Wakaf Baru. Dari Wakaf Baru dia akan menaiki apa sahaja secara senyap-senyap untuk sampai di Kampung Merbau. Adakah dia akan diperiksa lagi? Akan disoal lagi seperti ketika pertama kali dia menjejakkan kakinya di Rantau Panjang?

Pengawal sempadan Kelantan-Thai di Rantau Panjang terlalu cerewet. Fikirnya. Perlu apakah soal jawab yang banyak kalau dia telah menunjukkan kad pengenalan biru warganegara Tanah Melayu? Barangkali kerana wajahnya agak comot. Fikirnya lagi. Wajahnya itulah yang menyusahkannya untuk cepat menaiki kereta api. Dia teringat bagaimana beberapa orang pengawal sempadan itu menyoalnya.

Dia tidak menjawab. Akan tetapi, mengeluarkan kad pengenalannya. Cukuplah itu sebagai jawapan. Fikirnya. Akan tetapi, rupa-rupanya pengawal sempadan itu tidak berpuas hati.

"Dari mana?"

"Dari Kok Seraya," jawabnya dengan cepat. Dia sebenarnya berbohong. Tempatnya lebih jauh dari itu. Dia seringnya berada di pergunungan-pergunungan sempadan arah ke Weng. Hampir sempadan Kelantan-Perak. Dia menempatkan dirinya dalam "Tentera Pembebasan" Rejimen Sepuluh sejak sepuluh tahun yang lalu. Adakah wajahnya telah dikenali oleh pengawal-pengawal sempadan daripada gambar-gambar? Ya Tuhan! Dia berdiri dalam keyakinannya. Tidak!

Jawapannya itu melepaskannya daripada dipagari oleh pengawal-pengawal sempadan itu. Akan tetapi, dia dapat melihat asap keraguan yang menebali setiap wajah pengawal-pengawal sempadan itu

sehingga dia menaiki kereta api di Rantau Panjang itu.

Peraih dengan raga besar yang menggeselnya tadi telah turun. Ingatannya terputus. Beberapa ramai penumpang lagi ikut menyendatkan ruangan yang sudah sendat. Ketika kereta api mula bergerak meninggalkan stesen kecil Gual Periok, dia kembali lagi kepada ingatannya.

Segugus debaran terdenyut dalam dadanya. Mungkinkah dia sempat menemui Ruhani? Bukankah setiap alat kerajaan telah membariskan setiap nama orang-orang yang dianggap derhaka? Fikirannya terus menderas, seperti kereta api itu juga yang terus menderas. Ya. Benar. Akan tetapi, tiba-tiba dia berdiri teguh kejam dalam keyakinannya. Tidak. Dia tetap akan tiba. Tetap akan melihat wajah kudus itu.

Alangkah lamanya masa lima belas tahun itu!

Kereta api terus berjalan. Kebisingan juga terus berbaur. Dan, ingatannya juga terus mengalir. Dia meluahkan kasihnya kepada isteri yang baru dikahwininya satu tahun. Ruhani! Keyakinannya menentukan tempat perjuangannya. Dia tidak mengakui apa yang dinamakan kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Tidak. Tanah Melayu yang merdeka mestilah termasuk empat wilayah selatan Thailand. Ketika gelora pembebasan Pattani, PAPERI, dan kegiatan "Tentera Pembebasan Nasional" itu diperkenalkan kepadanya oleh seorang kawan yang 'alim', sesuai dengan kejengkelannya terhadap kemerdekaan yang 'separuh masak', dia terus ikut larut dalam perjuangan bersenjata itu.

Di punggung-punggung gunung di dalam pagaran bukit bukau dengan hutannya yang lebat, setelah

lima tahun dia dilatih oleh 'pahlawan-pahlawan' sejati, dia ditempatkan di dalam Rejimen Sepuluh. Dalam tempoh sepuluh tahun terakhir, beberapa kali dia ikut bertempur. Pertempuran secara langsung dengan tentera-tentera Thai dan Tanah Melayu di garis depan sempadan Kelantan-Thai, merakamkan pengalaman-pengalaman getir dan tidak tertulis. Dia yang sentiasa berada dalam 'jihad', selalu merentang dalam kenangannya sutera batin yang suci murni, yang ditinggalkannya tanpa sebab. Dan, tahun-tahun akhir perjuangan bersenjataanya memperlihatkan ketipisan harapan untuk memenangi hati sepuluh juta rakyat. Perubahan-perubahan yang berlaku di tanah air, berita daripada beberapa orang kawan yang menjadi 'spy', bahawa perjuangan 'pembebasan mutlak' yang diperjuangkan sekarang akan berakhir seperti korban domba Qabil, putera Adam a.s.

Keteguhannya pada keyakinan perjuangan 'suci' mula terungki. Dan, kasih sucinya pada isterinya (ketika ditinggalkannya sudah dua bulan tidak didatangi haid) kian mendorongnya supaya lekas meninggalkan perjuangan yang mula dirasakannya seperti korban domba Qabil. Dia dapat melihat susunan "Tentera Pembebasan Nasional" Rejimen Sepuluh, sekaliannya terdiri daripada kalangan orang asing. Mereka berjuang mati-matian untuk 'kemerdekaan' bagi sebuah negeri yang tidak ada sangkut pautnya dengan mereka. Mereka itu orang asing. Rakyat asing. Betapa mereka ingin mendapatkan 'kemerdekaan' bagi sebuah negara yang bukan negara mereka? Fikiran ini sudah lama bercabang dan bercarang dalam kepalanya. Keinginan orang lain itu tentulah bermaksud menjajah juga!

Begitu dia membuat kesimpulan dengan beberapa orang kawan yang akrab.

Dan, keyakinan yang diperteguhkan bertahun-tahun itu mulai hancur, seperti ketulan ais apabila dipanaskan oleh cahaya matahari. Dan, luang untuknya kembali ke pangkuan tanah air begitu jelas tanpa banyak risikonya. Dia mempunyai kad pengenalan biru (kad itu disimpannya secara sulit sebagai membuktikan keyakinannya yang tidak penuh) yang membolehkannya masuk ke Kelantan atau ke Perak atau ke mana-mana saja di dalam Tanah Melayu. Begitulah.

Sekarang, dia dalam perjalanan kembali! Fikirnya.

Sesuatunya sangat manis sekarang. Kegetiran pengalamannya bertahun-tahun bersama-sama monyet, bersama-sama babi, bersama-sama harimau di punggung-punggung gunung di Weng, di Yala, di Sungai Padi, di Pattani atau di Bangnara, menempatkannya kepada suatu kekayaan pengalaman untuk menjalani kehidupan yang sedang ternganga di depannya. Ya Tuhan!

Hari esok yang penuh senyum penuh cahaya sedang menyorot ke dalam dada harapannya. Alangkah bahagiannya. Alangkah nikmatnya. Alangkah!

Dia sedang terapung-apung dalam ingatan dan kenangannya yang berombak dan beralun. Setiap deburan kenangan ke pantai keyakinannya yang mulai runtuh, wajah suci murni isterinya (ketika ditinggalkannya berusia lapan belas tahun) menjadi gambaran hati daripada denyut nadi dan degup jantungnya sendiri. Dia gelisah. Dia resah. Dia harap. Dia sangsi. Dia!

Betapa lambatnya kereta api ini berjalan! Betapakah!

Ruhani!

Nama itu menyejukkan hatinya bertahun-tahun. Nama itu merobohkan keyakinan sedikit demi sedikit. Nama itu melemaskan fikirannya hari demi hari. Ruhani!

"Ruhani!"

Keluhan itu terpancut keluar dari dua bibirnya yang pecah-pecah. Dia cuba melihat orang sekeliling. Tidak siapa yang mempedulikannya. Tidak. Setiap orang diburu oleh pekerjaan dan urusan masing-masing. Tidak ada yang sempat hendak memikirkan urusan orang lain. Dia berasa lega. Dia kembali kepada hatinya. Damai dan tenteram.

Dia senyum pada dirinya sendiri. Surat Ruhani sehari sebelum perkahwinannya begitu berkesan. Dia cuba mengingat-ingat. Isinya sangat menarik. Surat ini sangat pendek. Apakah ertinya juga?

*Abang,*

*Esok malam berijab kabullah kita. Esok malam aku menjadi isteri abang. Dan keyakinanku, abang, jangan kita fikirkan perancang keluarga. Biarlah aku beranak seperti babi. Anak-anak kita akan memenuhi setiap inci tanah bumi negara kita. Kalau aku mati, kematianku akan ditangisi oleh setiap sudut negara ini. Kerana mereka adalah anak-anakku. Anak-anak kita!*

*Penuhilah hasratku itu, bila abang menjadi suamiku!*

*Ruhani*

Dan, alangkah bahagianya. Perkahwinan mereka direstui sanak keluarga. Dia yang sudah tidak mempunyai bapa (ayahnya mati waktu dia berusia dua

tahun) dan isterinya yang sudah tidak mempunyai ibu (ibunya mati dua tahun sebelum dia bercinta dengan seorang laki-laki), kehilangan lagi bapanya setelah tiga bulan berkahwin. Bapa mentuanya sakit jantung. Sebulan sebelum dia memasuki perjuangan 'sucinya' itu, ibunya pula meninggal kerana sakit tua (ibunya meninggal dalam usia enam puluh empat tahun).

Bagaimanakah wajah Ruhani sekarang? Wajah berusia tiga puluhan? Dia dapat membayangkan kesegaran sebatang tubuh yang seumur itu. Tiga puluhan! Dia memancarkan keluhan segar-bugar. Betapakah penerimaan wanita tiga puluhan terhadap lelaki empat puluhan? Dia mengahwini isterinya ketika berusia dua puluh tujuh tahun. Barangkali jarak lima belas tahun tidak menampakkan perbezaan yang jauh, kalaulah tidak kerana kepayahannya tiap saat di punggung-punggung gunung perbatasan yang selalu memendekkan umur tiap saat.

Dia agak terperanjat. Dia dikejutkan oleh orang-orang yang bercelidar turun naik. Pasir Mas! Bilakah kereta api melalui stesen lain? Dia tidak sedar. Seluruh ingatannya kepada peristiwa-peristiwa kegetiran dan kemanisan.

Pasir Mas tidak banyak berubah, seperti lima belas tahun yang lalu. Kecuali beberapa buah bangunan yang ditinjaunya dari tingkap kereta api, stesennya tidak berubah. Akan tetapi ketangkasan setiap manusia yang tiba memeningkan kepala. Kanak-kanak juga berebut-rebutan memungkah sesuatu dengan cepat dan terburu-buru. Para peraih berterjunan dengan berbebeber terus-menerus menggapai-gapai tangannya kepada kawanan pemungkah-

pemunggang barang. Sesuatu berlaku dalam suasana yang kalut dan ajaib.

Gontongan trompet kereta api melalak. Dan, kereta api terus mendesus bergerak perlahan-lahan meninggalkan Pasir Mas. Sebentar lagi, ya sebentar lagi, melalui beberapa stesen, akan tibalah di Wakaf Baru. Dan, sebentar juga lagi, dia akan berlabuh di dalam sebuah bumbung! Alangkah bahagiannya. Alangkah nikmatnya. Alangkah mesranya. Alangkah!

Berakhirakah sudah perjuangannya? Selesaikah sudah tugas-tugas yang diserahkan kepadanya? Berkhianatkah dia kepada kawan-kawannya? Tibatiba dia gementar. Berdebar. Sekujur badannya diselimuti keringat yang berbaris di dalam bajunya. Dia tidak pernah menyatakan apa-apa kepada kawan-kawan. Sekarang pun tidak. Dia dengan tibatiba mengambil kesempatan daripada tugasnya untuk merisik suatu gerakan sabotaj daripada orang-orang kampung di Yala. Kesempatan itu digunakan untuk membebaskan dirinya daripada suatu perjuangan yang belum ternampak bayang-bayang kemenangannya.

Tidak siapa yang tahu!

Akan tetapi, dia meyakinkan dirinya sendiri. Dia tetap dapat mengatasi semua masalah. Bukankah kekelakiannya tidak pernah tercabar? Bukankah dia pernah saling berbunuhan di dalam belukar yang lebat kerana mempertahankan maruahnyanya apabila dituduh berkhianat? Bukankah dia yang menang apabila *leader* memutuskan mesti *duel* untuk menentukan siapa yang benar? Alangkah bangganya dia, belatinya dapat menembusi jantung lawannya. Suatu nikmat yang ajaib tersusun berlapis-lapis

dalam jantungnya. Suatu pembunuhan untuk suatu kebenaran!

Ketika kereta api tiba di Wakaf Baru, hari masih siang. Dia cuba melambatkan masa dengan minum-minum di warung yang berdekatan. Ketika menjelang maghrib, dengan sebuah beca roda tiga, dia merayapi jalan raya. Ketika tiba di Pasir Pekan, dia ditenggelami oleh kekagumannya sendiri. Sudah terlalu banyak perubahan berlaku. Jambatan Sultan Yahya yang menghubungkan Kota Bharu dengan Pasir Pekan sudah diterangi lampu jalan yang benderang. Matanya segera menikmati aliran air Sungai Kelantan yang tenang dan damai. Berbalam-balam di atas pulau-pulau kecil di tengah-tengah sungai itu, tanam-tanaman para peladang yang rajin dan tekun. Dia tidak bertanya kepada penggatih beca roda tiga itu. Pertanyaannya mungkin menimbulkan sesuatu yang membahayakan dirinya.

Menjelang isyak, dia menapak ke Jalan Merbau.

Sebaris debaran aneh dan ajaib terbangun dalam dadanya. Dia sedang berhadapan dengan pintu kehidupan baru. Tertutupkah pintu itu? Terbukakah pintu itu?

'Ruhani!'

Serunya dalam hati. Dia akan menyeru nama itu semerdu mungkin. Dan, dia akan menyerunya sampai mati. Sampai dunia kiamat. Dia tidak akan berpisah lagi. Kematianlah yang akan memisahkannya. Ruhani!

Awal malam di Kota Bharu dibauri kekusutan para penghuni yang aneka rupa. Mahu pelesir atau mahu ke masjid. Dan, dia dihanyutkan oleh kekalutan dan kebisingan kota malam yang saling tidak sapa-menyapa. Dia sedang menapak perlahan-lahan

dengan langkah kakinya yang serba canggung.

Kampung Merbau yang mendebarkan!

Dari Jalan Sultanah Zainab, dia menapak perlahan-lahan. Jangkanya dia akan tiba di rumah isterinya jam sepuluh. Ketika itulah juga dia meninggalkan isterinya lima belas tahun yang lalu. Jam sepuluh di suatu sudut kampung di sebuah bandar kecil seperti Kota Bharu, suasana malam cepat dicekik kesepian. Dan, ketika seperti itulah akan dilangkahinya tangga rumah isterinya. Masa itulah! Isterinya akan terperanjat. Tentu. Dia akan melihat wajah pucat dan titik-titik air mata isterinya yang penuh cinta, menerima kepulangannya yang tiba-tiba dan menakjubkan itu.

Dadanya berdebar-debar. Kencang dan menakjubkan. Dia agak gementar. Menggeletar. Mengapa? Dia tidak tahu. Akan tetapi, dia terus seakan-akan menggigil. Seakan-akan menghadapi suatu bahaya yang tidak pernah akan terfikir.

Dia terus berdiri dalam keyakinannya yang maha teguh. Dia menapak terus. Lima belas tahun ditinggalkannya Kampung Merbau. Akan tetapi, dia masih belum lupa segala-galanya. Kampung ini tidak banyak dikunjungi perubahan. Pada suatu lorong, dia membelok masuk. Jalan ke rumah Ruhani!

Adakah Ruhani di rumah? Pindahkah dia? Tidak! Dia meyakinkan dirinya sendiri.

Ya Tuhan! Dia berseru dengan kebanggaannya seperti gunung. Rumah itu masih ada. Masih benderang dengan lampunya, walaupun agak terpendil. Beberapa buah rumah yang berhampiran sudah terkatup rapat, walaupun cahaya lampu masih menerobos keluar. Mungkin mereka sedang menonton televisyen.

Ketika dia menginjak permukaan jalan, deburan ombak debarnya menggoncangkan seluruh tubuhnya. Dia menapak perlahan-lahan untuk membuka pintu pagar rumah isterinya. Tingkap depan rumah itu masih lebar terbuka. Cahaya lampu elektriknya tersembur di permukaan halaman. Cahaya itu tertampang oleh serumpun bunga yang lebat sehingga menggelapkan kawasan pintu pagar. Pagar tidak berkunci. Dia membuka matanya seluas-luasnya. Ya, seluas-luasnya. Dia ingin menangkap seluruh penglihatannya ke atas rumah itu. Ingin melihat wajah suci murni itu. Ingin menangkap semuanya. Semuanya!

Tepat ketika kakinya cuba melangkah ke halaman untuk meneruskan kepulangannya, dia dengan ketajaman penglihatannya, dapat melihat satu lembaga yang dengan tiba-tiba tersembul di mulut jendela.

Seorang laki-laki!

Ya Tuhan! Dengan pantas dia membalikkan tubuhnya ke balik pokok bunga itu. Gunung harapannya yang dibangunkannya berhari-hari, mulai hancur dan roboh. Laki-laki! Dari celah-celah rumpun bunga itu, dia menajamkan pandangannya. Lelaki itu berbaju putih. Badannya agak besar. Dengan ketajaman matanya, dia dapat membayangkan usianya barangkali tiga puluhan. Benarkah?

Ya Tuhan! Dia dengan tiba-tiba diterkami gerombolan-gerombolan perasaannya yang maha ganas. Gerombolan-gerombolan itu menggigit dan mencakar seluruh perasaannya. Dia melihat lagi. Ya Tuhan! Dia menggosokkan matanya berkali-kali. Benar. Benar.

'Ruhani!'

Dia cuba berteriak demi melihat wajah itu dalam baju kurung labuh yang sedang membawa secangkir air ke depan laki-laki yang sudah enak-enak berlabuh di atas kerusi sambil merentangkan sebuah akhbar. Dia dapat melihat Ruhani sudah menoleh ke arahnya. Akan tetapi, dengan tiba-tiba Ruhani melabuhkan punggungnya ke atas kerusi berdepan dengan laki-laki tadi.

Dia terduduk. Terhenyak di balik rumpun pokok bunga yang rimbun. Sesuatunya gelap-gelita. Tidak ada suatu yang dapat difikirkannya. Ya Tuhan! Itulah satu-satunya tempat dia meluahkan seluruh perasaan dan dukacitanya. Dia menekup mukanya dengan dua telapak tangannya. Dia menangis ter-sedu-sedu!

Ketika dia membuka matanya, dia melihat lagi seorang budak laki-laki mencelaui kedudukan isterinya dengan laki-laki yang tegap sasa itu. Ya Tuhan! Anakkukah itu? Tanyanya. Akan tetapi, sesuatunya berbaaur dalam kepalanya yang maha kusut.

Sekujur tubuhnya lemah. Lemah seperti seketul daging di depan kawanan serigala. Dia cuba melihat lagi. Terlihat ketenangan mereka menghadapi meja dan surat khabar.

Tidak mungkin! Teriaknya dalam hati. Betapa tidak? Tanyanya. Bukankah Ruhani itu seorang wanita? Siapakah yang dapat mempertahankan kewanitaannya selama lima belas tahun tanpa pengetahuannya? Mungkin. Ya, mungkin. Bukan! Mesti!! Ya, mesti!!!

Dia melihat lagi ke arah rumah itu. Melihat wajah isterinya yang sudah dimiliki orang. Ya Tuhan! Dia mengeluh dengan kekecewaan yang boleh menghancurkan seluruh isi dadanya.

'Ruhani!' ucapnya perlahan-lahan di dalam patah-patah suaranya yang balau. 'Kuharap kau bahagia dengan suamimu. Kalau budak laki-laki itu benar anakku, peliharalah dia baik-baik. Katakanlah bahawa ayahnya sudah mati!'

Dengan ketenangan yang ajaib dan kekecewaan yang memenuhi seluruh ruang dunia, seperti setompok daging, dia melangkah keluar dari halaman rumah itu.

'Ruhani!' serunya dalam hati. Kakinya perlahan-lahan menapak keluar. Dia tidak melihat cahaya bulan dan bintang. Dia menerobos gelap malam yang mulai berangin basah dan tajam.

Ketika mendengar tiupan angin yang menajam, Ruhani muncul di muka jendela. Merenung kegelapan malam yang membungkus semua penglihatan.

"Malam berangin beginilah," tiba-tiba katanya, dan laki-laki serta budak laki-laki itu mendongak merenungi belakang baju kurung labuh itu. "Malam beginilah, Abang Hamid kau meninggalkan kakak kira-kira lima belas tahun dulu." Dia berhenti. Merenung kegelapan malam. Tiada bulan. Tiada bintang. "Masa itu kau masih belajar. Abang Hamidlah yang menanggung kau setelah ayah mati. Kau baru enam belas tahun."

Seperti suatu ingatan yang mendadak, dia mengingatkan kedatangan adiknya, Abdul Salam, selepas SC (sekarang sudah bekerja di sebuah pejabat), tinggal bersama-samanya. Adiknya inilah yang menampung semua kehidupannya dan anak lakinya, Abdul Syukur, sekarang empat belas tahun.

"Abang Hamid kau pergi tanpa pamitan, kecuali sekeping surat menyatakan bahawa ia pergi berjuang untuk mendapatkan 'kemerdekaan' bagi tanah air

kita yang baru saja diisytiharkan merdeka dua tahun."

Sebelum daun jendela itu terkatup, dia sempat melihat satu lembaga di depan pintu pagarnya sebelah luar, sedang berjalan tersiuk-siuk membelah kehitaman malam yang mula berangin. Dia melepaskan pandangannya ke arah lembaga itu. Akan tetapi, kehitaman malam mengaburkan matanya.

Dia menutupkan jendela itu cepat-cepat.

Dia merenung anaknya. Merenung adiknya.

Mengeluh.

Di luar, angin mulai kencang dan menajam!

*Dewan Sastera, Ogos 1974*

## MIMPI YANG BERTABURAN



**K**EHADIRANNYA adalah kehadiran kombinasi!

Hijau bergerak ke dalam suatu dimensi. Biru juga. Kemudian kedua-duanya membenturi Merah yang sudah mantap, membeku, kaku dalam suatu kehidupan abstrak, dalam suatu dimensi yang entah di mana sempadannya. Antara Hijau, Merah, Biru, dan Ungu yang bergerak dan berganjak, masih terdapat suatu dimensi ruang yang perlu diisi. Semua makhluk aneh itu terus bergerak dalam satu bentuk yang tetap berlainan dalam setiap gerakan.

Setiap gerak untuk memasuki dimensi, wujud

warna-warna kehidupan yang entah berbentuk apa, seolah-olah suatu ruangan yang kosong daripada mimpi yang bertaburan.

Perjuangan yang entah bermatlamat apa, penuh seru. Masing-masing terus bergerak membenturi satu sama lain. Memenuhi setiap dimensi kehidupan yang bertaburan. Hitam sesekali cuba memadamkan sesuatu pertempuran dari suatu tangan yang mendalang semua perbenturan itu. Akan tetapi, dalam beberapa saat sahaja, Putih dan Kuning memancarkan sinar terang ke atas ruangan kehidupan-kehidupan yang aneh dan ajaib itu. Sesuatunya terenang-renang, terapung-apung dalam gelombang dan ombak fikiran yang terus-menerus berputar mengembalikan alam ke dalam suatu dimensi. Amat ajaib, aneh, dan menakjubkan tetapi nikmat dan menghidupkan. Dalam suatu dimensi yang terbatas dalam bentuk khusus, setiap wajah itu muncul dan berkata-kata. Kalimat-kalimatnya sangat murni dan hampir-hampir tidak difahami. Setiap mereka mengeluarkan suara yang menggaung ke dalam pengertian maha hakiki dan suci murni.

Semuanya bergerak dan bertapak dalam kehidupan dimensi itu.

Ketika Biru berehat untuk suatu ketenangan yang ajaib, Merah yang memancarkan cahaya keriang bergerak memasuki pertambahan dimensi dalam suatu kombinasi yang berlapis-lapis. Merah terus melayakkan dirinya untuk memunculkan kecemerlangan kehidupan dalam ruangan. Merah menangkap semua. Memasukkan kecemerlangan batinnya ke dalam semua lautan perasaan dan tanggapan. Merah tidak puas. Terus bergerak menipis ke atas Hijau yang menyepi. Hijau yang menikmati

kehayatan aneh. Gerak yang menipis daripada Merah tidak berhenti-henti dalam tempoh suatu pemberhentian daripada Biru, Kuning, Hitam yang hampir-hampir tenggelam, Ungu, Hijau dan Putih. Merah dalam khayatan yang ajaib terus-menerus merayapi semua dimensi dalam suatu penonjolan melahirkan hayat mentari pada hayat seluruh kehidupan biosfera. Kemudian dengan tiba-tiba, sebelum menyerupai kehidupan pada biosfera, Merah terhenti. Merah terkejut. Merah tersingkir. Ia dibenturi Kuning dengan hebat. Merah yang masih merayap dalam kehidupan yang basah, terus sahaja menangkap Kuning yang menindihnya. Merangkul kehadiran Kuning pada suatu dimensi yang tidak ditentukan batasnya. Akan tetapi, Merah sertamerta kehilangan kewibawaan. Kecemerlangannya yang menganga ke segenap penjuru hampir-hampir tertutup di suatu sudut. Kuning memaksanya muram dan sedih. Suatu kehidupan manja daripada Kuning yang kekuning-kuningan telah wujud dalam kombinasi Hijau, Biru, Ungu, Hitam, Putih, Ungu, dan Merah.

Tiba-tiba penghayatan daripada Kelabu Asap merayapi masuk ke suatu dimensi terbawah daripada Hijau. Kelabu Asap terus menenggelamkan Hijau, dan menyatakan kesamar-samaran Hijau yang ditindihnya dengan rakus. Warna gelap dalam siri lindungan daripada Merah itu menghilangkan kehijauan pokok-pokok dalam suatu kehidupan penghayatan batin dan tanggapan. Dan, secara tiba-tiba juga Kelabu Asap berhenti. Kemudian, perlahan-lahan membiarkan dirinya mengalir membenturi Kuning, Merah, Biru, dan Ungu. Berhenti.

Putih memasuki suatu sudut atas dimensi.

Menggariskan suatu penghayatan dalam bentuk atmosfera yang menerima penghayatan nol. Putih memasuki kehitaman yang sudah membeku di situ. Dan, kesamar-samaran putih kehitaman menancap penglihatan dalam khayatan *atmosphere* sebenarnya. Dan Putih berhenti tiba-tiba. Biru terus menggantikan kehidupan yang hidup di suatu sudut dan di bawah kehijauan dan kekuningan. Dan, Biru tidak berhenti-henti. Biru terus berjalan dan bergerak dengan pantas dalam suatu riak air dalam bentuk tindih tindan dengan Putih dan Kelabu Asap. Kemudian, Biru berhenti. Putih mula mencalar untuk suatu garis riak-riak yang mencerminkan Hijau, Merah, Kuning, Ungu, dan Putih kehitaman.

Dan tiba-tiba, semuanya berhenti. Rehat yang memanjang.

Kombinasi makhluk-makhluk itu saling tindih-menindih. Tidak ada tolak ansur dalam kehidupan yang nol dalam suatu dimensi yang entah di mana sempadannya. Suatu kelompok hayat telah membangun dengan tepat dan bererti. Dan, setiap dimensi sudah tidak memerlukan kemasukan lagi. Begitulah.

Akan tetapi, dengan tiba-tiba, Biru dan Putih bergerak serentak dalam suatu kombinasi yang aneh dan ajaib. Biru-Putih membentuk suatu keadaan hidrosfera dalam alam hayat. Kelihatan kombinasi itu menghidupi suatu ruangan lautan dalam suatu dimensi dari gerak Putih dan Biru. Putih dan Biru bergerak berkali-kali sebelum gerakannya berhenti. Dan, secara sedar dan berani, Kelabu Asap daripada kombinasi Merah, Hijau dan Kuning merayapi masuk suatu dimensi yang sudah keruan sempadannya. Kelabu Asap membentuk suatu kehidupan litosfera yang tidak menentukan batas kebenaran

yang sesungguhnya. Bentuk Kelabu Asap itu terjadi dengan segan dalam penindihan yang jelek ke atas Merah dan Kuning. Dan, kehidupan seluruhnya dalam dimensi yang saling dimasuki itu, menjadi hayat kombinasi yang tidak terperikan.

Kesamar-samaran suatu dimensi sudah tidak menentu. Tidak ada suatu dimensi dari ruang dalam dunia keadaan yang khusus itu dapat dilihat dengan tepat. Makhluk-makhluk Kuning, Merah, Ungu, Kelabu Asap, Hijau, Biru, Putih dan Hitam, semuanya berada di mana-mana. Berkombinasi di mana-mana dalam ruangan yang amat terhad itu. Dan, makhluk-makhluk ganjil yang berkata-kata dengan kesedaran batin dan tanggapan itu terus tidak henti-henti berkata-kata dan membuat tanggapan. Mereka tidak bersuara walaupun mereka bergerak memasuki suatu dimensi. Dan, terus tidak bersuara walaupun mereka saling membuat kombinasi. Mereka hanya mengucapkan kata-kata dalam suatu tanggapan batin yang sangat mendalam dan suci murni. Mereka memasuki *insight* dan *internal* dalam suatu *existence* yang sebenarnya dalam penghayatan seluruh ruangan.

Dan, kumpulannya itu tidak perlu kata-kata!

Sepi!! Adalah bukan kesepian. Sepi! Adalah kata-kata penghayatan yang membolehkan gerakan daripada Kuning, Merah, Ungu, Hijau, Putih, Hitam, Biru dan anak-anak daripada kemunculannya dalam dunia pengkhususan yang abstrak, yang cepat, lincah dan memberi kata-kata kebatinan. Sepi! Sebuah *value* daripada seluruh penghayatan semua makhluk aneh itu. Sepi! Adalah apresiasi daripada suatu penghayatan nol oleh makhluk-makhluk ini dalam dimensi yang bertaburan. Tidak menentu

tetapi jelas. Tidak tetap tetapi nyata. Tidak keruan tetapi padu.

Dalam dunia ini SEPI adalah kata-kata!

Tiba-tiba, ya dengan tiba-tiba, sesungguhnya, dengan kesungguhan yang ajaib dan menakjubkan, Biru yang secalit saja terbang membenturi Putih yang membeku. Dan, Biru secalit dengan kepantasan yang aneh menggariskan suatu jalur riak yang amat menakjubkan. Melahirkan gerakan sebuah gunung yang terpacul tiba-tiba dalam suatu ruangan mimpi yang sudah bertaburan. Dengan jilatan rakus dan kasar, Hitam secalit, bukan, segaris, telah membuat suatu gerakan memanjang dan lurus ke atas kombinasi Hijau, Biru, Kuning, dan Merah dan anak-anak kelahirannya. Garis itu berjalan dan bergerak sendirian dalam lingkungan yang amat tidak jelas tetapi realistik. Hitam segaris itu memisahkan suatu bayang-bayang sebuah gunung yang terpacak daripada suatu kombinasi makhluk-makhluk aneh dan menakjubkan itu.

Sepi!

Tiba-tiba semua ditakluki kesepian di mana-mana. Kesepian dalam kata-kata makhluk yang memasuki semua dimensi yang bertaburan dan tidak menentu. Semuanya membeku. Dan, sesuatu pribadi tidak jelas dengan dirinya sendiri. Mereka menghadapi kesamaran kehidupan dalam penghayatan daripada sebuah mimpi seorang makhluk yang menjalani kehidupan sepi. Dan, mereka wujud daripada suatu kehidupan yang penuh apresiasi.

Keadaan itu lama membeku. Akan tetapi, kecairan untuk aliran yang perlahan-lahan masih membolehkan Biru bergerak dalam kesepian. Demikian dengan Putih dan Hitam segaris. Mereka

bergerak perlahan-lahan memasuki dimensi yang entah ada entah tidak. Sesuatu yang dimasuki mereka adalah dimensi yang sebenarnya sudah tertutup untuk disebut suatu dimensi. Namun dapat juga dimasuki. Itulah mereka terus bergerak sangat perlahan. Hampir-hampir tidak dapat dikesani perjalanan mereka yang terus bergerak sampai mereka sebenar-benarnya membeku. Tidak! Mereka terus berjalan dan bergerak perlahan-lahan dan tetap. Mereka tidak membeku. Dan, tidak akan membeku selama gerakan untuk menghayatkan suatu kehidupan yang aneh dan ajaib ini. Mereka terus hidup dan bernafas dan sepi yang merupakan kata-kata yang sebenarnya.

Sekalian mereka tidak berhenti-henti bergerak dalam ruangan yang sangat sedikit. Hampir-hampir tidak kelihatan gerakan mereka selama berapa menit itu.

Dalam keadaan gerakan yang sangat perlahan dan hampir-hampir membeku itu, Kuning jatuh tiba-tiba. Kuning yang besar dan garang yang muncul tiba-tiba itu terus berlari membentuk suatu garis memanjang pada suatu kehidupan pokok yang dijalani oleh Hijau dan Hitam dan Putih. Kuning menanggapi penghayatan dengan kehadiran yang berkali-kali. Pengulangan kehadiran Kuning yang menyalurkan beberapa dimensi yang kelihatan terutuh, lantas dengan sadar dan nikmat menindih beberapa makhluk kawannya sendiri. Kuning lantas berlari dengan cepat menggariskan bayang-bayang daripada kejatuhan Merah daripada bentuk sebuah mentari yang memancarkan kegarangan dalam semua kehidupan dunia empat segi ini. Mentari daripada kemerahan dan keputihan-kekuningan

yang menghidupkan semua alam biosfera dalam dunia aneh ini. Kuning menjalar dan berjalan ke bawah. Membenturi beberapa kawannya yang sedang bergerak sangat perlahan. Kuning yang baru datang setelah berhenti, perjalanannya garang sekali. Dia menjaluri sebuah aliran perbatasan yang ditimpa Merah dari atas yang semakin menipis. Apabila Kuning jatuh ke atas Merah yang kian menipis terjadi suatu kombinasi yang luar daripada semua Kuning dan Merah. Pergerakan Kuning hampir-hampir terhenti apabila jatuhnya ke atas Merah menghayatkan suatu kebatinan yang sepi.

Tiap-tiap seorang Kuning, Biru, Hijau atau lain-lain akan memasuki dimensi-dimensi yang kabur dan tidak menentu. Namun mereka tidak berhenti bergerak memasuki tiap-tiap dimensi yang sudah lebih dahulu dimasuki. Dimensi dalam dimensi. Seorang Kuning dalam satu dimensi akan dimasuki kemudiannya oleh seorang Hijau. Akan tetapi, setelah beberapa detik Kuning separuh membeku atau bergerak sangat perlahan, maka akan dimasuki pula oleh seorang Hijau. Kemudian, dimensi itu akan dimasuki pula oleh Kuning. Demikianlah dalam tiap-tiap orang makhluk itu akan bergilir-gilir memasuki satu dimensi dan berkali-kali. Apakah masih ada dimensi yang demikian dalam penghayatan makhluk-makhluk?

Sepi dan kesepian!

Dan, setiap orang warna yang wujud di dunia abstrak itu, adalah kehadiran kombinasi yang menakjubkan. Ruangan-ruangan yang terdiri adalah ruangan-ruangan kesempatan semata-mata. Ruangan kesempatan kerana kehadiran beberapa orang warna yang saling tindih-menindih. Saling ber-

tempur untuk mendapatkan kewujudan yang paling menonjol. Untuk mendapatkan kewujudan yang kental dan sehati. Untuk memperoleh kesempatan yang hakiki dalam warna-warna keindahan dan kenikmatan yang aneh. Dengan tiba-tiba Hijau bergerak dan berlari memanjat dan memasuki suatu dimensi yang sudah ditempati oleh Biru kekuning-kuningan. Hijau yang menempati ruang yang tidak ada selisih sekaki semut pun itu dengan cepat dimasukinya dengan penuh lapang dan gembira. Lantas bergerak dengan cepat dan cergas untuk membolehkan penghayatannya menerpa ke segenap penglihatan. Dan, secara tiba-tiba, Kuning berhenti atau berjalan dalam gerak perlahan. Dua orang Merah dan Biru dalam kombinasi terus berterjunan menjalani penghayatan dalam satu dimensi. Dua makhluk dalam suatu ruangan yang sesungguhnya tidak keruan sempadannya.

Dan, dengan sekonyong-konyong Putih menerkam, menerangi beberapa paduan dan kesatuan lain yang sudah sehati dalam kombinasi dimensi yang entah bila kehadirannya. Tidak keruan. Tidak menentu. Putih dengan penuh suci murni membuat penghayatan terhadap seluruh kehidupan ini. Tiap-tiap orang warna kehidupan yang mujarad, yang abstrak, menonjolkan kewibawaan sendiri yang rakus dan gelisah. Menonjolkan penghayatan yang nol dalam suatu dimensi yang berkali-kali dimasuki oleh tiap-tiap mereka. Berkali-kali. Dunia kehidupan itu belum menentukan wujud sejati. Perbenturan mereka terus berlaku dengan seru dan melambangkan penghayatan yang aneh dan menakjubkan.

Dunianya belum sempurna!

Ekoran perjalanan mereka tidak berakhir.

Seluruh alam yang ditentukan itu dijalani mereka dengan penuh perasaan. Penuh keagungan. Penuh keangkuhan. Penuh kewibawaan. Yang nyata dan paling menonjol ialah Merah yang kontras dengan Hijau dan Biru. Kadang-kadang mereka bertemu dalam kombinasi. Dan, kadang-kadang mereka bertemu dalam pertempuran sempadan yang sangat sedikit jaraknya. Malah, tidak berjarak sedikit pun. Inilah medan mereka membuat penghayatan dalam alam kehendak seorang dalang yang penuh kompleks. Tiap-tiap seorang warna memegang peranan untuk memperlihatkan penghayatan yang menakjubkan.

Seluruh mereka bergerak dan berganjak dengan sangat perlahan. Beberapa orang warna sahaja yang bergerak dalam pusingan akhir menghayati alam kebatinan itu. Mereka hanyalah Kuning dan Putih. Kedua-dua orang warna ini pandang-memandang untuk melengkapi kehidupan sepi yang hampir selesai. Kemudian, kedua-duanya berhenti. Semua berhenti. Sepi!

Sebuah penghayatan dalam kombinasi telah wujud.

Sepi!

*Dewan Sastera, Jun 1975*

## PENYEKSAAN



**H**ATINYA rusuh, resah dan cemas!

Dengan apakah dia akan berkata-kata? Apabila kerusuhan, keresahan dan kecemasan menyebatkan diri menjadi gerombolan-gerombolan yang maha ganas dan menyeksakan, dengan apakah lagi dia akan mengeluarkan kata-kata? Dia dapat merasakan dalam dirinya keakuan kesepian yang menggigit dan terasing. Segala-galanya kosong, terapung-apung dengan ajaibnya, menusuk-nusuk kejam dan menyeksakan. Sekujur badannya yang tegap sasa dengan keutuhan fizikal seperti banting telah menghilang dan menguncup seperti isi lokan yang direbus.

Tidak ada keakuan dan kegagahan sebesar kaki semut pun dalam dirinya sekarang. Tidak ada. Semuanya menghilang dan mengabur seperti wap. Yang menguasainya hanya gumpalan-gumpalan kesangsian, kasih sayang dan kecintaan. Kesangsian. Kasih sayang. Kecintaan. Rintihan yang didengarnya seperti menderu-deru melandai di atas pasir kesangsian yang menipis. Wajah isteri dan anak-anaknya yang masih kecil bergulung-gulung dan memutih memanjat tebing hatinya yang kian mendalam menghunjamkan perasaan kasih sayang. Wajah ayu, lunak dan bersahaja daripada muka isterinya yang agak gelap, memperlihatkan cahaya putih yang selalu meniti-niti di sudut kalbunya memperdalam rasa cintanya saban hari.

Dan, segala-galanya mengental dan menebal. Alangkah menusuknya rasa rusuh, resah dan cemas itu sekarang. Alangkah!

Alangkah kesalnya dia! Dengan tiba-tiba seperti kedatangan angin ribut yang menderu, dia dapat melihat keakuannya yang besar dalam persengketaan selama ini. Sesuatunya dewasa ini tidak menolongnya meringankan beban. Tindakannya selama ini mengecilkan keakuannya sekarang. Ketangkasannya selama ini memperlihatkan kelembapannya juga. Kegagahannya juga adalah kekecilan tenaganya menghadapi pesta maut dan kerusuhan, keresahan, kecemasan yang sedang bertabur dalam kalbunya. Keagungannya sebagai bos tidak memberi keagungan apa kepada rintihan dan seksaan yang sedang menikam dan menusuk isterinya. Dengan perasaan yang penuh kekecilan dan keakuan yang sedang mengabur, perasaannya luka-luka setiap kali dia mendengar rintihan isterinya. Seksaan yang

sedang dideritai isterinya adalah kesebatian daripada penyeksaan dirinya sendiri.

'Ya Tuhan!' serunya dalam hati. Dengan ketiadaan keakuan yang sudah penuh dirasakannya, dia menyanggupi seksaan isterinya itu. Ubahkanlah dia! Ya Tuhan!

Akan tetapi, dengan tiba-tiba dia menyedari semuanya itu tidak berguna. Tidak berguna. Sesuatu penyeksaan daripada Tuhan bersifat mutlak. Tidak boleh ditukar ganti. Dia dapat mengingat: Penyeksaan ke atas dirinya apabila bahunya separuh roboh oleh pukulan seorang lawannya lima tahun yang lalu, adalah mutlak kepunyaannya sendiri. Pukulan itu terbabas, dia mengingatkan. Kalau pukulan itu tepat, bukan bahu yang kena, tetapi kepala. Dan, kalau kepala, penyeksaan yang tidak terperikan. Ingatan itu mengalir lambat-lambat. Seperti juga penyeksaan yang berjalan lambat-lambat dalam setiap pembuluh darah.

Perebutan untuk menguasai daerah kota selalu terenang-renang dan terapung-apung dalam fikirannya. Dan, kewibawaan Jali, anak desa Padang Halban yang bertahun-tahun menguasai daerah kota, Kota Bharu, selalu mengingatkan dia kepada suatu penyeksaan batinnya.

"Selama-lamanyakah kita mesti bekerja untuknya?" katanya pada suatu hari kepada seorang kawan yang sangat diharapkannya.

Salim termenung mendengar pertanyaannya. Merenung ke dalam matanya dengan tajam. Mencerlung. Dia cuba menentang tikaman itu.

"Telah kufikirkan ini, San." Salim mendesis ke telinganya dan hampir-hampir tidak kedengaran.

Dia menajamkan matanya ke wajah Salim. Mene-

liti kejujuran dan pengkhianatan. Bukankah dengan ujarannya sebentar tadi akan meradangkan Jali, kalau Salim memberitahunya? Bukankah dia akan menghadapi risiko yang bukan alang-kepalang?

"Dan, ini juga pernah difikirkan Ali." Salim masih mendesis juga. Menerbangkan matanya ke sekitar. Melihat-lihat kawan-an Jali yang bila-bila masa boleh bertindak ganas. "Tapi sangat susah. Tidak ada yang betul-betul sanggup mengerjakan Jali!" Agak keras ucapan akhir itu ditekankan.

"Aku sanggup!" Tiba-tiba tanpa perasaan dia meluahkan kata-katanya. "Aku telah lama mengatuk untuk kepentingan Jali. Kepentingan orang lain. Sekarang untuk kepentingan aku sendiri!"

Dia melihat tikaman mata Salim yang mengancam. Akan tetapi, dia sudah bersedia segala-galanya. Dia menyedari kegagahannya sendiri. Dia juga menyedari Jali dan kawan-kawannya yang lain banyak menggantungkan harapan kepadanya. Daripada kepandaiannya dalam bertinju. Kepandaiannya dalam bermain tongkat. Kepandaiannya dalam bermain pisau. Dan, apakah sekarang tidak boleh dia bekerja untuk kepentingannya sendiri pula? Tiba-tiba dia melihat wajah isterinya yang baru dikahwininya tiga bulan yang lalu. Dan, pada bulan ini belum juga dikunjungi haid. Apakah dia akan menerbitkan zuriat yang akan ditinggalkannya serta-merta?

Dia melihat Salim tersenyum. Menjatuhkan senyumannya ke atas wajah mukanya. Tidak percaya?

"Aku tahu kau tidak setuju." Dia mendesis dengan wajahnya yang hodoh.

"Tidak, San." Tiba-tiba Salim memutuskannya. "Aku yakin ucapanmu. Tapi, kau harus beringat-ingat sikit."

Dan, selepas perpisahannya petang itu dengan Salim, dia tidak mendengar lagi beritanya. Salim lari ke Siam setelah melumpuhkan sebuah penghidupan seorang manusia. Dia sendiri telah menjalani kehidupan yang perit dan menyeksakan selama empat tahun setelah melumpuhkan semua kekuatan Jali. Dia masih ingat keakuan Jali yang ditundukkan di depan kawan-kawannya.

"Aku tidak mahu," katanya ketika Jali memberikan dia ketentuan supaya mengatuk seorang laki-laki di pasar. "Kau sendiri boleh melakukannya," katanya dengan kasar.

Ketika Jali cuba berkeras, dia mencekak lawi ayamnya. Dan, Jali tidak menerpa seperti banting luka, seperti yang dianggap akan berlaku. Kawan-kawannya yang lain mengetap bibir untuk membela Jali.

"Nantilah!" bentak Jali. Mengancam.

"Ya. Aku menanti. Di mana saja!" jawabnya dengan sinis.

Sebulan kemudian, dia benar-benar menghadapi Jali. Dan, kapak binjai manisnya telah terbenam ke dalam kepala Jali. Bahunya sedikit terhiris oleh pisau jam Jali. Tidak parah. Ketika beberapa orang kawan cuba menerkamnya, kehadiran polis telah menyekat segala-galanya. Jali terbaring di aspal. Ketika dia digiring polis, dia teringat kepada isterinya yang sudah terang hamil satu bulan.

Kemudian, dengan penuh seksaan batinnya, dia menjalani kehidupan dengan sabar selama empat tahun di dalam penjara. Ketika dia keluar, dia dapat merasakan betapa sukarnya untuk mendekatkan kasih anak sulung laki-laknya kepadanya (dia menamakannya Zulfakar, ketika diberitahu di dalam

penjara). Dan, kehadirannya semula ke dalam kota, secara otomatis dia menggantikan tempat Jali. Dia menghadapi banyak masalah. Seperti Jali juga, dia selalu ditentang oleh orang-orang yang mengatakan tunduk di bawahnya. Pukulan yang sangat berat dirasakannya adalah pukulan yang hampir-hampir merobohkan bahunya. Dan, pemukul curi itu dapat dikesannya. Dia telah meranapkannya di suatu tempat seperti dia meranapkan Jali dulu juga. Bezanya, dia tidak dikenali. Lalu dia dapat mengelakkan diri daripada ditangkap polis.

Dalam keadaan tegang dan waspada dalam perebutan daerah kota ini, isterinya melahirkan anaknya yang kedua. Kali ini perempuan.

Dengan tenang dia menerima permintaan isterinya untuk menamakan bayi perempuan itu.

Siti Salmah! Itulah kemanisan yang ditandakan oleh isterinya.

"Abang harus berusaha untuk menjadikan dua anak kita ini sebagai manusia."

Kata-kata Esah itu mendekam ke dalam telinga hatinya. Bukankah dia seorang isteri yang setia? Tidakkah Esah terus memperlihatkan kesetiaannya selama bertahun-tahun dia di dalam penjara? 'Ya Tuhan!' serunya dalam hati. Dia dapat merasakan kehinaan dirinya ketika berhadapan dengan wanita suci yang kudus ini!

Zulfakar dan Siti Salmah!

Dua nama yang saling bergantung dalam dadanya. Dua nama itu sering menarik-narik nafsunya. Mengempang nafsunya yang galak. Selalu mengurungkannya daripada melakukan tindakan seperti yang dilakukannya ke atas Jali. Telah bercupak-cupak mata dia hilangkan semata-mata atas peme-

rasan. Telah berbiji-biji kepala yang dibenamkan kapak bungkus, binjai manis atau enam sembilan. Baik dengan tangannya sendiri atau dengan tangan anak buahnya.

Betapakah penderitaan dan penyeksaan mereka?

Ya Tuhan! Dia sedang merenungi jalan raya penderitaan yang dilalui oleh mangsa-mangsa tangannya, seperti yang sedang dilalui oleh isterinya untuk melahirkan anaknya yang ketiga.

'Tidak!' Dia membentak dalam hati. Dia cuba menguatkan keakuan daripada kejagoannya, tetapi ranap setiap kali dia mendengar rintihan isterinya. Dia tidak dapat menahan perasaannya. Dia sangat bangga dengan keagungan keakuannya sebagai juara dalam perebutan daerah kota. Akan tetapi, dia tahu, dia sangat lemah dan selalu tunduk di bawah kasih sayang terhadap isteri dan anak-anaknya. Dia tidak malu menyatakan kehinaannya kepada isterinya yang direbutnya secara paksa di Kampung Tasik. Dan, sejak itu, mahkota kemuliaannya dalam hidup adalah isterinya. Kemudian ditebalkan lagi dengan kehadiran dua orang anak-anaknya. Betapakah dia tidak tunduk di bawah isterinya yang telah menerangkan dua orang zuriat untuknya?

Sekarang isterinya sedang merintih kesakitan yang tidak tertanggung untuk menerangkan anaknya yang ketiga!

Sudah sehari suntuk rintihan itu menghunjam ke dalam gegendang telinganya. Dan, tiap-tiap patah daripada penyeksaan yang dilahirkan dalam bentuk rintihan isterinya itu menjadi patah-patah ingatan atas kekejamannya. Apakah penderitaan isterinya itu adalah qadak daripada perbuatannya sebagai suami? Tidak! Dia meyakinkan dirinya. Ya Tuhan.

Isterinya suci. Isterinya kudus. Isterinya setia. Isterinya mahkota daripada segala kasih sayang anak-anaknya. Betapakah yang terjadi pada Zulfakar dan Siti Salmah kalau ibunya hilang begitu saja? Ya Tuhan! Tiba-tiba dia merasa digenangi laut keputusan yang sedang bergelombang dan berombak di mana-mana dalam setiap patah rintihan daripada mulut isterinya. Dia tidak dapat melihat kehadiran mak bidan dan jiran-jiran yang berjambak memenuhi ruang rumahnya. Seperti tidak terlihat olehnya.

Dalam keadaan dia termangu-mangu dengan kedukacitaan yang besar, Zulfakar dan Siti Salmah bersenggayut di kain sarungnya. 'Anakku!' katanya dalam hati dengan menggemakan seluruh kalbunya. Dia menyapu kepala Siti Salmah. Anak perempuan yang berumur tiga tahun itu kelihatan agak gembira melihat orang ramai. Akan tetapi, tidak demikian dengan Zulfakar yang berusia lapan tahun. Zulfakar agak mengerti. Wajahnya juga kelihatan rusuh. Apakah anak-anak ini akan berasa kehilangan ibu setelah mula mengenal dunia? Dia berasa amat takut untuk membayangkannya. Amat takut. Alangkah menakutkan. Alangkah!

Dia sudah berusaha sedapat mungkin. Menjemput siapa saja yang dikatakan dapat mengurangkan seksaan isterinya. Dia dapat membayangkan sesuatu. Sangat mengerikan. Menggerunkan. Isterinya akan dibedah kalau dimasukkan ke hospital. Apakah tidak mungkin dia menyanggupi semuanya asalkan isterinya selamat sejahtera? Mengapa dia tidak terfikir sejak dahulu? Dia berasa amat bahagia dengan keputusannya yang cepat. Mengapa dia memikirkan ketakutan untuk dibedah?

'Hospital!' desisnya dalam hati. Hospital! Kepu-

tusan satu-satunya yang terakhir. Apakah ini yang terakhir dan berakhir?

'Anakku!' Dia memeluk Siti Salmah. Zulfakar merenung adiknya. Matanya agak rusuh. Anak itu agak mengerti. Suara ibunya satu-satu. Sudah berlambak-lambak nama Tuhan dilafazkan. Dan, suara beberapa orang yang simpati, yang ikut disenggau rintihan ibunya, terdengar menyabarkan. Dia melihat wajah anak-anaknya dengan kekosongan yang berdetak-detak.

"Mat San!"

Sebuah ucapan menyeru namanya. Ketika dia menoleh, dia melihat dalam wajah itu terpancar sesuatu yang menggerunkan. Tanpa perasaan, dia menolak Siti Salmah. Dia bangun mendadak menerkam ke kamar isterinya yang dilingkungi orang-orang yang tidak berguna, fikirnya. Dia tidak mendengar suara rintihan. Tidak mendengar suara raungan. Ya Tuhan!

Ketika kakinya menapak ke bibir pintu, dia hampir-hampir melaung. Kesebatian daripada seksaan isterinya dirasakannya benar-benar. Seluruhnya terpanjat ke atas dirinya. Tidak terpancut sedesis suara pun daripada bibirnya. Semuanya membeku dan menebal. Dia mampir ke sisi isterinya. Mata isterinya hampir-hampir tertutup. Lehernya terkulai di atas bantal kekabu yang bersampul biru tua yang agak lusuh. Dia melihat kelesuan dan kehampaan sudah memenuhi seluruh hidupnya daripada wajah dan mata isterinya. Apakah seksaan ini hasil daripada seluruh penyeksaan yang dilakukan olehnya kepada berbiji-biji kepala? Apakah penyeksaan mangsa-mangsa kapak bungkus, binjai manis, enam sembilan atau pisau jam menjelma ke dalam seksaan isterinya?

"Hospital!"

Dia dapat menyebutkan kata-kata itu setelah berjam-jam tidak dapat mengucapkan kata-kata. Dan, dengan tiba-tiba dia melafazkan nama Tuhan yang telah dilupakannya bertahun-tahun. Dia menyebutkannya berkali-kali. Dan, kata-katanya mulai hilang lagi daripada mulutnya. Ketika kereta ambulans tersedak di depan rumahnya dan ketika isterinya ditandu dan dibawa pergi, dia melihat suatu kekosongan dan kehampaan dan seksaan ke atas seluruh hidupnya.

Dia dapat merasakan betapa luasnya keadaan seksa yang direnangi isterinya. Isterinya sudah kehilangan seluruh tenaga. Ketiadaan keakuan daripada kejagoannya selama ini dapat dirasakannya sungguh-sungguh. Dia hilang dalam kekuatannya yang tidak berguna dan paling menyeksakan. Dia hampir-hampir melaung ketika dengan tiba-tiba dia melihat beberapa biji kepala tergolek-golek di depan matanya. Tiap-tiap kepala itu terbenam mata binjai manis yang sudah dipatahkan hulunya. Yang ada hanya matanya yang runcing dan terkapuk di situ. Dia melihat berpuluh-puluh biji mata terbeliak menanggung seksaan daripada rempuhan dan timpaan enam sembilan, buku lima atau anak langsung. Semuanya daripada tangannya. Semuanya berdiri dan hidup. Menggamitnya mampir dengan keluhan dan raungan. Satu-satu masuk ke dalam urat darahnya. Berkumpul dan mendebur jantungnya. Seperti sesuatu yang dapat dipercayai, dia melihat Esah terapung-apung dan terenang-renang di tengah-tengah mereka. Di tengah-tengah puluhan kepala yang dikapuk binjai manis atau kapak bungkus. Di tengah-tengah ratusan biji mata yang terbeliak oleh

enam sembilan atau anak langsung atau buku lima. Dia cuba meraih seksaan yang dideritai Esah di tengah-tengah gerombolan seksaannya itu. Tidak tercapai. Tidak terdaya. Dia cuba melaung. Akan tetapi, kata-katanya tenggelam dan membeku dalam rongkongnya.

Tiba-tiba dia melihat Zulfakar dan Siti Salmah tersembul di tengah-tengah seksaan ibunya. Mereka hampir-hampir tenggelam. Akan tetapi, mereka tersenyum penuh kegembiraan. Mereka bersorak dan menyanyi bersama-sama lagu penyeksaan daripada puluhan kepala dan ratusan biji mata. Lagu kehidupan bercampur-baur dengan lagu maut dan penyeksaan. Mereka melihat ayahnya dengan gembira. Mereka melambai-lambai tangan. Menyiulkan lagu-lagu kehidupan dalam irama burung-burung. Penuh kebahagiaan. Penuh damai. Penuh nikmat. Secara mendadak, dia melihat sekonyong-konyong, puluhan biji kepala yang dibenam binjai manis dan kapak bungkus, dan ratusan biji mata yang diluluhkan oleh enam sembilan, anak langsung dan buku lima menerkam kepada Zulfakar dan Siti Salmah. Semuanya cuba menenggelamkan anak-anak itu, seperti juga penyeksaan yang sedang diraih mereka ke atas isterinya. Dia tidak dapat melihat penyeksaan yang maha dahsyat itu. Tidak dapat.

“Fakar!! Salmah!!”

Laungannya menggema dalam kesedaran dirinya yang mulai mengerti. Di sekelilingnya dia melihat beberapa orang jiran. Dan, di sisinya Zulfakar sedang menangis. Siti Salmah juga. Mereka sedang menyebutkan seksaan ibunya yang sudah dibawa pergi. Dia tiba-tiba menggeletar. Melihat sesuatu yang sudah menghilang dan membeku dalam jantungnya.

Seperti tidak mahu dilepaskannya, dia memeluk kedua-dua orang anaknya. Diciumnya. Dan, kedua-duanya dapat merasakan kehangatan penderitaan ayahnya yang entah mengapa. Suatu barisan keringat yang berbaris di atas hidung, dahi dan pundaknya memancarkan manik-manik halus yang memantulkan suatu jenis penyeksaan ke atas dirinya.

Ketika dia menapak di pintu wad bersalin, dia melihat suatu kekosongan yang sangat bererti. Segala-galanya ingin ditanggungnya sendiri. Ya Tuhan! Betapakah pergantian penyeksaan yang sebenarnya? Dan, benar. Benar. Pembedahan sahaja satu-satunya jalan untuk menghanyutkan penyeksaan ke atas isterinya. Dia berasa sangat lama untuk mendengar sesuatu berita. Sangat lama. Dan, sesuatu penyeksaan itu sangat lama dirasakannya. Apabila dia diberitahu isterinya memerlukan darah tambahan untuk keselamatannya, dengan segera dia menyerahkan dirinya.

"Hiris saja!" katanya. Biarlah darahnya segera dikeluarkan untuk isterinya. Kemudian kata-katanya membeku. Menebal.

Dengan apakah lagi dia akan berkata-kata?  
'Ya Tuhan!' keluhnya dalam hati.

*Dewan Bahasa, April 1973*

## IBU



**D**ENGAN tiba-tiba wajah ibuku terpacak dalam mataku!

Setiap menjelang malam Jumaat ibu datang menghimpit dan membelai perasaanku. Mendesiskan kecintaannya kepadaku. Terhadap anak-anakku. Ibu tersenyum simpul penuh mesra. Penuh cinta. Wajahnya putih bersih dalam belaian ketenangan dan kesyahduan. Pertemuan kami setiap malam Jumaat adalah pertemuan daripada kehadiran ibu yang mengasuhku membaca ayat-ayat suci al-Quran, khususnya surah *Yasin*. Ibu menghabiskannya sepuluh kali khatam. Aku menghabiskan lima kali.

Kakakku juga sampai sepuluh kali. Kemudian kami membaca ayat-ayat lazim dan menyudahkannya dengan *al-Fatihah*. Lumrahnya ibu berdoa panjang selepas itu.

Akan tetapi, ibu sudah berpulang lebih empat tahun yang lalu.

Kezurannya selama dua tahun yang melumpuhkan semua tenaganya menghiris jantungku setiap malam Jumaat daripada pertemuanku dengan ibu. Sakit ibu adalah sakitku. Sakit anak-anakku yang sejaras. Setiap patah keluhan ibu adalah patah-patah jarum yang menikam setiap lubang darahku. Kerutan dahinya oleh tunjulan kesakitan yang tidak tertanggung oleh ibu, menjadi api yang meruap dan membakar seluruh kedegilanku. Penyakit separuh lumpuh yang dideritai ibu sepanjang dua tahun mengambil masa persediaan belajarku agak banyak. Aku membiarkan semuanya hanya kerana ibu. Setiap menjelang Khamis aku dan anak-anak akan pulang ke kampung. Kami menemui ibu. Kami merabai ibu. Kami mengelilingi ibu seperti anak-anak ayam yang mengelilingi makanan. Dan, kami cuba merasai kemesraan ibu yang tersenyum. Cuba merabai perasaan ibu yang perlahan-lahan memutarakan matanya ke arahku, isteriku, dan cucu-cucunya.

"Tukku!" seru Fariza, anak sulungku.

Ibuku melihat wajah Fariza. Bibirnya melukiskan sebuah senyum separuh yang menggambarkan kegembiraan yang ajaib. Bibirnya bergerak-gerak. Ibu hendak berkata-kata. Namun, itulah kedukaan kami sekeluarga. Ibu sudah kehabisan kata-kata. Ibu kehilangan kenikmatannya, iaitu satu-satunya yang disukainya, iaitu berkata-kata. Ibu akan berkata-kata sepanjang hari. Dengan kata-

katanya ibu akan mengajar al-Quran anak-anak kampung kami. Dengan kata-katanya ibu akan meleteri kenakalan anak-anak kami. Dengan kata-katanya ibu menanamkan kemesraan orang ramai terhadap keluarga kami. Sesuatu yang ajaib dan bernilai menjadi azimat dalam keluarga kami (iaitu sejak kematian ayahku hampir tiga puluh tahun yang lalu) ialah ibu dengan kata-katanya.

Dan sekarang, ibu kehilangan kata-katanya! Apakah lagi yang akan dinikmati ibu? Begitulah selama dua tahun ibu menanggung penderitaan penyakit separuh lumpuh dengan kehilangan semua kata-katanya daripada mulutnya.

"Tukku!" Uzair menambah seruan kakaknya.

Ibu mengangkat tangannya. Hanya inilah satu-satu yang masih dimiliki ibu selama kelumpuhannya dua tahun. Ibu masih boleh mengangkat tangan. Ibu memegang tangan Fariza. Memegang tangan Uzair. Memegang tangan Zarida. Memegang tangan Zakir. Dari kelopak mata ibu, berterjunan air bening. Dan, bersama-sama dengan perasaan ibu, aku ikut mengeluarkan air mata. Anak-anakku termangu. Mulut ibu kelihatan begitu indah dalam lingkaran sempit cebeknya. Ibu mengelip-ngelipkan matanya menahan keharuannya bertemu anak cucunya yang tinggal di kota. Air mata ibu tetap mengalir ke daerah pipinya. Mulutnya kumat-kamit. Ingin dia berkata-kata. Ingin dia!

Akan tetapi, kata-kata hanya membeku di dalam rongkongnya. Mulut ibu kelihatan memanjang oleh renyuk tangisnya yang sangat kesayuan. Dan, kami sama-sama tenggelam dalam kejauhannya yang menyedari kehilangan kenikmatan hidup hari demi hari.

Kakakku (hanya inilah satu-satunya saudaraku di dunia ini) menyeka air mata ibu dengan sapu tangan biru yang agak lusuh. Air mata itu meresap ke dalam kain biru itu seperti juga hayat ibu yang sedikit demi sedikit meresap ke dalam ketiadaan yang sangat membimbangkan kami.

"Ini untuk Tukku," desis anak sulungku ke telinga ibu.

Ibu menggenggam buah-buah yang berlambak di sisinya. Dia menggenggam erat-erat seperti dia menggenggam kehidupan yang ingin terbang daripadanya. Isteriku mengupas kulit limau itu. Satu-satu dimasukkan ke dalam mulut ibu. Dan, dengan kemesraan yang ajaib, ibu menelan dengan keengganannya. Aku tahu. Aku tahu sungguh-sungguh. Ibu sudah kehilangan selera. Kekuatan ibu untuk makan sudah diluahkan oleh lidahnya. Seluruh lidah ibu ditebali ketidakmahuan untuk mengecap sesuatu makanan. Ibu hanya sanggup mengecap aliran air. Dan, inilah satu-satunya kesukaan ibu sampai dia menghembuskan nafasnya yang terakhir. Air. Air.

"Ibu sakit?" Aku seperti tidak perasan sahaja meluahkan kata-kata itu. Aku tidak mempunyai fikiran untuk mengeluarkan kata-kata yang wajar untuk menghadapi ibu yang hari demi hari kian tenat. Ibu menggelengkan kepalanya. Ibu enggan mengakui penderitaannya. Dia cuba menyembunyikan apa yang ditanggungnya. Namun, aku mengerti. Kakak juga mengerti. Jiran-jiran kami mengerti. Ibu sakit. Ibu lumpuh. Ibu kehilangan tenaga. Ibu kehilangan kata-kata. Ibu kehilangan ingatan.

Penyakit ibu datang dengan tiba-tiba. Ibu dalam keadaan yang normal ketika aku ke tempat kerja pada suatu pagi. Waktu aku berbual-bual di kantin

dengan kawan-kawan, tiba-tiba aku dikejutkan dengan kedatangan Zahari, iparku: Bahawa ibu diserang penyakit darah tinggi (ini kutahu setelah diperiksa oleh doktor), disertai kencing manis. Waktu itu kami sedang bersiap-siap kerana perpindahan kami ke rumah baharu. Dan, ketika kami naik ke rumah baharu (sebenarnya rumah sewa yang lebih sesuai) kami tidak melihat wajah ibu (sebab pada petang itu juga, dengan permintaan kakakku, ibu harus ditempatkan di rumah asal kami di kampung. "Tempat sakit demam, mati relai mestilah di rumah sendiri," sepetah kata kakak).

Dan, sejak kepergian ibu daripada menyertai kehidupanku di kota, anak-anakku kehilangan datuknya yang satu-satunya masih rapat (kedua-dua datuk laki-laki telah meninggal dunia). Dan, setiap menjelang Khamis, aku membawa anak-anakku untuk menemukan kemesraan mereka dengan datuknya. Dan, setiap kali pertemuan kami dengan ibu, aku selalu sahaja dibekalkan dengan kesedihan yang tidak terperikan. Ibu yang sangat periang dan berakal, bersifat keibuan sejati yang simpatik telah kian menghilang daripada kehidupanku. Dan, sehingga kehadiran ibu yang benar-benar tiada, sampai sekarang, aku masih belum mendapat gantinya. Benar kakakku ada. Benar ibu mentuaku ada. Benar ibu saudaraku ada. Akan tetapi, mereka tidak bersifat keibuan. Mereka tidak ada jiwa untuk menyertai kesedihanku, kecuali turut sama dalam kesukaan-ku.

Sejak kehilangan ibu, aku tidak pernah berasa tenang. Kecuali isteri dan anak-anakku, kecintaan-ku sudah tergantung untuk menyatakan cinta keanakan kepada cinta keibuan.

Ibuku sudah pergi empat tahun yang lalu.

Akan tetapi, aku ditemukan dengan ibu setiap malam Jumaat. Dalam kesayuan aku melafazkan ayat-ayat suci surah *Yasin*. Kehadiran ibu semata-mata kerana kehadiran bacaanku yang sangat disukainya. Ibu mengajarku membaca al-Quran. Ibu mengasuhku sembahyang. Ibu menakutkan aku dengan azab dan seksa neraka. Ibu memberangsangkan aku dengan nikmat syurga. Seperti seorang guru yang pengasih, ibu tidak pernah memanasakan telingaku dengan kata-kata kesat. Akan tetapi, ibu bersifat tegas. Sesuatu yang salah tetap salah. Dan, ibu mengajarkan: Musuhilah kejahatan walau di mana-mana pun.

"Ibu sudah tiga hari tidak makan," desis kakak ke telingaku. Ini kisah yang terakhir daripada detik-detik penderitaan ibu. "Aku suapkan juga. Ibu luahkan."

Aku dapat melihat kesayuan dan kejauhan, kesepian dan kedukacitaan kakak ketika mengucapkan kata-kata itu.

"Kudis ibu telah naik ke betis," kakak mendesis. Beberapa titik air mata terpancar dan menuruni kedut-kedut pipinya. "Belikanlah ubat basuh."

Aku tahu bakti kakak. Walaupun kakak pemarah dan tidak bersifat keibuan seperti ibu, namun, kerapiannya menjaga ibu masih baik. Kudis ibu di jari kakinya sebelah kiri tidak mahu sembuh-sembuh. Kudis ganjil itu kian merebak memakan tulang-tulang kaki ibu. Memanjat sampai ke betis. Baunya agak ganjil dan tidak menyenangkan. Aku beli ubat basuh. Dan, kakak senang hati. Sebab bau dari borok ibu menjadi kurang. Kami memanjati kepala ibu yang gondol (rambutnya dicukur kakak

menjauhkan penyakit kutu) dengan mata penuh air mata. Dalam dadaku digomoli kepiluan yang menggigit-gigit pangkal hati. Ibu tidak menyadari apa yang dilakukan oleh kakak. Ibu seorang wanita manis waktu mudanya. Ibu sangat dikasihi oleh almarhum ayahku. Sifat ibu yang lunak dengan kemanisan anak desa yang tulen, meletakkan cinta ayahku. Dan, ibu hanya mempunyai seorang suami dalam seumur hayatnya: Hanya ayahku! Ibu tidak pernah berkahwin selepas kepergian ayah (walaupun waktu ayah meninggal ibu baru tiga puluhan umurnya).

Kulihat betis ibu. Boroknya sudah memanjat tinggi. Aku menyebut hospital di depan kakak. Kakak menyanggah.

"Ibu tidak lama," kata kakak dengan penuh kesayuan. "Kalau masuk hospital pun, ditakdirkan kakinya dipotong ibu akan meninggal juga."

Aku mengiakan kata kakak. Aku melihat kepada pengalaman jiranku di kota. Siti Limah kena darah tinggi seperti ibu. Kebetulan kakinya borok. Kakinya dipotong. Dua hari kemudian Siti Limah mati.

Dan, kemahuan ibu sama juga. Ibu tidak pernah mahu masuk hospital. Ketika permulaan ibu kena penyakit yang membawa mautnya, ibu menyanggah untuk ke hospital. Ibu suka berdukun berpawang. Ibu hanya membiarkan aku membawa doktor untuk diinjek. Cuma mahu makan ubat. Kakak banyak juga berikhtiar. Ubat-ubat kampung selalu sekun dengan ibu. Ibu sedikit pulih apabila makan ubat kampung.

Malam terakhir yang diliputi kesayuan, keharuan dan kejauhan, ialah tatkala aku membawa isteri dan anak-anakku pulang ke kota. Anak-anakku akan belajar esoknya. Lumrahnya begitu: Aku bawa pulang ke kota setelah dua malam di kampung

menemani ibu. Aku temui ibu. Isteriku juga. Anak-anakku semuanya. Kulihat ibu seperti yang selalu kulihat juga. Berat kakiku untuk melangkah meninggalkan kawasan rumah keluargaku. Akan tetapi, aku tinggal juga. Siapakah yang boleh menentukan ibu akan mati?

Paginya, sebelum aku meninggalkan rumah ke tempat kerja, aku diberitahu oleh anak sepupuku, Adnan, bahawa ibu meninggal! Aku terapung-apung seperti kapas. Sesuatu yang kupijak semuanya tidak kena. Sesuatu yang aku pandang tidak berwarna: Semuanya putih menolak semua warna.

Ketika kali terakhir dapat kulukiskan dengan isyarat di atas dahi ibu dengan kalimat *Lailaha illallah* sebelum wajahnya ditutup dengan kain kapan, aku berasa suatu kesebatian yang ajaib dan menakjubkan: Aku sedang bersama-sama mayat ibu. Aku bersama-sama di perbaringan ibu. Sampai mayat ibu diusung dan dimasukkan ke lahad, aku masih merasakan kesebatian dan keakuan ibu yang pengasih dan mesra.

Dan, masa itu sudah berlalu empat tahun.

Tiba-tiba malam ini, malam Jumaat kesekian kalinya, ibu datang lagi. Ibu bermesra dalam sifat keibuannya dengan anak laki-laki tunggalnya: Aku! Ibu putih bersih. Tidak berkapan. Tidak. Tidak dibungkus dan ditutupi kapas. Tidak. Ibu datang dengan deru syahdu dan bersama-sama kesunyian malam yang basah. Ibu mengunjungiku lagi dalam setiap patah suaraku yang serak melafazkan ayat-ayat suci al-Quran. Selepas kualunkan surah *Yasin* beberapa kali, aku mengubah mengingati keterharuan Junjungan Besar Muhammad s.a.w. dengan mendengungkan *al-Muddathir* dan *al-Muzzammil*. Dua surah yang menceritakan keterharuan Rasulullah

lah s.a.w. setelah menerima al-'Alaq.

Ibu tersenyum di sampingku.

"Bacalah!" kata ibu dengan lunak. Bacaanmu perlu dibaiki lagi.

Suara ibu mendekam ke dalam telinga batinku. Ibu sedang menegurku. Ibu sedang mendengar keha-ruanku membaca ayat al-Quran, iaitu suatu profesionnya selama hayatnya. Ibu sempat mengajar anak-anakku ayat-ayat suci.

Ibu kian hampir ke sisiku. Ibu tersimpuh penuh sopan seperti simpuhnya di depan ayahnya, seorang ulama. Ibu melihat wajahku dengan tenang. Merenungku dengan penuh kesayangan. Ibu masih memperlihatkan kasih sayangnya padaku. Kulihat ibu bangun perlahan-lahan. Ibu menuju ke paip. Seben- tar kudengar curahan air yang mendesis. Tiba-tiba ibu muncul lagi. Ibu mampir ke sisiku. Tersimpuh penuh sopan. Baru kuingat: Ibu mengambil wuduk. Dan, ini diajarkan juga padaku. Lama sekali ibu di sisiku. Ibu tidak berkata-kata. Ibu hanya tunduk mendengar suaraku yang beralun garau kasar dalam kesepian malam yang tajam dan basah.

Aku kian gembira membaca ayat suci al-Quran di sisi ibu. Ibu pun terus tersenyum. Ibu berseorang- an walaupun berada di sisiku. Aku tidak melihat kelibat ayah. Dan, aku cuba bertanya ibu. Akan tetapi, aku seperti tidak mahu bergerak daripada konsentrasiku. Aku melafazkan terus. Alunan suaraku terapung-apung dalam lautan malam bening. Mungkinkah ayahku tidak kukenal? Apakah kematiannya waktu aku masih kecil sehingga akhirnya aku tidak akan mengenal wajahnya?

"Ibu!"

Aku cuba menyeru sesuatu. Namun, tenggelam

sendiri ke dalam rongkongku. Ibu tidak mendengar suaraku selain mendengar alunan ayat-ayat suci al-Quran daripada mulutku. Ibu mengangguk-angguk. Ibu setuju dengan apa yang aku baca malam Jumaat begini. Ibu selalu mengajarku supaya membiasakan diri membaca ayat suci; supaya apabila hendak mati bibir kita tidak susah hendak menyebutkannya.

"Ibu!"

Ibu tersenyum sahaja. Ibu masih juga di sisiku. Malam bening dengan kesunyian yang mencekik seluruh suasana, sangat terang membawa suaraku ke setiap penjuru rumah kami. Akan tetapi, isteriku dan anak-anakku sudah tidur. Sudah hilang dari alam nyata. Yang ada hanya ibu yang tersimpuh penuh senyum penuh tenang di sisiku. Ibu!

Tiba-tiba ibu bangun lagi. Ibu menuju rak buku. Di sana ada sebuah al-Quran (yang aku baca adalah al-Quran dengan tafsirannya sekali). Ibu mengambil al-Quran itu. Mampir ke sisiku lagi. Bersimpuh di sisiku. Membuka halaman al-Quran. Ibu menyemak bacaanku. Ibu mengangguk-angguk. Mere-nung wajahku sebentar. Kemudian bangun lagi. Ke rak buku. Meletakkan al-Quran. Kemudian perlahan-lahan bersama-sama gelap malam Jumaat yang hening bening meninggalkan aku.

"Ibu! Ibu!"

Aku berseru penuh sedar. Aku tidak menemui ibu lagi. Aku hanya menemui diri sendiri bahawa kebebasanku dengan kasih sayang ibu telah memunculkan wajah ibu dalam batinku setiap malam Jumaat ketika aku membaca ayat-ayat suci al-Quran.

Ibu sudah mati. Namun, dia berada dalam diriku!

## PULANG



**D**IA kembali ke dalam dirinya sendiri.

Sejak dia dewasa dan memiliki ijazah M.A., baru beberapa bulan terakhir inilah dia menjejaki dan menapaki kembali ke dalam kewujudan batinnya. Pada perasaannya sekarang, dia terlalu banyak men-sia-siakan umurnya. Terlalu lama menghilangkan umurnya dalam pengajian-pengajian yang tidak berguna.

Untuk apakah dia menghabiskan umurnya dalam soal remeh-temeh dunia kerana semata-mata mengejar ketinggian gaji dan meninggikan prestasi dengan ijazah berjela-jela? Untuk apakah orang-orang

zaman ini berebut-rebut mendapatkan ijazah sedangkan jiwa mereka kosong? Dia merasa sudah terlalu lama (sekarang umurnya sudah masuk tiga puluh lima) mensia-siakan umurnya dalam ilmu sekular yang tidak berguna. Untuk apakah ilmu keduniaan banyak-banyak kalau kita sendiri akan menjadi tanah? Akan meninggalkan segala apa yang kita pelajari tanpa memberi pertolongan di depan pengadilan Tuhan?

Dan sebab itu, secara *turning point*, tiba-tiba, seperti wahyu mendatangi para nabi dan para rasul, jiwanya dikilati *Nur Tajalli* (mengikuti istilahnya sendiri) daripada Allah taala. Dan, seperti orang yang sadar daripada tidurnya, dia mendapati dirinya berdiri tegak di dalam dirinya sendiri. Dia mendapati jiwanya kosong selama dia bertungkus lumus menghabiskan menyelesaikan tesisnya untuk Sarjana Sasteranya. Dan, dengan pengertian yang berbeza dia memaknakan M.A.nya itu dengan *Married Already* (sebab dia sudah kahwin dan mempunyai lima orang anak).

Dia dapat merasakan ketenangan perasaannya sekarang. Dia merasa batinnya menjamah darjah sakinah. Walaupun darjah itu terlalu besar baginya, akan tetapi dia dapat merasakannya apabila meninggalkan tugasnya dalam ilmu-ilmu sekular yang tidak berguna. Fikirnya. Dia tidak lagi dicekik oleh tugas *routinenya*. Tidak lagi ditajami setiap detik oleh perintah harian yang diperhatikan seperti anjing jaga. Tidak lagi. Dia tidak lagi mendengar rintihan para mahasiswa yang memimpikan markah paling tinggi daripada subjek yang diberikannya. Tidak lagi. Tidak lagi menghabiskan masanya dengan meneliti buku-buku seribu halaman daripada penga-

rang-pengarang Barat, yang kemudian, dengan secara tidak langsung, dipaksakan ke atas anak-bangsanya supaya menelannya. Menggunyahnya. Dan, dengan kebanggaan sebesar gunung dia akan menandakan setiap jawapan *assignment* itu dengan "B", "C", "D" dan paling tidak disenangi para mahasiswanya "F". Akan tetapi, dia tidak pernah menandakan '*assignment*' itu dengan 'F' seperti juga dia tidak pernah menandakannya dengan "A".

Sesuatu baginya waktu menjadi pensyarah di universiti itu, demikian fikirannya sekarang, adalah satu darjah permainan bagi orang-orang ber*authority* untuk mencerah dan menggelapkan kelulusan prestasi mahasiswanya, bangsanya. Dia menyenangi apabila mahasiswanya berasa payah dengan pengajian yang diberikannya.

Dia teringat pada suatu masa seorang mahasiswa tahun tiga membantahnya dengan keras apabila dia menekankan kata-kata yang dipetik daripada ucapan Proudhon, seorang filsuf *anarchist-socialist* Perancis "*that property is theft, and that God is the principle of evil*".

"Saya terima kalau kekayaan atau harta itu sebagai penyamun, iaitu menyamun atau mencuri tenaga dan masa manusia. Akan tetapi alangkah tidak beralasan apabila encik menyebutkan bahawa Tuhan itu prinsip atau dasar segala kejahatan." Mahasiswa itu merenung mukanya dengan selamba. Melihat reaksinya. Dia hanya bersikap tenang. Membiarkannya. "Sebab dengan keyakinan atau *faith* kepada Tuhan itu kita diasuh dalam disiplin dan tidak ekstrem."

"Tapi, apakah ertinya Tuhan itu bagi saudara?"

tanyanya separuh mengejek. Bilik kuliah tiba-tiba menjadi sepi dalam suasana yang sudah sepi.

"Bagi saya, malah bagi kami orang-orang Islam, Tuhan adalah prinsip segala kebaikan. *God is the principle of truth, of justice, of all good in the human being.* Dalam segala tindak tanduk dan kehidupan manusia."

"Adakah saudara tahu bahawa sesuatu kebaikan yang saudara lakukan itu disebabkan perkara itu baik sebenarnya atau semata-mata kerana disuruh oleh Tuhan saudara?" Pertanyaannya itu pada perasaannya dan fikirannya akan membingungkan mahasiswa itu, seperti Zeno dan Melissos, filsuf Greek, boleh membingungkan orang-orang yang disoalnya. Dia tersenyum sendiri. Berdiri tegak atas kebanggaannya.

"Encik jangan silap." Tiba-tiba mahasiswa itu terus menentang dengan berani. Tenang dan damai sahaja. "Setiap kerja dan suruhan Tuhan adalah secara rasional. Beralasan dan baik." Mahasiswa itu berhenti. Mengumpulkan perhatian untuk meneruskan bantahannya.

"Adakah Tuhan saudara menyatakan sesuatu yang benar itu adalah benar sebenarnya? Bagi saya," dia cuba membuat hujahnya. Memerhatikan dengan teliti ke arah muka mahasiswanya yang merenung tajam padanya. Meneruskan, "Kalau sesuatu yang baik atau benar itu sebenarnya baik dan benar, maka tidak perlu kepada alasan lagi. Dan ini dengan sendirinya tidak perlu kepada adanya Tuhan!" katanya dengan berani.

"*You* harus mengerti." Tiba-tiba suara mahasiswa itu agak mengeras. Dan, penggunaan perkataan encik sudah digantikan dengan *you* saja.

"You harus mengerti walaupun sedikit," kata mahasiswa itu dengan berani. "Apa yang benar itu adalah afal dan prinsip dari ketuhanan. Oleh sebab you tidak memahami konsep ketuhanan dalam Islam dalam sifatnya yang *universal*, you tidak mengerti. You mesti mengerti bahawa Tuhan itu adalah 'titik' atau 'point' daripada sesuatu perbuatan 'truth' dan 'faith'. Tuhan juga adalah prinsip daripada disiplin. Jadi, dengan apakah lagi hendak kita fahami tentang Tuhan yang telah memberi kita sesuatu tindakan atas dasar kebenaran secara rasional?"

Dia diam. Cuba memikirkan sesuatu. Dia mengerti, filsafat yang dikemukakan tadi adalah dihirupnya dari filsafat Liberalisme Mill. Dia telah membaca *On Liberty* beberapa kali. Dan, hasil bacaannya itu diterapkan kepada mahasiswanya ketika dia menekankan bagaimana pemahaman manusia terhadap pertukaran atau perubahan sikap manusia di dunia moden sekarang.

"Sebab itu, bagi saya dan mungkin pendirian kawan-kawan saya, *that God is the principle of evil* adalah pendapat *irrational* dan *ultra*. Dan hal ini hanya ditimbulkan oleh orang-orang yang putus harap seperti Proudhon, Bakunin, atau Feurbach."

Walaupun penentangan itu tidak panjang oleh sebab keadaan masa yang sudah berakhir, akan tetapi dia memperoleh kesan yang agak mendalam.

Dan sekarang, dia kembali ke dalam dirinya. Ke dalam batinnya yang dirasakan kebenaran sebenarnya berada di dalam diri mahasiswa yang menentangnya itu. Dia berasa bersalah. Bersalah kerana cuba menerapkan filsafat Barat ke dalam fikiran bangsanya sendiri. Sedangkan dia belum pernah

secara mendalam dan bersungguh-sungguh mempelajari Islam daripada sumber-sumbernya yang betul, seperti dia mendalami filsafat-filsafat Barat.

Dia menyesal. Dia merasakan setiap aliran darahnya penuh dengan dosa keakuannya yang tidak diakui oleh akal batin. Dan, dia dapat melihat bahawa mata hatinya tidak terang seperti yang dibacanya dalam *Sata'at*, *Lamahat*, *Ta'wil ul-Ahaadith* karya Syah Waliyullah al-Dihlawi yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh G.N. Jalbani. Pembacaannya itu pun secara kebetulan. Akan tetapi, bukannya perkara yang kebetulan itu boleh mendatangkan manfaat? Dia mengharapkan dapat menemui Syah Waliyullah al-Dihlawi dalam *Insan ul-Kamil* dan *Hujjatullah ul-Balighah* karya yang terbesar itu.

Kini, dia kembali kepada akal batin yang akan dicarinya sakinah di dalam dirinya.

Sebab itu, dia merenungi *The Pantheistic Monism of ibn al-Arabi* terjemahan S.A.Q. Husaini, terutama dalam bab ketiga belas dalam judul "*Unity of Existence*". Dia telah membaca al-Ghazali *Faisalat Tafriqah* dan *Ihya 'Ulum ul-Din* dalam naskhah-naskhah terjemahan. Dan keberahiannya dalam ilmu ketuhanan yang seolah-olah diabaikan bertahun-tahun, dia mengenali secara kasar nama-nama Kadir al-Jailani, Mu'inuddin Chisti, dan Ahmad Sazali.

Dan, penentangan mahasiswanya dulu, mengembalikannya ingatan kepada kelakuannya yang sombong. Dia tahu kemudiannya, mahasiswanya itu sekarang menjadi pemimpin sebuah pertubuhan Islam yang besar. Dia ingin menemuinya. Ingin menyatakan bahawa dia telah mengamalkan *irrational* dan *ultra*. Dan, apakah boleh dinamakan *anti-intellectualism*? Dia akan mengatakan bahawa dia terlalu

sombong waktu itu. Ya, waktu itu!

Perkara sombong dan besar diri itu sudah berlalu. Fikirnya. Sekarang dia sedang berada dalam muraqabah. Sedang berada dalam kekecilan dirinya di depan Qudrat dan Iradat Allah subhanahu wa taala. Kejahilannya sudah ditinggalkannya. Pelabuan itu sudah berada jauh, sayup-sayup, gelap dalam kabus keakuan dan keangkuhan. Ya Tuhan! Serunya dengan doa harapan semoga Tuhan akan memasukkan dia ke dalam satu golongan kecil yang terpilih.

Ketika dia bertolak meninggalkan kampus universiti dengan pemberhentiannya secara mengejut, dia dikerumuni kawan-kawan. Juga mahasiswa-mahasiswanya.

"Kebenaran itu berada di mana-mana. Di sisi Allah segala ijazah dan kelulusan tidak berguna. Hanya takwa!" katanya dengan ringkas.

Walaupun dia tahu perubahannya agak melucukan kawan-kawannya, akan tetapi dia dapat merasakan kepuasannya sendiri. Dan, ketika kehadirannya di kampungnya tanpa memberitahu lebih dahulu kepada anggota keluarganya, jiran-jiran berbisik-bisik. Maksudnya jelas: Dia pulang ke kampungnya. Dia *resigned* daripada jawatan pensyarahnya. Meninggalkan gajinya yang dianggap peringkat kelas satu.

"Di mana-mana saja di bumi Tuhan ini ada rezeqi," jawabnya ringkas apabila ditanya tentang pekerjaannya. "Tuhan menjadikan manusia bukan sekadar untuk memberi makan, malah untuk berbakti kepada-Nya, iaitu mengakui kewujudan-Nya dan tunduk di bawah Qudrat Iradat-Nya," tambahnya.

Kemudian dia menghabiskan saki-baki wangnya dengan membesar dan membaiki madrasah kampungnya. Menentukan para pengajar agama. Dia juga memberikan pandangannya. Pendapatnya. Menyatakan kesilapannya selama ini mengikuti filsafat Barat tanpa melihat kepada filsafat Islam secara dekat.

Sekarang, dia berasa pencapaian sakinah dalam akal batinnya berjalan perlahan-lahan mendekati dirinya.

Ya Tuhan!

Biarlah darjah takwa dalam peringkat ihsan belum dijamahnya dengan mata hatinya, belum menyentuh *qalb* atau roh *nafsul-mutmainnah* (dia memahaminya samar-samar) yang diharap-harapkan, akan tetapi keinginannya dan praktiknya secara setapak ke setapak mendekati hadrat Allah subhanahu wa taala, telah menyenangkan hatinya. Mendatangkan sakinah dalam batinnya.

Itulah, sekarang dia terpacak di kampungnya.

Dia berdiri tegak seperti gunung batu untuk mencapai darjah martabat Ahlillah. Ya Tuhan. Dia tunduk di depan hadrat Allah subhanahu wa taala dengan kegemilangan harapan yang menyinari kalbunya.

Sikap pertama yang dilakukan dengan penuh dedikasi, dia meyakinkan golongan *English-educated* untuk mendekati Islam. Dia berusaha menarik mereka supaya mendekati Islam.

Berbekalkan pengetahuan filsafat Barat yang diterimanya, dia membuat hujah sebaik mungkin. Dan, dengan usahanya, doa dan harapan yang dikembangkan ke hadrat Allah subhanahu wa taala, dia berjaya menarik segolongan kecil kaum terpelajar Melayu. Dia menghidupkan malam dengan berzikir di madrasah yang dibaikinya itu. Untuk

menentukan kumpulan zikirnya, dia mengesyorkan supaya memakai jubah labuh berserban. Jubah dan serban itu dalam dua jenis warna – putih atau hijau.

“Untuk menghidupkan syiar Islam dalam bentuk tradisinya yang murni, kita sebagai pemudalah yang mesti, wajib menunjukkan contoh. Anggaplah zaman kita ini ‘zaman Makkah’,” katanya dengan penuh perasaan, sungguh-sungguh dalam satu majlis muzakarah pada suatu malam Jumaat. “Ertinya zaman perjuangan. Kita pasti berjuang. Dan, perjuangan kita dalam zaman manusia berasa dirinya terlalu bijak, terlalu pintar, terlalu intelek, zaman manusia sudah naik ke bulan, tentulah memerlukan banyak alasan, dan alasan itu mestilah rasional. Kalau tidak mereka akan menolak begitu saja.”

Beberapa orang tua yang tidak berapa cerat perkataan-perkataan yang asing pada pendengarannya, mengangguk-angguk. Dia mengerti orang-orang tua itu cuba menyembunyikan kebodohan mereka dengan mengangguk. Akan tetapi, baginya lebih baik daripada tidak mendengarnya langsung. Mereka akan faham erti daripada ucapannya itu secara umumnya. Pengertiannya. Akan tetapi, baginya, pemahaman orang-orang yang lebih muda, terutama golongan pelajar serendah-rendahnya dalam tingkatan enam, selain guru-guru Melayu dan ustaz-ustaz, adalah sangat diperlukan.

“Golongan muda inilah yang akan mewarisi zaman depan, sebagai penyambung golongan tua yang sudah pergi.” Demikian selalunya dia tekankan apabila bertemu dengan golongan ini. “Pengajaran yang tidak berguna, soal-soal keduniaan yang lebih merupakan pengajian sampah-sarap tentulah tidak

menjamin perkara kebatinan.”

Dan, seperti selalu diutarakan, dia akan menekankan ilmu-ilmu aqliah yang sebenarnya. Menekankan bahawa perkara aqliah murni ialah memikirkan kejadian-kejadian Allah, tunduk di bawah perintah-Nya, mengamalkan yang *maaruf* dan menolak yang *munkar*. Dia akan membaca beberapa ayat al-Quran untuk menyatakan hujah *naqal*. Kemudian dia akan membawa hujah akal dalam dalil-dalil alam sarwajagat.

Dia menyimpan janggut. Mencukur misainya. Dia berjubah. Dia berserban. Janggutnya bersih rapi. Dia mesti menghadiri setiap perhimpunan. Dalam bentuk apa sahaja – dakwah, belia, masyarakat, politik, kecuali perhimpunan penyanyi pop. Dalam setiap pertemuan ceramah, muzakarah, munazarah, diskusi, atau apa sahaja, dia akan berbicara. Dia akan memberikan fikirannya sebaik mungkin. Dia memohon, merayu, dan mendoakan limpah kurnia Tuhan supaya diberikan pengetahuan aqliah yang tulen untuk diterapkan kepada masyarakat.

Dia telah membesikan azamnya. Biar apa orang kata. Biar apa orang bisik-bisik. Matlamatnya satu: Allah. Mendekati keredaan Allah subhanahu wa taala. Menjunjung perintah-Nya. Mengamalkan suruhan-Nya. Mentaati ajaran-ajaran Rasul-Nya, khususnya Nabi Besar Muhammad s.a.w. Dia mengerti. Dia tahu. Dia melihatnya. Banyak golongan yang cuba memperlihatkan penentangan atas sikapnya. Selain segolongan kecil yang menyetujui jalannya, namanya cuba dibusukkan. Dia tahu, segolongan beragama cuba menyalahkannya. Mengecilkan sikap *muraqabah*nya. Tidak apa. Fikirnya. Allah lebih tahu tentang sifat dan niat

hamba-Nya yang jujur dan ikhlas.

Dia berdiri kejam kemas dalam batinnya. Allah berdiri tegak dalam dada keyakinan dan harapannya. Ya, Tuhan.

Dia tidak kesal dengan apa yang berlaku. Dalam bulan-bulan yang kemudian, selepas setahun kehadirannya di dalam kampung sekitarnya, sikapnya terhadap segolongan intelek dan pelajar menimbulkan kontroversial. Ramai golongan pelajar yang berhenti daripada sekolah mereka. Ramai golongan intelek yang berhenti daripada pekerjaan mereka. Dan mereka ini meramaikan majlisnya. Turut menyediakan diri menghadiri majlis zikirnya yang diadakan pada setiap malam. Mereka ini ikut berhimpun bersama-samanya. Dan, mereka akan ke mana saja apabila dia bergerak. Dia mengerti. Ini adalah keizinan Allah subhanahu wa taala. Dia mengerti. Dia tahu. Sebahagian mereka tidak cenderung sedikit pun kepada Islam waktu dulu, seperti dia juga. Malah ada yang anti-Islam. Akan tetapi, sekarang mereka mempertahankan Islam. Mereka mempelajari Islam. Mereka meramaikan majlis-majlis agama. Mereka ikut mendengar tuan guru memberi ceramah dan mengajar. Mereka akan bertanya. Mereka berhujah. Mereka memberikan pendapat berani.

Dan, golongannya sekarang dicapkan dengan golongan "Serban Hijau", suatu gelaran yang mengandungi pengertian yang sedikit sinis. Akan tetapi, dia tidak mempedulikan. Gelarlah apa sahaja. Katakanlah apa sahaja. Apa ada pada nama? Dia selintas mengingati kata-kata seorang pengarang Barat. Akan tetapi, pengertiannya yang difahami "apa ada pada nama?" sekarang berbeza seperti langit dengan bumi. Dia tidak memerlukan pujian

manusia. Tidak perlu disanjung oleh sesiapa. Dia hanya melihat Allah. Dia hanya mengharapkan keredaan Allah azzawajalla.

"Umat Islam perlu kepada perpaduan yang kuat," katanya pada suatu majlis muzakarah pada suatu perkampungan "kumpulan zikir". Meluruskan janggutnya. Membetulkan sedikit letak serbannya. Membetulkan silanya penuh takzim. "Umat Islam mesti bersatu seperti air."

Sahabat-sahabat yang menyertainya merenungnya dengan mata kedahagaan. Kumpulan orang dewasa yang turut meramaikan majlis itu hati-hati mendengarnya.

"Air akan bersatu sesamanya di mana saja bila bertemu," dia menyambung penuh tekanan. "Tidak kira apa jenis air. Baik air perigi, air hujan, air laut, air kencing, air car, air zamzam, air manis, air masin, dan apa saja jenis air. Mereka bersatu. Mereka berpadu. Mereka meneguhkan diri. Kemudian mereka berjalan dengan merendah diri. Tetapi, lihatlah mereka akan melanda apa saja. Mereka akan merempuh apa saja. Mereka akan dihormati. Mereka akan disegani. Dalam persatuan air tidak ada perbezaan warna kulit. Sama dan setaraf."

Dia melihat beberapa wajah. Wajah-wajah itu membayangkan kefahaman atas kata-katanya.

"Demikianlah juga kita umat Islam." Dia cuba lebih meyakinkan pendengarnya dan sahabat-sahabatnya, "Umat Islam dari semua golongan dan mazhab mestilah bersatu. Berpadu. Asalkan mereka Islam; tunduk di bawah Allah yang Maha Esa dan berpenghulukan junjungan besar Muhammad s.a.w., baik mereka Ahli Sunah Waljamaah yang diakui ataupun golongan Syiah, golongan Ismailiah,

golongan apa saja: Mereka mestilah diakui saudara. Diakui ukhuwah Muslim."

"Tapi mereka berbeza sekali dalam praktiknya dengan Ahli Sunah Waljamaah," seorang sahabatnya mencelah. Berdozen-dozen mata menyorot ke atas wajah sahabat itu. Mereka memanjatkan pujian kerana kefahamannya, atau kerana ketidakfahamannya?

"Tapi mengapa kita boleh bersahabat dan berbaik-baik dengan orang lain yang tidak langsung mengakui Muhammad s.a.w. sebagai Rasulullah? Yang mereka tidak mengakui Keesaan Allah taala?" tanyanya dengan penuh perhatian. "Kita boleh berbaik dengan orang Barat atau orang Timur yang tidak Islam. Tidak mengakui Islam sekaki semut pun. Mengapa mesti bermusuhan dengan orang-orang yang telah mengakui dirinya Islam? Tidak mungkinkah kita berkompromi dengan orang Islam berbeza sedikit-sedikit tentang beberapa masalah sedangkan asasnya masih sama dengan kita?"

Dia mengharapkan kefahaman yang tegak dalam Islam. Dia mengharapkan praktik al-Ghazali dalam *Faisalut Tafriqah* akan dapat dipraktikkan dalam agama Islam. Dia ingin menegakkan dasar *wa Dinil Haqq Liuzhirahu 'alad Dinikullih*, itu agama Islam yang sebenar dan akan menjadi contoh kepada agama-agama yang lain. Sebab itu, dia cuba menerapkan bahawa Islam adalah agama persahabatan. Islam agama perpaduan.

Majlis muzakarah itu terus berlanjutan dalam beberapa tajuk dan masalah yang lain. Dan, kemuncak daripada majlis itu semua sahabat dan orang yang ikut serta berjemaah melakukan zikir beramai-ramai.

Dia dapat melihat cahaya kebenaran berada dalam batinnya. Dia ingin melihat kebenaran itu bertapak dalam hatinya yang tulen dalam kalbunya. Juga sahabat-sahabatnya. Juga orang-orang yang ikut serta. Juga pelajar-pelajar yang mengorbankan diri mereka dalam ilmu-ilmu keduniaan. Walaupun dia pernah nasihatkan mereka ini supaya melengkap diri sedikit sebanyak dengan pelajaran dasar yang pernah diterimanya, akan tetapi mereka lebih bererti berada dalam kumpulan zikirnya. Dan, dengan penuh doa dan harapan, dia mengharapkan keredaan Allah akan penerjunan pelajar-pelajar yang baru dua puluhan usianya itu ke dalam kumpulan itu. Ya, Tuhan!

Dia mengharapkan dan setiap ahli di dalam kumpulannya akan dimakbulkan Tuhan. Mereka akan menjadi manusia yang kudus. Akan menjadi manusia yang lebih mencintai kemurnian jiwa daripada daki karat dunia. Ingin menjadi orang yang membangun dalam rohaniahnya daripada membangunkan *mata 'uddunia*. Biarlah kumpulannya dikeji. Tidak apa. Biarlah kumpulannya dicaci. Tidak apa. Biarlah apa orang kata. Tidak apa. Bukankah kebanyakan para sahabat Rasulullah s.a.w. mati dalam perjuangan? Umar al-Faruq, Uthman Affan, Ali Abu Talib, Abu 'Ubaidah, Talhah, Zubair Ibnu Awwam, Imam Shafii dan ramai lagi dari kalangan ulama besar seperti Syah Waliyullah al-Dihlawi, Syah Ismail ul-Syahid, Hasan ul-Bana, mati terbunuh? Mati syahid? Jadi, mengapakah dia mesti takut kepada cacian? Mesti gentar kepada celaan?

Dan, dengan lebih yakin dia berdiri teguh kemas di dalam dadanya. Tuhan berada di sini. *Wa Hua ma'akum ainama kuntum.*

Dia menyadari dalam dirinya, manusia sekecil ini, perlu mendirikan Khilafah itu berdiri atas dasar keadilan. Bagaimana akan mendirikan Khilafah dengan adil kalau setiap orang pemuda Islam tidak dilatih dari sekarang? Benar! Dia membenarkannya dalam hati. Pemuda-pemuda Islam mestilah dilatih dalam disiplin. Mesti berdisiplin dengan dirinya, dengan cita-citanya, dengan azamnya. Dan, kemudian sekali dengan praktiknya.

Masa itu akan tiba!

Dia meyakinkan dirinya. Sesuatunya mudah di sisi Allah. Sesuatunya akan terlaksana dengan baik atas izin Allah. Akan tetapi, lazimnya, demikian fikirannya menderas, kejayaan itu berdiri atas puing-puing pengorbanan dan keruntuhan. Berdiri atas kematian dan kesakitan. Kematian: Darah dan nyawa. Akan tetapi, masa itu akan tiba. Ya, mesti! Ya, Tuhan!

Suara zikir yang kudus itu semakin perlahan. Suara-suara yang kuat dan gamat sebentar tadi kian menghilang. Yang terdengar ialah suara batin yang menggaung di dalam dada. Dan kalimat "Allah" terbetik dengan nyata dalam batin. Dia dapat merasakan kenikmatan dan kelazatan yang tidak terhingga. Tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Dia *zuq*. Dia mendapat sakinah dalam akal batinnya. Dia merasakan bahawa dia sudah pulang kepada ketenangannya yang sebenar dalam pandangan keredaan Allah *subhanahu wa taala*.

Dia *fana* dalam 'ain dan roh zikirnya.

*Dewan Sastera*, Disember 1976

## AKU MENEMUI WAJAHKU



**A**KU bertemu dengan wajahku pada suatu hari yang entah bila di sebatang jalan sempit dan menajam. Keharuanku melihatnya tidak terperikan. Wajahku menyilaukan kehairanan yang terpinga-pinga dan menakjubkan. Kami tidak berkata-kata. Wajahku melihatku dan aku melihat wajahku. Kami saling menyepi dan berlari dengan cepat di sebuah padang sepi yang ajaib. Lorong sempit dan tajam itu tidak mempunyai pangkal dan hujungnya.

Mentaritidakadalangittidakadaudaratidak  
adakekosongantidakadakelapangantidakada

yang adahanyakewujudanmutlak yang tidak pernah aku alami yang kulihat dalam jarak tanpa ruang dan masaituhanyakewujudan wajahku yang amat memeranjatkan.

Aku kembali melihat diriku setelah kutinggalkan wajahku. Biarlah wajahku berada di suatu tempat tanpa ruang dan masa untuk memperlihatkan kewujudan yang sesungguhnya. Kehadiran wajahku yang terpisah daripada diriku secara bentuk ruang dan masa meninggalkan segala-galanya untuk kuteliti diriku sepanjang tempoh perjalanan hayatku. Aku masih ingat akan kewujudan tanpa ruang dan masa yang dihayati oleh wajahku yang carik-carik dan menyepi kerana kehilangan lidah, kehilangan daya, dan kehilangan segala-galanya. Apa yang aku lakukan dalam periode kesedaran dalam usia remaja dan menjalani usia dewasa lalu di zaman ketuaan yang menakutkan, semuanya terpampang dengan hebat dalam wajahku yang kutemui itu.

Alangkah menakutkan. Alangkah! Wajah kuterjelijipkan pamatatan palidahan patangan tanpakakitan paperasaantan patubuhtanpa bayangankemuliaandiduniayang penuhdengan sinarkegembiraansyurgayang diimpikan oleh semuamahluk yang bernama manusia.

Waktu aku melihat diriku setelah terpisah dari wajahku dalam ruangan tanpa ruang tanpa jarak, aku tidak melihat aku yang intelek, yang merancang pembangunan manusia atau yang merancang keruntuhan manusia. Tidak ada bayangan kekayaanku yang melimpah. Tidak terlihat walau hanya sekelibat bayangnya pun. Aku tidak melihat

ijazahku yang berjela-jela. Tidak melihat kebijaksanaanku yang dilahirkan daripada ijazahku itu. Tidak melihat sanjungan di mana-mana seperti yang pernah aku alami dalam periode sedarku. Tidak melihat kekasihku yang berada di mana-mana. Tidak melihat isteri dan anak-anakku yang telah kutenantukan kebahagiaan mereka dengan menjalani seluruh tanah Eropah untuk mendapatkan kemuliaan dunia rantau ini. Tidak ada. Tidak sekerat wajah pun daripada keakuanku yang dapat kutemui dalam perjalanan singkat menemui wajahku itu. Tidak.

Apa yang kulihat hanya diriku yang terpisah daripada wajahku yang juga terpisah-pisah. Setiap anggota wajahku yang terpisah-pisah itu tidak dapat dijalani oleh sebuah Concord walau mengambil masa seribu tahun! Tidak boleh!

Waktukutemuiiaituwajahkuitudiasedang menjalanikewajipansebagaiseorangwajah yangmestidipisahkanolehkuasamutlakyang dipancarkansecaraabadididalamdunia sedardarial-Qurandanhadithyangtidak pernahkulihatwaktuakuberadadidalamdiri kuwajahkusedangmenjalanihukumanyang entahberapalamakeranakeadaanlorongyang akutemuiitusebenarnyatidakmempunyai ruangantidandempunyaijaraklangsung wajahkuyangterpisahmeraungdalamsepidan hanyadirikuyangmendengarnya.

Alangkah mengerikan. Alangkah menakutkan. Aku temui wajahku secara perjalanan yang tidak sengaja apabila keakuanku sudah mengumpul dan merongak. Dalam keadaan yang tidak aku sedari oleh

suatu kejadian yang tiba-tiba ketika aku memandu kenderaan kemewahanku yang hampir ratusan ribu ringgit, aku terbabas. Lalu, aku temui wajahku yang kosong, menyepi, dan terpisah-pisah tanpa usaha menyatukannya. Yang kulihat hanya suatu kengerian dan kedahsyatan yang tidak dapat kubayangkan dengan apa sahaja alat yang ada di dalam diriku. Tidak boleh. Tidak cukup bahasa (walaupun aku mempunyai kepandaian bercakap dengan fasih dalam lima bahasa dunia selain bahasa ibundaku) untuk mengucapkan kengerian, ketakutan, dan kesesalanku apabila melihat wajahku yang rompong-rompong, carik-carik, berdarah, dan bernanah di sana sini.

Pada suatu detik aku cuba bersuara. Dan, wajahku menyepi dalam kata-kata yang menusuk pendengaranku.

"Kau menjalani kehancuran di sini."

"Mengapa?"

"Intelektmu hancur di sini."

"Kenapa?"

"Kekayaanmu, kemewahanmu hancur di sini."

"Why?"

"Ph.D.mu lebur di sini."

"Mengapa?"

"Usahamu hampir enam puluh tahun tidak dinilai di sini."

Aku terdiam. Aku melihat wajahku yang murung, usang, terpisah-pisah, dan menakutkan cuba mencapai diriku. Untuk menyatukan kewujudannya dengan kewujudanku. Tidak dapat. Aku berada di suatu ruangan yang mempunyai jarak dan masa. Wajahku berada di dalam ruang tanpa jarak tanpa masa. Kami saling tidak boleh berpegangan atau untuk menyebatkan diriku dengan wajahku.

"Apa yang dilihat di sini?"

Wajahku menyepi. Gelisahnyanya menikam diriku. Ruangannya melubangkan rongkongku. Aduh! Wajahku yang terpisah-pisah itu cuba mencapai sesuatu ketenangan untuk menyatakan sesuatu padaku. Untuk mengucapkan tanpa kata-kata ke dalam kesedaranku. Lama-lama dia bangkit daripada kehancuran dan mengucapkan tanpa bahasa dan kata-kata.

"Kejujuranmu dilihat di sini."

"Adakah aku tidak jujur setelah aku membangunkan projek-projek raksasa untuk bangsaku?"

"Keikhlasanmu dilihat di sini."

"Adakah aku tidak ikhlas setelah ribuan ringgit hartaku yang kuhabiskan untuk rakyat? Adakah aku tidak ikhlas setelah begitu banyak harta kuberikan kepada rakyat? Kemudian rakyat membalas kebaktianku kepada mereka dengan memberikan undinya kepadaku? Tidak ikhlaskah ini?"

"Di sini kebaikan dinilai dari segi pemberian tanpa mengharap balasan."

Mulutku terjahit. Jawapan wajahku menghilangkan kata-kata di dalam mulutku. Adakah aku silap dalam menaburkan kekayaanku?

"Lagi?"

Wajahku mengumpulkan dirinya untuk menjadi satu sebagai persediaan untuk menjawab pertanyaanku. Dengan susah payah, setelah bertahun-tahun berusaha, dia dapat menjawab tanpa kata-kata tanpa bahasa.

"Di sini hanya untuk pengikut-pengikut yang patuh."

"Siapakah pengikut-pengikut yang patuh itu? Kepada siapa untuk dipatuhi? Bukankah aku telah patuh kepada Allah kerana aku Islam, dan aku patuh

kepada kerajaan kerana aku warganegara?"

"Kepatuhan yang sebenarnya hanyalah kepatuhan yang tidak diselitkan dengan kepentingan diri dan keluarga."

"Tapi, aku ada isteri dan anak-anak."

"Ambillah sekadarnya."

Aku kelu sekali lagi. Jawapan wajahku itu menjelaskan aku dalam periode sedarku. Aku mempunyai gaji ribuan ringgit sebagai pegawai kelas satu kerajaan. Segala projek berada dalam tanganku. Aku mempunyai enam buah syarikat yang dinamakan dengan nama isteri dan anak-anakku. Akan tetapi, akulah yang memilikinya secara penuh. Aku menguasai kebanyakan hutan dan tanah di dalam negaraku. Adakah ini pun salah? Tidak! Aku membenarkan bahawa aku mesti benar dalam pendirian ini.

"Itu hartaku secara halal."

"Kaulihat sekelilingmu. Anak-anak siapakah yang menderita kerana penumpukan kekayaan yang dilakukan olehmu?"

Aku melihat sekitar pertemuan kami. Wajahku telah menghilang dalam terpisah-pisah. Aku tidak melihat wajahku yang wujud seperti diriku. Tetapi aku melihat Seman, Bidan, Mak Cik Salmah, Pak Su Jali, dan ribuan malah jutaan lagi nama yang serupa itu sedang terpekik terlolong dengan mata mereka terjegal dan lidah terjulur-julur. Mereka mempunyai badan yang dihidupi oleh rangka-rangka yang amat mengerikan. Mereka tidak mempunyai daging. Tidak mempunyai urat dan darah. Mereka mempunyai diri mereka saja.

Merekaberjalandalamkumpulanjutaan  
mendekatidirikudenganteriakdanlolongyang

tidakberputusbertahun-tahunmeneriaksesuatu yangtidakakufahamilamakemudianbarulah akufahamibahawamerekasedangberarakke rumahkuuntukmendapatkantanahsebagai persediaanmerekabagimenumbuhkanpadi menumbuhkanberasmenumbuhkanjagung kianmendekatkiannyaring-suaramereka membaurikeadaantempatanparuangtanpa masamerekaterusmaradanmenghimpitdiri kuberikanakubahagiankukatamerekaberilah kamisegenggamtanah.

Aku kembali ke dalam diriku dalam periode sedarku. Aku melihat suatu perasaan yang luar biasa. Mereka memamah tanah dan sekalian batu. Mereka mengeringkan paya dan sungai dan laut. Mereka berusaha menumbuhkan padi, ubi, dan jagung sekali gus. Akan tetapi, aku melihat wajahku yang carik tidak boleh berusaha setengah inci pun. Wajahku kehilangan dirinya dalam suatu perarakan raksasa di satu tempat tanpa ruang tanpa masa itu. Aku cuba lari daripada keakuanku yang sudah tidak ada sebuku beras pun itu.

Keakuanku yang penuh wibawa dalam enam syarikat yang aku sendiri menjadi pengarahnya tidak terlihat di sini. Segala-galanya menghilang dan menipis. Aku dapat melihat wajahku yang carik-carik dan rompong-rompong dengan keadaan yang terpisah-pisah yang tidak mungkin dijalani oleh Concord dalam seribu tahun pun. Aku cuba bersuara dalam keakuanku yang sudah menghilang itu.

"Jadi, apa yang aku lakukan selama aku berkhidmat tidak dilihat sedikit pun?"

"Khidmatmu bukan kerana rakyat. Bukan. Kau

berkhidmat sambil untuk mengaut untung ke dalam kocekmu."

"Aku, isteriku, dan anak-anakku perlu makan!"

"Tapi, kekayaanmu bukan untuk sekadar makan. Kau telah mencapai darjat kemewahan dalam pembaziran sepenuhnya."

"Adakah aku membazirkan hartaku?"

"Tiga buah motokarmu. Sebuah lukisan luar negeri kaubeli dengan harga sepuluh ribu ringgit. Atau tiga puluh ribu ringgit. Barang-barang antik yang sebenarnya tidak berguna, kaupenuhkan di dalam rumahmu. Semuanya berpuluh-puluh ribu ringgit. Hanya semata-mata memperagakan kekayaan dan kemewahanmu ke mata masyarakatmu yang umumnya miskin dan papa."

"Tapi, itu hartaku. Aku memperolehnya dengan titik peluhku."

"Kaubohong. Kau telah menyelitkan kepentingan rakyat untuk mencapai hak-hak rakyat itu menjadi hakmu. Kau telah membeli rakyat untuk memperoleh kemenangan yang membolehkan kau mencapai kemewahan yang telah masuk dalam peringkat membazir."

Aku kehilangan mulutku untuk berkata-kata. Aku kehilangan perasaanku untuk menikmati segala kekayaanku yang tidak dihargai di sini, di lorong sempit tanpa ruang tanpa jarak ini. Apa yang aku lihat hanyalah wajahku yang berbaur dengan segala ketakutan, kengerian, dan kedurjanaan yang telah mencapai tingkatnya yang paling tinggi. Aku hanya melihat bahawa tanah-tanah sedang menenggelamkan wajahku. Aku hanya melihat lautan air pekat seperti lendir sedang menenggelamkan wajahku yang terpisah-pisah itu. Aku hanya melihat bagai-

mana wajahku yang sedang menjalani penyiksaan atas segala saksi yang tidak pernah aku kenal sebelumnya. Dan aku hanya mendengar raungan wajahku yang sakit dan terhina.

Alangkah menakutkan. Alangkah mengerikan. Alangkah!

Sekelilingku hanya keakuanku yang tidak mempunyai wibawa. Sekitarku, di lorong yang sempit dan menajam seperti samurai ini, aku hanya melihat wajahku yang tenggelam timbul dalam darah dan nanah. Wajahku sedang dikeronyok oleh berjuta-juta makhluk yang menyerupai wajahku. Mereka memakan wajahku. Mereka memamah wajahku. Mereka mencakar wajahku. Mereka menendang dan menerajang wajahku. Mereka membakar wajahku dengan unggun api yang menyala setinggi angkasa. Mereka merebus wajahku di dalam kawah besar dengan unggun api yang mencairkan besi waja. Mereka berkeliling di tepi kawah besar itu. Mereka dengan lahap menghiris dan memakan daging wajahku yang sudah separuh masak. Mereka makan beramai-ramai dengan lolongan dan teriakan marah, bengis, dan putus asa.

"Di sini, pesta putus asa dengan lagu-lagu terkutuk kerana berdosa lumrah berlaku dan dilakukan saban hari."

"Tapi, mereka memakan daging-daging wajahku."

"Itulah satu-satunya kelazatan di daerah ini."

"Syaitan!"

"Bukan. Syaitan lebih mulia darimu. Lebih mulia dari wajahmu."

"Mengapa?"

"Syaitan telah melaksanakan tugasnya dengan

sempurna sebagai syaitan yang sebenarnya. Tapi kau tidak."

"Tidak? Aku tidak?"

"Kau tidak menyempurnakan tugasmu sebagai manusia. Kau melakukan tugasmu sebagai binatang, sebagai syaitan, sebagai apa saja kedurjanaan lainnya."

"Kau salah."

"Di sini, orang boleh melihat secara langsung. Mereka boleh mengoreksi diri mereka kerana mereka sebenarnya wajah-wajah yang kehilangan karung, kehilangan lembaga luar. Mereka secara nyata dapat melihat wajah mereka tanpa selindung-selindung."

"Selindung?"

"Ya. Kau boleh berlindung di balik senyuman manismu dalam waktu kau marah. Kau boleh berseindung atas nama kepentingan rakyat dengan pelbagai macam keterangan yang pada hakikatnya kau merampas hak rakyat. Itu masa kau menjalani kehidupan dalam periode sedarmu. Tapi, di sini tidak."

"Mengapa?"

Kemudian kulihat lagi kumpulan dilorong sempit itu datang mengerumuni wajahku yang sedang direbus dalam pestayang paling negeri yang pernah kusaksikan dengan mata kesedaran ku dalam bentuk wajahku yang hancur seperti burung dalam kawah bergelombang menggelegak percikannya santak kelangit ke bintang-bintang dan jatuh menimpawajahku.

Aku tidak melihat kawan-kawan yang pernah bersumpah akan memberi pertolongan. Aku tidak

melihat walau sekerat beras pun makhluk-makhluk yang menerima pemberianku biar sekadar untuk menyatakan simpatinya. Tidak ada. Tiada ada. Yang aku lihat hanya makhluk-makhluk yang bertelanjang di dalam nanah dalam darah dalam air mata.

"Di sini orang memperhitungkan keimanan yang sebenarnya. Kekayaan dan kemewahan hanya satu."

"Apa?"

"Al-Quran. Mengikuti pengajaran al-Quran."

Aku kaku. Aku kehilangan kata-kata. Aku melihat wajahku yang ketiadaan pengajaran itu. Aku melihat wajahku yang dihancurkan oleh ketiadaan iman itu.

Pada suatu tempat yang kau tidak tahu di mana ramai makhluk yang berpesta dalam kegembiraan dengan para bid'at yang memenuhi semua ruang tanpa jara dan panas mereka sedang menari dengan penuh restu penuh makan dan tanpa pakesusahan apa mereka menyanyi dan menari tanpa renti dalam tempo hri dan jutaan tahun mereka menduduki syurgadengan penuh limpah kurnia.

"Siapa mereka di mahligai itu?"

"Mereka orang-orang yang soleh. Mereka orang-orang yang lurus dan ikhlas dalam hidup. Mereka tak mempunyai apa-apa harta selain keperluan hidup semata-mata. Mereka menyembah Allah dan meyakini Nabi Muhammad s.a.w. Mereka hanya menerima segala penderitaan dalam periode sadar dalam tangan kezalimanmu."

"Mereka beramal soleh?"

"Ya. mereka menghabiskan malam dengan zikir dan sembahyang. Bukan menghabiskan malam

dengan meniduri pelacur-pelacur dan memenuhi disko-disko, kabaret, dan *nite-club*."

"Aku bertaubat!"

Segala-galanya seperti berlalu dengan cepat. Aku hanya melihat suatu bayangan putih, bercahaya, berkilau-kilauan menerpa dahiku dan menusuknya dengan tajam dan mengejutkan. Aku akan kembali pada periode sedarku. Aku akan membersihkan sesuatunya. Biarlah wajahku tidak akan luput daripada penglihatanku. Aku meniti di atas titian lorong yang sempit dan tajam itu untuk kembali kepada cahaya yang berkilau-kilauan.

Aku akan kembali kepada diriku sebagai manusia setelah aku menemui, bertemu dengan sebenarnya dengan wajahku.

Ya Tuhan!

*Perkahwinan Rama-Rama.*

Pulau Pinang: Teks Publishing, 1984

## USTAZ



**D**IA sedang berhadapan dengan perasaan yang entah apa. Perasaannya selalu terapung-apung, mengembang seperti wap, dan bergelombang mendebur pantai hatinya yang kian menipis. Pangkal keimanannya dirasakan seperti kian mengecil, menirus, dan ringan seperti debu lalu berterbangan dengan mudahnya di awan bersama-sama angin perubahan yang berubah sedikit demi sedikit dalam rangka adanya. Dia dapat merasakan suatu perubahan yang mudah walaupun dipertahankannya dengan sungguh-sungguh. Alangkah mudahnya keimanannya yang berganjak. Alangkah!

Ya, Tuhan! Dia cuba berdiri tegak dalam dadanya. Dia mengharapkan restu daripada Tuhan, bahawa dia mestilah mempunyai iman seorang Yusuf a.s. dalam menghadapi godaan seorang Zaliha. Ya, Tuhan! Dia cuba meyakinkan bahawa renungan sepasang mata yang galak, yang memancarkan keghairahan dengan senyuman yang menari-nari dari rekahan dua bibir yang seperti air itu, hanya biasa dalam sepanjang perjalanan hidup manusia. Dia berdiri tegak dengan rasa penuh keimanan bahawa kehadirannya dalam keluarga ternama itu adalah kehadiran penyelamat kepada suatu jiwa yang hampir roboh oleh landaan dunia yang sering senyum tetapi menghiris saban detik. Betapakah dia akan gugur dalam kesedaran yang beransur-ansur daripada pesakitnya? Betapakah dia akan mengalah dalam kemanjaan dan suara yang lembut, serak-serak basah, dan kumat-kumit bibir yang mengucapkan setiap patah ayat suci itu? Betapakah?

Seorang penyelamat sepertinya tidak mungkin akan kalah. Ya, tidak akan kalah. Tidak akan kalah! Akan tetapi, seperti setiap kali mempertahankan keimanannya dengan penuh yakin, dengan penuh doa, setiap kali itulah dia menghadapi masa hancurnya, masa runtuhnya, masa terserak-serak dan berkecai di depan mata galak si gadis yang merenungnya berkaca-kaca lalu menjatuhkannya secara k.o. Mengapa dia harus jatuh dan melutut di depan seorang gadis yang sudah menjadi mangsa daripada kebebasan dunia zaman ini? Tidak! Dia membantah pada dirinya sendiri. Akan tetapi, ketika membuat bantahan terhadap kegoncangan adanya yang semakin menipis, dia melihat kegeleparan yang ghairah daripada keletah gadis itu yang lincah seperti anak kijang

yang melompat-lompat di suatu taman yang entah di mana. Alangkah manisnya dia. Alangkah hidupnya dia. Alangkah!

Dia menapak pertama kali ke rumah Datuk Jalal Akbar waktu selepas asar. Dia menerima tawaran untuk memimpin anak-anak Datuk Jalal Akbar ke jalan kesucian. Ke jalan yang lurus. Untuk menyucikan lidah anak-anak Datuk Jalal Akbar daripada menyebut *twist, ago-go, rock-'n-roll, slow-folk* atau *love Malaysian style* kepada nama-nama Allah, Muhammad s.a.w., ayat-ayat suci al-Quran, dan sebutan-sebutan Islam lainnya. Walaupun berat seperti timah ketika hendak menyanggupi tawaran itu melalui mulut kawannya Ustaz Dahlan, akhirnya dia memutuskan menerimanya atas dasar memulihkan keuzuran sekelompok otak di sebuah rumah besar keluarga ternama.

“Ustaz Saifuddin?”

Datuk Jalal Akbar mencelikkan sedikit matanya ketika menyebut namanya sebaik-baik sahaja dia melabuhkan punggungnya ke atas sofa di beranda luar yang mengisi udara lapang dengan pandangan yang indah dan subur dari keindahan sebuah taman kecil yang segar-bugar.

“Ya, datuk. Saya Saifuddin.”

Dia dapat merasakan kesopanan yang tegak dalam dadanya ketika menjawab pertanyaan itu. Dia merenung muka Datuk Jalal Akbar. Mata Datuk Jalal Akbar agak menyepet serta-merta seolah-olah menajamkan ingatannya yang entah apa.

“Ustaz terima tawaran saya. Baiklah.” Datuk Jalal Akbar meluruskan rambutnya dengan tangannya, walaupun sebenarnya kepala Datuk Jalal Akbar tidak mempunyai rambut di kemuncaknya yang

gondol, licin, dan agak putih. "Anak-anak saya perlu diajar membaca al-Quran dan hukum-hukum agama."

Dia mengangguk ketika Datuk Jalal Akbar berhenti mengucapkan kata-kata tadi. Dan, dengan segera dalam hatinya dia menyebutkan 'bukan mengajar' tetapi 'memulihkan'. Sebab diam-diam dia menyedari anak-anak Datuk Jalal Akbar dan mungkin Datuk Jalal Akbar sendiri sudah jauh meninggalkan pelabuhan Islam. Atau mereka sudah terjelepok jatuh ke tangan syaitan. Dan, keluarganya perlu dikembalikan atau dipulihkan.

"Saya akan mengajarnya, insya-Allah."

Datuk Jalal Akbar masih menyepetkan matanya. Menajamkan pandangannya ke dalam matanya.

"Bila agaknya ustaz dapat mulakan?" Mata Datuk Jalal Akbar lebih kecil lagi yang lebih dekat kepada segaris dakwat pada sebuah lukisan yang tidak siap. Lapang antara dua kening Datuk Jalal Akbar terbentuk tiga garis yang menunjal ke atas dahinya yang tidak mempunyai sempadan sedikit pun dengan kepalanya.

"Saya serahkan kepada datuk saja. Asalkan sebelah petang hari."

"Ya, tentunya sebelah petang. Anak-anak saya belajar pagi."

Datuk Jalal Akbar memusingkan sedikit kepalanya ke arah pintu besar rumahnya.

"Iza!"

Hatinya berdebar-debar sedikit. Tentunya dia akan ditemukan dengan anak-anak Datuk Jalal Akbar. Dia mendengar suara sahutan yang mersik dan tajam dan melanda dadanya. Ketika pintu besar ternganga, dengan pandangan yang segar dan agak terpesona, dia melihat seorang gadis yang berkulit

putih, mukanya agak lebar sedikit dengan rambutnya yang panjang dan sesuku darinya menutup sebelah pipinya yang kiri, dalam gaun singkat yang menyerlahkan betis dan pahanya, berjalan perlahan-lahan ke arahnya. Gadis itu tersenyum sedikit padanya. Tanpa melihatnya lagi lantas menghenyakkan pinggulnya yang kurang cerat dilihatnya ke atas sofa di samping Datuk Jalal Akbar. Gadis itu berhadapan dengannya. Dia tidak melihat lagi ke arah gadis yang memancarkan cahaya kesegaran dan keharuman bunga-bunga itu. Sekali imbas dia sempat mengerling kaki gadis itu yang telah dikampuh dua untuk menyempitkan sebuah lorong yang bila-bila masa boleh terbuka luas.

"Ini Ustaz Saifuddin yang akan mengajar kau di rumah ini. Beritahu adik-adik supaya datang jumpa ustaz." Datuk Jalal Akbar melihat anak gadisnya. Kemudian menukarkan pandangannya. "Ini Siti Nuriza, ustaz. Muqaddam pun belum habis lagi."

Dia mengangguk sahaja. Dan, tanpa disedarinya dia melihat wajah Siti Nuriza. Gadis itu agak tersipu-sipu mendengar kata-kata ayahnya. Menepis rambutnya yang menudung pipi kirinya. Mengerling padanya dan memejamkannya dengan lembut dan mempesonakan. Ya Tuhan! Dia cuba berdiri tegak dalam dadanya. Siti Nuriza memanggungkan kaki kanannya ke atas kaki kirinya. Pahanya yang putih melepak dengan roma suteranya yang berbaris halus dalam bentuk suatu ukiran tenunan yang ajaib dan mengghairahkan, benar-benar menunjal matanya. Dia berasa agak senak dengan silauannya beberapa kali itu. Dia mengubah pandangannya ke muka Datuk Jalal Akbar.

"Muqaddam tidak payah, asalkan ada kemahuan

untuk mempelajarinya.”

Dia melihat lagi muka Siti Nuriza. Datuk Jalal Akbar juga melihat muka puterinya.

“Dengarkan kata ustaz,” Datuk Jalal Akbar seolah-olah tolong menerangkan kata-katanya tadi seperti puterinya itu tuli langsung. “Kalau ada ke-mahuan tentu mudah.”

“Ya, ayah.”

Mata Siti Nuriza segera terbang ke wajahnya. Tersenyum dan menajamkan matanya. Ya Tuhan! Dia berseru dalam dadanya. Gadis itu bukan melihatnya. Bukan. Akan tetapi, matanya telah memanah dan menikam jantungnya. Pandangan Siti Nuriza yang agak lama ke atas mukanya seperti mencari sesuatu yang telah hilang di atas batang hidungnya, menimbulkan kegeleparan jiwanya dengan debaran jantung yang sangat senak dirasakannya. Ya Tuhan!

“Jemput adik-adik jumpa ustaz.”

“Tak ada seorang pun, ayah. Mereka keluar menonton.”

Siti Nuriza mengerling lagi padanya selepas memancangkan matanya ke atas wajah ayahnya. Siti Nuriza senyum.

“Ustaz bertugas di mana?”

Dia terperanjat seperti disengat kala jengking. Tidak terfikir olehnya Siti Nuriza akan bercakap terus terang kepadanya di depan ayahnya. Ah! Tibatiba dia menyedari struktur moden keluarga ternama ini. Betapa tidak! Bukankah mereka terdidik bebas dan sekarang berusaha untuk ‘memulihkannya’? Benar! Jawabnya dalam hati.

“Di Madrasatul Falaniah.” Suaranya agak menggigil sedikit. Merenung wajah Siti Nuriza. Pandangannya jatuh sekali gus ke atas paha gadis itu.

"Di mana?" Bibir itu agak tersimpul sedikit. Dan, rekahan yang cair itu lama tertinggal begitu.

"Jalan Pasir Mas. Kira-kira tiga batu dari sini."

"Oh ya. Saya ingat." Bibir itu menjadi lebih bulan dan memancarkan sinar keghairahan yang menghancurkan gunung-gunung.

Dia tidak melihat lagi. Dia pasti berlaku jujur dalam tugasnya. Semua saluran pancainderanya yang merupakan saluran air ke kolam hatinya mestilah bersih daripada sebarang nafsu. Dengan itu kolamnya akan menerbitkan air yang sentiasa jernih, bersih, dan tawakal. Dia cuba melupakannya.

"Bila nak dimulakan, ayah?"

Datuk Jalal Akbar merenung mukanya.

"Tanyalah ustaz bila dia nak mulakan."

"Bila, ustaz?"

Dia tidak segera menjawab. Akan tetapi, di dalam dadanya dia segera melihat kebebasan Siti Nuriza. Dia melihat kelincahan yang sejati.

"Lagi cepat lebih baik, ustaz."

Dia mendengar lagi suara Siti Nuriza yang seperti alunan yang mengapung dalam lautan dadanya.

Dan, akhirnya dia menjadi guru kepada Siti Nuriza, Ali Akbar, Jamal Akbar, dan Sayuti Akbar. Dia segera mempelajari jiwa mereka. Secara formalnya, demikian fikirannya, dia mengajar al-Quran kepada anak-anak Datuk Jalal Akbar. Akan tetapi, demikian fikirannya menderas, pada hakikatnya dia cuba mengislamkan anak-anak Datuk Jalal Akbar.

"Lutut dan paha mesti ditutup waktu mengaji al-Quran," katanya ketika pertama kali dia menghadapi kebiasaan Siti Nuriza dengan gaunnya. "Semua aurat tidak boleh didedahkan."

"Aurat? Apa dia aurat?"

Dia cuba menerangkan sejasas mungkin tanpa menanamkan perasaan bersalah ke dalam dada gadis yang baru meningkat lapan belas tahun itu. Siti Nuriza tidak lulus MCE. Sebagai anak perempuan tunggal dalam keluarga Datuk Jalal Akbar, gadis ini mendapat kemanjaan seratus peratus. Abangnya Jalil Akbar yang sudah menjadi pengarah sebuah syarikat swasta, selalu mengirimbkannya macam-macam hadiah setiap bulan. Siti Nuriza selalu di-menangkan kalau timbul pertelingkahan dengan adik-adiknya.

"Nama ustaz baik sekali," Siti Nuriza memuji namanya pada suatu hari. "Sedap didengar."

Dia merenung anak gadis itu. Adik-adiknya sudah pergi sehabis saja mereka diajar membaca al-Quran. Siti Nuriza mampir kembali setelah adik-adiknya pergi. Ketika itu dia bersiap-siap hendak pulang. Tanpa menghiraukan nasihatnya supaya sentiasa berpakaian menutup aurat, Siti Nuriza memakai midi berwarna hijau kemerah-merahan. Rambutnya terjalin dengan ekornya diselamatkan atas dadanya yang sebelah kiri. Dan dadanya yang sebelah kanan menonjol bajunya yang agak ketat dengan tunjangan tajam yang mempesonakan.

"Ustaz nak pulang sekarang?"

Dia mengangguk sahaja. Kemudiannya dia dihujani dengan beberapa soalan mengenai hukum-hukum wanita. Dia agak segan untuk menerangkan tentang mandi junub, tentang haid, tentang masalah-masalah wanita. Akan tetapi, Siti Nuriza sangat pandai. Siti Nuriza sangat beria-ia tentang soalan-soalan yang dikemukakannya. Siti Nuriza mendengarnya dengan penuh perhatian, dengan matanya yang tajam dan menikam itu terjunam jatuh lama ke dalam mata-

nya. Kebiasaan Siti Nuriza setelah berbulan-bulan bersamanya, telah melupakan hubungan guru dengan murid. Siti Nuriza tidak langsung melihat kewibawaannya sebagai guru.

“Mengapa lambat sangat?”

Siti Nuriza menyergahnya pada suatu hari ketika dia agak lewat tiba di rumah Datuk Jalal Akbar. Seperti tidak sabar-sabar, Siti Nuriza memegang tangannya dan memimpinnya ke kamar tengah. Adik-adiknya bersorak-sorak melihat dia dipimpin dan datang menyongsongnya di mulut kamar. Ya Tuhan! Dia berdiri dalam hatinya. Dia mesti berwuduk lagi. Ketika dia sudah masuk kamar itu, Siti Nuriza pergi berwuduk. Dalam masa yang tidak begitu lama, dia hampir-hampir tidak mengenal anak gadis itu, apabila Siti Nuriza keluar dengan baju kurung labuh berwarna putih dengan tudung putih di atas kepalanya. Dia terpesona melihat wajah Siti Nuriza dalam pakaian yang tidak pernah terfikir olehnya akan dipakai oleh anak kijang kegemaran dunia ini. Tidak pernah. Alangkah manisnya kau, wahai puteri tunggal keluarga ternama ini. Alangkah!

Siti Nuriza tersimpuh di depannya. Adik-adiknya juga bersila rapat di depannya. Seperti lazimnya, Siti Nuriza diajar lebih dahulu, mengikut kemahuan gadis itu sendiri. Akan tetapi, sejak dua minggu kebelakangan ini, Siti Nuriza membiarkan adik-adiknya dahulu diajar. Siti Nuriza sudah memanjat ke Surat Besar, dalam surah *al-Baqarah*. Dan, adik-adiknya masih dalam Muqaddam. Suara Siti Nuriza yang beralun dalam udara petang di rumah Datuk Jalal Akbar kian hari kian mendekat dan merapat ke dalam dadanya. Tidak! Dia membantah hatinya sendiri.

Bukankah Siti Nuriza ini seekor enggang yang jauh terbang melangit dan tidak pernah dapat disaingi oleh pipit sepertinya walaupun dia seorang guru? Benar! Dia mengiakan. Semuanya tidak mungkin. Semuanya akan menghiris jiwanya sedikit demi sedikit. Dia tidak boleh membakar jiwanya sendiri. Tidak boleh!

Ketika dia sudah menamatkan tugasnya, dan Siti Nuriza akan bangun untuk membawa al-Quran ke tempat simpanannya, gadis itu bersalam dengannya seperti lazimnya setiap hari. Ketika dia akan menarik tangannya daripada pegangannya pada tangan gadis itu, Siti Nuriza membongkokkan kepalanya dengan hormat. Dia kaget dan terpesona. Dia tidak percaya. Tidak terfikir sebesar kaki semut pun dalam kepalanya. Tidak terlintas seruas jari kaki kuman pun akan berlaku seperti yang telah berlaku padanya sekarang.

Siti Nuriza mengucup tangannya!

Dan, mata anak gadis itu berkaca-kaca, masih memegang tangannya dengan kemas dalam alas kain sapu tangan kecil berbunga-bunga, erat seperti tidak mahu dilepaskannya. Dia cuba menariknya dengan perasaan sebenarnya tidak mahu, atau membiarkan tangannya dipegang oleh Siti Nuriza sampai kiamat? Dia tidak berdaya untuk menariknya dari pegangan yang erat dan mencairkan jantung di dalam dadanya itu. Akan tetapi, apakah dia akan membiarkankah tangannya di pegang oleh muridnya yang sedang dipulihkannya daripada kekotoran siviliisasi teknologi ini, sedangkan dia pula akan hancur didalamnya? Tidak!

"Terima kasih, ustaz."

Dia sempat melihat wajah Siti Nuriza yang manis itu memanjat dadanya yang sudah separuh hancur.

Dia mengalihkan mukanya dan lantas berjalan keluar. Ketika dia bertolak dengan motosikal Vespanya dari pekarangan yang sebenarnya sebuah kebun/taman bunga-bunga, dia sempat mengerling bahawa dua biji mata dalam tudung putih sedang menikam belakangnya menerusi celah dua daun tingkap yang terbuka lebar. Dia terbang terapung-apung ringan seperti kapas ketika Vespanya terus memanjat jalan besar. Kesibukan jalan besar sudah mati semuanya. Tidak pernah ada motokar. Tidak pernah ada manusia. Tidak pernah ada makhluk yang hidup melalui jalan raya yang sedang dilaluinya sekarang. Dia hanya melihat seorang yang sudah 'hancur' oleh gilasan roda zaman teknologi dengan dengungan dan irama Travolta dan kegilaan disko, mula membangun dan terdiri dengan gagah untuk mencapai kemanusiaan dan Islam, sedang dia sendiri mula hancur di bawah kebangkitan baru itu! Alangkah ngerinya dia melihat bayangannya sendiri yang berada jauh di bawah kebangkitan murni Siti Nuriza itu. Alangkah menakutkan. Alangkah!

Ya Tuhan!

Dan, seperti lazimnya juga saban petang setiap Ahad, Selasa, dan Khamis, dia menenggelamkan dirinya di dalam kamar di tengah rumah Datuk Jalal Akbar. Dia dilingkungi oleh Siti Nuriza, Ali Akbar, Jamal Akbar, dan Sayuti Akbar. Dan, seperti lazimnya juga adik-adik Siti Nuriza disudahkan lebih awal. Suara gadis ini yang berombak-ombak dan terapung-apung dalam gendang-gendang telinganya mendengungkan ayat-ayat suci surah *Yusuf*, melanggar tebing hatinya yang sudah mula pecah-pecah. Tidak seperti lazimnya, Siti Nuriza dalam bulan-bulan akhir ini lebih pendiam, hati-hati,

bersikap penuh hormat, selalu memarahi adik-adiknya kalau buat bising; dan lebih daripada segala-galanya, gadis itu mula memakai telekung putih menutup rambutnya yang panjang. Bentuk muka yang ditutupi telekung itu menampakkan wajah Siti Nuriza yang lebih cantik dan mempesonakan. Dan, seperti lazimnya beberapa bulan terakhir ini, Siti Nuriza mengucup tangannya tanpa kata-kata kecuali "terima kasih".

Dia masih ingat bagaimana pada suatu hari Datuk Jalal Akbar dan isterinya Datin Sarinah menjemputnya makan malam bersama-sama beberapa orang lain yang tidak dikenalnya.

"Terima kasih, ustaz," kata Datuk Jalal Akbar ketika mereka berada di ruangan tamu.

Dia terpinga-pinga mendengar ucapan Datuk Jalal Akbar yang diarahkan kepadanya. Datin Sarinah merenungnya dalam cahaya lampu malam yang hening.

"Ustaz telah menukarkan sifat Nuriza. Dia benar-benar telah insaf atas kemahuannya selama ini sehingga tidak lulus peperiksaan MCE. Sebagai wanita, saya lebih suka dia seperti sekarang, kelak akan hidup damai dengan suaminya, menjaga anak-anaknya."

Dia menggeletar mendengar kata-kata Datuk Jalal Akbar tentang "bersuami dan menjaga anak-anak". Siapakah bakal suaminya? Siapakah orang yang beruntung memiliki anak kijang emas yang lincah berlari-lari, melompat-lompat dan meragut-ragut daun-daun muda di dalam taman hatinya yang sedang semerbak dengan bunga-bunga cinta yang sedang berkembang sekarang? Siapakah?

"Tak *pass* MCE tak apa. Asalkan tahu agama,"

Datin Sarinah menyampuk.

"Generasi zaman ini sangat lemah dalam agama. Dan, ibu bapa pula sibuk untuk meluangkan masa bagi anak-anaknya. Sebab itu saya minta pertolongan ustaz."

"Tugas saya dah selalu begitu."

"Bila ustaz nak kahwin?"

Dia tersentak sedikit oleh tunjulan pertanyaan mendadak Datin Sarinah itu. Betullah dia belum kahwin. Dia masih menjalani umur dua puluh tujuh. Selepas keluar Maahad dan melanjutkan pelajarannya ke Al-Azhar, dia belum sempat memikirkan perkahwinannya kerana membantu keluarganya yang susah di kampung. Dia masih mempunyai ibu yang sudah lebih enam puluh tahun, yang telah ditinggalkan secara abadi oleh almarhum ayahnya kira-kira dua puluh tahun yang lalu. Dia anak yang kedua daripada lima orang adik-beradik. Dan, satu-satunya yang mendapat pekerjaan.

"Orang laki-laki tak gaduh." Datuk Jalal Akbar seperti menolongnya apabila lama dia tidak menyambut pertanyaan Datin Sarinah.

"Tapi lewat sangat pun tak baik."

Dia hanya tertawa. Dan, kata-kata Datin Sarinah itu menghiris jantungnya. Tidak terlihatkah bagaimana adanya sedang membariskan wajah Siti Nuriza? Tidak! Dia mengiakan. Mereka tentu tidak akan melihat perasaannya yang sudah berubah ketika bulan-bulan terakhir ini gadis itu selalu megucup tangannya dengan kucupan luar biasa sekali dirasakannya. Tidak terlihatkah mereka? Tidak terlihatkah?

Dia tidak melihat wajah Siti Nuriza seperti selalunya yang lincah dan melompat-lompat dalam

pakaian midi. Dia melihat sekali sahaja pada malam itu ketika dia akan pulang setelah menjelang jam sembilan malam. Siti Nuriza datang bersalam dengannya di depan ayah bondanya. Kemudian diikuti oleh Ali Akbar, Jamal Akbar, dan Sayuti Akbar. Dia sempat mendengar ucapan terima kasih Siti Nuriza yang penuh sopan santun dalam pakaian baju kurung putih dengan kain sarungnya berbunga-bunga dan telekung hijau muda. Dia tidak merasakan kucupan hangat sekarang. Dan, cepat pula gadis itu berlalu daripada mereka.

“Alhamdulillah.”

Datuk Jalal Akbar melihat Siti Nuriza yang sedang bergerak pergi.

“Semua rekod *top-hit*nya dibuang. Gantinya rekod-rekod al-Quran saja,” Datin Sarinah menerangkan.

Kemudian, malam itu berakhir lagi.

Dia tidak dapat merasakan kejauhan yang sungguh-sungguh walaupun dia cuba menjauhkan perasaannya daripada Siti Nuriza. Dia seperti lazimnya menasihati Siti Nuriza dan adik-adiknya dalam pelajaran Fikah setelah menyelesaikan pengajian al-Quran. Dalam pelajaran Fikah ini banyak sekali diikuti oleh Datin Sarinah sendiri. Dan, seperti seorang ustaz yang telah berjasa kepada keluarga Datuk Jalal Akbar, dia sering menjadi imam dalam sembahyang di rumah batu dua tingkat ini apabila masanya agak lewat sampai menjelang maghrib. Dia melagukan ayat-ayat suci dengan nyaring dalam sembahyangnya. Dan, dia tidak dapat merasakan kekhusyukannya dan sungguh-sungguh. Dia masih melihat Siti Nuriza menjadi makmum. Dan, seperti lazimnya juga, gadis itu akan bersalam dengannya

tanpa mengucup tangannya. Akan diterimakah oleh Tuhan sembahyangnya di rumah ini? Ya Tuhan!

Dia sedang memikirkan keparahan jiwanya yang saban hari dihiris oleh Siti Nuriza. Dia tidak pernah mendengar ucapan Siti Nuriza walau sedesus pun akan pernyataan hatinya. Gadis itu mengucup tangannya selepas tiada adik-adiknya, tanpa kata-kata. Akan tetapi, dia menyedarinya ada suatu perhubungan yang halus, murni, dan ajaib antara dia dengan Siti Nuriza. Gadis itu menampakkan keriangannya kalau dia sudah berada di rumah itu. Dan, setiap kali dia akan pergi, mata itu sedang mengintipnya menerusi tingkap kamar tidur. Bagaimanakah dia akan menghindarinya supaya tali halus yang murni itu tidak terus tegang dan hidup dalam dadanya? Bagaimanakah? Tiba-tiba seperti penerjunan yang ajaib ke dalam kepalanya, dia dapat menyelesaikannya. Dia tidak mahu dianggap penyeleweng dalam tugasnya untuk 'memulihkan' anak-anak Datuk Jalal Akbar. Tidak mahu.

Dia mengerti akan sifat diri manusia sepertinya dan Siti Nuriza. Dia manusia. Lambat-launnya ia akan runtuh dan hancur. Dan, pada suatu petang yang tenang, setelah menyudahkan ajarannya, setelah Siti Nuriza mengucup tangannya dengan penuh kasih dan sopan, dia menemui Datuk Jalal Akbar yang sedang enak-enak di ruang tamu dengan akhbar. Dia duduk di depan Datuk Jalal Akbar di atas sofa yang lembut. Setelah mengucapkan salam dan berbual-bual sedikit, dia berkata:

"Saya telah ditukarkan ke Pahang. Dan, ganti saya telah saya tentukan. Akan saya perkenalkan esok."

Datuk Jalal Akbar agak terperanjat. Akan tetapi,

tidak lama, sebab tempat itu akan digantikan oleh seorang ustaz yang lain.

"Saya sanjung usaha ustaz yang berjaya."

Dan, malam esok Datuk Jalal Akbar telah membuat kenduri kerana pertukarannya. Bersama-sama kawannya yang akan menggantikan tempatnya, dia duduk-duduk di beranda luar. Sementara Datuk Jalal Akbar menyambut dua orang tamunya di perkarangan. Dia tidak melihat Siti Nuriza walau sekelibat pun. Kawannya, Ustaz Ahmad yang sudah mempunyai isteri dan dua orang anak, diam sahaja. Dia sendiri tidak dapat berkata-kata. Dia sedang terapung-apung, terenang-renang dan terlayang-layang dalam kehancurannya menghadapi keganjilannya sendiri. Dia sedang digomoli oleh perasaannya yang tidak menentu. Dia akan berpisah daripada Siti Nuriza atas alasan untuk meluruskan jiwanya. Dia telah berjaya memulihkan satu jiwa yang sangat dimanjakan oleh ibu bapa. Betapakah dia akan membengkokkannya pula hanya kerana telah kalah oleh gadis itu? Mengapa?

Ketika dia turun dari rumah Datuk Jalal Akbar sesudah makan malam, dan dia agak lewat sekali pulangnyanya kerana berbual-bual dengan Datuk Jalal Akbar, dia berasa sangat kecewa dan hampa. Dia tidak melihat Siti Nuriza. Tidak melihat walau bayangnyanya pun. Tiba-tiba, ketika dia akan mendekati Vespanya di bucu pekarangan, dia melihat sekelibat lembaga. Dia tidak mengamatinya benar. Dan, lembaga itu cepat menghampirinya.

"Ustaz!"

Suara itu seperti mendesis saja, hampir-hampir tenggelam dalam suara malam yang bising dari jalan besar. Dia terpegun dan hampir-hampir berteriak

kuat kerana terlalu gembira. Sekilas dia melihat ke rumah batu dua tingkat itu: Adakah Datuk Jalal Akbar sedang mengintipnya? Datin Sarinah? Dadanya dideburi gelombang sebesar Gunung Tahan melanda pantai hatinya yang sudah retak-retak. Gadis itu merapat kepadanya kira-kira satu kaki sahaja. Siti Nuriza tidak di dalam pakaian baju kurung dan bermuni telekung dan rambutnya terlepas dengan panjangnya membauri hitam malam. Gadis itu di dalam pakaian tidur yang mempesonakan. Dia cuba hendak mengatakan sesuatu kerana kebimbangannya yang membangun tiba-tiba di dalam dadanya. Akan tetapi, kata-katanya itu tenggelam kembali di dalam rongkongnya.

"Sebenarnyakah ustaz meninggalkan saya?"

Dia melihat wajah Siti Nuriza yang murung. Tangannya segera dipegang oleh gadis itu dengan erat dan kemas. Dia cuba melepaskannya, akan tetapi dirasanya berat seperti timah dan tidak berdaya.

"Apakah salah saya dan adik-adik sampai ustaz akan meninggalkan saya?"

Suara itu menggeletar dan seperti tidak terdengar. Dan, dia melihat mata gadis itu berkaca-kaca dan dengan suatu esakan yang tiba-tiba. Gadis itu memeluknya, merebahkan muka ke dadanya.

"Saya mengharapakan ustaz bersama-samaku selama-lamanya."

Dia sempat merasakan getaran sedu gadis itu di dadanya. Dan alangkah merdunya kata-kata itu. Dia telah merindukannya supaya ucapan itu terucap dari rekahan dua bibir gadis itu berbulan-bulan yang lalu. Mengapakah sekarang baru kata-kata itu keluar? Tidak! Dia membantah. Dia telah berjaya

meluruskan gadis ini daripada perjalanannya yang jauh meninggalkan pelabuhan Islam dengan mengembalikan ke jalan Islam yang murni dan benar. Dia tidak boleh membengkokkannya. Tidak boleh!

“Saya tetap bersama-samamu, Iza.”

Dia tidak tahu mengapa dia berkata begitu. Tidak tahu. Adakah dia benar akan bersama Siti Nuriza selama-lamanya? Dia, tidak tahu. Tidak tahu. Tidak tahu. Dan, dengan keberanian luar biasa tangannya mengusap-usap rambut yang panjang, yang pernah dimimpikannya itu. Perlahan-lahan dia mengangkat muka gadis itu yang terpendap di dadanya. Dan, dengan penuh perasaan yang tidak diketahuinya, dengan keberanian sebagai pahlawan yang akan berpisah daripada kekasihnya kerana akan mengikuti suatu pertempuran yang hebat yang menentukan hidup mati, dia memegang kedua-dua belah pipi gadis itu dengan kedua-dua tangannya. Pertama kali seumur hidupnya tangannya memegang pipi seorang gadis dalam keadaan yang sangat romantis dan tragis. Dia menggeletar, menggigil seperti melihat sesuatu yang sangat menakutkan. Dia merenung dalam kegelapan malam di bucu rumah batu dua tingkat itu, di bawah lindungan pokok-pokok bunga yang meninggi, mata hening dan berair itu sedang merenungnya dengan penuh kasih sayang.

“Perbuatan ini tidak baik, Iza.”

Suara itu mendesis dan nafasnya bertukar dengan hembusan nafas gadis itu yang semakin mendekat ke mukanya. Perlahan-lahan tetapi tetap, dia merendahkan mukanya. Dia sempat melihat dua rekahan bibir yang segar sedang tersimpul dalam tangis yang masih tersedu-sedu. Dia memendapkan

bibirnya ke bibir gadis itu. Merasakan suatu kenikmatan yang tidak dapat diucapkan olehnya. Dia mendengar nafas gadis itu yang penat, terengah-engah seperti baru selesai berlari 200 meter. Gadis itu memeluknya erat-erat.

"Kita telah berdosa," katanya dengan sangat perlahan, ketika melepaskan pelukan gadis itu. Menolaknyanya seperti tidak mempunyai tenaga selepas sakit bertahun-tahun.

"Kita akan bertemu lagi. Insya-Allah."

Dia tidak mendengar suara gadis itu yang sedang berdiri tegak di sisinya ketika dia sedang menghidupkan enjin Vespanya.

"Ustaz!"

Dia mendengar kata-kata itu ketika Vespanya mula bergerak meninggalkan pekarangan rumah itu. Dia merasakan dirinya terapung-apung dan ringan seperti angin apabila Vespanya bergerak dan mengucapkan selamat tinggal kepada muridnya tanpa kata-kata. Dia melihat sesuatu jauh di depannya. Dia telah meninggalkan suatu kubur yang hendak menelannya dengan rasa penuh sepi, dingin, dan amat menakutkan. Dia membohongi kenyataan yang sebenarnya dia tidak pernah ditukarkan ke mana-mana. Dalam kesunyian, kehampaan, dan ketakutannya terhadap dirinya dan perlakuannya dengan gadis itu, dia dapat merasakan sesuatu yang sangat bernilai, tinggi, dan abadi.

Dia telah bebas! Tuhan!

*Dewan Sastera*, Februari 1980

## SUARA OMBAK



**M**EREKA saling berpandangan.

Si adik menoleh ke belakang, menajamkan matanya ke dalam muka si abang yang juga sedang membulatkan pandangannya ke dalam muka si adik. Mereka cuba menembusi gelap dinihari yang basah dengan penglihatan mata mereka ketika sayup-sayup beduk Subuh mendampari pendengaran mereka, diikuti oleh keheningan suara azan yang berombak-ombak dalam ketenangan malam yang sedang mengakhiri tari gelapnya. Lama si abang menajamkan matanya ke dalam muka si adik, cuba melihat perubahan pada wajah si adik yang kelihatan riang

gembira secara tiba-tiba. Si abang masih memanggalkan matanya ke atas pundak si adik walaupun si adik sudah membetulkan semula mukanya ke depan.

“Dengarkan.”

Si adik menoleh semula ke belakang cuba meneliti ucapan si abang, cuba mendapatkan keterangan apa seterusnya untuk memecahkan keheñingan malam Subuh. Akan tetapi, apabila ternyata tidak ada ucapan lagi, si adik cepat-cepat membetulkan pandangannya lurus ke depan. Si adik cuba menangkap suara ombak yang sayup-sayup lepas, tertangkap dan terlepas daripada gendang-gendang telinganya. Dia cuba mendengar kalau-kalau si abang bersuara dan menyatakan dengan riangnya akan suara ombak yang sedang memecah-mecah dan terputus-putus di dalam telinganya. Akan tetapi, ternyata si abang tidak bersuara lagi.

Dan si abang tidak lepas-lepas membenamkan matanya ke atas pundak si adik, yang dilihatnya hampir sama dengan gelap malam, sedang bergerak perlahan-lahan dan menimbulkan bunyi celup-celap ketika pengayuh di tangan si adik terbenam dan terangkat di air. Si abang melihat cahaya air yang memijar ketika setiap kali pengayuh si adik tercecah ke air. Cahaya yang memijar itu beriak-riak lari ke belakang dengan buih yang meruap dan hilang dengan cepat ke belakang mereka. Si abang menentukan kehadiran yang tetap bagi si adik hanya dengan mendengar celup-celap air kerana jatuhnya pengayuh yang terbenam jauh ke dasar air itu. Si adik tidak ragu-ragu atas keselamatan si abang di belakangnya ketika dia tidak melihat wajah si abang kerana dia tahu haluan perahu ini akan berpusing-pusing, akan

terbabas sana sini, apabila si abang jatuh atau hilang. Walaupun dia tidak melihat abangnya dengan penuh yakin, dia menentukan bahawa si abang tetap ada di bahagian belakang perahunya, sedang mengemudikan perahu itu dengan tetap.

Ketika si adik menoleh ke belakang dan si abang menajamkan matanya ke atas muka si adik, mereka telah mendengar sesuatu, sayup-sayup jauh di depan dalam keheningan subuh, suara ombak dengan angin silir yang lembut seperti menjatuhkan diri ke atas pasir pantai yang tidak kelihatan. Suara itu menjadikan mereka saling berpandangan dan menumbuhkan tanda tanya dan kegirangan yang tidak terperikan. Suara itu juga membangkitkan keazaman yang lebih kukuh, lebih berani, lebih jantan, dan lebih bersemangat mempercepatkan kayuhan demi kayuhan untuk lebih melajukan perahu yang mereka naiki. Haluan perahu mereka menentang malam yang dibauri celap-celup jatuhan dua pengayuh mereka dan suara desiran angin malam yang basah dan menajam serta suara burung ketuk-ketuk dan deburan air daripada kegeleparan ikan-ikan belanak yang galak. Mereka telah menjalani seluruh malam dalam suatu perjalanan dengan sebuah perahu tanpa bekalan yang banyak selain empat tangan dan empat kaki mereka.

Si adik dan si abang dapat merasakan tikaman angin malam yang menajam sejak seperdua malam, sejak bulan separuh yang tergantung di langit dengan cahayanya yang muram dan malas hilang di langit barat, haluan yang mereka tuju. Bulan separuh dengan cahayanya yang lesu, sepi dan dingin itu telah melintasi kepala mereka dan dengan cepat menghilangkan dirinya ketika mereka sedang meng-

harapkan bantuan cahaya itu untuk meneruskan perjalanan. Akan tetapi, si abang dan si adik tidak kehilangan azam yang telah ditanamtumbuhkan dalam dada mereka. Sejak seperdua malam setelah bulan tidak menyatakan kesetiaannya untuk terus menyebarkan sinar untuk memudahkan perjalanan itu, mereka terus berkayuh dengan dua batang pengayuh yang diperbuat daripada kayu medang yang diperhalus begitu rapi.

"Bulan sudah jatuh."

Si adik tidak menoleh ketika mengeluarkan kata-kata itu. Dan, si abang seolah-olah melihat ke dalam rongga hati si adik suatu lembaga kengerian berdiri di dalamnya. Si abang berfikir sebentar. Aliran air sungai yang kencang dengan begitu banyak batu dari jeram-jeram yang menyemburkan suara maut tentu sahaja menyebabkan si adik berasa takut dan ngeri. Dan si abang perlu menguatkan semangat si adik yang dilihatnya dengan mata batin sudah menurun.

"Kita baru mulai dengan bulan malam yang separuh telah jatuh. Sudah separuh malam dalam cahaya kita jalani. Separuh malam yang gelap yang harus kita jalani lagi ini tidak apa-apa. Kita sudah semakin dekat."

Si abang tidak mendengar jawapan si adik. Yang didengarnya hanya jatuhnya pengayuh yang semakin jarang ke air dengan memeriakkan air yang memijar dengan buih halus yang terus berlalu dengan cepat ke belakang. Si abang segera teringat kepada kisah Daedalus dalam metologi Yunani. Si abang merasakan bahawa si adik itu adalah Theseus yang agak ragu-ragu dan tidak menentu fikirannya apabila dijadikan *scapegoat* dalam suatu *Labyrinth*. Si abang merasakan dirinya Daedalus yang telah men-

ciptakan *labyrinth* itu. Dan, mereka sekarang sedang berada di dalam *labyrinth* dan segera akan mati apabila salah menemui jalan keluar. Mereka mungkin akan dimakan oleh *Minotaur* yang ganas dan selalu laparkan darah manusia. Si abang cuba menjadikan si adik seorang Theseus yang cerdik dan dapat membunuh *Minotaur* yang mengerikan itu. Dan si abang sebagai Daedalus akan melepaskan diri dengan suatu cara lain di dalam *labyrinth* yang diciptanya itu. Seperti Daedalus si abang akan berfikir dengan seluruh kekuatan inteleknya jalan keluar dari *labyrinth* yang dahsyat itu.

Dan, si abang melihat perjalanan sepanjang sungai yang kencang arusnya, penuh dengan batu jeram yang terpacak di sana sini, penuh olak-olak cegar di sana sini, juga merupakan sebuah *labyrinth* yang penuh liku tipu helahnya. Kesilapan dia mengemukakan perahunya, terutama ketika gelap malam setelah bulan separuh yang malas itu menghilang yang dirasanya lebih cepat, tentu sahaja akan menenggelamkan perahunya. Tentu sahaja akan memecahkan kayu perahunya ke tebing-tebing batu jeram dan cegar yang tegak utuh dan meminta mangsa itu. Sebagai seorang Daedalus, si abang akan memerahkan seluruh tenaga fikirnya untuk menyelamatkan seluruh perjalanan mereka. Dan, si adik mestilah dengan penuh keberanian dan tipu helah akan membunuh *Minotaur* yang terdiri dan barbaris di sepanjang sungai itu.

"Kita telah lalui separuh malam dengan jaya."

Si abang tidak mendengar juga suara si adik yang sudah semakin nyata dalam cahaya subuh yang semakin terang.

"Kau mesti menjadi seorang Theseus."

Si adik berpaling dengan pantas. Pengayuh di tangan si adik tergantung di udara malam yang semakin cerah antara birai perahu dengan paras muka air yang beralun-alun kecil dan menjalurkan satu garisan abstrak di permukaannya, lalu menghilang dengan cepat. Si adik cuba menenggelamkan matanya ke dalam wajah si abang yang masih samar-samar oleh kegelapan waktu subuh dalam tiupan angin barat yang mendesirkan daun-daun pokok aur yang berjajaran sepanjang sungai. Si adik seolah-olah teringat akan keadaan dirinya apabila mendengar ucapan si abang yang tidak disangka-sangkanya.

"Theseus?"

Si adik bersuara dan lantas menjatuhkan pengayuhnya ke air dengan tetap.

"Ya, Theseus yang berjaya membunuh *Minotaur* dalam satu *labyrinth* di Crete. Kita sedang melalui *labyrinth* itu."

"Dan, tentu saja kau seorang Daedalus."

Si abang tersenyum senang dalam ketiadaan mata si adik yang menajam di dalam wajahnya. Dia berasa bahawa seluruh keintelektualannya mesti dicurahkan sepanjang perjalanan malam yang tinggal sedikit sahaja lagi. Si abang berasa lebih bertanggungjawab untuk melepaskan diri daripada *labyrinth*, liku tipu helah yang berada di mana-mana sepanjang tebing sungai yang penuh dengan jeram ngeri yang sudah dijalaninya dua per tiga malam. Dan, sekarang mereka sedang menjalani sepertiga malam lagi untuk membebaskan dirinya daripada *labyrinth* ini.

Si adik seakan-akan terlupa dengan nama yang disebutkan oleh si abang. Akan tetapi, si adik segera

mengingati bahawa si abang seorang siswa yang tajam dan *genius* sewaktu mereka berada di dalam bilik kuliah universiti kehidupan dahulu. Si adik menyedari bahawa si abang telah mencapai peringkat Ph.D. dalam kajian ilmu kehidupan sejagat dan mengemukakannya dalam suatu disertasi yang mengagumkan. Dan, si adik mengakui kebolehan si abang dalam soal ini. Walau si adik telah mencapai Sarjana dalam kajian kemanusiaan dari segi fitrah yang dikemukakan dalam suatu tesis yang lengkap, akan tetapi si adik masih banyak belajar daripada pengetahuan si abang yang *genius*.

"Kita akan sampai ke muara sungai ini dalam tempoh tidak berapa lama lagi. Kemudian kita akan menempuh laut atau lautan. *Labyrinth* laut atau lautan itu lebih hebat dan *Minotaurnya* lebih ramai. Kau perlu menjadi Theseus yang lengkap."

"Dan tentu saja kau akan menjadi Daedalus yang lebih unggul untuk menyelamatkan diri. Mungkin ada anakmu Icarus yang terbang terlalu tinggi sehingga sayapnya satu demi satu gugur kerana kehangan oleh panasnya cahaya matahari."

"Aku tidak akan membuat silap lagi. Aku akan mencipta sayap untuk terbang sekadar dapat melepaskan diri daripada *labyrinth* saja. Icarus telah membuat suatu kesilapan apabila dia boleh terbang tinggi lalu melupakan kewujudan intelek bapanya Daedalus yang menciptakan sayap untuknya. Icarus tidak intelek sebenarnya. Icarus hanya menerima kebijaksanaan ayahnya. Dan Icarus sebenarnya intelek yang *artificial*."

Si adik termenung panjang. Dia memikirkan bahawa kata-kata si abang tentang laut dan lautan yang lebih hebat dan lebih banyak *Minotaurnya* itu

membangunkan suatu lembaga ketakutan dan ke-  
ngerian yang tidak dapat digambarkannya. Si adik  
masih ingat bagaimana sukarnya dia menujah batu-  
batu jeram dengan tendangan arus seperti ribut se-  
hingga dia berkeringat busuk dan berdarah tangannya.  
Haluan perahunya selalu sahaja membelok  
walaupun dia selalu berjaga-jaga. Si adik tahu bahwa  
si abang yang *genius* mengemudikan perahu itu  
sebaik mungkin. Akan tetapi, arus jeram yang me-  
najam seperti jarum telah membelokkan jalan perahu  
mereka. Bagaimana kalau mereka sudah tiba di laut  
seperti yang dikisahkan oleh si abang? Bagaimana  
si adik akan mengawal haluan dalam arus laut dan  
lautan yang belum dapat digambarkannya itu?  
Bagaimana?

"Tapi kau bukan Icarus yang takbur. Bukan.  
Kau mesti seorang adik yang tahu akan sifatmu  
yang sebenarnya. Kita akan tiba di muara sungai  
itu sebelum berperahu di laut. Kita akan menjalani  
ujian paling tinggi nilainya di muara apabila kita  
melihat ombak dengan suaranya yang merdu, ber-  
desir-desir merebahkan kerinduannya ke pantai  
yang putih pasirnya seperti kapas, murni, halus, dan  
memanjang."

Si adik cuba menangkap suara ombak yang kian  
jelas ke telinganya. Dia tahu walaupun si abang  
belum tiba di laut dan belum melihatnya, akan tetapi  
si abang telah menyiapkan disertasinya tentang laut  
dengan segala suara dan liku tipu helahnya. Kerana  
kesedaran si abanglah maka mereka dengan azam  
penuh menjalani sepanjang sungai sepanjang malam  
untuk ke muara dan lalu ke laut dan lautan. Si adik  
berasa puas dengan pengalaman intelek si abang.  
Dia mengharap akan melihat laut dalam jangka masa

tidak berapa lama lagi. Kalau mungkin, demikian fikir si adik, biarlah sebelum keluar cahaya matahari pagi yang menyilaukan mata.

“Muara sungai yang ganas menyempadankan pengakhiran sungai dengan permulaan muka laut. Kau akan menyaksikan muka laut yang membiru kehijauan, jernih suci, luas tanpa tebing, tanpa jeram tanpa cegar, tetapi gelombangnya tidak pernah berhenti, tidak pernah melupakan untuk menangkap mangsanya dan berdiri setinggi gunung. Hebat, menggerunkan, akan tetapi cinta kita akan jatuh padanya.”

Si abang tidak melihat reaksi si adik dengan kata-katanya itu. Akan tetapi, dia tahu si adik sedang menelan kata-katanya itu dengan penuh fikir. Si abang tahu sifat si adik yang tidak pernah membantah, akan tetapi si adik orang yang kritis. Si abang berasa bertuah mendapat kawan dalam perjalanan yang panjang dan bertebing-tebing tanpa tepi ini.

“Dengarkan. Suara ombak kian jelas. Dengarkan kemerduannya yang menakjubkan. Dengarkan.”

Si adik menggantungkan pengayuhnya antara birai perahu dengan permukaan air. Cuba menangkap sedaya mungkin akan suara ombak yang sudah mengaum di dalam telinganya. Si adik seperti tidak sabar untuk melihat ombak, melihat alun, dan melihat keluasannya yang saujana. Si adik berasa tidak sabar untuk mencintai lautan yang biru kehijauan dan jernih suci.

“Aku tidak akan menjadi Icarus, wahai abangku, kalau aku sudah tiba di laut. Aku akan berpada-pada dan melihat diriku sendiri apa yang patut. Kalau aku seperti Icarus mendapat sayap yang dapat

melepaskan diriku daripada kedurjanaaan *labyrinth* lautan itu, aku tidak akan terbang tinggi melebihi kesanggupan yang dinasihatkan oleh Daedalus sehingga aku terbakar oleh kepanasan matahari, wahai abangku. Aku tidak demikian."

Si abang tersenyum sendirian. Dia sedang berfikir akan ikrar si adik. Si abang dapat menangkap ikrar itu dengan perasaan yang samar-samar, berbalam-balam dan tidak menentu. Si abang telah melihat dalam kajiannya, orang-orang seperti si adik selalu lupa apabila mereka berada di lautan. Sebab lautan itu luas dan semua orang dapat mencintainya tanpa batas, dan boleh berenang sejauh mungkin, kemudian tidak sempat mencapai daratan, lalu mereka tenggelam dan hilang lenyap tanpa meninggalkan kesan. Si abang menyadari ini.

Suara ombak kian jelas. Kegelapan malam kian bertukar kepada cahaya merah yang bertebaran di langit. Tumpukan awan putih telah melukiskan gunung, kuda, garisan pokok, orang-orangan dan ribuan keindahan lain yang saling berbaaur tidak menentu. Si adik melihat langit dan melihat lukisan abstrak yang terjadi secara tiba-tiba itu. Si adik terlalu riang dan hampir-hampir terlonjak dan menjatuhkan pengayuhnya ke atas petak perahu.

"Itukah cahaya laut yang indah dan harmoni yang selalu kauucapkan?"

"Bukan. Itu pancaran matahari yang tersembul perlahan-lahan di permukaan laut. Lautan tidak begini. Akan tetapi, keindahannya menjatuhkan cinta kita dengan parahnya. Tunggulah, kita akan sampai padanya. Kita akan melihat cahaya yang lebih indah yang terpancar meruap-ruap di permukaan laut dan bertebaran dengan banyaknya

sebaik-baik saja matahari perlahan menyambut di sebalik sana lautan. Tidak dapat aku gambarkan."

Si adik menjadi semakin tidak sabar. Si abang memandang si adik dengan bimbang. Si adik asyik melihat lukisan-lukisan abstrak yang terbangun di langit. Suara ombak kian jelas dan semakin mendalam, semakin menderas dalam gendang-gendang telinganya. Si adik tersenyum-senyum, berpusing ke sana ke mari tanpa menghiraukan haluan perahu. Si abang mengemudikannya dengan sabar.

"Kita sudah dekat dengan muara. Kau jangan melupakan tugasmu. Jangan ulangi kesalahan Icarus yang dilarang oleh ayahnya supaya jangan terbang terlalu tinggi walaupun beroleh sayap. Kau akan terbenam dalam suara ombak nanti."

Si adik menyadari dirinya. Dia lalu memegang semula pengayuhnya dan lantas menjunamkannya dalam-dalam ke dasar air. Perahu bergerak lebih tetap dan lebih laju. Si adik teringatkan sesuatu yang entah apa. Dia sudah mulai melupakan kepahitan sepanjang malam waktu menempuh perjalanan sepanjang sungai dengan jeram dan tebing batu yang menakutkan. Dia cuba menangkap suara ombak sebanyak mungkin. Si abang dengan tekun tanpa kata-kata mengemudikan perahunya dengan sabar. Si abang melihat kegembiraan si adik yang sudah ketara. Dan, si abang dapat merasakan kejayaan mereka yang sesungguhnya untuk mencapai muara sungai dan terus ke laut.

"Lihat di depanmu. Lihatlah ombak yang bergulung-gulung dan saling hambat-menghambat itu. Lidahnya yang putih dan lunak dengan suaranya yang merdu sedang menunggu kedatangan kita. Bersedialah!"

Si adik berasa gentar. Dia melihat permukaan laut yang bersambung dengan penghabisan sungai yang dijalaninya sepanjang malam itu. Suara ombak sudah jelas keluar dari gelombang yang kejar-mengejar di muka muara itu. Si adik terpegun dan berasa sangat ngeri. Si adik menoleh ke belakang seolah-olah tidak percaya bahawa si abang akan meneruskan perjalanannya. Akan tetapi, si adik dapat melihat wajah si abang yang tenang dan waspada, tetap dan tidak berubah seruas jari pun. Kemudian, dengan keberanian luar biasa, si abang mengayuhkan perahu mereka dengan tenaga yang dilipat-gandakan. Si adik tidak berkata-kata lagi. Dia sedang berkayuh dengan cepat melawan gelombang yang telah menyimbahkan air masin ke mukanya. Si adik menjilat air yang tersimbah ke mukanya itu. Si adik hampir-hampir melaung kerana dirasakannya begitu asing daripada lazimnya. Mula-mulanya si adik cuba hendak menyatakan sesuatu kepada si abang, akan tetapi oleh sebab dalam kesukaran yang hebat oleh gelombang yang selalu menolak perahunya ke tepi, si adik tidak jadi berbuat begitu.

Dalam terpegun oleh gelombang dan ombak yang timpa-menimpa dan kejar-mengejar, si adik terus berkayuh dengan penuh tekun. Si abang terus membetulkan haluan perahu yang dikemudikannya itu. Si abang menyedari bahawa kesilapan mengemudi perahu itu akan mengorbankan mereka di muka muara ini sebelum mereka sampai di laut sebenarnya. Si abang sudah berkeringat dan sudah agak penat. Si adik juga sudah berasa penat dan merasakan tangannya sudah luka-luka. Nafas mereka sudah terengah-engah.

"Jangan berhenti!"

Si adik mendengar laungan si abang yang sayup-sayup oleh berbaur dengan suara gelombang yang kian besar dan banyak itu. Si adik mengerahkan semua tenaganya. Dia terus mengayuhkannya dengan penuh harapan akan lepas dari muka muara yang ganas itu. Si adik dapat merasakan kebenaran perkataan si abang tadi. Akan tetapi, si adik berasa sangat gembira bahawa dia sudah dapat melihat laut, melihat gelombang, melihat ombak dan mengetahui dari mana sebenarnya datang suara ombak itu. Si adik dengan kesungguhan yang bertambah-tambah menjadikannya tidak berasa penat lagi. Tenaganya menjadi kian kuat oleh semangat tiupan bayu laut yang tipis dalam ombak yang kejar-mengejar itu. Si abang tidak melihat si adik yang terpegun dan berasa sangat gembira. Dia berkayuh dengan tenaga yang lama yang telah pulih oleh pertukaran dari sungai ke laut.

Kemudian, setelah berhempas-pulas dengan penuh kesabaran dan harapan, perahu mereka terlepas dari muka muara. Laut pun kian tenang. Yang ada hanya ombak kecil yang mengayunkan perahu mereka dengan lembutnya seperti berada di atas buaian. Si adik menoleh ke belakang melihat si abang yang juga memancangkan matanya ke dalam muka si adik. Mereka saling tersenyum dengan rasa kemenangan yang tidak terperikan.

"Kita telah sampai di laut. Kaulihat, di mana-mana tidak ada tebing, tidak ada tepinya. Dan lihat di sana, pantainya yang memanjang sampai tamat riwayat kita kalau kita menyusurnya. Lihatlah!"

Si adik terpesona. Keringatnya mengalir dari pipinya terus ke dagunya. Mata si adik memancar-

mancar oleh kegembiraannya dapat mencapai laut. Dia berdiri dan menghirup tiupan angin laut yang pertama kali dialaminya. Si adik tiba-tiba berasa letih sedikit. Tenaganya yang kuat tadi kerana dilahirkan oleh semangat untuk mencapai laut dan melepaskan dari ditelan oleh *Minotaur*. Sekarang si adik dan si abang berasa telah lepas daripada bahaya muara yang menganga seperti mulut raksasa *Minotaur* itu. Si abang juga kelihatan seperti tidak berdaya. Mereka saling membiarkan perahu itu hanyut sejauh-jauhnya. Ombak laut dengan anginnya yang bertiup lembut membuatkan perasaan si abang dan si adik berasa nyaman. Mereka berasa seperti berada di atas buaian yang sekali tinggi sekali rendah dan bergerak perlahan-lahan semakin ke tengah. Si adik tidak berasa bimbang kerana tidak ada tebing batu yang akan membenturkan perahunya. Si abang membiarkan perahu itu hanyut ke mana-mana kerana muka muara sudah jauh ke daratan.

Si adik tertidur di haluan perahu. Dan, si abang kemudiannya berkayuh perlahan-lahan menuju tengah laut yang tidak pernah ada tengahnya. Si abang bertekad akan capai pertengahan laut sebelum matahari hari itu jatuh ke sebelah barat. Si adik terjaga oleh terjahan panas cahaya matahari yang sudah memancar betul-betul ke dalam matanya. Si adik kepanasan dan berasa dirinya disenggau api. Si adik melihat si abang sedang berkayuh perlahan-lahan menuju satu tempat yang entah di mana. Dan, si adik melihat keliling: Tidak pernah ada daratan dan pantai dan pasir putih tempat ombak melandai dan merebahkan dirinya. Si adik berasa riang kerana menjalani perjalanan yang jauh dan

tidak bertepi. Si adik melihat ke bawah perahunya: Air laut yang biru kehijauan, bersih suci, hening dan kelihatan ikan-ikan yang berteduh di bawah perahunya. Si adik berasa sangat gembira. Si adik membuang bajunya dan mula hendak terjun ke kejernihan yang mempesonakannya itu.

"Jangan! Kejernihan laut itu menipumu. Dasarnya sangat dalam, tidak terpijak olehmu. Jangan!"

Akan tetapi, si adik tidak mendengar jeritan si abang. Si adik berasa dirinya sudah tahu tentang laut dan melupakan larangan si abang. Si adik terus terjun dan menjunam turun ke dasar laut. Si abang cuba mencapainya dengan tangannya. Dan, perahu itu teroleng-oleng oleh ombak. Si abang tidak dapat mencapai si adik. Dia hanya melihat dalam kejernihan dan keheningan air laut itu tubuh si adik bersatu dengan laut dan menjunam ke dasarnya.

Dan, si abang tersedu di atas perahunya dan mengingatkan si adik mengulangi késalahan Icarus!

*Dewan Sastera, Julai 1980*

SEORANG TUA, SEBUAH MASJID  
LAMA, SEBUAH KOTA



**S**EBENTAR lagi waktu subuh akan tiba.

Sendi lututnya masih lagi seperti dipukul-pukul. Sakitnya meradak ke paha. Menangkap juga sendi kakinya. Dengan jari-jari tangannya yang juga sudah agak lemah, dia memicit-micit lututnya. Menguli-uli ketul bulat kepala lututnya. Ketul bulat itu bergolek-golek ke kiri ke kanan dengan meninggalkan kesan sengalnya menyeluruh ke betis dan ke paha. Dia memejamkan matanya. Mengerutkan keningnya. Tidak! Dia membentak kepada hatinya sendiri. Dia akan bangkit sebentar lagi seperti seorang muda belasan tahun. Penuh tenaga. Penuh kekuatan. Penuh nafsu. Ya!

Dia membetulkan lunjurnya. Dua kakinya diluruskan ke depan sejauh-jauhnya. Kemudian, dengan kesabaran seperti pokok dia cuba membengkokkannya. Ya Tuhan! Dia hampir menjerit. Lututnya mendudukkan betisnya kembali. Sengal yang ditimbulkan oleh kebengkokan tadi telah menghentikan usahanya hendak bangun. Ya Tuhan! Dia berdiri dalam dadanya. Dari jauh dia dapat menangkap bunyi suara. Tentu! Fikirnya. Orang-orang itu sedang meramaikan masjid agung yang perkasa itu. Mereka akan berjemaah subuh. Mereka berdiri di belakang Imam Jalal dan mengaminkan surah *al-Fatihah* dan doa Qunut. Seperti selalunya juga, demikian fikirannya menderas, suara Imam Jalal akan beralun lembut, terenang-renang, terapung-apung dalam keheningan dinihari yang kering. Dan, seperti lazimnya juga, dia akan memimpin anak-anak muda untuk kembali mengenal kewujudan Allah dengan segala Quدرات Iradat-Nya melalui pembacaan kitab suci al-Quran.

Sebentar lagi subuh akan tiba.

Keringat kerinduannya terhadap masjid tua yang agung mula berbaris di atas lehernya. Kesungguhannya memicit kepala lututnya yang sengal-sengal dan menekan seluruh keupayaannya untuk bangkit itu, mengembalikan dia kepada dirinya. Dia melihat kebangkitannya yang tidak seimbang dengan tenaganya yang kian merosot. Nur imannya kian bertambah tiap saat seperti kehilangan dirinya tiap saat juga. Kesedaran terhadap dirinya yang mengecil tiap detik kian menanjak bersama-sama dengan menanjaknya kehilangan tenaga tiap detik juga. Tidak! Dia cuba bergantung pada azamnya yang kuat seperti besi. Dia membengkokkan lagi kakinya yang ter-

lunjur. Sengal telah naik ke paha dan lalu menyengat seluruh badannya. Ya Tuhan! Kehadirannya tentu-lah diperlukan oleh banyak orang. Suaranya yang nyaring dengan patah-patah lagu yang beraneka seperti telah mewarnai kebanyakan kopeng para jemaah di sekitar Acin Street ini. Mereka sekalian-nya telah tahu malah kalau dia batuk di dalam gua gelap sekalipun. Mereka telah menyebatkan dirinya itu dengan Masjid Acin Street ini sejak puluhan tahun yang lalu.

Tanyalah siapa, namanya akan segera disebut. Budak-budak muda yang ceredung sudah kenal siapa dia sebenarnya di Masjid Acin Street ini. Orang-orang tua yang sebaya dengannya jangan ditanya lagi. Malah, para musafir di seluruh tanah air akan kenal namanya. Apalagi yang datang dari Kelantan. Mereka itu akan bermalaman di sini sambil mendengar dia membaca kitab *Musalli* atau kitab *Hikam*. Atau, paling tidak mendengar dia membaca sirah Nabi Muhammad s.a.w. melalui kitab *al-Berzanjinya* yang terkenal itu. Sesiapa sahaja yang muncul di tangga masjid ini kali kedua akan terus bertanyakan namanya.

“Pak Zaid ke mana?”

“Masih sihatkah lagi Pak Zaid?”

“Masih menjadi bilalkah lagi Pak Zaid?”

“Masih macam dulukah suaranya ketika azan?”

Kata-kata ini selalu terhambur dari dua bibir sesiapa sahaja yang pernah mengenalinya. Mereka akan merangkaikan Masjid Acin Street ini dengan namanya. Masjid itu adalah dia dan dia sendiri adalah masjid itu.

Sebentar lagi waktu subuh akan tiba.

Dia telah mendengar keriuhan air yang terpan-

car dari kepala paip dan jatuh dengan derasnya ke atas simen. Dia telah mendengar keriuhan suara manusia yang terkumpul di sepanjang kepala paip kerana berwuduk. Jauh-jauh di sebelah timur terdengar pluit kapal yang mengganggu ketenangan dinihari sepanjang Acin Street. Kapal-kapal kargo dan kapal-kapal lainnya seperti biasa, demikian fikirannya melintasi batas ingatannya, yang berlabuh sepanjang laut selat Pulau Mutiara ini, akan pergi. Dan, akan datang lagi. Kemudian, pergi lagi. Datang lagi. Pergi. Datang. Pergi. Datang. Pergi.

Ya Tuhan!

Akan pergikah dia seperti kapal yang meninggalkan pelabuhannya? Adakah masjid ini akan menjadi Pangkalan Tun Uda baginya waktu akan meninggalkan kerinduannya yang tertinggi? Adakah rumahnya sekarang menjadi pangkalannya yang terakhir? Bukan masjid? Betapakah dia akan melepaskan tugasnya yang belum berakhir ini dengan keupayaannya yang kian sedikit setiap kali matahari terbit dan terbenam. Terbit dan terbenam? Terbit? Terbenam? Terbit? Terbenam?

Dadanya tiba-tiba dialuni debaran yang memanjang. Kecintaannya terhadap dengungan yang berombak-ombak dalam kebisingan pluit kapal dan deruman enjin kereta dan lori yang mulai bernafas setelah rehat setengah malam, telah memanjat dadanya. Imam Jalal sendiri yang mengalun suara itu. Alangkah jauhnya suara itu. Sayup-sayup dalam kebisingan dinihari Acin Street, suara Imam Jalal mencelah-celahi makhluk bisung yang tidak kelihatan. Dia berusaha untuk bangkit. Biarlah lututnya patah kerana sengal. Biarlah. Biarlah betisnya akan patah kerana lututnya yang sengal telah tidak mem-

benarkan dia membengkokkan kakinya. Biarkan. Dia akan tetap berdiri. Dia akan terus berlari. Dia akan terus menyucikan dirinya di masjid. Akan berwuduk. Dan, sebelum Imam Jalal bangkit berdiri, setelah menamatkan bacaan al-Quran, dia akan terus mengalunkan suaranya. Dia akan azan. Dia akan menyeru umat manusia seluruhnya di Acin Street dan malah seluruh Pulau Mutiara ini, supaya mengabdikan diri kepada Allah. Biar mereka tahu akan dirinya itu adalah hak Allah. Dia akan mengalunkan suaranya selantang mungkin untuk memadamkan semua kebisingan yang mulai menggila. Biarlah dia mati kerana keinginannya yang tinggi untuk berjemaah Subuh yang tidak pernah ditinggalkannya berpuluh-puluh tahun yang lalu.

Dia menggagahkan dirinya untuk bangun. Semua sendinya mengacip dan sengalnya menyeluruh ke seluruh badannya. Ya Tuhan! Alangkah menyakitkan. Alangkah besarnya payahnya untuk membawa diri walaupun sejengkal apabila tenaga sudah masuk ke dalam laluan masa yang panjang. Alangkah menyakitkan. Alangkah!

Dengan keupayaan yang tidak pernah padam, dia mengumpulkan semua kekuatan. Dia melihat pada diri dalam hatinya yang selalu teguh seperti Kaabah. Biarpun dia sudah melampaui usia enam puluh tujuh tahun, azamnya untuk hidup dan berbakti kepada Tuhan tetap teguh seperti gunung batu. Tuhan selalu berdiri dalam dadanya. Tidak pernah terlintas sekaki semut pun dia akan mengundurkan dirinya dari rumah Allah yang mulia ini. Selintas bayangan cepat seperti kilat melanda ingatannya, dia melihat bom-bom yang berterbangan pada zaman Jepun. Serpihan besi yang menggila itu meranapkan

kebanyakan bangunan dan memisahkan kehidupan kebanyakan manusia yang dilandanya. Namun, Masjid Acin Street ini tidak terjejas dan masih berdiri teguh seperti selalunya juga. Ramai manusia, tidak kira agama berlindung di sini. Dan, mereka selamat. Dan, dinihari yang huru-hara itu dia mendengungkan azannya dengan penuh khusyuk dan menyedari akan kekecilan dirinya di depan hadrat Allah. Setelah Jepun menamatkan serangannya dan menguasai seluruh Tanah Melayu, dia tahu Masjid Maqbul di Sungai Pinang juga terselamat tanpa satu cacat pun.

Dalam usianya yang sudah dua puluh enam tahun waktu pendudukan Jepun, dia adalah orang muda yang taat. Tidak ada wajah masam dalam mukanya. Tidak ada wajah keruh dalam ingatannya terhadap jiran-jiran. Dan, sejak dia bertapak di bumi Pulau Mutiara ini, dan dia adalah keturunan pertama sejak perpindahan bapanya dari tanah seberang, seingatnya inilah ibu pertiwinya. Sekitar Acin Street ini tidak ada penduduknya. Tanah-tanah masih kosong dan didiami oleh kumpulan-kumpulan orang Melayu terutama keturunan Aceh. Mereka menjadi nelayan dan menjalankan perniagaan. Dan, kumpulan inilah yang memenuhi ruangan masjid ini setiap waktu. Dan suaranya yang mengalunkan azan setiap waktu. Beberapa orang kawannya yang selalu bersama-samanya menjadi imam dan bilal telah dijemput Tuhan ke hadrat-Nya satu-satu. Dan, Imam Jalal sekarang adalah keturunan keempat sejak datuk neneknya bermastautin di sini. Imam Jalal (sebenarnya Jalaluddin) menggantikan bapanya Imam Hamiduddin yang meninggal dunia hampir sepuluh tahun yang lalu. Anak-anak Imam Jalal

masih meneruskan perniagaan datuknya dengan membuka kedai kitab. Dan, kerana keperluan masa sekarang, ditambah pula dengan pelbagai buku lain termasuk buku-buku yang hanya patut diketahui oleh golongan suami isteri. Akan tetapi, itulah zaman ini. Itulah!

Dia masih melihat zaman dua puluh tahun selepas merdeka, kedudukannya dan orang Melayu sekelilingnya sudah jauh berubah. Acin Street telah dipenuhi gedung batu yang melangit. Dan, di sekitarnya pula dipenuhi oleh bangunan baharu yang penuh dengan alat perniagaan moden. Macam-macam bentuk mesin. Gedung-gedung buku juga terdiri dengan banyaknya. Pelbagai buku dari seluruh dunia. Anak-anak muda termasuk anak Imam Jalal juga melimpahi kedai-kedai buku di sekitar. Mereka memenuhkan rumah mereka dengan buku baharu yang diterima oleh pihak atasan. Dan, seperti suatu cekikan halus dan sopan untuk suatu kematian yang pasti lambat-launnya, kedai-kedai kitab di sekitar Masjid Acin Street ini seperti bulan kesiang. Atau, seperti suatu bunyi yang kian menghilang. Keturunan kedua dan ketiga atau keempat ini hanya meletakkan kitab-kitab yang penuh debu di samping pelbagai buku atasan yang menjamin kerja mereka. Anak-anak muda akan masuk dan membelek-belek buku-buku yang bergambar. Tidak ada lagi yang datang mencari "*manakah Musalli? Manakah Ihya Ulumuddin? Manakah Kifayatul Awwam? Manakah Hikam? Manakah Masail?*" Tidak lagi. Tidak lagi. Tidak lagi! Begitulah!

Dan, seperti suatu lintasan yang amat menakutkan, dia melihat ketiadaan para jemaah di masjid.

Amat menakutkan. Dia sangat ngeri melihatnya seperti dia ngeri melihat kehadirannya yang kian sedikit. Setiap kali Jumaat Masjid Acin Steet ini digilir-gilirkan dengan Masjid Keling. Sekali buat Jumaat di sini dan minggu depan di Masjid Keling di jalan sebelah lagi. Ke manakah sebenarnya orang-orang Melayu di sini? Mereka berpindah? Pindah ke mana? Dan, memanglah ada yang mati, fikirnya, tetapi yang mati tentulah ada gantinya. Yang gantinya itulah yang memenuhi kembali masjid ini sehingga tidak perlu digilir-gilirkan Jumaat pada setiap minggu. Atau, ini menandakan permulaan kepada suatu pengakhiran yang akan diterima sepenuhnya oleh masjid ini? Dia berasa sangat ngeri. Amat menakutkan. Alangkah baiknya kalau kegemilangan Masjid Acin Street ini kembali kepada tiga puluh tahun yang lampau. Alangkah baiknya kalau demikian. Alangkah!

Akan tetapi, mungkinkah akan kembali? Tidak! Dia membentak pada dirinya sendiri. Kehilangan sesuatu nilai di mata dunia lazimnya tidak akan kembali lagi. Melainkan digantikan dengan bentuk yang lain dan berlainan sekali. Bentuk baharu inilah diberi nilai baharu oleh orang baharu yang baharu pula corak pemikirannya. Begitulah!

Dia dapat merasakan kekecilan para jemaah setiap hari di masjid ini. Bilangannya yang menghuni sekitar Acin Street ini juga berkurangan setiap hari. Mereka akan meninggalkannya tanpa pamitan dan tidak menunjukkan tanda-tanda akan kembali lagi. Mereka sudah memenuhi jawatan-jawatan besar yang ternama di kota-kota yang jauh lebih sibuk dan lebih terkenal. Dan, yang tetap memenuhi masjid ini dengan segala ketekunannya yang tulen hanyalah

segolongan kecil orang yang seperti dia. Mereka tidak ada pendidikan untuk tinggal dalam di pejabat berhawa dingin. Mereka tidak mendapat peluang untuk mendiami kota besar yang lebih mencabar kerana sekolah mereka. Dan, orang seperti inilah sahaja yang bernafas dan mendenyutkan nadinya dengan penuh patuh dan menikmati azannya pada setiap waktu. Dan, kekecilan ini menampakkan kepadanya sesuatu yang menakutkan. Yang mengerikan. Yang memilukan. Yang. Yang!

Inilah!

Ya Tuhan! Suara azan sudah beralun dengan suara Imam Jalal yang merdu dan memberangsangkan. Dia hampir menangis mendengar suara azan yang nyaring yang bertelau-telau dalam kebisingan Acin Street oleh perbauran suara lori, motosikal, loceng basikal, dan peluit kapal yang tidak berjauhan. Suara azan Subuh itu seolah-olah melawan dan menentang dengan hebatnya akan suara-suara yang tidak menentu itu untuk memenanginya secara mutlak. Dan, dalam setiap kali suara azan itu terhenti oleh patah-patah ayatnya setiap kali itu pula suara kebisingan mendekat dan menikam telinganya. Dia menjawab setiap ayat dan seruan azan yang bertelau-telau, nyaring, dan mengatasi suara-suara perbauran yang tidak menentu itu. Di manakah lagi dia akan menentukan ketaatannya kalau tidak di masjid ini? Dan, baginya inilah satu-satu harta yang dimilikinya selama berpuluh-puluh tahun sehingga akhirnya dia memadamkan hayatnya di dunia ini. Dia tidak mempunyai anak lagi setelah Lazim, satu-satunya anak lelakinya yang meninggal dunia dalam usianya dua puluh sembilan tahun. Dan, Lazim pula tidak meninggalkan zuriatnya walaupun

sudah kahwin dua tahun. Dan Maniseh, janda Lazim itu, kahwin lagi. Mereka dikurniakan dua orang anak yang cantik dan cerdas. Lazimkah yang salah?

Assalatu khairumminannaum!

Assalatu khairumminannaum!

Ya Tuhan! Dia menggagahkannya seterdaya mungkin. Biarlah lututnya terbongkes. Biarkan. Dia cuba berdiri. Dan, sengalnya sudah menyeluruh ke seluruh anggota. Sakitnya yang menyengat dinihari ini amat luar biasa. Dia tidak merasakan begini pada dinihari-dinihari yang lepas walaupun sengalnya sudah bergantung pada sendi kedua-dua lututnya sejak seminggu yang lalu. Sebagai ikhtiar yang diilhamkan Tuhan kepadanya ini dia menghabiskan beberapa jenis tonik dan majun. Sengalnya agak berkurang beberapa hari yang lalu. Akan tetapi, dinihari ini sengalnya itu menokok dan dihimpit pula oleh kesakitan yang amat sangat. Tidak! Dia membentak dirinya. Dia menanamkan azam besinya yang tidak pernah lunak. Dia terus berdiri. Terus berdiri. Terus berjalan melangkah demi langkah. Keringat tipis berbaris di atas raut muka dan di lehernya. Dia terus melangkah seperti seorang Omar walaupun sudah ditikam ketika sembahyangnya. Ya Tuhan!

Dan, ketika dia menapak ke atas masjid, Imam Jalal sudah masuk pada rakaat kedua. Dia berada di belakang pada barisan yang kedua. Dan, inilah barisan terakhir dalam tiap-tiap kali berjemaah yang dianggap paling ramai. Dan, benarlah ini. Dinihari subuh ini malam Jumaat. Kalau tidak, hanya satu baris dengan tidak lebih sepuluh orang. Dia tidak melihat mata Imam Jalal dan mata orang lain juga ketika dia menambahkan rakaatnya yang

kedua dengan tambahan doa Qunut kali kedua. Dia memejamkan matanya dengan penuh khushyuk. Dia hampir-hampir rebah dan separuh melutut ketika hendak rukuk. Beberapa orang yang menyedari itu kerana melihat kehadirannya yang lewat daripada biasa bersedia untuk menolongnya. Tetapi dia membetulkan pendiriannya. Lalu Qunut. Dan, sujud dua kali. Melipatkan lututnya. Dia menahan kesakitannya yang menyeluruh pada anggota-anggotanya. Setelah memberi salam lalu dia bersalaman dengan dua orang di sebelah menyebelahnya. Dan, dengan penuh khushyuk dia ikut berzikir bersama-sama Imam Jalal. Dan, mengaminkan doa Imam Jalal yang panjang dan mendayu-dayu.

"Lambat sikit nampaknya, Pak Zaid," Imam Jalal menegurnya setelah tamat semua sembahyang dan acaranya. Tangan Imam Jalal masih menggenggam erat tangannya.

"Lewat sedar kerana tadi ada tadarus." Dia cuba berbohong. Dia tidak ingin menyatakan sengal-sengal lututnyalah yang menyebabkan dia hampir-hampir tidak dapat menjejakkan kakinya ke masjid ini. Dia tetap mengeraskan azamnya. Biarlah lututnya patah. Biarlah kakinya terpisah-pisah satu-satu. Biarkan. Dia tetap akan tiba di masjid ini. Dia akan mengalunkan suaranya dengan patah-patah azan yang suci dan kudus. Dia akan berjemaah di sini sehingga Tuhan menentukan hari terakhirnya dengan kepastian: Maut!

"Saya telah suruh budak Yusuf tu tengok Pak Zaid."

"Ah tak apa-apa."

Dia masih merasakan Imam Jalal masih mere-nung ke dalam mukanya. Akan tetapi, dia segera

sahaja berjalan-jalan sambil bersalaman dengan para jemaah. Beberapa orang yang sudah dewasa bersandar di tiang. Bercakap-cakap sesuatu yang entah apa.

“Tak apalah, malam esok saya boleh suruh budak tu sedarkan Pak Zaid.” Imam Jalal membisikkan ke telinganya ketika hendak turun dari tangga depan masjid itu.

“Tak apalah, ustaz.”

Akan tetapi, hatinya segera mengakui keadaannya memerlukan seorang lagi bersama-samanya. Sejak Lazim mati kira-kira dua puluh tahun yang lalu, dia tinggal keseorangan. Memang benarlah Maniseh menjemputnya tinggal bersama-sama di Balik Pulau. Akan tetapi, apa kena-mengenanya dengan Maniseh apabila Lazim sudah mati? Dan, adakah Maniseh akan selama-lamanya begitu walaupun telah bersuami? Tidak! Katanya memutuskan. Dan, sejak itu dia hanya seorang diri. Dan, rumahnya yang juga sudah tua yang diperbuatnya daripada kayu cengal dan merbau masih kukuh walaupun atapnya sudah rompong-rompong.

“Tengah hari karang singgahlah di rumah, Pak Zaid.”

Dia merenung Imam Jalal yang mula berjalan. Dia tahu pelawaan Imam Jalal yang baik hati itu. Pelawaan itu selalunya untuk makan tengah hari. Dan, seperti biasanya juga dia tidak akan mengham-pakan pelawaan seperti itu.

Dia masih di masjid itu ketika semua orang sudah turun. Seperti lumrahnya juga dia menyapu dan mencuci lantai masjid itu sehingga kira-kira pukul tujuh atau lapan pagi. Dan, selepas itu dia akan mampir ke warung kecil depan permukaan masuk

dari Acin Street ke masjid itu. Dan, seperti biasanya juga orang tua warung itu akan memberi makan dan minum pagi percuma. Sekadar empat lima puluh sen. Kemudian, dia pulang sebentar untuk datang lagi waktu Zuhur. Namun, sejak bulan-bulan yang akhir ini dia tidak dapat sepenuh masa berbuat begitu. Apabila dia pulang ke rumah dan mengambil rehat, dia tidak mempunyai daya yang kuat lagi untuk berulang-alik ke masjid. Yang nyata dia tidak pernah mungkir bila waktu subuh. Dialah yang mengalunkan azan Subuh walaupun dia tahu suaranya sudah tidak begitu nyaring lagi oleh ketiadaan tenaga yang dimamah usianya yang kian meningkat.

Dia hampir terperanjat ketika seorang anak muda yang berpakaian bersih mampir ke sisinya. Anak muda yang seperti dikenalnya itu menyalaminya dengan erat. Tersenyum.

"Pak Zaid masih sihat ya?"

Dia hairan sambil tangannya tidak dilepaskan oleh anak muda yang bersih dan periang nampaknya itu. Dia merenungi wajah muka anak muda itu dengan tajam. Menyepetkan matanya sedikit. Mempertajam ingatannya.

"Pak Zaid tentu tidak ingat saya."

"Ya. Tapi seperti pernah melihatnya."

"Tentu." Anak muda itu ketawa kecil dan melepaskan tangan yang dipegangnya dengan erat itu. "Kalau Pak Zaid selalu berkunjung ke rumah Haji Abbas tentu sekali ingat."

"Ya, ya." Dia seperti tertangkap sesuatu. "Anak Haji Abbaskah ini?"

"Ya. Anak Haji Abbas."

"Salehuddin?"

"Bukan. Itu abang saya. Sekarang berada di

Jepun menguruskan perniagaan besinya. Saya ni adiknya."

"Husni?"

"Husni? Ya Husni. Masih ingat lagi rupa-rupanya Pak Zaid pada saya."

Dia terlalu gembira. Dia mampir di sisi anak muda itu dan menepuk belakangnya beberapa kali.

"Kau sudah besar. Lawa pula. Pak jarang ke rumah itu sejak bapamu meninggal dunia."

"Yalah. Kebetulan pula rumah itu pun jarang ada orang. Sunyi saja."

"Ya. Bila kau nak pulang tinggal di sini?"

Anak muda itu tersenyum sahaja melihatnya dengan manis. Akan tetapi, tidak segera menjawabnya. Dan, ternyata kemudiannya jawapan itu tidak pernah dilahirkan oleh anak muda itu. Dia bertenggek di atas pangkin batu di luar masjid itu. Husni juga berada di situ. Dia memerhatikan bentuk masjid yang sudah lama itu dengan teliti seolah-olah dia tidak pernah melihatnya sebelum ini.

"Masjid ini terlalu lama," kata Husni.

"Ya. Sejak datuk kau masjid ini sudah terdiri di sini. Barangkali dua ratus tahun sekurang-kurangnya."

Husni melihatnya penuh perhatian. Mengerutkan keningnya sedikit.

"Ramaikah lagi orang berjemaah, Pak Zaid?"

Dia cuba menerangkan. Dia terangkan bahawa kebanyakan anak muda macam Husni tidak suka ke masjid. Akan tetapi, dia tidak kata orang macam Husni. Dia terangkan orang-orang tua sahaja yang datang sembahyang. Dia terangkan tentang ahli Jumaat yang kian berkurangan. Dan, terpaksa digilirkan dengan Masjid Keling di sebelah utara. Dia

terangkan bagaimana susahnya hendak mendapat ganti orang-orang tua yang meninggal dunia dengan anak-anak muda yang cerdas dan pintar. Dia cuba memerhati mata Husni yang tamak mendengarnya. Akan tetapi, ternyata anak muda ini memikirkan sesuatu.

"Masjid ini terlalu besar," tiba-tiba kata Husni. Memandang ke atas atap masjid yang penuh dengan lumut dan atapnya yang sudah pecah-pecah. "Kalau dikecilkan sedikit tentulah baik."

Dia seperti tidak percaya akan kata-kata Husni, anak Haji Abbas Rawa, keturunan pertama yang membina masjid dan lorong ini. Adakah benar itu kata-kata anak Haji Abbas Rawa?

"Ruang tanah yang digunakan untuk masjid ini terlalu luas." Anak muda itu meninjau kawasan yang masih berpagar batu keliling masjid itu.

"Kalau boleh kita nak perbesar lagi," katanya seperti cuba menentang pendapat Husni yang hendak mengecilkan masjid ini.

"Buat apa besar-besar sangat, Pak Zaid," kata Husni dengan selamba sahaja. Akan tetapi, ternyata fikirannya itu menyengat bawah sedar bilal tua itu. "Masjid Keling sudah ada, tak jauh dari sini. Lebih besar dan lebih baik. Buat apa masjid ini dikekalkan seperti ini?"

Dia seperti hendak memulas leher anak muda yang sangat berani itu. Kembalilah lihat wajah datuk nenekmu yang bersusah payah membina masjid ini ratusan tahun yang lampau. Lihatlah betapa banyaknya keringat keturunanmu yang berusaha membuat perkampungan ini di tengah-tengah kota Pulau Mutiara ini untuk menegakkan syiar Islam. Akan tetapi, semuanya terperosok masuk ke dalam

rongkongnya sendiri.

"Kawasan seluas ini amatlah merugikan orang-orang kita yang tinggal di tengah-tengah pusat bandar."

Ya Tuhan! Ampunilah dosa anak muda yang sedang mengutuk rumah-Mu ini, ya Tuhan! Dia beristighfar di dalam dadanya.

"Kalau kita robohkan masjid ini, Pak Zaid, amatlah besar untungnya."

"Ini harta wakaf. Masjid ini lambang agama kita."

"Yalah. Saya tahu. Asalnya pun tanah pakatan ayah saya. Itu berlaku puluhan atau ratusan tahun yang lalu. Mereka belum berdepan dengan kedudukan kota raya Pulau Pinang seperti sekarang. Waktu itu tak ada orang di sini. Dan, seluruh kota ini tak menjadi perhatian orang luar. Kedudukan sekarang berlainan sama sekali."

"Nak robohkan agama kita?" Dia agak radang sedikit.

"Bukan, Pak Zaid." Anak muda itu dengan suara yang tenang dan hati-hati. Senyumnya tajam dan menatap muka bilal itu penuh simpati. "Patutnya di sini ada musalla saja. Sebab Masjid Keling itu besar dan tidak jauh dari sini."

"Masjid ini nak jadikan musalla? Katalah apa saja asalkan ada orang berjemaah."

"Seperti kata Pak Zaid tadi, orang berjemaah tak ramai. Sembahyang Jumaat dibuat selang seminggu dengan Masjid Keling." Anak muda itu berhenti sebentar. Menanamkan matanya ke dalam muka bilal tua itu. Menyambung, "Kalau, misalnya, kita robohkan masjid ini, lalu kita bina sebuah kompleks membeli-belah yang bertingkat-tingkat, tentulah

lebih baik. Dalam bangunan kepunyaan kita yang bertingkat-tingkat itu disediakan sebuah musalla yang luas untuk menampung para jemaah waktu. Dan, Pak Zaid tak dipisahkan dari masjid ini juga."

"Tapak masjid haram untuk dibina bangunan-bangunan yang mungkin menjadi sarang maksiat."

"Bukan sarang maksiat yang saya maksudkan, Pak Zaid. Bukan." Anak muda memperlahankan suaranya. Dan, merenung muka Pak Zaid dengan tenang dan terus tersenyum. "Di tengah-tengah bandar seperti Acin Street ini boleh menjadi kebanggaan orang Melayu kalau dapat dibina sebuah bangunan yang besar, yang menjadi pusat perniagaan Bumi-putera. Kedudukan sekarang ini, Pak Zaid boleh lihat sendiri. Kedai-kedai buku di sekeliling masjid ini seperti hendak tak hendak saja. Sedangkan orang lain di sekitar kita telah mendirikan pusat perniagaan yang mungkin suatu hari menenggelamkan kita semua."

Akan tetapi, dia tidak melihat cadangan Husni. Dia hanya melihat kehancuran sebuah masjid agung yang berusia ratusan tahun. Masjid yang menjadi lambang datuk nenek yang pertama menjadi penghuni Acin Street. Mendirikan bangunan walau dalam bentuk apa niatnya, bererti memusnahkan sebuah lambang Tuhan yang teragung.

"Kawasan ini terlalu elok dibangunkan pusat perniagaan Bumiputera. Penjual-penjual kitab masih dapat meneruskan perniagaannya seperti yang mereka miliki sekarang. Tapi pada bahagian yang lain dapat disewakan kepada orang lain. Dan kita akan beroleh faedah dan keuntungan yang berlipat ganda. Kita masih dapat mempertahankan taraf tempat ibadat pada bangunan raksasa di samping

kita mengaut keuntungan untuk memperkuat kedudukan ekonomi Bumiputera. Bukankah gitu Pak Zaid?"

Dia tidak mengiakan. Tidak juga menidakkan. Akan tetapi, apa yang dibayangkan Husni itu bukanlah suatu perkara yang mustahil. Kedudukan masjid ini di tengah-tengah bandar yang sudah dikelilingi oleh bangunan-bangunan yang melangit, tentu sahaja akan berubah lambat-launnya. Inilah yang membimbangkannya selama ini. Ini pernah juga disungutkan oleh allahyarham bapa Imam Jalal sendiri. Dan, pernah pula dia mendengar khabar pada suatu masa ketika orang lain mengetuai kerajaan pulau ini, masjid ini akan dirobohkan. Juga rumah-rumah kedai sekitarnya. Akan didirikan rumah pangsa berbelas-belas atau puluhan tingkat untuk menampung keperluan penduduk yang memerlukan tempat tinggal. Akan tetapi, khabar itu sepi begitu sahaja.

Adakah sekarang khabar dulu itu akan berulang lagi? Akan menentukan saatnya yang terakhir? Atau adakah anak muda itu ilham zaman sekarang untuk memusnahkan usaha zaman dulu yang gilang-gemilang? Adakah pertemuannya dengan Husni itu untuk menentukan kedudukan masjid dengan gedung batu zaman sekarang?

"Kalau rancangan ini dapat dijalankan tentulah sangat baik, Pak Zaid. Kalau tidak sekarang, masa itu akan tiba dan kita akan menerimanya."

Anak muda itu menyalaminya dengan lama. Husni menyatakan kepadanya itu hanyalah lintasan dalam fikirannya. Dan, itu tentu sekali mesti mendapat fikiran bersama semua orang Melayu Acin Street yang terlibat dalam pembangunan masjid yang

agung dan tertua itu. Masa itu akan tiba. Ini sangat mengerikannya. Masa itu akan tiba. Kalimat yang selalu disebutkan oleh Husni melemahkan sendi anggotanya tiap detik. Masa itu akan tiba. Anak muda itu seolah-olah yakin akan keruntuhan masjid tua yang agung ini. Masa itu akan tiba. Kalimat ini seolah-olah suatu ramalan akan terdirinya satu bentuk bangunan gedung puluhan tingkat dan musalla di tengah-tengah kesibukan pusat perniagaan. Masa itu akan tiba. Alangkah mudahnya kata-kata Husni itu. Alangkah senangnya mengucapkan kata-kata itu. Alangkah!

Ketika anak muda itu pergi setelah menjemputnya minum kopi di warung kecil depan muka masuk ke masjid itu, dia masih dihanyuti fikiran Husni. Di manakah anak muda itu mendapat fikiran sejahat itu? Di manakah Husni belajar sehingga fikirannya boleh mengancam kedudukan masjid ratusan tahun ini? Mengapa seorang keturunan Haji Abbas Rawa yang mengasaskan kampung dan masjid ini dapat menidakan kewujudan masjid yang telah menjadi payung perteduhan zaman Jepun dan menjadi lambang di tengah-tengah kota raya ini? Dia tidak sedar bila anak muda itu pergi setelah minum kopi dan makan pagi bersama-samanya di warung itu. Sedar-sedar dia keseorangan dan tetamu lain telah memenuhi bangku panjang itu.

Sengal lutut mulai dirasainya kembali. Kesakitannya mulai menyengat ketika dia mulai melangkah semula ke pekarangan masjid. Daun-daun pokok banyak yang luruh dan bersepah-sepah. Bahagian bawah tangga itu sudah kelihatan lumutnya. Dia mesti mencuci ini sebelum meninggalkan masjid ini. Kesuciannya luar dalam mesti dijaga. Seperti dirinya

juga segala kotoran mestilah dihapuskan. Dan, seperti yang pernah difikirkannya, segala kekotoran itu akan merosakkan masjid. Akan mereputkan segala tiang masjid. Akan merosakkan keindahan. Dan, apabila semuanya dibiarkan, akhirnya masjid itu akan runtuh. Keruntuhan yang amat menakutkan. Dan, seperti dirinya juga keruntuhan itu akan memberi erti maut. Maut!

Dia tidak takut pada maut. Sebab maut itulah satu-satunya jalan kembali yang terpilih. Dalam usianya yang seperti sekarang, dan khidmatnya sebagai bilal yang tidak bergaji, maut adalah satu-satunya jalan meringankan hayatnya yang sedikit ini. Akan tetapi, kehilangan sebuah masjid bukanlah suatu keringanan kepada manusia. Bukan. Kehilangan sebuah masjid merupakan jalan luas kepada kemaksiatkan tanpa halangan. Ia merupakan keruntuhan kepada ketaatan dan keimanan manusia.

Ini amat mengerikannya. Mengerikan!

Akan tetapi, dalam adanya dia berazam akan mempertahankannya sampai mati. Sudah beberapa keturunan masjid ini dipertahankan. Dia akan mengerah semua orang Melayu di sini untuk mempertahankan masjid sejarah bagi pendudukan orang-orang Aceh di sini. Mesti! Akan tetapi, seperti kesakitan sendi lututnya yang tetap juga mengurangkan tenaganya tiap detik, dia tentu sahaja tidak terdaya menahan kemaraan kota raya yang kian hari menjadi kian ganas memamah dan menghancurkan iman para pemuda. Kota raya yang diisi peluit kapal yang kian bertambah, dengan projek jambatan ratusan juta ringgit, dengan pembesaran lapangan terbang dan kilang yang tumbuh macam

cendawan getah, tentu sahaja akan terus berkembang seperti wap. Dan, ia akan menghilangkan segala pertahanan orang-orang yang sepertinya. Sepertinya ini. Betapakah dia akan menunjukkan perlawanan ini kecuali dengan menggandakan tugasnya seperti ini tiap hari? Bagaimanakah lagi? Alangkah susahnyanya dia menghadapi kesukaran ini dengan pertambahan tenaganya yang kian susut tiap hari. Akan tetapi, dia tetap akan mempertahankannya. Tetap.

Husni, anak muda yang berfikiran derhaka. Fikirnya. Husni adalah anak-anak muda sekarang yang tumbuh dalam kebisingan pagi, tengah hari, petang, malam, dan dinihari kota raya. Dan, tenaga raksasa ghaib yang ajaib ini telah menelan kebanyakan Husni zaman sekarang. Dia akan mengatakan ini apabila berdepan dengan Imam Jalal nanti. Mesti.

Dan, ketika dia menapaki tangga rumah Imam Jalal dengan sengal lututnya yang tidak berkurang, Imam Jalal dengan tenang mendengarnya.

"Husni seorang perancang ekonomi Bumiputera wakil parti pemerintah."

Dia separuh melaung mendengar ucapan Imam Jalal. Adakah Imam Jalal juga sudah masuk hantu zaman sekarang? Imam Jalal tidakkah lagi mahu mempertahankan Masjid Acin Street yang bersejarah ini?

"Tapi masa itu tentu sangat lama lagi, Pak Zaid," Imam Jalal meneruskan setelah memutuskan ingatan lama yang ada tali-temali dengan keturunannya. "Kita tidak mensia-siakan apa yang telah ditinggalkan oleh datuk nenek kita. Tapi sesuatunya mestilah dengan penuh pertimbangan."

Dia tidak berapa mengerti dengan makna 'pertimbangan' itu. Adakah pertimbangan itu maknanya

masjid ini akan diruntuhkan juga? Adakah maknanya pertimbangan itu ialah mendirikan gedung puluhan tingkat dengan satu ruangan musalla yang kecil seperti ruangan sebuah bilik?

Ketika dia turun dari rumah Imam Jalal untuk mengalunkan azan Zuhur dalam kebisingan dan hiruk-pikuk Acin Street, dia tidak merasakan kesungguhan Imam Jalal. Tidak! Dia membentak dalam hati. Biarlah semua peluit kapal di pelabuhan, dering basikal di lorong, hon kereta yang memekak telinga dan suara laungan syaitan dari setiap penjuru dengan nama rekod dan gram dan radio, dia tetap akan mengalunkan azan setiap waktu yang tiba. Akan tetapi, jauh-jauh di dalam hatinya, dia melihat usianya yang lanjut. Bangunan masjid yang sudah tidak berwarna oleh sebab lama dimakan masa. Dan, kesibukan Acin Street yang kian meninggi. Dapatkah dia melihat masjid ini selama-lamanya?

Ya Tuhan!

*Dewan Sastera, Julai 1981*

## SANG RAJA



**M**AAFKAN aku. Maafkan.

Aku terpaksa berpisah daripada kalian. Per-tautan kita yang mendarah daging terpaksa dicarik-carikkan. Aku terpaksa meninggalkan status kerakyatan yang aku miliki dan aku senangi sepanjang hayat. Muziknya yang hakiki dengan belaian kemesraan kemiskinan dan kepapaan sepanjang tahun sudah sehati denganku. Sehingga oleh kemesraan itu hanya terasa bahawa kedukacitaan, kehampaan, kesayuan, dan keraguan adalah milikku yang mutlak.

Dengan tiba-tiba, ya, dengan tiba-tiba. Tiba-tiba!

Aku menjawat jawatan kerajaan. Jawatan *prestigious* dan kedaulatan. Jawatan yang amat berwibawa. Jawatan yang menentukan Sang Aku berkuasa secara mutlak ke atas Sang Kamu dan kalian.

Maafkan aku. Maafkan.

Dengan tidak tersangka sebesar kaki semut pun, dengan tiba-tiba, ya, tiba-tiba: Sang Keakuan dengan Sang Naluri melantik, bukan, sebenarnya menabalkan aku menjadi Raja.

Dengan tiba-tiba, aku menjadi Raja.

Selamat tinggal, kalian. Pandanglah Sang Daulat kamu di puncak kejayaan. Lihatlah Sang Wibawa kamu yang sayup-sayup di kemuncak keagungan.

Aku sedih meninggalkan kalian. Aku pilu membiarkan kalian dalam duka nestapa. Namun, kalian tetap kalian. Dan, aku tetap aku: Raja! Sang Daulat maha perkasa di seluruh denyut nadi dan degup jantung kalian. Seluruh kalian dan Sang Kamu tetap rakyat. Status kalian tetap rakyat. Tetap di takuk lama. Dan aku mendadak, menanjak secara *up start* menjawat status maha mulia.

Mimpi lama dengan tiupan angin bukit dan angin laut aku ucapkan selamat tinggal. Aku tidak ulangi mimpi status lama yang menjerat dan mencekik. Tidak akan aku ulangi. Alangkah menakutkan mimpi itu untukku sekarang dan untuk akan datang. Alangkah menggerunkan. Alangkah!

Maafkan aku, kalian.

Aku tidak akan bermimpi lagi tentang tanah lumpur. Aku tidak akan ulangi lagi muzik musim tengkujuh yang mengempiskan perut kaum nelayan. Tidak. Aku akan berada jauh di depan mereka. Aku berada jauh di kejauhan yang amat jauh. Aku sendu meninggalkannya. Aku sayu membiarkannya. Aku

nestapa mengabaikannya. Akan tetapi, kalian tahu. Kalian tentu sahaja mengerti. Sang Kamu bukan bebal. Status kalian tetap kalian yang miliki. Aku tidak. Status Sang Kamu tetap Sang Kamu miliki. Aku tidak.

Kita sudah mempunyai jarak. Kita sudah mula mempunyai ruang yang berbeza. Kalian di bawah. Sang Kamu di bawah. Aku tidak.

Jangan kalian mimpi aku akan kembali kepada status lama: Status kalian. Jangan. Setiap jejak menaik yang aku punyai belum ada dalam sejarah akan menjejak turun. Sang Naluri yang maha per-kasa tidak pernah menapak turun. Sang Keakuan yang maha kehendak tidak pernah menyatakan surat dalam nafsu manusia. Dan, aku di situ!

Antara aku dengan kalian ditentukan oleh jarak ruang dan masa yang luas dan panjang. Akan tetapi, kesebatian aku dengan kalian tidak pernah berjarak. Kalian menjadi ombak dan gelombang. Dan, aku belayar di atasnya. Kalian menjadi angin dan awan. Dan, aku terbang di dalamnya. Kalian menjadi tanah dan pokok-pokok. Dan, aku berpijak dan bersembunyi di dalamnya. Kalian menjadi batu dan logam. Dan, aku menggali dan menjualkannya. Kalian menjadi alam. Dan, aku mengawalnya. Sebab kalian itulah yang menentukan aku menerima jawatan dan daulat ini. Kalianlah.

Kalian berhimpun di sisiku. Kalian bertindih lutut: Bersusun-susun tetapi rapi di depan Sang Raja. Kalian sedang memenuhi ruang istana maha luas untuk menatap wajah aku Sang Raja. Setiap wajah kalian melukiskan kehairanan, takjub, dan kebingungan. Bukankah kalian sedang berdepan dengan Sang Daulat yang secara tiba-tiba menanjak

dan memuncak daripada kalangan kalian? Bukankah ini menakjubkan? Tidakkah ini menghairankan?

Mari! Kalian berkumpul di sini! Alangkah ramainya Sang Kamu. Alangkah penuh sesaknya kalian di istana dan di mana-mana ruang dan halaman istana ini. Alangkah!

Tataplah wajahku Sang Daulat yang wujud daripada kalangan kalian. Renungilah perbezaan kita. Perhatikanlah jarak martabat dan kemuliaan kita. Telitikanlah wajah muka aku Sang Raja yang boleh mengempiskan dan membuncitkan perut kalian. Tenunglah aku yang berwibawa: Sang Daulat yang penuh dengan segala kebesaran. Kalian! Lihat dan sembahlah aku!

Dan seperti kemuliaan dan keagungan Sang Daulat di mana-mana di dunia, aku senyum melihat kalian sedang berhimpun penuh sesak di balai peseban agung. Bunyi-bunyian tanda keberangkatanku sedang memenuhi ruangan balai peseban agung yang memang agung itu. Kalian dan Sang Kamu penuh sesak. Kalian sedang berbaris di dalam satu barisan; dan berikutnya barisan lagi; berikutnya barisan lagi. Beribu-ribu barisan. Semua datang dengan rela. Kalian bertumpu ke sini dengan bangga: Hanya untuk menatap wajahku yang muncul secara tiba-tiba daripada kalangan kalian. Kalian akan merayakan pesta penabalanku sebagai Sang Raja. Alangkah sebatinya kalian denganku. Alangkah mesranya kalian denganku. Betapakah kalian akan meninggalkan aku? Betapakah?

Dalam keadaan seperti sekarang, dalam kesebatian dan keamatan kalian denganku, pesta penabalan ini berlaku. Kalian ombak, akulah buih putih di atasnya. Kalian gunung dan bukit, akulah kemun-

caknya. Kalian lembing dan keris, akulah mata yang tajamnya. Kalian kehidupan, akulah nyawanya. Akulah jiwa dan semangatnya.

Lihat Permaisuri Iza. Kegadisannya yang suci asli telah mengikat kasih sayangku sebesar bumi. Senyum Iza seperti kaki rama-rama yang singgah dan menapak ke dalam jantung dan darahku. Dakapannya yang pertama adalah usapan muzik kehidupan yang segar dan paling hakiki. Iza satu-satunya daripada kalian dan Sang Kamu golongan wanita yang menanjak secara *up-start* menjadi permaisuriku. Kerlingan Iza adalah jilatan lidah kilat barat yang menajam dan amat pantas tetapi meruntuhkan gunung ketahanan manusia. Iza!

Aku dan Iza saling berpandangan. Kalian sedang sujud di depan Sang Raja dan permaisuri. Aku senyum. Permaisuri Iza senyum. Dan, kalian tidak melihat mukaku. Sang Kamu tidak melihat wajah Iza. Kalian sedang tunduk membuktikan kehinaan di bawah cerpu Sang Raja dan Permaisuri Iza yang cemerlang seperti matahari. Tidak apa. Kalian akan melihatku dan Permaisuri Iza di dalam foto-foto yang akan disebar ke seluruh negara. Kalian akan menatapnya di semua surat khabar dan majalah di seluruh dunia. Kalian akan melihatnya di televisyen. Kalian akan menatap dan membaca riwayat hidup dan kelebihan aku dan Iza dalam semua pujian dan keagungan. Semua gerak dan denyut nadiku akan ditulis dan dirakamkan dalam sebaran am. Jangan bimbang. Jangan terkilan. Kalau kalian tidak sempat hendak menatap wajah agung sekarang ini, biarkan. Kembali sahaja ke rumah, kalian akan menatapnya. Kalian akan menggantungkan fotoku dan Permaisuri Iza. Kalian akan menyanjungnya. Kalian akan

memujinya. Kalian akan mengetahui seluruh dunia telah menghantarkan wakilnya untuk merayakan pesta pertabalanku sebagai Sang Raja.

"Lihatlah," kataku kepada Permaisuri.

"Tuan," Iza cepat menyambutnya. Suaranya adalah ombak laut yang menghempas di bibir pantai. Suaranya adalah hembusan bayu pagi yang menyamankan.

"Lihatlah rakyat kita," aku menyambung. "Dan jangan lupa perhatikan wakil-wakil negara asing."

"Tuan."

Iza merenungku. Renungan Iza adalah sentuhan kecintaan yang boleh menyatukan bumi dengan langit. Ketajaman mata Iza adalah kehalusan muzik hayati yang menambahkan kecintaan untuk hidup sampai kiamat.

Aku memandangi sekeliling. Aku pastikan setiap sudut balai pesaban agung. Dari depan ke belakang. Dari kiri ke kanan. Dari utara ke selatan. Dari timur ke barat. Aku kenal pasti siapa-siapa yang hadir.

"Kau, kau, iakah engkau ini Hang Tuah?" Aku seperti ragu-ragu apabila melihat seorang lelaki bertubuh hitam manis agak tinggi dan bertanjak.

"Tuan," jawab orang itu mengiakan. Dan, benarlah dia itu Hang Tuah. Permaisuri Iza melihatnya.

"Kau tidak boleh merenung Hang Tuah lamalama," kataku memperingatkan Iza.

"Mengapa?"

"Hang Tuah mempunyai ilmu guna-guna. Kau ingat bagaimana dia guna-gunakan ilmunya untuk melarikan Tun Teja?"

"Rupa-rupanya tuan cemburu," bisik Iza dengan merdu. Suaranya melemahkan guna-guna Hang

Tuah. "Jangan bimbang, tuan. Guna-guna Hang Tuah zaman ini sudah ketinggalan zaman. Dia pun sudah tua. Aku tidak menggilainya. Percayalah."

Aku merenung Iza. Merenung Hang Tuah.

"Keperwiraanmu zaman purba menimbulkan kontroversi pada zaman sekarang," kataku kepada Hang Tuah.

"Tuan. Saya tahu."

Hang Tuah melutut di kakiku di bahagian bawah singgahsana. Dia diapit oleh empat orang sahabatnya.

"Dan kau, Hang Jebat," kataku dengan cepat tanpa ragu-ragu lagi bahawa dia itu Hang Jebat, "sikapmu menentang Hang Tuah dulu diterima zaman ini."

"Tuan. Saya tahu."

"Bagaimana sikap kamu berdua untuk muncul dalam zaman ini?"

"Tuan. Maafkan saya." Hang Tuah menyembah. "Sesuatu tindakan itu mengikut zaman. Maaf, tuan."

"Tapi kau terlalu fanatik dengan rajamu," aku mengulangi kata-kata Hang Jebat.

Jebat tersenyum.

"Benar, tuan." Tuah menjunjung duli. "Setiap rakyat mesti taat setia kepada raja dan negaranya. Di mana kaki kita berpijak di situlah langit dijunjung."

"Tapi kau amat fanatik." Aku cuba memancing.

"Tuan. Pada fikiran saya, tidak." Tuah menolak dengan lunak. "Saya berkhidmat untuk negara dan pemerintah. Itulah satu-satunya bakti yang dapat saya lakukan. Itu sesuai dengan tuntutan zaman kami."

"Tapi Jebat tidak mengikutnya." Aku memancing lagi.

"Tuan. Hadapkanlah pertanyaan itu kepadanya."  
 Tuah mengerling Jebat.

"Tuan." Jebat menyusun jari-jarinya yang putih dan kasar itu. "Saya sama dengan Tuah. Tapi kami berlainan prinsip pada akhirnya. Saya berhasrat untuk merintis zaman depan, walaupun tidak saya sedari."

"Dan kau penderhaka," kataku dengan kasar.

"Tuan. Memang saya dianggap derhaka pada mata kasarnya. Tapi saya tidak derhaka kepada prinsip keadilan, sebab saya menentang kezaliman terhadap Tuah yang banyak berjasa. Tapi Tuah dibunuh." Jebat berhenti.

"Tapi ternyata Tuah tidak dibunuh," aku menyampuk.

"Tuan," Jebat menjawab dengan cepat. "Tuah tidak dibunuh. Tuah sepatutnya telah dibunuh kerana itulah perintah kerajaan. Tuah hidup kerana berlakunya penyelewengan Bendahara Paduka Raja. Tuan, dalam hal ini Bendahara itu sebenarnya telah menderhaka. Dia telah mengabaikan perintah kerajaan."

Aku menoleh ke kiri. Bendahara sedang tunduk dengan masyghul. Kelihatan wajahnya yang keruh dan kesal.

"Bendahara Paduka Raja atau Seri Nara Diraja?" tanyaku kurang pasti.

"Kedua-duanya sama," sampuk Jebat. "Penulis buku tidak sekata. Nama saya juga tidak sama. Ada yang menyebutnya Hang Kasturi menentang Hang Tuah. Tapi sebenarnya sama saja. Prinsipnya menentang kezaliman dan ada penyelewengan. Itu saja, tuan."

"Tuan," Bendahara bersuara. Mengerling Jebat dan Tuah serta kawan-kawannya. "Saya tidak

sampai hati hendak membunuh Tuah. Saya fikir dia tidak bersalah. Sultan murka tentu kerana fitnah. Saya berjihad, dan ijihad saya itu betul. Dan saya telah dapat menyelamatkan negara.”

“Mansur Syah atau Sang Maniaka?” tanyaku untuk memastikan siapa sebenarnya pemerintah waktu itu.

“Sama saja,” jawab Jebat. “Nama tak penting, tuan. Caranya bertindak tanpa menggunakan akal itu yang penting. Kerana itulah sebab-sebab yang menimbulkan pemberontakan.”

“Stop,” kataku. “Hal kamu habis di sini saja.”

Aku memandang ke depan. Di barisan kanan ber-teleku Mahmud Syah dengan sekalian hamba sahayanya.

“Kau juga membunuh Seri Maharaja kerana dendam. Dan sekarang kau ada di sini.”

Mahmud Syah mengangkat mukanya. Wajahnya berseri dan membayangkan keakuan dan kekacakannya.

“Tuan. Saya tidak pernah diberi nasihat yang baik oleh Bendahara Seri Maharaja. Masa saya muda-muda, dia telah menghasut saya supaya membunuh seorang sahabatnya yang dirasakannya bersalah.”

“Dan kau tidak pernah berasa kasihan?” tanya-ku.

“Tuan. Perasaan kasihan dan benci itu sama saja pada saya. Sebab saya diasuh begitu. Dunia saya tidak ada dua perasaan. Inilah kebiasaan kami sebagai raja. Dan, Bendahara telah melalaikan tugasnya untuk mengasuh saya, anak saudaranya sendiri.” Mahmud Syah tersenyum. Memandang muka Tun Fatimah.

“Dan kau telah membunuh Tun Ali kerana

keinginanmu pada Tun Fatimah."

"Tuan. Itu perkara lazim. Pembunuhan itu suatu naluri manusia. Apabila mereka bodoh dan digelapkan dengan fitnah seperti saya, semua perkara boleh berlaku."

"Fitnah?" tanyaku seperti tidak perasan.

"Tuan. Itu benar," Mahmud Syah bersuara amat lunak dan penuh sopan santun. "Kitul dan Raja Mendaliar, dua-duanya keturunan India, membuat fitnah. Mereka itu kaya-raya di tanah air kami. Kami berikan apa sahaja. Dan, mereka amat cemburu pada kebesaran dan kekayaan Bumiputera seperti yang dimiliki oleh Bendahara Seri Maharaja, lalu mereka buat fitnah. Itulah terjadinya tragedi pembunuhan. Saya amat menyesal, tuan."

"Saya teraniaya, tuan," sampuk Bendahara Seri Maharaja.

"Tapi kau pun terlalu banyak menerima rasuah," kataku dengan cepat. "Anak-anakmu dimanja tanpa batas. Orang-orangmu sendiri terlalu banyak rasuah. Inilah satu-satunya kesempatan yang akan diambil oleh orang asing untuk melemahkan kamu dan bangsa kita. Kau rasuah, mementingkan diri sendiri, mementingkan keluarga. Inilah menyebabkan orang lain mempergunakan kelemahanmu."

"Dan mulai sekarang," kata Bendahara Seri Maharaja. "Saya harap semua anak cucu saya tidak akan mengkhianati negara dengan rasuah dan kepentingan diri. Sebab, inilah satu-satunya keruntuhan."

"Stop," kataku. "Hanya di sini saja."

"Tuan," Permaisuri Iza berbisik. "Siapakah di depan kita yang agak comot tetapi kelihatan gagah itu?"

Aku tidak pasti, tetapi pernah kulihat wajahnya.

Dan, pernah pula menyaingi manusia dalam segala pekerjaan yang tidak berguna. Tiba-tiba, ingatanku cepat menangkap wajah itu.

"Kaukah Sisipus?"

"Tuan. Saya Sisipus dari Yunani."

"Kau wakil dari Yunani?"

"Tuan. Saya seorang daripadanya. King Odipus dan Ullis juga hadir." Sisipus berundur sedikit.

Aku menjemput Odipus ke depan. Dengan tanjak Yunani, Odipus tampil ke depan.

"Kau menjadi bahan kajian yang memalukan," kataku dengan sinis. Sengaja aku ajukan perkataan itu.

"Tuan," jawab Odipus dengan hormatnya. Rumbai-rumbai bergemerlapan di lengan bajunya kanan kiri. Dia menyambung, "Saya telah lari daripada ramalan ahli nujum. Saya tidak mahu sama sekali mengahwini ibu sendiri. Tuan, takdir telah menentukan kedudukan saya terpaksa mengahwini ibuku sendiri."

"Kau tidak teliti," kataku cuba memancing raja muda yang segak itu. "Bukankah puteri yang kau selamatkan itu lebih tua daripadamu?"

"Tuan." Odipus agak kemalu-maluan. Dia tunduk tetapi mengerling Ullis yang kelihatan gagah perkasa. Menyambung, "Nafsu tidak mengenal tua atau muda, tuan."

"Patutlah kaujatuh cinta dengan puteri itu, yang ternyata ibumu sendiri."

"Tuan. Dan bukan saya saja begitu. Sang Kuriang juga seperti saya."

"Tidak, tuan," Sang Kuriang menyampuk dengan cepat. Teruna gagah yang cantik itu duduk bersila berhampiran Hang Tuah. "Tuan. Saya jatuh cinta pada

ibu tiri yang sebaya dengan saya, bukan ibu sejati.”

“Tapi, masih menjadi ibumu. Wanita itu isteri ayahmu,” kataku separuh bingung. Tiba-tiba aku teringat bahawa Sang Kuriang memang mencintai ibunya. Dia sengaja beralih untuk memusingkan kebenaran.

“Salah,” kataku dengan cepat. “Kau Sang Kuriang mencintai ibumu. Aku tahu itu. Barangkali benar bagi Daeng Semerluki dari Bugis yang mencintai ibu tirinya.”

Sang Kuriang tunduk.

“Tuan,” menyampuk Semerluki. “Saya mencintai ibu tiri kerana sebenarnya wanita itu padan dengan saya, bukan dengan bapa saya. Bapa saya amat serakah sehingga semua wanita cantik akan dijadikannya isteri.”

“Memang nafsu tidak mengenal sesiapa, tuan,” Sang Kuriang menyampuk. “Saya akui kejatuhan kami adalah kerana tidak dapat mengekang nafsu.”

“Tuan. Kata-kata Sang Kuriang itu benar,” Mahmud Syah menyokong. “Saya juga begitu. Saya terpaksa membunuh adik sendiri kerana cemburu atas kecantikannya. Kemudian menzinai isteri Tun Biajid, putera sulung Hang Tuah. Dan akhirnya saya terpaksa membunuh semua anggota keluarga Bendahara Seri Maharaja kerana dendam dan fitnah. Saya tahu, tuan, pembunuhan itu adalah pembunuhan ke atas intelektual Melayu zaman itu. Itulah keruntuhan kerajaan saya.”

Mahmud Syah termenung panjang. Tiba-tiba dari belakang Mahmud Syah kulihat seorang berwajah cerah dan kelihatan agak nakal. Banahan tubuhnya kecil tetapi agak kemas dan lincah.

“Kau, kau Tun Mamat orang Inderagiri, bukan?”

Aku separuh ragu-ragu.

"Tuan. Benar. Saya Tun Mamat." Lalu menyusun jari dan menghormatiku dengan semestinya.

"Kau seorang intelektual Melayu yang ulung. Cerita-cerita tentang kau di Gunung Ledang untuk memining puteri ajaib itu sungguh menakjubkan. Kau amat kreatif. Kau amat bijaksana." Aku memujinya tanpa silu-silu.

"Tuan." Tun Mamat mengerling Mahmud Syah dan Hang Tuah, lalu dia mendiamkan dirinya, seolah-olah takut untuk menyatakan sesuatu.

"Katakan dengan terus terang. Majlis ini tidak akan sesiapa yang berani menggugat segala kebenaran. Ceritakan bagaimana ilham itu dapat kau tangkap."

"Tuan." Tun Mamat mengerling Mahmud Syah. Mahmud Syah, Hang Tuah, dan Hang Kasturi menundukkan kepala seperti malu. Tun Mamat menyepi pula.

"Teruskan," kataku. Dan, Iza mencuit lenganku dengan mesra. Cuitan Iza adalah sentuhan jari-jari hujan gerimis waktu dinihari. Menyamakan. Menyegarkan.

"Tuan," Tun Mamat memulakan. "Sebenarnya saya mengambil teladan daripada kejadian buruk ke atas budak yang memberi fikiran tentang menyalahkan todak di Singapura dan pembunuhan ke atas Hang Jebat."

Aku terpegun. Mengapa teladan daripada todak menyerang Singapura dan pembunuhan Hang Jebat? Gunung kebingungan terdiri dalam dadaku.

"Tuan." Tun Mamat memulakan setelah beberapa detik terdiam. Matanya mengerling Hang Tuah. Lalu memandang tepat ke mukaku. Dia menyam-

bung, "Sebenarnya saya mencipta sebuah alegori untuk menyindir mereka. Dan inilah satu-satunya cara yang boleh menjadi pemikiran orang zaman sekarang."

"Dan kau menipu mereka?" tanyaku tanpa sabar.

"Tuan. Saya tidak bermaksud menipu, tapi untuk menyedarkan mereka. Untuk menurunkan nafsu serakah tuan itu," sambil Tun Mamat menunjuk ke arah Mahmud Syah. "Supaya dia tahu bahawa nafsu itu ada batasnya. Supaya dia tidak lagi berlaku zalim: Maka dia mestilah merasakan bagaimana pedih dan sakitnya untuk mengeluarkan darah daripada seseorang manusia yang telah dibunuhnya. Tapi ternyata dia tidak sanggup untuk mengeluarkan semangkuk darah dari tubuhnya."

"*Stop,*" kataku. "Hanya di sini saja ceritamu, Tun Mamat. Selesai. Aku faham. Kau seorang intelektual. Kau memikirkan tidak mungkin mengalahkan Hang Tuah dan kawan-kawannya dengan kekuatan. Sedangkan Hang Jebat yang gagah perkasa lagi dapat ditewaskan. Jalan kau memperguna intelek kau itu menunjukkan mereka tidak secerdas kau."

"Kerana kebanyakan intelektual zaman itu sudah dibunuh. Dan kaum imigran seperti Kitul, Mendaliar, dan ramai lagi sedang menaburkan fitnah dan rasuah. Orang besar-besar sudah mabuk dengan kekuasaan dan pangkat. Itulah kesempatan yang dapat saya pergunakan untuk menyedarkan pemerintah," Tun Mamat menyampuk dengan agak panjang.

"*Stop!*" aku separuh melaung.

"Tuan. Maafkan saya."

Aku terpandang Beraim Bapa. Wajahnya sugul dan amat duka nestapa. Dia seorang pahlawan Pasai

yang teraniaya. Pengorbanannya disia-siakan oleh ayahnya sendiri. Akan tetapi, daripada wajahnya terpancar cahaya kepuasan kerana baktinya yang berterusan ketika hidupnya.

"Kauhadir juga di sini," tegurku kepada Beraim Bapa.

"Tuan."

"Kau bersama-sama adik-adikmu?"

"Ya. Bersama-sama mereka." Lalu Beraim Bapa menghadirkan adik-adiknya: Lelaki dan perempuan. "Adik saya ini hampir-hampir menjadi mangsa nafsu serakah ayah saya."

Aku senyum. Dan, Iza juga senyum.

"Nafsu tidak mengenal anak atau ibu," bisikku kepada Iza. Dan Iza melebarkan senyumnya. Senyum Iza adalah sentuhan kaki rama-rama musim bunga ke atas kelopak bunga kemesraan di dalam tanah dadaku. "Adik-adiknya dicintai oleh ayahnya sendiri; dan mereka hampir menjadi isteri kepada ayahnya yang *sex-maniac* itu."

"Kau sanggup mengorbankan dirimu kerana menjaga adik-adikmu. Tapi tidak dengan sikap bapamu," kataku.

"Tuan," Beraim Bapa menyampuk dengan sopan santun. Dia menyambung, "Walaupun saya dan adik-adik anak daripada ayah saya, tetapi sikap kami berlainan. Ayah saya telah melampaui batas. Dia telah melanggar wasiat datuk nenek. Dan itulah keruntuhan Pasai."

"Stop," kataku.

"Tuan tentu dapat mengambil kesimpulan," tiba-tiba bisik Permaisuri Iza. Suaranya adalah hembusan ombak ke pasir landai yang lunak.

"Kesimpulan?" Aku separuh bingung.

"Tuan. Kesimpulan daripada semua pernyataan mereka."

Baru aku mengerti. Ya, Iza adalah daya akal yang penuh dan amat cerdas. Iza seorang wanita yang pintar dan senantiasa menghidupkan akalku.

"Ya," kataku dengan jelas. Akan tetapi, kata-kata itu untuk aku dengan Iza sahaja. "Nyata bahawa semua keruntuhan yang berlaku kepada mereka zaman purba kerana menurutkan hawa nafsu. *Sex-maniac*. Rasuah. Gila pangkat. Fanatik. Mengabaikan tugas negara. Memberikan kebebasan yang tidak sepatutnya kepada kaum imigran. Tidak menyedari kebodohan sendiri. Dan, banyak lagi. Banyak lagi. Banyak lagi. *Stop*."

Ruang pesedaran agung masih penuh sesak. Kalian sedang berhimpun. Kalian dan Sang Kamu mendengar aku berbicara. Kalian tunduk tanpa kata-kata. Hanya yang aku ajukan pertanyaan sahaja yang berkata-kata. Bisukah kalian? Bisukah Sang Kamu? Tidak. Mereka sebenarnya sedang patuh dan setia terhadap peraturan aku. Peraturan Sang Raja.

Sisipus dan Odipus masih di situ. Tiba-tiba aku melihat barisan di sebelah kiri. Ya, benar. Aku kenal mereka. Kalian daripada kalangan puteri-puteri cantik jelita. Yang itu Puteri Saadong. Yang itu Cleopatra. Yang itu Juliet. Yang itu Laila. Yang itu Sakuntala. Yang itu Helen. Ramai lagi.

Akan tetapi, aku tidak mengajukan pertanyaan kepada mereka. Permaisuri Iza tentu tidak gemar. Aku bimbang. Mereka itu semuanya puteri jelita. Wanita selalunya cemburu. Dan, aku tidak akan membuat lubang untuk dimasuki Iza yang amat aku kasihi. Biarlah dia di sampingku tanpa cacat cela hatinya. Kami sama-sama menanjak naik daripada

kalian. Dan, keadaan itu biarlah sampai ke akhir hayat kami.

Aku merenung Sisipus. Ada sesuatu yang hendak diperkatakan oleh Sisipus. Dia merenungku dengan tajam.

“Kau akan berbicara?” tanyaku.

“Tuan.” Sisipus tampil ke depan.

“Kau masih lagi menolak batu-batu besar ke atas gunung kemudian setelah tiba di kemuncaknya lalu kau membiarkannya berguling-guling ke bawah? Masih berbuat begitu?”

“Tuan. Masih berbuat begitu.”

“Bukankah itu bodoh namanya?” Aku membodohkan Sisipus dari Barat ini.

“Tuan. Benar,” jawab Sisipus tanpa segan-segan. “Tetapi itulah pekerjaan kebanyakan manusia, tuan. Mereka berbuat sesuatu yang kelihatan agung dan besar, akan tetapi sebenarnya sia-sia.”

“Barangkali hanya untuk prestasi semata-mata,” kataku menguji kebenaran kata-kata Sisipus.

“Tuan. Benar. Hanya untuk dilihat oleh orang ramai. Untuk supaya dikatakan agung dan hebat. Tapi sebenarnya sia-sia.”

Benar itu! Kata hatiku. Sisipus telah mengerjakan sesuatu yang agung tetapi sia-sia. Mengangkat batu ke atas gunung kemudian membiarkannya jatuh semula. Begitulah pekerjaannya sepanjang hari. Apa bezanya dengan segala projek prestasi yang tidak memberi faedah kepada rakyat terbanyak? Aku cuba menghitung-hitung. Biarlah dalam kerajaan pekerjaan Sisipus tidak diulangi. Aku mahu semua dapat menikmati kejayaan dalam waktu aku menjadi Sang Raja.

“Dan bagaimana dengan kau, Ullisis? Masih lagi

suka mengembara?" dengan tiba-tiba sahaja aku mengajukan pertanyaanku kepada Ullis.

"Tuan." Ullis mampir ke sisiku. "Suka atau tidak, saya akan terus mengembara."

"Mengapa mesti mengembara?"

"Itulah manusia, tuan. Manusia itu adalah pengembara. Dan imej tipa induk saya dijadikan contoh dalam sifat mutlak manusia; iaitu mengembara."

"Kau seorang intelek," pujiku kepada Ullis.

"Kau berfalsafah. Kau mengembara untuk membawa imej manusia seluruhnya: Manusia itu pengembara. Adakah manusia itu juga *gypsy* atau *vagabond*?"

"Tuan. Konsep dua kalimat terakhir itu saya fikir berlainan. Imej saya sebagai pengembara membawa makna semua manusia tidak kekal. Hanya sedang dalam perjalanan. Mungkin ada matlamat lain."

"*Stop*," kataku. "Hanya selesai setakat ini."

Maafkan aku, kalian. Aku terlalu kasar. Aku boleh menamatkan sesuatu percakapan sesuka hatiku. Dan aku boleh menyebabkan orang berkata-kata mengikut kemahuanku. Akan tetapi, sayup-sayup dalam hatiku, aku terpijak sesuatu. Sikap terlalu berwibawa inilah menyebabkan keruntuhan Mahmud Syah. Sikap sesuka hati inilah menyebabkan kejatuhan Ahmad di Pasai. Sikap amat berwibawa inilah menyebabkan kerajaan zaman dulu lebur dan hancur. Kalian pada zaman purba mengalami banyak tragedi. Melaka mengalami tragedi yang pahit. Pasai mendepani tragedi yang memalukan. Sisipus dan Odipus pelakon tragedi. Ini tidak dikira lagi ribuan yang lain. Ribuan yang tidak aku sebut dalam perhimpunan raksasa hari ini.

"Tragedi mereka inilah yang menyebabkan keruntuhan kerajaan zaman purba," bisikku kepada Permaisuri Iza.

"Tuan."

"Dan aku tidak rela sama sekali dalam kerajaanku ada tragedi semacam ini."

"Tuan."

"Aku tidak akan ulangi kesalahan Mahmud Syah membunuh para intelektual. Sebab ini akan meruntuhkan kerajaanku."

"Tuan."

"Aku tidak ulangi kesalahan Bendahara Seri Maharaja. Aku tidak akan biarkan orang besar-besarku menjadi Bendahara Seri Maharaja yang gila pangkat dan rasuah. Sebab ia akan membawa kepada kehancuran kerajaanku."

"Tuan."

"Aku tidak akan membiarkan Kitul dan Menda-liar memperguna kekayaannya untuk meruntuhkan moral orang berpangkat dalam kerajaanku. Aku akan aku bataskan kebebasan mereka mengikut selayaknya saja. Jangan berlebihan. Jangan cacing naik ke mata"

"Tuan."

"Aku tidak akan membenarkan munculnya golongan yang amat berkuasa untuk menindas golongan terbanyak seperti dalam zaman Mahmud Syah. Tidak sekali-kali."

"Tuan. Tapi tuan juga harus ada falsafah dalam pemerintahan," Permaisuri Iza mengeluarkan pendapat. Pendapatnya adalah kuliah tertinggi dalam sebuah institusi pengajian tinggi kehidupanku. Menyegarkan. Menjelaskan.

"Falsafah?" tanyaku separuh bingung.

"Ya. Tuan mesti ada falsafah. Falsafah itu hendaklah jelas menjadi petunjuk kepada semua rakyat."

"Ya. Aku akur," kataku dengan cepat. "Falsafah kerajaanku senang sahaja. Semuanya aku rujukkan kepada kitab suci al-Quran dan al-Hadis. Kemudian, dalam sikapnya tidak memandang ke barat atau ke selatan. Tidak memandang ke timur atau ke utara. Tapi mesti memandang kebenaran yang hakiki. Kebenaran fitrah."

"Lagi?"

"Aku bercadang menghapuskan penyelewengan intelektual. Intelektual selalunya melakukan jenayah paling halus. Tidak dapat dikesan. *Computer crime* yang dilakukan secara *subtle* dalam perdagangan, dalam konteks projek pembangunan, dalam hubungan luar negeri, dalam perjanjian dagang luar negeri, dalam hubungan blok akan aku hapuskan."

Permaisuri Iza senyum sahaja. Senyum Iza adalah kembang-kembang mekar pada waktu pagi dalam sentuhan sayap rama-rama cinta yang ber-tebaran di pohon-pohon kehidupan kami. Iza mengerti perasaanku. Dia adalah intelektual zaman ini yang tidak dimakan zaman.

Namun, jauh-jauh dalam hatiku: Adakah aku dapat melaksanakan pembangunan kerajaanku? Adakah tidak akan wujud lagi si gila pangkat? Tidak akan muncul lagi si rasuah dan si gila betina? Adakah tidak akan timbul lagi pelakon-pelakon tragedi seperti Sisipus? Adakah tidak akan lahir lagi pengampu yang memperlihatkan kejujuran di depanku sedang batinnya untuk kepentingan dirinya sendiri?

Maafkan aku kalian. Maafkan.

Aku terpaksa berkeras sedikit. Kerana kaum Kitul dan Mendaliar atau Odipus dan Tong Seng inilah yang membawa Bendahara Seri Maharaja jatuh. Kerajaan purba jatuh. Kalian jatuh. Sang Kamu jatuh. Tragedi pembunuhan intelektual itulah punca kejatuhan. Dan, semuanya ini akan kuatasi. Akan aku kuatkan semangat dan cita-citaku untuk memperkuat kerajaan aku Sang Raja. Aku mesti keras: Kerana aku Sang Raja dan kalian rakyat.

Maafkan aku. Maafkan.

*Dewan Sastera, Januari 1983*

## PINTU DAN JENDELA



**D**I sini segala-galanya terbuka. Denyut nadi dan degup jantungnya bermula di sini. Anak-anaknya yang berceretek: Darah dan daging mereka berpunca dari sini. Fatimah yang sudah dihayati kehidupan luar dan dalamnya juga berpunca dari sini. Kegenitan Fatimah dengan warna bimbangannya ketika pertama kali dia bertemu di sini masih segar dalam kepalanya. Mengapa dia mesti melupakannya? Bukankah kenang-kenangan yang manis itu menjadi sebaik-baik kawan kepada manusia? Ya. Dia menngiakan. Keindahan yang dimiliki Fatimah itulah menyebabkan anaknya lahir saban tahun. Dan,

setiap kali celik mata anak-anaknya, makanan mesti digantungkan di atas bahunya. Setiap kerling dan resah dada isterinya, tanggungjawab sedang tergantung dengan kukuh di atas kepalanya. Betapakah dia akan melarikan dirinya daripada riuh bising dan tangis ilai anak-anaknya? Betapakah?

Tidak! Dia meneguhkembangkan azamnya. Dia akan terus hidup dengan segala keresahan dan kebimbangannya. Di sini bukan tempat dia menjatuhkan perasaan putus asa. Bukan. Di sini adalah tempat dia memperbaharui azam dan tekadnya setiap menjelang matahari pagi. Dan, sepanjang matahari memancarkan sinarnya yang mengeringkan kulitnya itu tetap menghidupkan azam dan harapannya. Setiap denyut nadi dan degup jantungnya disertai dengan keazaman untuk menumbuhkan daging dan tulang anak-anaknya. Untuk mencerahcuacakan wajah Fatimah. Untuk mencepatcergaskan kaki Usuf, Manaf, Zakuan dan Zamani berlari dan menyepak bola. Biarkan mereka dengan keriang dan kesungguhan kehidupan warna-warna syurga. Biarlah. Dan, dengan keriang dan kebisingan anak-anaknya itulah dia meneruskan perjuangannya. Dengan keadaan itulah dia menjalin tekadnya saban detik. Semuanya terus berjalan seperti hari-hari yang berlalu: Penuh dengan keresahan dan kebingangan. Kebimbangan?

Dia tahu. Dia arif akan keresahannya. Dia maklum akan kebimbangannya. Akan tetapi, dia tidak perlu mengaku kalah. Biarlah resah datang sebesar Bukit Mak Mandin, dia tetap akan terus merenangi keresahannya itu. Biarlah kebingangan datang sebesar Pulau Rimau atau Pulau Langkawi atau Pulau Jerjak, dia akan tetap mengapungkan dirinya

di lautan kebimbangannya itu. Dia akan meloloskan dirinya untuk kepentingan Fatimah dan anak-anaknya. Datanglah ombak laut segeanas mana pun, dia akan melawan. Dia akan menjadi batu karang sebagai perisai untuk menyelamatkan Fatimah, Usuf, Manaf, Zakuan dan Zamani. Datanglah. Akan tetapi, sayup-sayup dalam dadanya, dia tahu, takdir Tuhan boleh mengubah segala-galanya. Dia boleh mati kebuluran. Fatimah boleh sakit tiba-tiba. Usuf boleh dihindangi penyakit secara mendadak. Manaf juga. Zakuan dan Zamani juga. Akan tetapi, siapa sangka dengan harapan sebesar langit, takdir boleh mengubah nasibnya? Dia akan kaya dan memiliki kapal-kapal seperti kapal-kapal yang keluar masuk pelabuhan Pulau Pinang ini? Siapa akan menyangka seorang buruh jaga di sebuah pelabuhan akan menjadi seorang jutawan? Dengan tiba-tiba dadanya menjadi sempit. Betapa susahnya harapan itu untuk dimakbulkan Tuhan. Alangkah sukarnya seorang buruh jaga sebuah pelabuhan untuk bertukar menjadi seorang jutawan. Alangkah sukarnya. Alangkah tidak mungkin. Alangkah!

Dia terus merenangi keresahan dan kebimbangannya. Buih resah dalam dadanya mengapung dan meruap. Ombak kebimbangan dalam kalbunya ber-alun dan bergulung. Semuanya menghempas ke pantai hatinya yang separuh runtuh dan hancur. Dan, dengan tunjang harapan dan azam yang masih sedikit terhunjam dalam dadanya itulah, dia meraih hidup untuk dirinya, untuk Fatimah dan anak-anaknya. Ya Tuhan! Dia merenung alam abstrak tentang anak-anaknya. Usuf baru darjah enam sekolah rendah. Mengapa begitu lewat dia kahwin dengan Fatimah? Manaf pula darjah empat. Betapa-

kah dia akan menyekolahkan anak-anaknya sampai ke peringkat paling tinggi sedangkan dia sudah dua tahun menjalani dunia persaraannya? Zakuan dan Zamani belum masuk sekolah. Betapakah dia akan melihat kejayaan anak-anaknya untuk sekurang-kurangnya 10 tahun lagi? Betapakah?

Dia gementar. Dia merasa hidup ini seakan-akan terlepas daripada pegangannya. Hidup ini seolah-olah sedang merayap perlahan-lahan tetapi menjauh daripada fizikal dan mentalnya. Hidup ini sedang mencari-cari peluang untuk berlalu daripadanya. Tidak! Dia membentak. Tidak! Dia cuba meraih dan merangkulnya kemas-kemas. Tidak! Dia cuba mengikat azam dan harapannya dengan sedikit nur iman yang terpancar dalam dadanya. Dengan nur iman yang sedikit itulah dia berani menghadapi hidup. Dengan sedikit pegangan iman itulah dia mendepani resah dan gelisahannya untuk menyambung nyawa Fatimah dan anak-anaknya. Tiba-tiba, ya, tiba-tiba, dia gementar. Dia diselubungi ketakutan dan penyesalan. Berimankah dia? Benar-benar berimankah dia sekarang, setelah hidup tanpa memikirkan iman?

"Kapal dagang dari Kanada sedang menunggu," kata Maidin dengan senyum simpul. Ada makna dalam kata-kata itu. Dia tahu benar dengan makna kapal dagang baru masuk itu. "Malam itu siaplah sekurang-kurangnya dua sampan."

Dia senyum. Dia maklum, setiap kali kapal dagang masuk ke Pelabuhan Pulau Pinang akan membawa rezeki kepadanya. Rezeki itu bertaburan melalui wanita-wanita yang diangkut ke kapal. Dalam kapal itu "singa-singa laut" sedang menunggu untuk menikmati daging mentah yang separuh hancur. Dan, ratahan "singa-singa laut" dari kapal-kapal

dagang itu akan memberikan dia rezeki untuk menyambung nafas Fatimah. Harga kebaikan yang diberikan kepada kelasi-kelasi kapal dagang itu menjadi darah, daging, tulang dan urat-urat dalam tubuh Usuf, Manaf, Zakuan dan Zamani. Keluarganya tumbuh dengan subur dan riang gembira hasil kebaikannya mengangkut wanita-wanita separuh hancur untuk menjadi makanan sang kelasi.

Dia melihat longgokan wanita itu di dalam sampan. Mereka seperti tidak berpakaian. Kemongelan tubuh-tubuh yang retak oleh hempasan zaman itu kemudiannya "mendarat" di birai-birai dan di kabin-kabin kapal dagang. Sang singa laut yang rakus akan memakannya. Akan meratahnya. Akan menelannya. Kemudian, sisa-sisa manusia itu akan dipulangkan setelah hari menjelang subuh. Dan, dia bersama-sama akan mengawalinya. Kalau tidak Maidin tentu Kadir. Kalau tidak Kadir tentu Mthusamy. Kalau tidak Mthusamy tentu Goh Seng Kui. Atau yang nyata, mereka bersama-sama akan menyediakan hidangan itu untuk tetamu dari laut itu.

"O.K.," katanya dengan penuh riang.

"Kaupilih yang muda-muda, Embi." Maidin mengingatkannya. "Harganya kita boleh pegang sedikit."

Dan, dia bersama-sama Goh Seng Kui menyelip ke Lebuh Pit, King Street, Pulau Tikus, Acheen Street sampai ke Jelutung dan Balik Pulau. Kemudian daging-daging itu dikumpulkan di sebuah rumah dekat pelabuhan. Seperti penyeludup bertaraf profesional, dia menyeludupkan daging-daging itu ke kapal-kapal dagang pada malamnya. Dengan kelicikan seperti penyeludup antarabangsa, dia bersama-sama kawan-kawannya mengutip wang hasil kegiat-

an yang dimainkannya itu. Licin seperti tanah lumpur di atas bukit yang disirami hujan sehari suntuk, dia menjalankan kerja ini bertahun-tahun. Siangnya seperti biasa, dia bekerja sebagai pengawal pintu feri Pelabuhan Pulau Pinang. Sebagai pekerja penjaga pintu feri inilah dia berkenalan dengan Fatimah.

"Berat?" tanyanya ketika wanita itu, tentu seorang gadis fikirnya, sedang meletakkan sebuah beg di muka feri. Dan, wanita itu paling kemudian.

"Ya. Beg ini agak berat." Wanita itu mengiakan.

"Boleh saya tolong?" Dia menawarkan khidmatnya. Dan, khidmatnya itu secara tidak sengaja membuka satu peluang untuk berkenalan.

"Apa salahnya kalau sudi." Dengan khidmat seorang pahlawan yang melihat manusia sedang teraniaya, dia membimbit beg besar itu sampai ke tempat teksi.

"Ke mana?" tanyanya.

"Ke Gelugur."

Dia tersirap mendengar jawapan itu. Dia sendiri tinggal di Gelugur. Lalu mereka pun berkenalan. Rumah wanita itu diketahuinya. Entah bagaimana, ini dia tidak maklum, akhirnya wanita itu menjadi isterinya. Fatimah ialah anak pungut daripada satu keluarga yang tidak mahu disebutkannya. Anak pungut itu kemudiannya menyatakan persetujuan untuk menjadi isterinya. Dia mula-mula takut untuk menghadapi kenyataan. Usianya hampir 45 tahun. Fatimah pula baru 18 atau 19 tahun. Dia sudah duda tanpa anak dengan isterinya yang pertama dan kedua. Dan Fatimah masih gadis. "Tetapi siapa tahu takdir Tuhan?" tanyanya dalam hati. Kemudian dia mengahwini Fatimah. Hasilnya lahirlah anak-anaknya.

Fatimah isteri yang baik walaupun agak becok.

Dia senang dengan tubuh putih itu. Betapakah dia tidak akan senang dengan Fatimah anak pungut daripada keturunan Cina itu yang hari-hari hidupnya disegarkan oleh anak-anaknya yang nakal dan bising? Betapakah dia tidak akan senang dan riang gembira dengan kebecokan Fatimah memarahi anak-anaknya. Wanita syurga itu tidak akan lari daripadanya kerana dia tidak ada lagi tempat bergantung dalam dunia ini. Dan, betapakah dia tidak akan senang kalau Fatimah yang sanggup tinggal di dalam gubuk lamanya dan mengasuh ibunya sehingga orang tua itu meninggal dunia? Alangkah beruntung dirasakannya dengan kehadiran Fatimah, anak piatu yang seratus peratus hidupnya bergantung di atas bahunya sebagai suami dan bapa. Alangkah untungnya hidup ini, fikirnya. Alangkah!

Kecewaannya dua kali menjadi duda disejukkan oleh kehadiran Fatimah. Dan, isterinya ini meluahkan pusaka zuriat yang tidak ternilai harganya di dunia. Kau penghuni syurga, Fatimah. Kau penghuni syurga paling cantik dan paling awal, Fatimah. 'Alangkah beruntungnya kau sebagai isteri dan ibu kepada anak-anakku! Alangkah luasnya alam kehidupan bersama-samamu. Alangkah hidupnya peranan manusia dengan kehadiranmu. Alangkah senangnya. Alangkah baiknya. Alangkah!'

Tiba-tiba, ya, tiba-tiba dia digomoli oleh perasaan resah dan bimbang. Sudah dua tahun dia bersara sebagai pengawal pintu feri Pelabuhan Tun Uda. Wang persaraannya yang tidak seberapa tidak membolehkannya menanam otak ke dalam kepala anak-anaknya. Wang persaraannya yang sedikit tidak mungkin baginya menyenangkan kehidupan Fatimah yang baru masuk usia 30 tahun. Yang amat

menakutkan dan meresahkannya adalah kegiatannya semasa, sebelum dan sesudah mengahwini Fatimah. Kegiatan itu bukan terhad sekadar mengangkut daging-daging enak di dalam sampan kecil ke kapal-kapal dagang, tetapi dia juga ikut meratahannya. Ikut memakannya sama. Ikut menikmati keindahan manusia separuh hancur dan busuk.

Betapakah keadaannya dengan daging, darah, tulang dan urat-urat yang tumbuh dan membesar dalam diri anak-anaknya? Mereka tidak berdosa. Mereka tidak tahu apa-apa. Ya Tuhan! Berikanlah mereka keberkatan hidup. Berikanlah mereka kesejahteraan hidup dengan daging-daging halal walaupun pertumbuhan mereka daripada rezeki penanaman tidak halal. Ya Tuhan! Inilah yang menakutkannya. Inilah yang meresahkan dan membimbangkannya. Inilah!

"Rezeki yang halal itu mendatangkan berkat walaupun sedikit," kata Ustaz Hamid ketika mengajar di Masjid Gelugur pada suatu malam.

Dia tercungap-cungap dalam perasaannya.

"Setiap titik darah yang terjadi daripada rezeki yang tidak halal akan membawa kepada kecelakaan akhirnya. Daging-daging yang tumbuh daripada rezeki tidak halal itu akan dimamah api neraka di akhirat nanti," Ustaz Hamid meneruskan.

Dan, dia hampir-hampir melaung mendengar kenyataan yang menebuk-nebuk dinding hatinya itu. Betapakah dia akan menceraikan daging, tulang, darah dan urat anak-anaknya setelah mereka tumbuh membesar seperti sekarang? Betapakah dia akan menyatakan jalannya yang halal setelah puluhan tahun menjalankan kerja-kerja yang banyak mendatangkan hasilnya untuk menyambung nafas

Fatimah dan anak-anaknya? Betapakah?

Ya Tuhan!

Kadang-kadang fikirnya, dia akan meneruskan khidmat lamanya seperti yang diteruskan oleh kawan-kawannya. Kalau hidup dalam haram kerana daging, darah, tulang dan urat dibesarkan dengan wang haram, mengapa dia mesti memikirkan supaya semuanya menjadi halal? Bukankah lebih baik diteruskan sahaja? Akan tetapi, dengan tiba-tiba dia mengingati kata-kata Ustaz Hamid: Tuhan itu Maha Pengasih dan Maha Pengampun. Inilah yang diharapkannya. Inilah!

Telah dua tahun dia bersara dengan satu kebimbangan bahawa anak sulungnya masih darjah enam. Fikirnya bertalu-talu. Takdir boleh meragut nyawanya bila-bila masa. Takdir boleh membawa kehidupannya menjadi semakin sempit. Mengingatkan ini, dia menjadi takut dan amat gelisah. Perkhabaran tanah tempat dia tinggal akan dijadikan tapak kilang yang besar amat menakutkan. Rumahnya telah dibina sejak puluhan tahun yang lalu di atas tanah yang tidak tahu siapa pemiliknya. Bila-bila masa sahaja dia boleh dihalau. Bila-bila masa sahaja Fatimah dan anak-anaknya boleh menangis apabila melihat jentolak meruntuhkan rumah-rumah seperti yang banyak berlaku di Pulau Pinang sekarang. Kalau ini semua berlaku, ke mana dia akan meletakkan punggung dan belakang Fatimah dan anak-anaknya?

Ya Tuhan!

Dia merasakan pertumbuhan anak-anaknya yang bermula di sini tentu akan berakhir di sini. Kalau dia sendiri mengakhiri nafasnya di sini, biarlah anak-anaknya memulakan hidupnya bukan dari sini. Dia merasakan tidak rela anak-anaknya membuka lem-

baran kehidupan bermula dari Pelabuhan Pulau Pinang ini. Biarlah anak-anaknya menjauhkan diri mereka daripada pintu dunia yang amat hodoh ini. Biarlah anak-anaknya tidak melihat dunia melalui jendela Pelabuhan Pulau Pinang yang meraih moral dan kebajikan ke samping kemesuman dan kejahatan. Biarlah anak-anaknya tidak mengulangi kehidupan dunia pelabuhan yang sibuk waktu siang dan mengumpulkan daging-daging separuh hancur dan busuk untuk ditukarkan dengan wang, pada waktu malamnya. Dan, bersama-sama daging separuh hancur itu dia akan tenggelam dan terbenam menjadi ulat dan hama. Alangkah menakutkan. Alangkah!

Dia merasa dirinya sakit-sakit. Dia segar di sini pada pertama kalinya dia diberi kerja oleh bapa saudaranya. Hidupnya melihat dunia melalui pintu pelabuhan ini. Dia dapat melihat semua manusia dalam dunia ini tanpa pergi ke mana-mana. Mereka datang ke sini. Mereka bermastautin semalam dua di sini. Mereka meluahkan perasaannya di sini. Mereka menjatuhkan wangnya di sini. Mereka meninggalkan kesan yang tidak berkesan di sini. Lalu mereka pergi senyap-senyap bersama-sama keluarnya kapal-kapal dari pelabuhan ini. Dan, mereka datang senyap-senyap dengan kapal-kapal yang datang silih berganti saban hari saban minggu saban bulan. Lalu mereka diperkenalkan kepadanya. Dan, dia menjamu tamunya dengan hidangan nikmat dunia. Lalu dia beroleh rezeki.

Inilah yang tidak diminatinya untuk diteruskan oleh anak-anaknya melihat dunia melalui pelabuhan. 'Jangan! Jangan! Jangan wahai anak-anakku.' Akan tetapi, bagaimana dia akan menjauhkan dirinya setelah bersara kerana di mana-mana pun tidak

ada kerja yang menunggunya? Bagaimana dia akan melepaskan dirinya dan rezeki anak-anaknya setelah bersara apabila satu kerja pun tidak mungkin dicapainya? Lalu dia kembali ke pelabuhan. Lalu dia menampilkan dirinya untuk menjadi jaga sebuah stor milik sebuah syarikat. Dan seperti sebelum bersara, dia akan berdepan lagi dengan khidmat-khidmat lamanya yang amat ditakutinya kini. Ditakutinya? Ya!

Dia pernah berfikir. Betapakah baiknya kalau Tuhan tidak memberikannya zuriat. Dia boleh senang-senang mati tanpa ada kaitan dengan namanya. Tanpa kaitan dengan halal haram daging yang ditumbuhkan oleh kerja mesumnya terhadap zuriatnya. Akan tetapi, bolehkah dia menolak takdir Tuhan itu? Inilah yang memenuhi ruangan fikirannya. Dan, kadang-kadang dengan penuh gementar dia mendepani kenyataan yang belum tiba. Tidak mungkinkah Fatimah akan mengulangi ketakutan yang dirasakannya kalau dia sudah mati? Ke mana Fatimah akan mengadu nasib untuk membela anak-anaknya kalau dia melepaskan tanggungjawabnya sekarang? Tidak mungkinkah Fatimah akan menjual dagingnya pula? Bukankah Fatimah masih muda? Bukankah Fatimah baru 30 tahun? Daging Fatimah masih kemas dan boleh hidup dengan nafasnya yang masih ghairah itu. Mengingat ini, dia menjadi gementar. Ya Tuhan! Waktu inilah dia berdiri di atas tanah harapannya. Dia berdiri di tapak azamnya. Dia akan meneruskan hidup di sini untuk menjauhkan Fatimah daripada pintu dan jendela kejahatan ini. Ya Tuhan!

Dia berasa agak pening. Antara pintu pelabuhan yang membuka matanya ke seluruh dunia dengan

Fatimah dan anak-anaknya serta kehidupan liar yang mendatangkan rezeki yang menumbuhkan daging-daging tubuh keluarga dan ketuaannya yang kian menyiksa, berasak-asak bersesak-sesak saling rebut-merebut dalam dada perasaannya. Dia sadar akan masa lampau yang ditinggalkannya. Dia tahu akan masa depan yang amat singkat yang mungkin dilaluinya. Dan, masa depan yang panjang akan dilalui oleh anak-anaknya. Betapakah dia akan memiliki rumah dan tanah sendiri yang selesa untuk Fatimah dan anak-anaknya? Sampai bilakah dia akan tinggal di atas tanah yang akan dibangun kilang raksasa ini?

Dia tahu. Tahu sungguh-sungguh. Dia mendepani masalah ini sejak puluhan tahun. Dia tahu negara sudah merdeka. Dan, kemerdekaan itulah membawa pembangunan. Pembangunan itulah memutuskan harapannya dan kaum suku-sakatnya daripada memiliki rumah dan tanah sendiri. Dia tahu. Masalah ini bukan masalah dia seorang. Bukan masalah Maidin seorang. Bukan masalah Muthusamy seorang. Bukan. Akan tetapi, masalah puluhan ribu manusia sepertinya yang tinggal di sepanjang pantai Jelutong sampai ke Batu Maung, bahkan dari pantai Padang Kota sampai ke Batu Ferringhi. Dia melihat sesuatu yang tidak mungkin akan menjadi kenyataan kepada jenis manusia sepertinya. Dan, diam-diam tetapi kuat terbetik dalam dadanya: Pembangunan itu sebenarnya meruntuhkan.

Sama ada benar atau tidak, dia tidak arif. Tetapi dia melihat dengan mata batinnya, Fatimah akan tetap resah apabila mendengar rumahnya akan dihancurkan pada bila-bila masa. Dia melihat dengan mata kesedarannya, Usuf akan menangis melihat

rumahnya hilang bersama-sama debu. Manaf akan tidak lelap tidur kerana rumahnya diterbangkan angin pembangunan. Zakuan dan Zamani akan merengek di depan ibunya kerana tempat tidurnya entah di mana. Semuanya akan berlaku. Semuanya akan berakhir seperti yang pernah berlaku di mana-mana di Pulau Pinang, Pulau Mutiara yang sudah kehilangan serinya kepada orang-orang seperti dia.

Ya Tuhan!

Dia seperti terapung-apung saja mengingatkan ini semua. Dia memulakan kehidupan di pelabuhan ini sejak usia belasan tahun. Kemudian dia bekerja tetap di sini apabila masuk usia 20 tahun. Dan kemudian, dia mulai melihat dunia melalui pelabuhan ini. Dia mulai menikmati keindahan daging-daging separuh hancur dan busuk di sini. Dia mulai meninggalkan usianya yang semakin tua di sini. Dia mulai menerima wang persaraannya sejak dua tahun yang lalu di sini. Kemudian, menjadi jaga stor juga di sini. Dan, ke mana lagi dia akan melepaskan dirinya? Ke mana lagi hendak diusung tubuhnya yang bermula di sini ini? Dia tidak tahu. Dia cuba menjauhkan dirinya dari sini? Akan tetapi, masa merubah kemahuannya. Dia kembali lagi ke sini. Dan, seperti lazimnya, dia menjadi jaga. Jaga itu bekerja malam hari saja. Inilah yang merunsingkannya. Sekurang-kurangnya dia akan berdepan lagi dengan kegiatan lamanya. Akan tetapi, dia merasa dia boleh mengetepikan khidmat tidak halal itu. Dia tidak mungkin meninggalkan tempat yang dikawalinya. Itu akan menjadi azam barunya. Dia tidak akan meninggalkan stor itu.

Akan tetapi, jauh-jauh dalam hatinya, dia menyedari bahawa di sinilah dia memulakan kehidup-

an. Di sinilah juga dia beroleh sara hidup. Sekarang dia kembali lagi untuk meneruskan nyawa anak-anaknya. Akan tetapi, dia tidak akan mengulangi kerja mengangkut daging.

Dia melihat restu anak-anaknya. Ya Tuhan!

*Dewan Budaya, Mac 1983*

## PADA SUATU RUANG



**T**UAH, tubuhnya agak besar dan tinggi. Laksamana juga besar dan tinggi. Tahankah wakaf ini menampung ketiga-tiganya? Pak Pandir tidak pasti. Akan tetapi, dia melihat Hang Tuah duduk dengan relaks. Laksamana pun duduk dengan relaks. Dia sendiri juga duduk dengan relaks. Antara ketiga-tiganya siapakah yang paling relaks? Pak Pandir tentu sahaja tidak pasti. Dia cuba hendak membuka mulutnya. Hendak menyoal Hang Tuah. Hendak menyoal Laksamana. Akan tetapi, tidak jadi. Pak Pandir menjadi kecut melihat keris pendek Hang Tuah. Pandir. Pak Pandir menjadi gerun melihat anak

panah di atas belakang Laksamana. Keris boleh membunuh, fikir Pak Pandir. Anak panah juga boleh membunuh, fikiran Pak Pandir menderas. Jadi, ia tidak jadi.

“Aku menyesal.”

Hang Tuah dan Pak Pandir merenung muka Laksamana yang mengeluh panjang. Wajah itu kehijau-hijauan dengan sekumpul anak panah di atas belakang di samping busurnya yang tersangkut kemas. Hebat juga Laksamana ini, fikir Hang Tuah. Patutlah dia boleh membunuh Indrajit, putera sulung Rawana, yang amat perkasa itu. Ah, keluh Hang Tuah dalam hatinya yang kian menderas, pembunuhan sia-sia. Pembunuhan alah jadi abu menang jadi seperti yang dilakukannya ke atas sahabat karibnya Hang Jebat.

“Aku amat menyesal.”

Laksamana dan Pak Pandir menajami muka Hang Tuah yang tiba-tiba mengeluh dan menopangkan dagunya dengan kedua-dua tapak tangannya. Laksamana merenung wajah Hang Tuah dengan tepat dan menelitinya. Alangkah hebatnya manusia ini, fikir Laksamana. Walaupun badannya agak kecil kalau dibandingkan dengan dirinya sendiri, tetapi dia dapat mengagak, Hang Tuah bukan calang-calang orang. Bernas dan bulat. Benarlah dia dapat membunuh Indrajit yang amat perkasa itu, tetapi dengan manusia asing seorang ini belum tentu panahnya akan berjaya. Laksamana mengerling ke pinggang Hang Tuah. Senjata apakah yang pendek itu? Inikah senjata yang menyebabkan manusia ini perkasa dan gah namanya sepanjang zaman? Laksamana cuba berfikir. Mungkin inilah. Mungkin. Sebab tidak semua senjata itu panjang seperti panah.

Kau tidak memanahkah? Tanya Laksamana dalam hati.

"Aku sudah tentu paling menyesal."

Hang Tuah berpaling ke kiri. Laksamana berpaling ke kanan. Di antara mereka berdua, Pak Pandir bertenggek di tengah. Manusia apakah ini? Tanya Laksamana dalam hati. Manusia dari negeri manakah ini? Hang Tuah berasa musykil. Mengapa Pak Pandir mengeluh dan amat berat pula? Ah, tentulah sama sahaja dengan mereka: Sama-sama menyesalkan tindakan lalu yang tidak usul periksa. Keluhan Pak Pandir itu amat hebat dan menampakkan kekeruhan yang mendalam.

Hang Tuah memandang muka Laksamana. Dan, Laksamana pula perlahan-lahan menentang pandangan Hang Tuah yang tajam itu. Berderau darah Laksamana. Berderau juga darah Hang Tuah. Akan tetapi, dengan cepat Hang Tuah dapat menangkap pandangan Laksamana itu. Pandangan itu menampakkan perasaan yang keluh-kesah dan cuba menyembunyikan perasaan dalaman yang hampir-hampir akan melompat keluar. Maka Hang Tuah pun bersuara. Suaranya seperti kelembutan bayu pagi seperti kelembutannya yang lalu kerana sekarang Hang Tuah berdepan dengan Laksamana, adik seibu sebapa dengan Seri Rama.

"Wahai Laksamana." Hang Tuah berhenti sekejap.

Pak Pandir terpinga-pinga berpaling ke kiri dan berpaling ke kanan. "Kita sudah berada lama di atas wakaf ini. Kita bertiga sudah lama juga berkenalan dan tahu nama masing-masing. Maka eloklah kita cuba jangan cuba menyembunyikan kerusuhan hati kita. Biarlah kita cuba meringankannya dengan berkongsi kesedihan dan kesesalan kita. Sebab, kalau

kita sembunyikan, maka selama itulah kita akan menderita.”

“Hamba setuju dengan pendapat tuan hamba itu,” jawab Laksamana. Busur panahnya diletakkan di atas bendul wakaf yang kelihatan agak kumal-kumal itu. Mengangkat seberkas panahnya di atas belakang. Meletakkannya berhampiran dengan busurnya. “Telah lama juga hamba fikirkan untuk membuang segala kesesalan hamba. Akan tetapi, hamba tidak dapat berfikir bagaimana hendak meringankannya.”

“Hamba amat setuju dengan pendapat Hang Tuah itu,” Pak Pandir menyokong. “Telah berabad-abad kita dilanda kerunsingan dan kesedihan dan kesesalan, tetapi tidak ada jalan untuk meringankan beban kita. Mudah-mudahan dengan cara meluahkan perasaan kita bertiga, beban itu akan meringankan dosa dan kesalahan kita.”

“Generasi akan datang pun akan tahu mengapa kita melakukan sesuatu. Dengan demikian mereka akan mengampunkan dosa kita.”

Pak Pandir melompat ke tengah wakaf. Hang Tuah pun mengangkat kakinya ke atas wakaf. Mukanya menghadap bulat ke arah Laksamana yang masih menyenggang. Hang Tuah merapatkan sila. Pak Pandir pun merapatkan sila. Laksamana mula mengangkat kakinya dari tanah. Laksamana tidak merapatkan sila. Laksamana duduk melutut. Dan, mereka bertiga cuba duduk dalam keadaan satu bulatan. Sekira-kira dapat melihat muka masing-masing dengan terang dan jelas.

Hang Tuah tunduk. Laksamana mendongak. Pak Pandir tersedu-sedu. Dia cuba menahan sedunya selepas bercakap tadi. Akan tetapi, sedunya masih

juga tersedak-sedak. Hang Tuah seperti akan pecah. Dirasakan adanya tidak akan tertahan menelan sedu Pak Pandir. Hang Tuah tunduk memberikan simpati. Siapakah yang dibunuh oleh Pak Pandir sehingga dia amat menyesal? Dalam kenangan selintas itu, Hang Tuah dapat melihat Hang Jebat yang amat mesra dengannya. Terlihat ketika mereka sama-sama melawan dan membunuh lanun di laut sewaktu kecil. Terlihat bagaimana mereka sama-sama mempermainkan Patih Gajah Mada dan Betara Majapahit, terutama di dalam taman larangan. Terlihat bagaimana dia bersama-sama Hang Jebat dan Hang Kasturi bahu-membahu menyongsong ke Pahang. Dan, mereka kemudiannya membunuh Megat Panji Alam dan Megat Kembar Ali. Dan, bagaimana setia dan teguhnya Hang Jebat bersahabat dengannya: Sanggup mati kerana membela kematiannya. Mengapa semua itu terjadi dan dia sanggup kemudiannya membunuh sahabatnya itu? Tiba-tiba Hang Tuah tersedu-sedu dan tertunduk-tunduk oleh tangisnya yang amat sangat.

"Wahai tuan hamba." Tiba-tiba suara Laksmadana memecah dalam esakan dan seduan Pak Pandir dan Hang Tuah itu. "Jangan tuan hamba berdua bersedih cita. Hamba juga seperti tuan hamba berdua. Marilah kita berbicara dengan dada lapang selampang ruangan penyesalan kita berabad-abad itu. Marilah kita melihat kesalahan dan dosa kita. Marilah kita saling meletakkan di atas wakaf ini segala perbuatan kita yang lalu. Marilah."

Hang Tuah melihat ruang hari masih panjang. Tanda-tanda akan malam belum ada. Keadaan ini selalu berlaku sepanjang zaman. Hang Tuah merenung Pak Pandir. Orang tua itu masih belum dapat

menahan seluruh seduannya. Masih ternampak tubuhnya bergerak-gerak. Hang Tuah menggagahkan semangat dan berkata, "Wahai, Pak Pandir, gerangan apakah tuan maka begitu sekali bersedih cita?"

Pak Pandir membulatkan matanya pada Hang Tuah. Kemudian, menjatuhkan matanya pada Laksamana yang sedang pula menajaminya. Mahu disembunyikankah? Pak Pandir terasa agak segan. Akan tetapi, kalau masih disembunyikan, dia akan menanggung azab sepanjang zaman. Tidak! Pak Pandir membentak dalam hatinya. Dia akan mencurahkan segala-galanya. Dia tidak akan malu. Tidak akan malu!

"Ya. Ceritakanlah. Dan, kemudian kita kongsi bersama kedukaan itu," Laksamana menyokong.

Pak Pandir melihat ruang masa. Mak Andeh sudah pergi. Mereka tidak akan bertemu lagi. Dalam suasana keheningan melihat ruang masa itu, Pak Pandir berkata dengan suara yang amat perlahan, "Aku telah membunuh anakku."

Hang Tuah tersentak. Tangan kanannya mencak hulu keris pendeknya. Matanya bulat meneropong ke dalam muka Pak Pandir. Laksamana mengerling busur panahnya. Tangan kirinya memegang sebatang anak panah. Tiba-tiba hati Hang Tuah dan Laksamana menjadi cair. Pak Pandir tersedu-sedu kembali.

"Kau membunuh anakmu?" Hang Tuah terhairan-hairan.

"Tuan hamba patut menyesal kerana perbuatan tuan hamba itu," sampuk Laksamana. "Tapi ceritakanlah sebab-sebabnya. Itu mungkin mengurangkan penyesalan."

"Sebenarnya," Pak Pandir mulai menerangkan. Sedunya masih menggerak-gerakkan tubuhnya yang melidi itu. Menyambung, "Sebenarnya, hamba bukan bertujuan membunuh putera lelaki sulung hamba dengan Mak Andeh itu. Silapnya Mak Andeh tidak menceritakan setiap bayi itu ubun-ubunnya lembik. Hamba sangka kepala anak hamba naik bisul dan sedang mengangkut nanah. Jadi, hamba pun colek kepala anak hamba itu dengan hujung pisau cukur. Itulah yang menyebabkan kematiannya." Pak Pandir tersedu lagi. "Dan itulah sebabnya hamba berulang-alik ke pusara anak hamba itu. Hamba terlalu sedih dan menyesal."

Hang Tuah dan Laksamana terdiam. Masing-masing saling pandang-memandang.

"Barangkali Tuhan telah menentukan anak tuan hamba menjadi orang jahat kalau dewasa nanti. Maka baiklah dimatikan sejak kecil lagi," kata Hang Tuah menjejukkan hati Pak Pandir.

"Ya juga," sampuk Pak Pandir dengan cepat. "Mungkin jahat seperti tuan hamba."

Hang Tuah menundukkan mukanya ke lantai wakaf yang hitam dan berdaki itu. Jauh-jauh dalam hati Hang Tuah membenarkan apa yang dikatakan oleh Pak Pandir. Dia sebenarnya orang yang jahat. Orang yang tidak mengenang budi. Orang yang tidak tahu membalas harga jasa kawan. Orang yang selama-lamanya berjiwa hamba. Maka mengapakah dia tidak dimatikan Tuhan awal-awal seperti anak Pak Pandir itu?

"Pak Pandir tidak salah." Tiba-tiba Laksamana menolong melegakan penyesalan Pak Pandir. "Sekurang-kurangnya Pak Pandir tahu akan harga kasih sayang. Kerana Pak Pandir ada isteri dan ada anak.

Akan hamba sendiri?" Laksamana menunjukan pertanyaan itu pada dirinya sendiri. Dan, lalu menjawabnya dengan penuh perasaan hiba, "Hamba sendiri tidak tahu harga kasih sayang. Hamba tidak beristeri. Hamba tidak mempunyai anak. Hamba hanya menjadi kuli kepada abang hamba Seri Rama dan isterinya Sita Dewi. Kerana mereka berdua jugalah maka hamba menanggung penyesalan sepanjang zaman."

Pak Pandir melihat Hang Tuah. Hang Tuah merenung Laksamana.

"Tuan hamba tidak beristeri? Mengapa?" Pak Pandir menyoal. Hairan tegak berdiri di dalam dada Pak Pandir. Merenung muka Laksamana dengan tajam. "Adakah anu tuan hamba bertaraf terung bakar? Atau tuan hamba putus harapan?"

"Tuan hamba jangan salah faham." Laksamana bersuara agak kuat. "Barang hamba kuat. Tapi hamba bersumpah tidak akan menyentuh perempuan kerana abang hamba Seri Rama sangat cemburu kepada isterinya sebab hamba selalu berada di rumah."

"Mengapa tuan hamba selalu di rumah?" Pak Pandir hairan.

"Hamba sangat sayang pada abang hamba. Dia selalu dimusuhi oleh bota dan raksasa. Hamba selalu berwaspada kerana kaum bota dan raksasa itu hendak memusnahkan rumah tangga abang hamba." Laksamana merenung muka Pak Pandir.

"Apabila Sita Dewi dilarikan oleh Rawana, hambalah yang menyerang Langkapuri. Putera sulung Rawana, Raja Indrajit itu amat sakti. Wivisana yang telah belot kepada Rawana telah menceritakan kelemahan Indrajit. Dan hanya hamba yang dapat

membunuhnya. Kesempatan itulah hamba membunuh Indrajit. Dan inilah penyesalan hamba."

"Tidak patut tuan hamba sesal kerana tuan hamba telah menyelamatkan rumah tangga abang tuan hamba," Pak Pandir menegaskan dengan sungguh-sungguh.

Pak Pandir berpaling ke arah Hang Tuah. Hang Tuah sedang tunduk. Keris pendeknya sudah diletakkan di atas lantai wakaf yang hitam dan bertampung-tampung itu. Wajahnya amat rusuh.

"Yang hamba kesalkan," kata Laksamana dengan wajah yang seruh. "Hamba telah membunuh seorang makhluk kerana kepentingan dan keseronokan orang lain. Hamba dan Indrajit telah menjadi hamba dan menjadi korban kepada orang lain yang mendapat nikmat keseronokan. Indrajit mati hamba panah. Indrajit meninggalkan isteri dan anak-anaknya, berjuang hanya kerana nafsu ayahnya Rawana yang melarikan isteri orang. Indrajit kemudian mati. Dan hamba menang. Tapi hamba tidak beroleh apa-apa. Yang seronoknya Seri Rama. Jadi, antara hamba dengan Indrajit sama saja: Menang jadi arang alah jadi abu." Laksamana menunduk dan menguis-menguis lantai hitam itu dengan hujung jari telunjuknya seperti sedang menguis-menguis penyesalan dari hatinya.

"Perbuatan kita serupa," tiba-tiba Hang Tuah menyampuk Laksamana. "Kita sama-sama menjalankan tugas untuk keseronokan orang lain. Kita korbankan orang lain untuk kepentingan orang tertentu. Inilah silap kita. Inilah salah kita. Inilah."

"Tuan hamba juga begitu?" Laksamana kurang puas dengan penjelasan Hang Tuah tadi.

"Ya," Hang Tuah menjawab dengan cepat.

“Hamba terlalu bodoh tidak mengenal kebenaran. Asalkan dapat menjadi abdi dan mendapat pangkat laksamana, hamba sanggup berbuat apa saja hatta membunuh sahabat karib sendiri. Hamba telah membunuh sahabat yang sebenarnya seperti saudara hamba sendiri.”

“Mengapa nama hamba disebut tadi?” tanya laksamana dengan hairan. “Apa itu pangkat laksamana?”

“Ya, tuan hamba,” jawab Hang Tuah. “Seseorang yang berjasa kepada negara, kononnya, mereka akan diberi pangkat laksamana, iaitu pangkat yang amat tinggi, boleh membunuh tanpa usul periksa.”

“Mengapa nama hamba digunakan?” tanya Laksamana lagi.

“Mungkin kerana tuan hamba sendiri bersifat pembunuh tanpa usul periksa juga,” tiba-tiba sampuk Pak Pandir. “Bukankah tuan hamba sendiri membunuh Indrajit tanpa usul periksa salah benarnya?”

“Mungkin juga begitu,” Hang Tuah menyokong Pak Pandir.

Maka terpancarlah dalam batin hati Laksamana kebenaran namanya digunakan oleh orang zaman dulu dan zaman sekarang. Semuanya untuk menggambarkan sifat abdi yang dimilikinya tatkala berhamba dengan Seri Rama dan Sita Dewi. Terasalah malunya Laksamana tanpa ditahan-tahan. Rupanya namanya itu diabadikan kepada gelaran orang-orang yang menjadi abdi kepada orang-orang tertentu itu. Alangkah malunya namaku digunakan demikian. Alangkah jatuhnya air mukaku. Alangkah.

Laksamana terus menundukkan kepalanya.

“Tuan hamba belum menamatkan kisah tuan

hamba," kata Pak Pandir setelah Hang Tuah lama terhenti oleh sikap Laksamana yang telah membuang muka itu.

"Silapnya kerajaan Sang Maniaka tidak ada perlembagaan," Hang Tuah meneruskan ucapannya dengan nada suara yang amat perlahan, sekira-kira dapat didengar oleh Pak Pandir dan Laksamana.

Laksamana mendongak. Pak Pandir agak terlopong mulutnya mendengar perkataan akhir Hang Tuah itu.

"Perlembagaan?" tanya Laksamana.

Pak Pandir mengangguk.

"Ya. Perlembagaan," Hang Tuah menjawab dengan cepat. "Kalau Sang Maniaka ada perlembagaan, sesiapa yang bersalah mestilah dihukum dengan adil. Dan siapa yang tidak bersalah akan hidup dalam aman sentosa."

"Perlembagaan itu semacam undang-undang?" tanya Pak Pandir.

"Induk kepada undang-undang dan segala susunan pentadbiran negara," jawab Hang Tuah dengan menajamkan matanya ke dalam muka Pak Pandir. "Kalau Sang Maniaka mencipta perlembagaan kemudian dijalankan kuat kuasa undang-undang, Hang Jebat tidak akan teraniaya. Dan, hamba tidak akan membunuh Hang Jebat. Dan, Bendahara tidak akan menyembunyikan hamba semata-mata kerana menganggap hamba tidak bersalah. Sebab, segala tuduhan itu mestilah diserahkan kepada mahkamah. Mahkamah itulah yang menentukan hamba bersalah atau tidak. Dengan demikian tidaklah Hang Jebat bertindak kerana marahnya atas hukuman bunuh tanpa usul periksa itu ke atas hamba oleh Sang Maniaka. Dan dengan demikian, tidaklah ada lagi

masalah Hang Jebat menderhaka. Tidak timbul juga masalah hamba membunuh Hang Jebat. Sebab, hamba dan Hang Jebat tidak bersalah."

"Dan yang bersalah itu siapa?" Pak Pandir bertanya dengan cepat.

"Yang bersalah itu Sang Maniaka. Dia tidak usul periksa apabila Patih Karma Wijaya mengadu hamba mengurat gundiknya."

"Sang Maniaka betullah bodoh dan tidak berhati perut sehingga menyebabkan tuan hamba menyesal sepanjang zaman." Pak Pandir mengangguk-angguk, dan melihat Laksamana yang dari tadi diam sahaja. "Perlembagaan itu perlu wujud. Dan kalau demikian, perlembagaan itu akan dapat menjamin keselamatan rakyat dan menentukan kedudukan Sang Maniaka dan suku-sakatnya tidak menjalankan perintah dengan buta tuli saja."

Laksamana termenung. Hang Tuah melihat ke kejauhan. Pak Pandir mula berfikir. Memang benar, fikirnya. Hang Tuah dan Laksamana hidup di bawah kerajaan tidak ada perlembagaan dan undang-undang awam. Mereka menjalankan sesuatu tugas hanya kerana keinginan peribadi orang tertentu. Dan, selalunya peribadi itu adalah orang yang sangat besar nafsunya. Akan tetapi, Pak Pandir tidak dapat menyebut siapa peribadi serupa itu. Tentu dapat! Tiba-tiba Pak Pandir melihat peribadi Sang Maniaka, Seri Rama, dan Rawana. Ketiga-tiga peribadi inilah, termasuk suku sakatnya sampai hampir akhir dunia, yang menjerumuskan manusia bodoh seperti ini dan seperti Hang Tuah dan Laksamana. Teranglah dalam hati nurani Pak Pandir bahawa perlembagaan itu perlu. Dan, jauh-jauh dalam hati Pak Pandir tidak mengerti apakah yang dimaksud-

kan dengan perlu itu. Dia tidak tahu. Tidak tahu. Barangkali Hang Tuah pun tidak tahu. Barangkali Laksamana pun tidak tahu. Tidak tahu!

"Hamba tumpang dukacita atas tragedi yang menimpa tuan hamba," Pak Pandir meneruskan kata-katanya setelah lama terhenti. Matanya melihat Hang Tuah dan Laksamana yang masih rusuh dan seruh sahaja. "Kedua-dua tuan hamba telah berjasa kepada Sang Maniaka dan Seri Rama, tetapi tuan hamba mendapat penderitaan dan kedukacitaan yang amat parah."

Pak Pandir melihat ruang hari masih panjang. Daun-daun menghijau dan suara burung masih memramaikan suasana hati yang riang dan panjang itu. Dalam hati Pak Pandir masih terasa ngilu akan perbuatannya membunuh anaknya itu. Siapa yang tidak sayang akan anak dan dengan sengaja membunuhnya? Dan tiba-tiba terfikir kepala Pak Pandir terfikir bahawa Sang Maniaka dan Seri Rama juga sudah membunuh anak-anak mereka dengan kekejaman dan kebodohan mereka. Sang Maniaka tanpa sengaja telah membunuh Hang Tuah dan Bendahara kerana ketololan fikirannya. Tidakkah Sang Maniaka membunuh Hang Tuah dan Bendahara apabila dia sudah salah memberi perintah? Tidakkah bertindak Sang Maniaka itu sama saja dengan dia mencolek ubun-ubun anaknya tanpa sengaja telah membunuh anaknya? Jauh-jauh dalam hati Pak Pandir terlihat rupa Sang Maniaka yang kacak dan berwajah bodoh dan selamba. Hukuman-hukumannya adalah hukuman-hukuman yang berlandaskan nafsunya: Hang Tuah diampun kerana membawa balik Tun Teja. Hang Tuah dibunuh kerana dikatakan telah mengurag gundiknya. Bukankah tindakan Sang Maniaka itu

berdasarkan nafsu syahwatnya semata-mata?

Pak Pandir mengerling Hang Tuah. Manusia itu sedang merenung langit luas. Mengerling Laksamana. Manusia yang agak-agak keindiaan itu sedang merenung lantai wakaf yang hitam dan bertampung-tampung. Mereka sedang enak dengan fikiran mereka yang bercabang-cabang, fikir Pak Pandir. Mereka kehilangan kata. Mereka tidak mungkin kembali ke dunia lama mereka. Hang Tuah tidak mungkin kembali ke dunia Melaka yang ideal itu. Laksamana juga tidak mungkin kembali ke dunia kayangan lagi. Kedua-dua dunia itu sudah berlalu. Akan tetapi, jauh-jauh dalam fikiran Pak Pandir, dunia lama yang indah dengan nafsu tanpa akal itu tentu juga wujud dalam zaman moden. Tidak mungkin Sang Maniaka akan berulang kembali. Tidak. Tidak mungkin.

“Apakah tuan hamba fikir Sang Maniaka akan kembali lagi?”

Hang Tuah terperanjat mendengar pertanyaan Pak Pandir yang mendadak itu.

“Maksud tuan hamba?”

Hang Tuah menegakkan kepalanya. Matanya menajam ke dalam muka Pak Pandir. Laksamana juga.

“Maksud hamba, adakah Sang Maniaka akan wujud lagi?” Pak Pandir mengepal-gepalkan tinjunya ke atas lantai wakaf itu. Menunggu jawapan Hang Tuah.

“Ya. Memang sudah wujud. Tuan hamba belum mengetahuinya?”

“Sudah wujud?” Pak Pandir hairan.

“Bukankah kita sudah ada Sang Maniaka?” Hang Tuah menduga kefahaman Pak Pandir.

"Ya. Hamba setuju dengan tuan hamba," tiba-tiba Laksamana menyokong Hang Tuah. "Seri Rama juga wujud dan sedang tercokol seperti dulu-dulu juga."

"Hanya mereka dibataskan oleh had-had kuasa tertentu. Kuasa perlembagaan," Hang Tuah menegaskan dengan agak jelas.

Terpancarlah dalam hati nurani Pak Pandir suatu kefahaman yang jelas. Pak Pandir telah melihat Sang Maniaka dan Seri Rama itu. Sudah melihatnya. Alangkah bodohnya aku selama ini. Mengapa aku tidak nampak kedudukan Sang Maniaka itu?

"Ya hamba faham," kata Pak Pandir dengan darjah tahu yang mendalam. "Masih ada juga Sang Maniaka yang bersikap seperti dulu-dulu, seperti dalam zaman tuan hamba, Hang Tuah."

Hang Tuah merenung Pak Pandir lebih tajam. Manusia ini amat tajam darjah kefahamannya. Amat cepat menangkap mata dan mentafsirkannya dalam bentuk analisis yang mendalam. Pak Pandir yang cerdik dan pintar. Pak Pandir yang berakal dan sanggup mengunyah segala fikiran orang lain secara yang tersirat.

"Apa yang tuan hamba maksudkan?" tanya Hang Tuah dengan hairan.

"Oh, tuan hamba sengaja tidak mahu tahu. Atau sengaja membuat tidak tahu?"

"Tidak. Hamba belum tahu dan kurang arif dengan perkataan tuan hamba itu." Hang Tuah merendah diri.

"Tidakkah ada Sang Maniaka mencabut gelaran kebesaran rakyatnya kerana semata-mata dia tidak setuju dengan sikap rakyatnya yang dianggap berjasa dulu itu? Tidakkah ini sama saja dengan apa yang

telah dilakukan kepada tuan hamba ratusan tahun yang lalu? Memberi gelaran, mencabut, memberi gelaran, dan membunuh tuan hamba?"

Hang Tuah senyap-senyap dalam hatinya mengakui kepintaran dan akal Pak Pandir. Mengapakah zaman-berzaman orang mengatakan Pak Pandir bodoh; dan kalau seseorang yang bertindak bodoh dianggap sebagai Pak Pandir? Hang Tuah kurang maklum. Hang Tuah cuba menafikannya. Tidak. Pak Pandir memang pintar. Pak Pandir sudah belajar daripada kesalahan dalam ruang zaman dulu untuk masuk ke dalam ruang zaman sekarang. Pak Pandir sudah banyak belajar dengan pengalaman purbakala untuk menanjaki kakinya ke dalam masa depan, zaman moden.

"Tuan hamba tidak patut mengucapkannya," kata Laksamana dengan lunak. Suaranya perlahan dan jelas.

"Ya. Saya kurang setuju dengan Pak Pandir yang berterus terang itu," Hang Tuah menyampuk.

"Tapi segala-galanya jelas, tuan hamba," Pak Pandir cuba menjelaskan. "Tuan pernah kenal dengan kawan hamba yang bernama si Luncai?"

Hang Tuah mengangguk. Laksamana menggeleng. Ada tanda hairan dalam mata Laksamana. Nama itu belum didengarnya.

"Si Luncai? Hamba belum mendengarnya," Laksamana berterus terang.

"Si Luncai amat pintar," kata Pak Pandir. "Dia telah membunuh seorang Maniaka dengan menipu Maniaka."

"Itu tak patut," Hang Tuah menyampuk. "Menipu begitu tidak bagus, apalagi kalau Maniaka itu tidak bersalah."

"Tuan hamba belum tahu cerita Luncai dengan Maniakanya." Pak Pandir membodohkan Hang Tuah dan Laksamana.

"Katakan. Katakanlah."

"Si Luncai sudah diperintah bunuh oleh Sang Maniaka hanya kerana Si Luncai mengatakan kepala botak Sang Maniaka sama dengan kepala botak bapanya."

"Hanya dengan bercakap begitu sudah dihukum bunuh?" Laksamana bertanya dengan takjub.

"Itulah pentingnya perlembagaan dan undang-undang," Hang Tuah menyampuk.

"Ya." Pak Pandir menegaskan. "Ketika dalam perjalanan untuk membunuhnya itu Si Luncai telah membuat tipu helah untuk melepaskan dirinya. Dan kemudiannya, Si Luncai datang menemui Sang Maniaka dengan mengatakan ayahanda Sang Maniaka di akhirat berkirim salam."

"Ini cerita yang menarik. Lalu bagaimana?" Laksamana begitu beria-ia hendak mengetahuinya. Laksamana mendekatkan telinganya kepada Pak Pandir.

"Sang Maniaka percaya sebab disangkanya Si Luncai betul-betul datang dari akhirat, sebab dia sudah dibunuh. Sang Maniaka percaya. Dan masuk ke dalam jurang sebuah gunung. Sang Maniaka terkubur hidup-hidup."

"Lalu?" Laksamana tanpa sabar. Wajahnya kembali kehijau-hijauan oleh gembira mendengar cerita Pak Pandir itu.

"Si Luncai kembali ke rumah Sang Maniaka. Dia menceritakan Sang Maniaka gembira di akhirat dan memberi wasiat supaya puterinya dikahwinkan dengannya."

"Puteri Sang Maniaka percaya itu?" tanya Laksamana dengan cepat.

"Semua bendahara dan temenggung percaya. Tapi puteri itu tidak. Dan, Si Luncai dikahwinkan juga dengan puteri itu."

"Malang sungguh puteri itu," kata Laksamana dengan sedih.

"Tidak," kata Pak Pandir dengan cepat. "Puteri itu telah membunuh Si Luncai waktu Si Luncai sedang tidur, kerana dia tahu Si Luncai menipu ayahnya dan menipu semua bendahara dan temenggung." Pak Pandir menerangkan keraguan Laksamana tadi.

"Tapi semuanya mestilah dibuktikan. Bukan menuduh menipu begitu saja," sampuk Hang Tuah.

"Ya. Puteri telah membawa semua bendahara dan temenggung ke jurang tempat ayahnya. Memang benar. Sang Maniaka mati terhempas ke dalam jurang."

"Silapnya Si Luncai masih ada nafsu untuk menipu semua orang, padahal Sang Maniaka yang zalim sudah dihapuskannya." Hang Tuah menandakan.

"Itulah silapnya Si Luncai kawan hamba itu," kata Pak Pandir dengan cepat. "Sebenarnya Si Luncai amat pintar dan ada bakat jadi pemimpin. Dia sudah boleh menghapuskan Sang Maniaka yang zalim. Seharusnya dia memimpin rakyat kepada kebaikan. Membuat perlembagaan dan undang-undang. Dan kemudian melantik Sang Maniaka yang baru."

"Dan, kalau Sang Maniaka yang baru memerintah, tidaklah berlaku lagi kezaliman sebab kuasanya sudah dibataskan. Tidaklah ada pembunuhan hanya kerana kepala botak yang dikatakan

sama dengan rakyat biasa," Hang Tuah cuba memanjangkan cerita Pak Pandir.

"Si Luncai memang boleh jadi pemimpin," kata Pak Pandir lagi dengan agak nyaring. "Sayangnya kerana dia bertindak untuk dirinya sendiri, bukan untuk rakyat yang terbanyak."

"Bersemangat nampaknya Pak Pandir bercakap," kata Hang Tuah dengan senyum.

"Ya, tuan hamba," jawab Pak Pandir dengan pantas. "Hamba amat kasih pada Si Luncai yang bijak. Tapi dia tidak berjuang untuk bangsa. Sebab itulah apabila puteri membunuhnya, tidak ada lagi orang yang membelanya. Kerana dia berbuat jahat dan sebenarnya memusnahkan dirinya sendiri."

"Sayangnya Si Luncai tidak berjuang untuk rakyat," kata Laksamana turut menyokong. "Si Luncai sudah berjaya meranapkan kezaliman, tapi dia masih tamak untuk dirinya sendiri. Patutlah dia mendapat ganjaran yang setimpal."

Pak Pandir mengangguk. Jauh-jauh dalam hatinya Pak Pandir mengakui kepintaran Si Luncai. Akan tetapi, kepintaran itu tidak untuk rakyat. Sebab itulah Si Luncai terkorban di tangan puteri. Dan, jauh-jauh juga dalam kepala Pak Pandir, rakyat boleh naik dan berjaya kalau perjuangannya benar. Rakyat boleh menajak kepada seakan-akan Sang Maniaka, tetapi perlembagaan itulah menentukan kedaulatan. Dan, Si Luncai telah mencapai itu. Akan tetapi, silapnya Si Luncai tidak untuk rakyat. Si Luncai hanya untuk dirinya sendiri.

"Setiap Si Luncai yang mementingkan dirinya, walaupun mendapat sokongan rakyat, akhirnya akan musnah," tiba-tiba kata Pak Pandir.

"Dan, setiap Sang Maniaka yang berkuasa dengan

nafsu syahwatnya juga tetap akan jatuh," kata Hang Tuah.

"Ya," Laksamana menyokong Hang Tuah.

"Sebab itu," kata Pak Pandir perlahan-lahan. "Perjuangan Si Luncai mestilah untuk rakyat dan menentukan perlembagaan dan undang-undang untuk Sang Maniaka dan rakyat terbanyak. Perkara timbal balik ini akan menyelamatkan Si Luncai."

Ketiga-tiga mereka tertawa. Dan merenung ruang masa yang mulai merayap untuk menggantikannya dengan malam. Mereka tersenyum dan berasa puas.

*Dewan Sastera, Oktober 1984*

## KESEMENTARAAN



**K**OTA Wangi bukan kota pertama yang dihuninya. Bukan. Sudah belasan kota yang dijejalkannya. Perpindahannya ke setiap kota dibawa oleh arus tugasnya. Isteri dan anak-anaknya turut diangkut bersama. Anak yang paling kecil berusia dua tahun lahir di Kota Panik. Anaknya yang ke atas sedikit lahir dalam perjalanan dari Kota Barati ke Kota Samurai. Dan, kemudian semua mereka dibesarkan dalam suka duka kehidupannya.

Yang menyenangkannya: Setiap kota yang dihangatkan oleh nafas tugasnya, dia sempat menikmati keharubiruan dan kekacau-bilauan kota itu.

Dan, tugasnya itu terselit di celah-celah keharubiruan dan kekacau-bilauan itu. Tugas itulah yang menyambungkan nafas anak-anaknya saban hari. Dan, kadang-kadang menyambungkan juga kehendaknya yang paling tersembunyi.

Kata orang, Kota Wangi itu kota intelektual. Dia mendengarkan sanjungan ini waktu terakhir dia akan meninggalkan Kota Panik. Kata orang, penghuni Kota Wangi hampir seluruhnya mempunyai ekor. Isterinya mendengar khabar itu dengan ragu-ragu dan bingung.

"Kita akan tinggal pada satu tempat yang jauh dan tidak ada orang?" Dia senyum. Dia sudah mafhum perasaan isterinya. Dan, dia tahu dengan maksud banyak orang berekor itu.

"Tempat yang paling ramai orang."

Isterinya waswas dengan jawapannya itu.

"Dan, orang berekor?"

"Ya," katanya membenarkan.

Dan, setelah perpindahannya bermula dan keluarganya tinggal di Kota Wangi, isterinya mulai maklum. Umumnya penghuni Kota Wangi berekor. Malah ramai pula yang menambahkan lagi ekornya tahun demi tahun. Kalau yang mendapat ekornya daripada dalam negeri, tidak akan berasa puas. Dan, cepat-cepat keluar negeri dan menambahkan ekornya satu lagi.

Golongan intelek zaman sekarang adalah golongan yang banyak mempunyai ekor, kata seorang kawan. Dia menggelengkan kepala. Ini suatu penghinaan terhadap kaum intelek, fikirnya.

"Ekor mereka dihormati. Dan, malah kerana ekor itulah mereka dihormati."

Dia tersenyum mendengar kawannya berseloroh.

"Ekor itulah menentukan gajinya."

Dia tersenyum juga mendengar sampukan seorang kawannya yang lain.

"Dia menentukan pekerjaannya."

Isterinya sudah mafhum. Anak-anaknya juga mafhum. Kota Wangi kota intelektual. Sekolah Rendah Wangi adalah sekolah anak-anak intelektual. Sekolah Menengah Wangi adalah sekolah menengah anak-anak intelektual. Sekolah anak-anak yang ibu atau bapanya mempunyai ekor. Satu ekor. Dua ekor. Atau tiga ekor.

Pasar dalam Kota Wangi sangat sesak. Kawasan-nya luas tetapi orangnya sedikit. Pasar yang sesak; kosong sejak setahun dia berada di sini. Gerai-gerainya tersadai. Gerai-gerai itu sesak. Golongan intelek tidak makan di gerai. Mereka perlukan satu tempat makan yang mempunyai hidangan istimewa. Makan istimewa. Tempat istimewa. Dan, gerai tidak menggambarkan identiti intelektual Kota Wangi, fikirinya.

"Di pasar bawah itu tak ada orang membelinya."

Dia mendengar sahaja. Isterinya lantas meletakkan barang keperluan itu. Dia menutup pintu kereta. Anak-nya yang kecil masih tidak mahu turun dari dalam kereta. Anak itu manja tidak tentu fasal.

"Jadi, *you* saja yang membelinya?"

"Tidak. Maksud *I* golongan intelektual tidak datang membeli-belah di sana."

"Yang *you* nampak ramai yang ada di situ, siapa?"

"Orang biasa. Mereka datang berjalan kaki saja."

Dia tersenyum. Isterinya kurang mafhum. Isterinya tidak tajam. Dia tahu isterinya tidak tajam. Akan tetapi, wanita yang tidak tajam inilah yang telah menerangkan lapan orang anak untuknya. Ada

sesuatu yang tajam dalam kedudukannya yang tidak tajam itu. Dia mengerling isterinya.

"Sepatutnya di Kota Wangi ini ada sepuluh plaza. Ada dua puluh emporium."

"Dan, mesti ada seratus kelab malam."

Isterinya memandang ke arahnya dengan cepat. Mata kecil yang bening itu tertanam di dalam pandangannya. Namun, dia pura-pura tidak tahu.

"Ya, kelab malam untuk golongan intelektual."

"*You* mudah sangat melenting."

"Bukankah *you* yang sebutkan?"

Dia merenung muka isterinya yang sudah kehilangan zaman mudanya kerana dirampas oleh lapan orang anaknya.

"*You* mesti faham. Golongan intelektual tidak menghabiskan masa mereka di kelab malam. Mereka menghabiskan masa di perpustakaan."

"*You* fikir intelektual itu sama dengan orang akademik?"

Dia menyepi. Ya juga, fikirnya. Golongan akademik betullah selalu berada di perpustakaan. Intelektual selalu memikirkan hal-hal di luar yang difikirkan oleh kaum akademik. Jamal yang jadi Wakil Rakyat kerana giat dalam politik bodek, sudah jadi intelektual. Salam yang lepasan sekolah darjah tiga kerana pandai mengatur jadual ceramah seorang tokoh politik, telah jadi senator. Dan, Salam dianggap intelektual. Mahasan bermula dari kerani penggawa telah menjadi setiausaha politik seorang menteri. Mahasan sudah dianggap intelektual.

"Sekurang-kurangnya kelab malam itu untuk anak-anak kita."

Selorohnya itu amat tawar. Dia tahu itu bukanlah seloroh intelek. Bukan.

"Termasuk anak perempuan *you* juga?"

Dia menyepi terus. Memang sejak dulu dia menjadi bapa yang mengongkong. Anak-anak gadisnya tidak diberi can untuk bebas macam burung. Anak-anak gadisnya mestilah menjadi seorang puteri rumah yang baik. Mesti mencontohi ibunya yang baik.

"*You* mesti tahu. Orang intelektual tidak masuk pasar. Yang *you* lihat tentu saja tukang masak mereka. Walaupun mereka tidak ke pasar, orang gaji mereka telah menguruskan segala-galanya."

Keterangan itu hanya sekadar menepiskan kata-kata isterinya tadi. Akan tetapi, isterinya telah mula menjejaki ruangan dapur. Suara anaknya yang kecil garing di dalam kereta. Dia menjenguknya dari jeriji pintu. Jeriji depan itu terkunci setiap masa. Kalau dilihat dari luar dia seolah-olah berada dalam satu kurungan. Dan, dia sendiri pernah melihat isteri dan anak-anaknya dari luar. Ratusan malah ribuan kali. Mereka berada dalam penjara. Setiap sudut rumah berkunci. Jahat benarkah orang-orang yang tinggal di kota sehingga kalau alpa sedikit saja, kerana terlupa menguncikan rumahnya, mereka akan terus merompak, menyamun atau mencurinya? Atau miskin benarkah orang-orang kota sehingga kerjanya tiap hari hendak merampas harta orang yang tidak menguncikan pintu rumahnya kerana berse-nang-senang dengan keluarga?

"Kehidupan yang tidak bermasyarakat itulah menyebabkan orang kota terpisah dari jiran. Dan, kerana itu tidak ada orang yang segan atau takut untuk berbuat jahat kepadanya."

Dia tidak maklum benar ucapan kawannya itu. Waktu dia masih di sebuah kota kecil. Boleh juga disebut sebuah kampung besar yang harmoni.

Kemudian setelah dia memungghah isteri dan anak-anaknya ke pelbagai kota besar dia dapat merasakan kebenaran itu. Di kota, orang tidak mempedulikan orang lain. Mereka masing-masing menumpukan kepada diri sendiri. Menumpukan kepada keluarganya sendiri. Nafsu-nafsi.

“Manusia ini bila semakin tinggi pengetahuannya mereka akan semakin terpisah daripada masyarakat. Sebab, dunia intelek itu adalah dunia teori, dunia yang suka memperlihatkan sesuatu yang luar biasanya.”

“Tidak semuanya begitu.”

“Memang semuanya. Semuanya.”

“Kalau demikian menunjukkan mereka tidak intelek. Mereka menyangka dirinya intelek saja.”

“Tapi memang dunia intelek itu terpisah daripada masyarakat. *You* boleh tengok di mana mereka tinggal. Mereka memilih kawasan yang menampakkan mereka bertaraf tinggi.”

“Mungkin *you* silap faham.”

“Bagaimana *I* boleh silap. *You* sendiri boleh lihat di mana-mana sekarang.”

“*You* jangan terkeliru dengan golongan teknokrat atau birokrat yang dihasilkan oleh budaya teknologi moden kita. Mereka itu terdiri dari golongan usahawan yang disokong oleh pinjaman bank berjuta-juta. Atau mereka dari golongan politikus yang menanjak naik dengan cepat kerana pandai bercakap di depan rakyat waktu pilihan raya dan mengangguk di depan ketua. Itu lain.”

“Usahawan atau teknokrat atau birokrat itu juga kebanyakannya terdiri dari golongan intelektual. Dan, mereka menukarkan status mereka saja. Ertinya mereka masih intelektual.”

Dia mendengar perbualan yang tidak rancak. Dia tahu kawan-kawannya selalu memikirkan sesuatu yang sebenarnya tidak perlu difikirkan. Akan tetapi, dia pun mengerti manusia selalu begitu. Suka memikirkan sesuatu yang tidak perlu difikirkan. Suka membincangkan sesuatu yang tidak perlu dibincangkan. Suka memberi makna kepada sesuatu yang tidak mempunyai makna. Kerana kegemaran yang aneh dan ajaib inilah, fikirnya, manusia selalu mencipta sesuatu yang dia sendiri tidak tahu. Mereka mencipta sajak kabur. Mencipta dunia kehidupan yang kabur. Lalu dengan lantang bangkit mengatakan bahawa itulah yang bermakna dan paling bererti dalam hidup manusia.

Akan tetapi, sejak dia bertenggek di Kota Wangi sejak dua tahun yang lalu, kota ini aman dan damai. Bukit gondol yang dicacakkan dengan sepuluh buah banglo (termasuk sebuah banglo seorang menteri, asalnya seorang ustaz) itu kelihatan begitu indah ketika matahari pagi tersembul di celah-celah sepuluh bangunan itu. Bukit di depannya yang gondol oleh nafsu manusia pada paras kemuncaknya yang masih penuh dengan hutan yang lebat, kelihatan amat menarik waktu malam. Yang lebih menyeronokkan bahawa Kota Wangi masih ada kodok, masih ada katak. Bila hujan sedikit saja, suara itu membauri telinganya saban malam dan sepanjang malam.

Akan tetapi, dia berasa terpisah. Kota Wangi disebut kota intelektual. Akan tetapi, manusianya tidak, fikirnya. Jamuan kenduri pada suatu siang di rumah seorang jiran bertujuan menipu. Isterinya telah menitipkan anaknya yang kecil kepada kakaknya kerana ikut meramaikan kenduri itu. Selepas baca *Yasin*, buka parti *make-up*. Semua

ternganga. Mahu tidak mahu, barang *make-up* sedikit sebanyak mesti dipesan. Dan, selepas itu hubungan isterinya dengan jiran itu tidak ada lagi. Malah, ketika isterinya membuka mulut, jiran itu pura-pura menoleh ke lain. Inikah penghuni Kota Wangi?

"I berasa sepi tinggal di sini."

Dia hanya menadah telinga saja. Isterinya sedang menatap akhbar.

"Walaupun bersama-sama dengan suami dan anak-anak *you*?"

"Sepi dengan jiran-jiran."

"Ah, pedulikan."

"Tapi, Islam tidak membenarkan kita berlaku begitu. Sekurang-kurangnya empat puluh buah rumah mesti diambil berat."

"Dan, yang dakwah sendiri tak mahu menegur dan mengambil tahu hal jiran, bagaimana *you* nak baiki itu semua?"

Isterinya diam. Dia segera teringat kepada jiran depan yang tidak pernah mengambil tahu hal jiran. Malah ketika dia dan seorang jiran India membakar sarang tebuan di atas pokok di depan rumah ustaz dakwah itu, ustaz itu tidak menjengukkan mukanya. Akan tetapi, amat garang dan banyak nasihatnya waktu membaca khutbah Jumaat. Suaranya amat lantang: Berjiran, bertakwa, mengambil berat hal fakir miskin, tolong-menolong, ribu-ribu lagi.

"Manusia itu ramai yang munafik. Cakap berbuat baik tapi praktiknya tidak."

"Mereka itu belum menerima pengajaran Islam yang sebenarnya."

"Dan, kadang-kadang mereka lebih sudu dari gulai. Mereka mendapat nur tajalli, mendapat ilham

dan sebagainya. Merekalah yang Islam, kononnya.”

“Jangan cakap fasal Islam dengan mereka. Mereka lebih tahu. Pakai jubah dan serban. Sunat demi sunat. Wajib jangan sebut lagi. *I* sokong dan setuju cakap *you*. Mereka lebih sudu dari gulai.”

Dia senyum. Dia mengerti apa yang dimaksudkan oleh kawannya itu. Mereka sedang memperkatakan kebangkitan Islam. Dan, dia menerima saranan mereka.

“Kalau mereka sebenarnya sedar akan pengajaran Islam, mereka akan beramal dengan betul. Kalau tidak, mereka akan memperalatkan Islam saja.”

“*I* fikir golongan tertentu yang dulunya anti-Islam, tapi sekarang terlalu kuat sehingga tak mahu televisyen, tak mahu baca surat khabar, tak mahu naik kereta, *I* agak mereka masuk Islam kerana *trend* semata-mata.”

Dia mendengar dengan penuh minat. Dia tidak perlu masuk campur. Mendengar itu lebih baik daripada ikut campur kalau tidak tahu.

“Golongan baru Islam banyak memberi fatwa. Kalah mufti dibuatnya.”

Dia ketawa kuat. Kawan-kawannya menajamkan mata ke arahnya.

“Mufti pun jarang membuat fatwa.”

Dia cuba menyampuk. Kawannya tersenyum.

“Dalam soal kafir-mengkafir sampai sekarang mufti belum memberi fatwa.”

“Barangkali mufti kurang Islam. Tapi, golongan intelektual pendidikan Barat itu lebih Islam lagi daripada mufti.”

Dia merenung ke kejauhan. Jauh itu kosong. Dia melihat ke kedekatan. Dekat itu kosong juga.

“Intelektual Islam sekarang terlalu ramai. Macam-

macam pendapat dan fatwa kita boleh dengar.”

“Ya.”

“Ulama-ulama baru yang baru sekarang mengenal Islam ini lebih alim dan lebih faham tentang Islam. Kononnya.”

“Tapi, mereka pun mendalaminya. Tentu ada alasannya yang kuat.”

“Kuat apa? Kuat bagaimana kalau di luar Islam itu pun ada orang mukmin? Beriman bagaimana kalau tuhan sudah dua tiga: ada tuhan bapa, tuhan anak dan roh suci? Beriman dan tauhid bagaimana kalau menyembah patung dan membuat patung?”

Kota Wangi memberinya ketenangan. Kota ini amat kecil dalam kemampuan rohnya yang besar. Walaupun manusia jin ramai di sini, dia mampu menghadapinya. Dia sanggup menjinakkan jin itu. Sanggup.

“Walaupun jin itu berekor, *I* sanggup mendepani mereka.”

“Mereka tidak akan mendengarkan apa yang *you* cakapkan.”

Dia merenung muka isterinya. Benarkah?

“Jin yang berekor itu mudah jinak.”

“*I* tak yakin. Sebab, *I* tahu jin berekor susah dijinakkan. Mereka berasa ada kepala sendiri. Bukan macam *you* jinakkan jin kampung.”

Benar juga fikirnya. Semakin manusia berasa cerdik semakin mereka susah dibentuk. Itu manusia. Tapi, bagaimana setelah mereka menjadi jin? Istilah jin itu dengan tiba-tiba saja muncul dalam kepalanya. Dia menaikkan status manusia yang berekor itu kepada jin, dan yang tidak berekor itu manusia biasa. Manusia biasa terjadi daripada unsur tanah. Jin terjadi daripada unsur cahaya. Dan,

manusia yang mendapat ekor itu adalah kerana adanya cahaya di dalam diri sehingga mereka menanjak naik. Maka mereka adalah jin.

"*You* tidak boleh menentukan mereka akan mengikut apa yang *you* kata. Tidak mungkin."

"Biarkan."

Isterinya menajamkan matanya ke arahnya. Barangkali hairan, fikirnya. Bukankah tadi dia menyatakan akan membentuk fikiran jin itu menjadi satu? Dan, tiba-tiba sekarang dia menyatakan biarkan?

Akan tetapi, dia tahu. Dia tidak akan sanggup berbuat demikian. Kota Wangi dipenuhi oleh penghuni berekor. Dan, mereka tidak akan bersatu. Kerana, dia berfikir terus, penghuni jenis ini ada akal dan amat tinggi, akan tetapi tidak ada kesedaran batin.

Mereka sebenarnya wujud daripada sistem pendidikan liberal yang salah. Mereka ditanamkan dalam kepalanya dengan otak ala Boy George dan berkemahuan seperti kehidupan dalam 'Dallas' dan 'Dynasty'. Mereka kehilangan diri sebenarnya.

"*You* ada tanggungjawab. *You* ditugaskan di Kota Wangi ini, untuk itu. Bagaimana *you* akan mengatakan 'biarkan' saja?"

Dia merenung langit malam yang bergunung dan berbukit. Tugasnya di sini. Kewajipannya di sini.

"*You* tentu akan ditukarkan lagi kalau tidak dapat menentukan kejayaan *you* di sini. Berapa puluh kota lagi *I* dan anak-anak kita akan berpindah-randah?"

Jalan fikirannya bersimpang-siur. Dia bertugas untuk mengembalikan manusia dan jin dan makhluk berekor ini kepada pangkal kedudukan yang hakiki.

Akan tetapi, dia tidak tahu di mana tugas ini akan dimulakan. Dengan tiba-tiba dia berasa keluh-kesah kerana Kota Wangi yang kecil dan harmoni sebenarnya lebih besar dari semua kota yang telah dihuninya.

"*I* tak mahu jadi nomad. Hidup dalam pengembaraan sepanjang zaman. Sepanjang hayat *I*."

Kadang-kadang manusia ini sedar akan bentuk kehidupannya, fikirnya. Walaupun mereka tidak dapat mencorakkan kehidupan mereka yang sebenarnya, fikirnya lagi. Isterinya salah satu daripada kalangan itu. Isterinya sedar sekarang: Mahu hidup tetap dan tak mahu berpindah lagi.

"Kita hanya merancang. Tuhan yang menentukannya."

Dia puas dengan kata-katanya itu. Akan tetapi, telinganya amat bosan dengan kata-kata klise itu. Amat membosankan.

"*I* akan berusaha juga. Tapi, *you* tahu *I* lemah. *I* hanya petugas dalam sesuatu masa bukan sepanjang masa."

Isterinya tersenyum.

"*You* jin sebenarnya."

Isterinyakah yang berkata itu?

*Dewan Budaya, Mac 1985*

## RINDU SERI SAMUDRA



**M**AKA dengan tiba-tiba matahari menjadi malu ketika Puteri Syahnaz menjengukkan mukanya melalui gerbang depan Seri Samudra. Sepasang mata Puteri Syahnaz yang jernih bagai embun pagi mengerling ke Teluk Kedak, tertampan pada batu-batu sunyi dan sepi. Dan tiba-tiba laut Teluk Kedak yang jernih meriak-riakkan cintanya perlahan-lahan menyambut kerlingan mata Puteri Syahnaz yang jatuh di permukaan laut yang tenang itu. Angin pun berhenti bertiup. Burung-burung laut menjatuhkan sayapnya. Awan pun berhimpun dan mengumpulkan mendung untuk mendinginkan kerlingan dan

jelingan Puteri Syahnaz. Maka batu-batu dari seratus dua pulau pun mendiamkan diri dengan lagu bisu yang damai dan sepi dan terasing. Ketam dan siput laut dan ikan dan udang menyembunyikan muka dan malu tersipu-sipu. Dan, semua malunya itu tersembunyi di celah-celah batu di mana-mana. Di mana-mana. Di mana-mana.

Dua sayap pandangan Puteri Syahnaz yang berputar-putar lembut di dalam kelopak matanya yang sejuk oleh teduhan bulu matanya yang hitam dan melentik, terbang ke tepian pantai batu yang memanjang. Pandangan Puteri Syahnaz segera tertampam pada jeti Langkawi yang mulai diserbu oleh para pencinta Saga. Zaharah, Pantas, dan banyak lagi. Ah, Puteri Syahnaz merungut kecil dalam hatinya. Malas dia hendak menggambarkan perjalanannya dua tiga hari lepas. Dan, seperti dua sayap rama-rama yang ringan dan nipis dan indah dalam warna-warni, seriak debaran terbangun di dalam dada Puteri Syahnaz. Tentu sahaja Jejaki yang tidak pernah dicintainya itu berada di situ. Atau sedang berlari-lari di sepanjang jalan batu di tepian pantai sebelah masjid Kuah. Atau sedang menyepak-nyepak udara pagi di laut Teluk Kedak berhampiran sampan Dayang Bunting tenggelam. Atau? Puteri Syahnaz cuba memeta-meta gerak laku Jejaki yang riang dan jenaka. Puteri Syahnaz berasa berada dalam kegirangan Jejaki yang tidak pernah dicintainya itu. Entah bagaimana, demikian Puteri Syahnaz mendesis dalam hatinya, dia berasa dirinya dewasa dengan tiba-tiba dan bersedia untuk menerima sesuatu. Apakah sesuatu itu? Ah, malu! Akan tetapi, mahu rasanya. Dan, tiba-tiba Puteri Syahnaz menjadi tersipu-sipu dan segera bersembunyi

di balik pintu hatinya yang nipis dan berwarna-warni.

Puteri Syahnaz tidak melihat Jejaki yang selalu menapak di pantai. Akan tetapi, Puteri Syahnaz tahu, Jejaki tentu sahaja berada di mana-mana di sepanjang pantai yang berbatu-batu itu. Jejaki tentu saja sudah berkeringat; dan keringat itu adalah kejantanan seorang lelaki. Puteri Syahnaz sudah maklum sejak dia menapak ke Seri Samudra ini: Jejaki dengan budak kundangnya yang cerdik sudah melampaui kemampuan manusia biasa. Jejaki seorang sateria yang jenaka dan pandai mempertaruhkan jiwa untuk menggembirakan orang lain dalam patah-patah perkataan yang menimbulkan ghairahnya untuk menjadi gadis yang dewasa. Puteri Syahnaz dengan dayangnya yang putih melepak selalu terusik oleh pandangan Jejaki seperti endah tak endah. Dan, pandangan endah tak endah itu sebenarnya adalah yang paling tajam dan merobek-robek jantung Puteri Syahnaz.

Segugus kenangan terbangun dan menghidupkan kelakuan Puteri Syahnaz. Pertemuannya yang singkat dengan Jejaki dan budak kundangnya adalah pertemuan yang tidak dikehendaknya. Puteri Syahnaz cuba menyalahkan situasi pertemuan yang tidak diinginkannya. Biarlah dia tidak melihat wajah Jejaki yang tidak disenangnya melalui ketajaman mata Jejaki yang endah tak endah itu. Akan tetapi, dalam diam-diam Puteri Syahnaz menerima kehadiran Jejaki yang selalu pula menapak dengan hebat dan garang dalam dadanya. Mengapa manusia ini selalu bergerak dalam ruangan dadanya? Puteri Syahnaz berasa dirinya sudah dewasa dan mampu menerima sesuatu. Apakah yang sesuatu itu? Puteri Syahnaz menjadi malu dan tersenyum. Ombak Teluk Kedak

pun berhenti dan meriakkan cinta alami di puncak buih yang terapung-apung dan dengan segeranya pula menghilang ke dalam kesenyapan yang diam.

Seperti tidak terancangkan Puteri Syahnaz menapak pada pagi itu bersama-sama dayangnya yang putih melepak dan lembut seperti kapas itu. Bayang-bayang Jejakikah itu yang sedang bergerak-gerak dalam udara pagi Teluk Kedak yang sedikit dibisingi oleh deru enjin di jeti itu? Puteri Syahnaz melekatkan matanya ke atas wajah dayangnya. Dayangnya juga memerhati sesuatu riak yang entah apa yang sedang terbangun di permukaan wajah Puteri Syahnaz. Dayang sudah maklum. Puteri Syahnaz telah membisikkan ini sejak malam. Puteri Syahnaz tidak pernah mencintai Jejaki. Dan, kedudukan yang tidak dicintainya itu mula terbangun sebagai sebuah bukti yang terjadi dengan tiba-tiba. Dan kerana itulah, demikian dayang membisikkan sesuatu alamat ke perasaan tuannya, bahawa Jejaki adalah seorang lelaki yang jantan.

Puteri Syahnaz tersenyum dan menjatuhkan senyum itu ke atas muka dayang. Dayang menajamkan pandangannya yang lembut dan hening itu ke atas halaman wajah tuannya. Ada suatu persefahaman yang terjalin di dalam dada kedua-duanya. Dan persefahaman apakah itu?

Seperti sesuatu yang menariknya, Puteri Syahnaz memperlahankan langkahnya. Dia mengharapkan Jejaki akan menyertai kesenangannya yang senang dan damai dan tidak cintanya kepada lelaki itu. Dan benar, Jejaki menegurnya.

"Tidak bersama-sama kawan yang ramai itu?"

Puteri Syahnaz menoleh ke arah yang ditunjukkan oleh Jejaki yang sedang terjengket-jengket

menyeberangi jalan ke arahnya. Dan nyata Puteri Syahnaz tidak dapat melihat kawan-kawan yang dikatakan oleh Jejaki itu. Wap sejuk waktu pagi di sepanjang pantai ini tidak membolehkan ketajaman mata Puteri Syahnaz untuk melihat dari jarak setengah batu. Puteri Syahnaz hanya menajamkan matanya ke tubuh Jejaki yang berkeringat pada waktu limun pagi begini. Dan, segugus tanda tanya terbangun di dalam dada Puteri Syahnaz. Akan ke manakah lagi Jejaki dalam pengembaraannya itu? Dia tahu Jejaki dalam pengembaraannya ke seluruh alam sarwajagat. Puteri Syahnaz tahu Jejaki sedang mempersiapkan diri untuk suatu perjuangan intelek yang sengit dan tidak akan berakhir dalam waktu yang singkat. Dan, kehadiran Jejaki ke Seri Samudra ini adalah suatu kehadiran singkat untuk suatu pertarungan intelek yang akan dimiliki bersama-sama oleh Puteri Syahnaz dan puteri-puteri lainnya.

“Sedar agak lambat, dan kami ditinggalkan.”

Puteri Syahnaz cuba melihat riak di wajah Jejaki. Jawapannya pun bukan benar. Dayang tersenyum dan memanjatkan senyum itu ke wajah Jejaki.

“Kalau begitu.” Jejaki mulai menghampiri Puteri Syahnaz dan menjatuhkan pandangan sejuaknya ke atas hidung Puteri Syahnaz yang mancung. “Boleh kita jalan-jalan ke sana melihat laut tenang dan sampan yang banyak.”

Puteri Syahnaz menjadi malu ketika melihat mata Jejaki yang tenang tertampam ke atas wajahnya. Puteri Syahnaz menentang pandangan Jejaki itu. Akan tetapi, dengan segera Puteri Syahnaz mengalihkan matanya ke jeti dan merenung laut dan awan tanpa berkata sepatah pun.

"Di sini terlalu panas, walaupun waktu pagi seperti ini."

Suara Jejakikah itu atau debaran jantungnya sendiri? Tanya Puteri Syahnaz apabila merasa kehadiran dirinya sendiri di situ. Dan dia tahu, tahu sungguh-sungguh, bahawa dalam beberapa waktu lagi, Jejaki akan pergi. Jejaki akan berangkat. Jejaki akan meneruskan pengembaraannya yang entah bila akan berakhir. Dan, dengan tiba-tiba Puteri Syahnaz berasa pilu dan hiba: Ke manakah lagi Jejaki akan menapakkan kakinya setelah pertemuan luka di sini? Sebaris simpati yang bukan cinta terbangun dalam dada Puteri Syahnaz. Dia senang dan terhibur dengan sifat periang dan martabat Jejaki. Adakah dia sedang mencintai Jejaki yang tidak dicintainya ini? Puteri Syahnaz tidak dapat menjawabnya. Alangkah menakutkan untuk menerima jawapan itu. Alangkah!

Puteri Syahnaz mengerling ke wajah Jejaki yang sedang berjalan seiring. Dan pada pagi dan pagi dan pagi sebelum ini, dia tahu Jejaki sudah berada di sisinya. Puteri Syahnaz berasa kaku dan seperti tidak terlangkah apabila tangan Jejaki menyentuhnya. Tangan Jejaki sudah melampaui kedudukannya sebagai gadis, dan dia berasa amat senang, terhibur, merindukan, dan menakutkan! Jejaki seperti tidak tahu dan tidak pernah berlaku. Akan tetapi, Puteri Syahnaz faham bahawa itulah satu-satunya kejantanan lelaki seperti Jejaki ini. Puteri Syahnaz dengan sekilas pandang telah tahu Jejaki yang sedang berkeringat. Nafas Jejaki adalah taufan hatinya yang berasa takut-takut tetapi mahu. Suara Jejaki adalah guruh dan halilintar yang mengerikan tetapi merindukan. Dan, Puteri Syahnaz berasa

bahawa Jejaki adalah seorang lelaki yang tidak akan dicintainya. Akan tetapi, setiap kali dayang berada di tengah dalam perjalanan pagi yang diam dan bawah itu, Puteri Syahnaz dengan segera mesti berada di tengah-tengah. Dan, Puteri Syahnaz selalu di sisi Jejaki – tangan mereka bersentuhan, dan dengan debaran yang tajam dan menakjubkan Puteri Syahnaz membisikkan kepada hatinya sendiri: Jejaki adalah lelaki yang tidak akan dicintainya!

Jauh dalam hati Jejaki, dia dapat merasakan ketenangan dan bersahaja dan tidak ada apa-apa perubahan dalam dirinya, sambil berjalan beriringan dengan Puteri Syahnaz. Dia pernah membisikkan ini kepada budak kundangnya: Puteri Syahnaz adalah mongel di antara semua puteri di sini. Leher-nya yang jenjang dengan bulu roma yang berbaris halus di atas lurah-lurah kulit yang basah dan lunak; raut mukanya yang bujur dan menajam dalam bentuk klasik yang menakjubkan; matanya yang hening, hitam, dan berkaca-kaca; dan senyumnya yang tidak pernah padam, adalah wajah seorang gadis puteri yang terbilang. Kulitnya yang cerah dalam warna kemerah-merahan telah menyebabkannya mesti hadir di sini. Dan, dengan diam-diam Jejaki telah membisikkan kepada budak kundangnya: Aku tidak akan mencintai Puteri Syahnaz, sayangku!

Dan, ketika Jejaki berlari-lari di sepanjang pantai batu dalam rentak pagi yang berwap, dia dapat merasakan dirinya sedang menapak dan memijak-majak tanah subur yang lunak di antara dua gunung ghairah yang menunjal langit perasaannya. Jejaki cuba menyentuh kemuncak gunung yang hitam kemerah-merahan. Tetapi dia tidak dapat men-

capainya. Kemudian Jejaki berlari-lari dengan penat dan letih dan sepanjang tanah lembut antara dua gunung yang terpacak kemas itu. Dia merebahkan dirinya di situ. Dan Jejaki juga dapat merasakan dirinya sedang mengembara ke lembah-lembah pergunungan pantai bersih yang menakjubkan. Jejaki tiba pada satu lembah dan sebuah gua dengan hutan daranya yang tidak berdaun tetapi lebat hitam kemerah-merahan seperti dipuput angin panas, dan amat menakjubkan. Jejaki cuba mendaki pusat gua itu. Tidak! Jejaki segera melenting dan menjauhkan dirinya. Tidak! Gua itu terlalu suci untuk didekati. Tidak! Gua itu milik mutlak seorang jantan dan berani. Dan dengan tiba-tiba, Jejaki berasa ngeri dan menjauhkan dirinya dari lembah pantai antara dua bukit itu. Jauh-jauh di dalam hatinya Jejaki mendesiskan kalimat: Aku tidak cinta pada Puteri Syahnaz, sayang!

“Berlama-lama di sini menyebabkan kita kehilangan perasaan.”

Jejaki menikam wajah Puteri Syahnaz dengan pandangannya yang berkaca-kaca.

Puteri Syahnaz mengerling Jejaki. Kerlingan mata Puteri Syahnaz adalah lidah kilat yang menyambar dan menggetarkan dada Jejaki.

“Banyak sekali untuk kuterangkan.”

“Katakanlah.”

Puteri Syahnaz masih di sisi Jejaki. Berjalan dengan tapak waspada yang ajaib.

“Kita ke atas bukit itu!”

Puteri Syahnaz menurut telunjuk Jejaki yang lurus ke atas sebuah tebing batu yang curam. Mereka terus berjalan perlahan-lahan dan saling memberikan senyuman yang tidak membayangkan rasa cinta.

Puteri Syahnaz duduk di atas sebuah batu yang hitam dan Jejaki sudah berada di situ lebih dulu.

"Katakanlah tentang perasaan apa."

Puteri Syahnaz menoleh ke arah dayang. Jejaki sempat menumpahkan pandangan singkatnya yang tajam ke atas pundak Puteri Syahnaz yang jenjang dan hidungnya yang mancung dan bibir mulutnya yang seteluk manisnya itu. Tiba-tiba Puteri Syahnaz berasa amat malu dan menggantungkan wajahnya pada awan. Akan tetapi, Puteri Syahnaz harus menyatakan apa yang telah disoal oleh Jejaki. Puteri Syahnaz mesti memberitahu Jejaki, sekurang-kurangnya.

"Malam tadi Puteri Mahsuri menemuiku."

"Puteri Mahsuri?"

Puteri Syahnaz menyepi. Dan, sepiya disambut oleh batu-batu gunung dan batu-batu di sepanjang pantai dan batu-batu di dasar Teluk Kedak.

Jejaki merenung ke muka Puteri Syahnaz. Terlihat cahaya kehidupan terpancar dengan jelas dan menakjubkan. Cahaya itu akan hidup dan subur sepanjang zaman.

"Mahsuri datang ke kamarku."

Puteri Syahnaz dengan tiba-tiba menjadi sedih.

"Apa katanya."

"Mahsuri menjadi bimbang dengan seratus dua buah pulaunya ini. Mahsuri menyatakan kebimbangannya itu kepadaku."

Sepi memagut ruangan pagi yang belum begitu ketara kebisingannya. Antara Jejaki dan Puteri Syahnaz seolah-olah tidak ada jarak. Kau lelaki! Bisik Puteri Syahnaz setelah sekian kali tangannya tersentuh dengan lengan Jejaki. Dan, dengan tiba-tiba Puteri Syahnaz dapat merasakan usianya yang sudah lebih dua puluh tahun itu, ketika sedang

ranum inilah dia mungkin menjatuhkan semangat setiap lelaki yang jantan. Dan, Puteri Syahnaz berfikir dengan cepat, dalam usianya yang seperti inilah sepatutnya dia mematahkan semua lelaki yang jantan. Akan tetapi, dalam diam-diam Puteri Syahnaz tidak mencintai Jejaki. Jejaki tidak akan dapat menjejaki tanah hatinya. Tidak! Demikian Puteri Syahnaz berikrar dalam dadanya.

Jejaki merenung laut Teluk Kedak yang beriak-riak kecil oleh cintanya kepada keheningan pagi. Dia sedang menunggu suatu pernyataan Puteri Syahnaz. Sangat lama dirasakannya. Akan tetapi, dia tidak akan mendesaknyanya seperti batu-batu di semua bukit dan di sepanjang pantai yang tidak bersuara berabad-abad lamanya. Tetapi Jejaki dapat merasakan kelamaan suara Puteri Syahnaz yang rasanya seakan-akan mahu menarik keluar dari dua rekahan bibir mulut yang bulat dan tersimpul dalam kewanisan yang menakjubkan itu.

"Mahsuri bimbang bukitnya akan pupus. Lautnya akan tercemar. Pinggiran pantainya akan hitam dengan orang-orang yang putih."

"Aneh sekali aku mendengarnya."

"Kaulihat apa yang ada di Tanjung Ru?"

Jejaki mengangguk.

"Kaulihat apa yang orang-orang yang putih buat di sepanjang pantai itu?"

Jejaki mengangguk lagi.

"Kau tidak maklum dengan *resort* di sebelah kita itu?" Tangan Puteri Syahnaz mengarah ke sebelah kirinya.

Jejaki segera maklum. Daya inteleginya dengan cepat dapat menangkap cita rasa kebimbangan Mahsuri yang sudah pergi itu.

"Memang wajar Mahsuri berasa dukacita dengan seratus dua buah pulaunya ini."

"Ya."

Dan dengan tiba-tiba Puteri Syahnaz menjadi amat sayu. Dia masih teringat akan kebimbangan Mahsuri akan pulaunya ini. Bukit-bukit akan runtuh. Batu-batu di sepanjang pantai akan tercemar. Keaslian yang asal akan menjadi luntur dan terabai. Puteri Syahnaz menjadi amat sugul dengan kebimbangan Mahsuri yang telah menangis depannya. Akan tetapi, jauh-jauh dalam hati Puteri Syahnaz dapat dirasakan: Pembangunan akan merubah segala-galanya. Dan, perubahan segala-galanya itulah yang akan mengotorkan Teluk Kedak dengan batu-batu yang pecah, orang-orang yang berbogel di pantai, rumah-rumah sundal, dan manusia menjadi separuh bangkai. Kebimbangan inilah yang tergores dengan amat parahnya dalam hati Mahsuri. Dan inilah yang merusuhkan Puteri Syahnaz. Tidak tahan dengan kedukaan Mahsuri yang bimbang dan hiba akan kesucian pulaunya yang akan kehilangan batu dan ketenangan teluknya, Puteri Syahnaz menjatuhkan beberapa titik air mata seperti titisan embun putih dan jernih. Titisan itu segera menangkap tangan Jejaki yang berhampiran dan membuatkan Jejaki terperanjat dan aneh sekali dirasakannya.

"Kau menangis, sayang?"

Puteri Syahnaz menjadi sangat malu dan segera menjatuhkan matanya ke atas lengannya yang tertutup oleh jaketnya yang tebal. Jejaki merenung pipi Puteri Syahnaz yang bogel di dalam litupan tudung kepala yang sopan dan beradab. Jejaki segera teringatkan malam Puteri Syahnaz membiarkan

rambut hitamnya yang panjang itu terburai di atas bahunya: Dan, Jejaki melihat keindahan semula jadi alam gadis ini pada pandangan seorang lelaki. Amat menakjubkan. Amat mempesonakan.

"Aku menangis kerana antara kami sebagai puteri amat cepat menangkap kehilangan keaslian pulau ini. Aku tidak akan menangis kerana lain. Kau tahu itu."

"Ya. Aku tahu."

"Jadi kau tidak akan mengejek bila aku menangis seperti ini. Kau tidak akan mengejeknya, bukan?"

"Ya."

"Kau seorang lelaki yang baik."

"Dan secara kebetulan kerana kau seorang gadis yang baik."

Puteri Syahnaz kehilangan kata-kata. Pasangan yang ditemukan dalam kata-kata Jejaki itu dirasakan telah menusuk-nusuk hatinya yang sudah mulai dirasakan seperti pecah-pecah dan retak-retak. Dia dapat merasakan kebenaran seorang lelaki yang tidak pernah dicintainya itu. Kau memang seorang jejaka, Jejaki. Puteri Syahnaz memuji Jejaki diam-diam di sudut hatinya yang dirasakan seperti akan pecah.

"Mari kita ke Seri Samudra. Masa kuliah pengertian hidup sudah hampir tiba."

Dan, Puteri Syahnaz mengesatkan matanya dengan hujung jarinya yang kecil mongel dan tajam itu. Puteri Syahnaz berjalan di sisi Jejaki dan menapak turun dari tebing batu curam itu.

"Manusia selalunya amat pendek usianya. Akan tetapi, kemanusiaannya itu amat panjang dan lama."

Puteri Syahnaz mengiakan kata-kata Jejaki itu.

"Ya, benar katamu itu. Dan lihatlah kemanusiaan

Mahsuri, masih ada sampai sekarang. Dia cintakan pulau-pulaunya. Dia sayangkan Teluk Kedak dan Tanjung Runya itu. Kemanusiaannya masih ada di mana-mana di pulau ini."

"Ya."

Dan, pada petang yang tenang, ketika semua kuliah kehidupan berakhir, Puteri Syahnaz berseorangan untuk menyiapkan suatu yang akan disampaikan pada pesta terakhir malam itu. Puteri Syahnaz berasa kesepian dan sepiunya itu dirumuskan ke dalam prosa liriknya. Kawan-kawan sudah ke jeti dan membauri kebisingan jeti yang sentiasa hidup itu. Puteri Syahnaz dikejutkan dengan kehadiran Jejaki yang justeru akan turun menghayati laut petang yang kering dan hangat.

"Ada sesuatu yang akan dipersembahkan?"

Puteri Syahnaz mengulum sebuah senyum tidak jadi. Bola matanya segera tertampam wajah Jejaki yang tidak dihiraukannya itu. Aku tidak cinta! Desis hati Puteri Syahnaz. Akan tetapi, sebaris kegirangan berdiri dalam dada Puteri Syahnaz ketika Jejaki berada di sisinya. Jejaki menjatuhkan punggungnya ke atas sebuah kerusi dan kerusi itu berdekatan dengan Puteri Syahnaz. Puteri Syahnaz terus merangka untuk suatu pesta akhir kuliah kehidupan yang berlangsung beberapa hari di Seri Samudra ini. Puteri Syahnaz dapat merasakan perlunya sebuah kehidupan yang bukan kuliah hidup dan berada di sisinya. Dan, dia bukanlah Jejaki! Akan tetapi, Puteri Syahnaz berasa amat tenang dan damai ketika Jejaki memberikan fikirannya untuk merangka prosa liriknya itu.

Dan, ketika malam pesta akhir itu berlangsung di pekarangan Seri Samudra, Puteri Syahnaz tampil

ke muka dan mengembangkan hatinya untuk meluahkan daya seni kreatifnya di depan Jejak yang tersandar gagah di satu penjuru. Walaupun puluhan orang lain berada di situ, tetapi Puteri Syahnaz memusingkan hatinya dalam prosa liriknya untuk Jejak yang tidak dicintainya itu. Jejak tetap berada di penjuru ruangan itu. Penjuru hatikukah Jejak itu bersandar? Puteri Syahnaz tidak pasti. Dada Puteri Syahnaz dihinggapi debaran yang entah mengapa. Dan, dia dapat merasakan kegirangannya dengan idea Mahsuri yang diberikan oleh Jejak petang tadi.

Ketika alun dan ombak suara Puteri Syahnaz bertelau-telau di udara malam menyampaikan prosa liriknya, angin pun berhenti bertiup. Bulan dengan tiba-tiba menjadi malu dan menyembunyikan wajahnya yang buntat-buntat itu ke dalam selimut awan putih yang diam dan kosong. Batu-batu sepanjang pantai dan siput laut dan ikan dan udang tersipu-sipu malu dan mendiamkan diri di kesepian zaman-berzaman. Pakke menjadi kaku tanpa suara. Pokok-pokok mendiamkan diri dan rumput-rumpai menghamparkan sayap hijau yang rendah dengan penuh hormat.

Jejak yang tersandar di penjuru sepangkal dengan tempat duduk Puteri Syahnaz kelihatan terharu dan tenang. Patah-patah perkataan Puteri Shahnaz yang kemas itu ditelannya satu-satu ke dalam perasaan batinnya. Jejak menatap Puteri Syahnaz dari belakang: Tubuh tinggi lampai halus dan menarik dengan pinggangnya yang ramping dan punggungnya yang mengembang seperti payung kecil. Jejak secara sedar tahu akan sifat dirinya. Dan, ini pernah dibayangkan dalam mimpi siangnya.

Dan, dia berasa takut. Dan, kerana itu Jejaki tidak akan mencintai Puteri Syahnaz.

Dan, dengan tiba-tiba Jejaki melihat kesayuan yang maha hebat sedang menapak ke dalam diri Puteri Syahnaz. Ketika Puteri Syahnaz mengucapkan kata-kata akhir daripada prosa liriknya yang menyebutkan "selamat tinggal orang-orang yang aku kasihi", Puteri Syahnaz tidak dapat menahan sebak dadanya oleh cintanya yang berombak-ombak itu. Puteri Syahnaz menutup mukanya dengan tapak tangannya dan cepat-cepat menghenyakkan punggungnya yang bulat dan kemas itu ke atas kerusi sebaris dengan Jejaki. Puteri Syahnaz menundukkan muka ke atas ribanya yang kemas dan mengesatkan air mutiara yang bercelidar di bawah hidungnya yang mancung dan tajam itu.

Jejaki tertawa gamat. Dan, Puteri Syahnaz berasa dipersendakan. Puteri Syahnaz tidak melihat Jejaki. Akan tetapi, Puteri Syahnaz melihat Jejaki yang bertubuh gempal, kepala separuh botak, badan yang hitam berkilat dan melawan cahaya matahari, tetapi ada sesuatu yang menyenangkan di dalam diri Jejaki itu. Sayangnya, demikian desis hati Puteri Syahnaz, dia tidak pernah mencintai Jejaki yang perkasa dan intelek itu. Puteri Syahnaz dapat bayangkan negeri menara gading yang terasing dan sepi dalam bayangan manusia biasa, adalah tempat pilihan yang diduduki Jejaki. Putera terhormat tetapi tidak dicintainya.

Puteri Syahnaz terus dalam kenangannya yang hiba dan pilu dan rindu. Takdir telah membawanya ke kediaman indah Seri Samudra ini dan mempertemukannya dengan Jejaki yang jantan dan angkuh. Dan, Puteri Syahnaz tahu, malam ini

menentukan kepergian Jejaki. Sebentar lagi Jejaki akan berangkat pergi. Jejaki akan terus mengembara menampang empat penjuru angin. Ke manakah lagi Jejaki akan menapakkan kakinya setelah berhari-hari bersama-samanya di sini? Puteri Syahnaz menjatuhkan simpatinya pada putera gagah yang sedikit angkuh itu. Sebentar lagi, ya sebentar lagi, beberapa jam lagi, Jejaki akan berangkat. Jejaki akan berpisah dengannya. Dan, dia tidak pernah mencintai Jejaki. Tidak pernah. Alangkah menakutkan kalau percintaan itu terjadi! Alangkah!

Dan, ketika Jejaki menapak pergi pada siangnya, Puteri Syahnaz terasa seakan-akan kelopak cintanya gugur dan terlepas pada Jejaki yang mulai pergi itu. Kelopak yang gugur itu adalah dirinya yang pecah-pecah dan retak-retak selama berada di sini di sisi Jejaki. Dan, kelopak yang gugur itu sedang melekat di dada Jejaki yang sudah mulai akan berangkat. Dan, dengan amat kuat kesunyian pagi yang panas ketika Jejaki melangkah pergi, Puteri Syahnaz berteriak dalam dirinya dan mengucapkan kata-katanya: "Kelopak itu adalah Jejaki!" Dan, secara tiba-tiba Puteri Syahnaz menguatkan semangatnya: Aku cinta padanya!

Waduh!!!

*Dewan Sastera, Jun 1980*

## BERJALAN-JALAN DI SINI



**B**ERJALAN-JALAN di sini, mentari seperti terpacak dalam kepala. Angin kering mengembang dalam diri. Rimas campur cemas menenggelamkan keakuanku. Akan tetapi, perjuangan tidak berakhir di sini.

Rijal Akbar mengetuk kepalaku. "Manusia boleh mati. Perjuangan dan kemanusiaan terus hidup."

"Mengapa kemanusiaan?" tanyaku.

Sepi merimbun antara kami.

"Sebab manusia itu bergerak bersama-sama kemanusiaannya."

"Perjuangan berdasarkan kemanusiaan itu tidak

akan berjaya. Ia terkongkong. Setiap yang terkongkong tidak bebas. Tidak bebas sama saja tidak berjaya.”

“Dalam konteks perjuangan, orang membunuh kerana kemanusiaan. Revolusi Timur dan Barat ribuan, jutaan orang, dibunuh kerana kemanusiaan.”

Rijal Akbar meredupkan matanya ke dalam mukaku. Senyum terkulum seolah-olah mengejek aku.

“Fikiranmu aneh,” kataku perlahan. Sempat kusambar makna hakikat daripada ucapannya. Memang benar. Akan tetapi, aku menenggelamkannya dalam kepalaku jauh-jauh.

“Tentu aneh,” katanya kemudian. Pandangannya terbang ke situasi tidak keruan. “Ramai doktor membunuh pesakitnya kerana kemanusiaan. Apalagi para pejuang revolusi.”

Rijal Akbar senyum mengerti. Dia mafhum kedudukanku. Rijal Akbar kenal aku. Kami bernafas dalam bahang mentari terpacak dalam kepala. Generasi kami memulakan sesuatu untuk tidak menerima sesuatu. Generasi kami mendepani angin kering yang mengembang dalam diri. Generasi kami berenang dan mengapungkan diri dalam nafas hangat sebelum dan selepas “saudara tua” merogol pertiwi yang tercinta ini. Generasi kami memulakan suatu kegilaan dan ketidakwarasan hanya semata-mata kerana menolak kesenangan. Betapa tidak gila kalau kesenangan menjadi majistret dihumbankan ke suatu sudut yang tidak bererti untuk menyanyikan sebuah lagu patriot yang menyebabkan kami diperosokkan ke dalam tahanan? Betapa kami tidak dikatakan waras apabila kemungkinan menjadi

kerani ditolak untuk melaungkan "merdeka" dan kami dijerumuskan ke dalam penjara?

Waktu berjalan-jalan di sini, mentari terpacak dalam kepala. Angin kering mengembang dalam diri. Rimas campur cemas menggeletak dalam kalbu.

"Bagaimana anak-anakmu?"

Rijal Akbar menajamkan matanya kepadaku. Aku diam. Memang antara kami ada rimbunan cemas mengingatkan anak-anak.

"Itu pun menyangkutkan kemanusiaan."

Aku faham. Sepi jauh terbentang antara kami.

"Kita harus juga meneruskannya."

Rijal Akbar melihat langit luas. Aku merenung ke dalam diri. Ada kepanasan dan kerimasan di dalamnya. Ada harapan yang terbina di dalamnya. Kepanasan, kerimasan dan harapan itu tertelan dalam kesusahan kami. Rijal Akbar berlepas diri ke tanah seberang. Yusuf Tamim dijobloskan dalam tahanan di Singapura. Aku bersembunyi di selatan Thailand. Tahun-tahun mentari terpacak dalam kepala dan angin kering mengembang dalam diri itu, kumpulan kami, generasi kami hidup dalam asap kacau-bilau tidak menentu. Tahun kacau-bilau itulah juga Siti Sarinah melahirkan anak-anak kami: Jalal Bairuni, Syukran Amali, Siti Raudhah dan Nizam Jamil.

"Sayang Pak Cik Rijal," keluh Syukran.

Aku menancapkan mataku ke dalam muka Syukran. Syukran seperti memahami pandanganku itu.

"Kalau Pak Cik Rijal masih hidup, dia akan melihat kejayaan Syaukat Akbar menjadi orang besar."

Aku tidak menyukai kata-kata Syukran Amali itu. Tentu akan ada pertelingkahan antara Rijal Akbar dengan anaknya itu. Aku pernah mendengar

keluh-kesah Rijal Akbar ketika anak sulungnya itu tidak sekata dengannya dalam perjuangan. Rijal Akbar menolak gagasan Malaysia secara kompromi dengan kolonial. Syaukat Akbar menerima saranan dan perjuangan "bulan jatuh ke riba" atau kemerdekaan "yang dihidangkan". Aku telah membuat ketetapan sendiri. Aku mungkin bertentangan dengan Rijal Akbar walaupun lunak dengan Yusuf Tamim.

"Kita telah berjuang menyedarkan satu generasi," kata Yusuf Tamim. "Dan sekarang, biarlah mereka menentukan dalam bentuk yang bagaimana kemerdekaan itu dicapai."

"Pokoknya kemerdekaan," aku menyampuk sebagai menguji.

"Ya, pokoknya kebebasan itu. Kebebasan dan kemerdekaan itu adalah manusia."

"Selama ini Melayu bukan manusia?"

"Manusia separuh mati."

"Atau manusia yang sedang membangunkan kehidupan baru. *Rebirth of a nation.*"

"Benar katamu, Syamil."

Kami ketawa. Akan tetapi, dengan cepat aku kembali ke dalam diri. Rijal Akbar telah menolak gagasan ini. Rijal mula berpijak ke dalam perjuangan kiri. Tuhan tidak hendak memanjangkan umur Rijal Akbar. Menjelang pilihan raya pertama, untuk menentukan jalan kemerdekaan "yang dihidangkan", Rijal Akbar menghembuskan nafasnya yang terakhir. Kami merasmikan pemergiannya yang abadi itu. Kami menitiskan air mata untuk kali pertama dalam sepanjang perjuangan kami hanya kerana cintakan keakuan seorang pejuang. Rijal Akbar tidak sempat mengagumi kepetahan Syaukat Akbar berpidato untuk memenangi pilihan raya pertama

selepas kemerdekaan. Rijal Akbar tidak tahu bagaimana Syaukat dalam penggal kedua pilihan raya telah menjawat jawatan timbalan menteri. Dan, sekarang telah menduduki kerusi menteri kanan.

"Perjuangan ayah itu amat murni," desis Syaukat Akbar kepadaku satu masa. "Tetapi ayah terlalu banyak berteori."

Aku sudah malas untuk berdebat. Kemerdekaan "yang dihidangkan" sekarang telah membuat aku malas untuk berfikir banyak. Anak-anakku tidak seorang pun yang berminat dalam politik. Jalal Bairuni menjadi peniaga. Syukran Amali menjadi pensyarah di institusi pengajian tinggi. Siti Raudhah menjadi guru dan sibuk dengan anak-anak dan muridnya. Nizam Jamil mengambil kursus pemasaran di luar negeri. Aku kesali anak-anakku, tetapi sekali gus menerima pilihan mereka untuk diri mereka sendiri.

"Ayah menentang saya. Ayah inginkan saya berjuang seperti dia."

Aku diam saja. Aku sungguh malas. Justeru Rijal Akbar sudah mati, buat apa aku membantah Syaukat Akbar dan membela Rijal Akbar?

"Zaman awal tentulah zaman teori. Semua perjuangan seakan-akan teori. Tetapi apabila jalan mudah secara praktikal kita terima, maka tentulah praktikal itu perlu dilaksanakan. Mengapa harus kita membesar-besarkan bentuk kemerdekaan "yang direbut" dan menolak kemerdekaan "yang dihidangkan?"

Aku senyum sumbing. Kalau Rijal Akbar hadir di sini, Syaukat Akbar akan menerima tentangan paling sengit. Tentu. Aku tidak ingin mengempang jalan fikiran anak sulung Rijal Akbar ini. Biarkan. Biarkan. Biarkan.

"Perjuangan awal itu tentu saja perebutan. Perebutan antara kejahilan rakyat dengan kekerasan kolonial. Kemudian kolonial menjadi lunak oleh perjuangan generasi ayah yang lama. Akhirnya kolonial terpaksa mengalah dan menyerahkan kemerdekaan secara lunak. Bukankah kemerdekaan "yang dihindangkan" sekarang ini adalah usaha perebutan itu juga? Mengapa ayah harus meringankan kemerdekaan yang kita capai?"

Aku mafhum. Aku meneguk kopi. Menajamkan mata ke dalam muka Syaukat Akbar yang sudah menjadi MP. Pemuda awal 30-an itu nampaknya tidak memerlukan fikiranku. Syaukat sudah maklum akan pendirianku. Aku berjuang bersama-sama ayahnya, tetapi fikiran kami tidak selalu sama. Pengalaman manusia dalam hidupnya akan mengubah cara pemikirannya. Aku termasuk golongan ini.

Apabila Syaukat Akbar semakin sibuk dengan tugasnya sebagai timbalan menteri dan kemudiannya menjadi menteri, aku tidak sempat berbual-bual dengannya lagi. Aku hanya menerima salamnya daripada mulut Jalal Bairuni, peniaga yang mulai mencipta nama.

Ketika aku berjalan-jalan di sini, mentari terpacak dalam kepala. Angin kering yang resah mengembang dalam diri.

Yusuf Tamim hidup sebagai manusia yang tenang. Pejuang generasi aku itu kembali mencintai tanah. Dua tahun lepas aku bertemu dengannya di pekarangan luas "menghargai pejuang lama". Misainya masih lebat, semua putih, sampai ke bulu-bulu matanya. Dahinya luas tidak terhingga. Ketawanya masih garang dan ucapannya masih bersemangat.

"Umurku sudah 76 tahun," katanya dengan berbisik. "Segala-galanya sudah menguncup."

Aku ketawa dan segera kembali kepada diri. Aku lebih muda dua tahun.

"Tetapi kata-katamu masih segar!"

"Ya! Itulah satu-satunya yang segar dalam diriku."

Kami ketawa lantang. Masing-masing menyadari kedudukan diri. Masing-masing kembali mengenal keakuan yang tidak terbatas selama ini. Sekarang sudah terhenti, kecuali kata-kata.

"Kalau kata-kata ini sudah tidak ada, maka segala-galanya sudah tidak ada lagi kepadaku."

Aku mengangguk. Ucapan Yusuf Tamim itu benar. Generasi kami hanya tinggal kata-kata. Kata-kata itu hanya apabila kami bertemu sahaja. Kata-kata kami tidak pernah dicatat dalam buku sejarah. Perjuangan Yusuf Tamim tidak tercatat dalam buku yang ditulis oleh sejarawan Malaysia. Perjuangan Rijal Akbar tidak pernah kulihat dalam catatan siapa sahaja. Dalam pertemuan mengingati "pejuang lama" sekarang, kami tidak dikenali, tetapi umumnya kami tahu Syaukat Akbar, Menteri Kanan dan sedang berdepan dengan kami, adalah anak sulung Rijal Akbar, pejuang kemerdekaan yang tidak pernah tercatat namanya dalam buku sejarah.

"Kita masih ada lidah, dan inilah satu-satunya yang tinggal fizikal."

"Tanah Melayu tidak ada revolusi. Lidah itulah alat penting perjuangan kita."

"Ya!" Yusuf Tamim bersalaman dengan beberapa orang kawan. Selepas itu menjabat tanganku lagi. "Aku kembali kepada tanah. Sebab perjuangan dulu pun untuk mendapatkan tanah ini kembali. Aku

gembira mendapat tanah. Bukankah kita sekalianya akan kembali menjadi tanah pula?"

Yusuf Tamim tersenyum. Beberapa orang kawan yang sudah kekurangan tenaga lidahnya ikut tersenyum. Sebenarnya generasiku sudah mula berdepan untuk menjadi tanah. Pilih sahaja, siapa yang dulu dan siapa yang kemudian.

"Kita berjuang untuk memerdekakan tanah. Aku mendapat tanah itu. Tidak lama lagi aku akan menjadi tanah."

"Sampai mati pun kita masih berjasa."

Yusuf Tamim merenungku di celah-celah bulu matanya yang putih.

"Ya. Dulu kita menyedarkan orang yang hendak menjadi menteri. Akan datang kita akan menyuburkan tanah untuk menumbuhkan pokok."

"Kita menjadi baja!"

"Ya, kita menjadi baja."

Kami sama-sama tersenyum. Ada makna yang mendalam dalam kata-kata akhir Yusuf Tamim.

Sekarang, ketika aku berjalan-jalan di sini, mentari seperti terpacak dalam kepala. Angin kering mengembang dalam dada. Perjuangan berterusan.

Langit menumbuhkan awan hitam dengan angin menajam. Kegelapan mungkin akan menyerkup aku bila-bila masa. Kegelisahan mulai merimbun dalam dada. Aku meneliti semua itu. Kehebohan yang didedahkan oleh akhbar sudah merata. Menteri dan tidak menteri banyak yang terlibat. Datuk dan tidak Datuk ramai yang terlibat. Tan Sri dan tidak Tan Sri sama-sama menconteng sejarah kemerdekaan dengan tinta hitam.

"Skandal itu amat menakutkan," kata Syukran Amali. Aku tidak menyampuk. Aku ingin mendapat

komen seorang pensyarah. Aku sudah banyak memberi pendapatku tentang skandal ekonomi negara ini. Syukran Amali berhak membuat kritik kalau dia berani. Seberani manakah dia? "Kalau pendedahannya jelas, boleh menggoncangkan kerajaan."

Aku akur. Pendapat itu benar. Kerajaan mesti bertanggungjawab atas kemusnahan bank itu. Kerajaan mesti menentukan yang bersalah pasti mendapat hukuman. Akan tetapi, akan benarkah kerajaan serius dalam perkara ini?

"Abah tahu," kata Syukran Amali, "bukan saja Bank Bumiputera dikhianati, tetapi orang yang bergelar Datuk, Tan Sri, Tengku dan peniaga besar terlibat dalam menggelapkan wang rakyat."

"Ini tentu saja satu pengabaian yang luar biasa," kataku. "Mengapa sampai terjadi demikian?"

"Sekarang geng pembina Koperasi Pengambil Deposit mula mengancam kerajaan. Mereka mahu kerajaan membayar setiap ringgit yang dilenyapkan oleh para setan koperasi itu kepada para pelaburnya. Kalau tidak, mereka akan menolak kerajaan. Mereka akan menyertai pembangkang."

"Perjuangan generasi sekarang berbeza sedikit dengan generasi abah."

Syukran Amali meredupkan matanya ke dalam mukaku. Aku masih mengembangkan akhbar di depan kami. Meneliti peristiwa harian yang diberitakan. Aku telah meneliti ini sejak tahun lepas. Perjuangan sekarang berbeza. Generasi aku dahulu, orangnya tidak pandai. Tidak ada kelulusan. Tidak ada kelayakan. Tidak ada yang berpendidikan luar negeri dengan ijazah berjela-jela. Kami tidak banyak memikirkan untuk menjadi MP, ADUN dan Senator. Paling jauh kalau untuk menjadi menteri. Genera-

siku hanya memikirkan kemerdekaan. Oleh sebab generasiku tidak pandai belaka, kami berjuang bersungguh-sungguh tanpa memikirkan pulangan. Ketika kebanyakan kami diperosokkan ke dalam tahanan, isteri kami bekerja sendiri dengan penuh penderitaan. Anak-anak kami dibesarkan dalam air mata ibunya ketika kami berada di mana-mana kerana mengelakkan diri daripada jejak maut kolonial.

“Jalal Bairuni bagaimana?”

Syukran Amali tersenyum. Dia seolah-olah mengerti perasaanku.

“Abang Jalal tidak termasuk dalam kumpulan ini, abah.”

Itu aku tahu. Jalal Bairuni menubuhkan syarikatnya sendiri. Tentu sahaja di bawah keistimewaan hak bumiputera. Tentunya mesti ikut selera politik semasa. Atau, kerana berkawan rapat dengan Syaukat Akbar? Benarlah mereka berkawan rapat sejak kecil. Aku kawan Rijal Akbar. Ketika kami dalam perjuangan, isteri kami menjadi sahabat akrab. Dengan sendirinya pula Jalal Bairuni menjadi kawan sejak kecil dengan Syaukat Akbar. Mereka sebaya. Kemudian jalan hidup mereka ditentukan oleh kecenderungan masing-masing. Aku tidak menentang sikap yang diambil oleh Jalal Bairuni. Dia anak zaman selepas generasiku. Jalan hidupnya berlainan. Aku merestui keputusan Jalal Bairuni. Biarlah dia tidak menderita kerana perjuangan sepertiku. Syaukat Akbar juga memilih ruangan perjuangan yang berbeza dengan ayahnya. Sama-sama berjuang tetapi berlainan hasil yang didapati. Keistimewaan sokongan ke atas perkembangan bumiputera inilah memberikan peluang besar kepada

Jalal Bairuni. Dia dianggap contoh pencapaian bumiputera dalam perniagaan.

"Bagaimanapun, abang tentu saja terlibat dalam pergolakan politik sekarang. Abang Jalal mesti menentukan kumpulan mana yang harus dikawannya."

"Ya, Jalal harus bijaksana menentukan kawan dan musuh dalam politik perniagaan."

Syukran Amali merenung ke dalam matak. Dia seolah-olah mahu tahu sikap dan pendiriannya. Pemilihan pucuk pimpinan yang akan diadakan bila-bila masa sekarang, menentukan kedudukan seseorang dalam politik. Mereka harus bermurah hati dalam menyokong sesuatu perjuangan politik parti, sebab hanya dengan itu saja memberi kemudahan kepada mereka. Ini sudah dimaklumi oleh semua orang yang bukan buta. Jalal Bairuni tentu sudah menetapkan pilihannya dalam politik perniagaan ini.

"Saya fikir Abang Jalal tidak akan berterang-terangan. Menyokong secara terbuka banyak implikasinya nanti."

"Bersikap demikian bererti tidak menentukan pendirian. Ini oportunistik namanya."

"Tidak menentukan pendirian itulah satu pendirian, abah."

Aku seperti disengat kala jengking. Itu kata-kata seorang pensyarah. Pendirian apakah ini?"

"Abang Jalal bukan ahli politik. Dia hanya seorang ahli perniagaan. Politik perniagaan tidak sama dengan politik parti. Politik parti mungkin betul menentukan sikap dalam pemilihan. Kemenangan bererti mendapat segala-galanya daripada kumpulan pemenang. Tetapi politik perniagaan

harus menentukan segala kesempatan. Sorong makan, tarik pun makan.”

“Itulah perbezaan perjuangan generasi sekarang. Generasi abah mungkin bodoh. Tapi kami tidak pernah oportunistis.”

“Politik generasi abah memang murni. Kami tahu itu. Perjuangan generasi abah tidak terlibat dalam segala skandal wang. Tetapi tentu saja perjuangan itu banyak membawa penderitaan.”

Aku berasa terhina sedikit. Akan tetapi, kata-kata Syukran Amali itu benar. Generasi kami banyak membawa penderitaan. Penderitaan kepada rakyat dan kepada diri kami sendiri.

“Penderitaan itu untuk merintis jalan kepada perjuangan kemudian.”

“Itu benar, abah,” Syukran Amali cepat menyampuk. “Ia menjadi baja kepada kesuburan perjuangan generasi kemudian. Sebab itulah generasi sekarang memilih jalan lain.”

“Lain? Lain yang bagaimana?” aku menduga.

“Syaukat Akbar memilih untuk berkuasa. Dia menjadi menteri. Abang Jalal memilih untuk menjadi kaya. Dia mendapat kekayaan. Semuanya untuk membuka jalan yang mudah kepada generasi akan datang berkuasa dan menjadi kaya di tanah airnya.”

Aku terbungkam. Aku terima kata-kata Syukran Amali. Generasi aku hanyalah baja. Kegunaan baja memang dimaklumi. Baja masih berguna, tetapi berguna sebagai baja. Baja itu menyuburkan semua tanaman. Hasil tanaman yang disuburkan oleh baja itu mula dinikmati oleh Syaukat Akbar dan Jalal Bairuni. Aku mengerti jalan fikiran generasi sekarang. Mereka oportunistis dalam makna mereka membuka jalan perjuangan untuk berkuasa dan

untuk meningkatkan ekonomi bumiputera.

"Itukan untuk mengisi kemerdekaan?"

"Tentu lebih daripada itu, abah."

Aku menancapkan mataku ke dalam muka Syukran Amali.

"Abah tentu maklum," tiba-tiba Syukran Amali cuba meyakinkan aku, "perjuangan generasi ayah daripada bangsa kita saja. Tetapi apabila kemerdekaan dicapai, kaum pendatang sudah diakui sebagai warganegara. Mereka lebih auta daripada kita. Mereka cuba mencapai segala-galanya kekayaan Malaysia. Perjuangan bumiputera menjadi kian rumit dan sukar."

Benar. Aku akui ini. Aku mafhum ini. Inilah yang telah kami bincangkan dahulu waktu Putera AMCJA menerima kerjasama untuk kemerdekaan, memorandum kami tidak diterima. Kami gagal.

"Kaum ini menuntut ini dan itu. Malah baru-baru ini cuba menafikan Melayu sebagai bumiputera. Kerana itu, abah orang-orang seperti Syaukat Akbar dan Abang Jalal itu perlu disokong. Anak cucu merekalah akan datang akan memegang kuasa dan memegang tampuk ekonomi. Kesempatan yang ada sekaranglah memberi peluang untuk kita naik, abah."

Aku merenung muka Syukran Amali. Perbezaan fikirannya denganku seperti langit dengan bumi. Mungkin dia betul. Mungkin aku betul. Akan tetapi, betul itu dalam konteks zaman masing-masing.

"Abah boleh perhatikan sikap kaum Ah Leng. Mereka mengambil setiap kesempatan untuk menjadi kaya. Mereka menipu koperasi yang mereka tubuhkan sendiri. Dulu, kita kata mereka pandai berniaga, sebab itulah mereka cepat kaya. Sekarang

sudah jelas kepada kita, mereka menipu dalam setiap kesempatan, dan itulah mereka cepat kaya.”

“Apakah kita juga mesti begitu?”

“Tetapi kita mesti memperteguh kedudukan dalam semua lapangan. Oleh sebab ruangan politik lebih baik bagi kita untuk mencapai yang lain-lain, maka sikap yang diambil oleh Syaukat Akbar itu betul. Sikap abang Jalal juga tepat.”

“Tapi kau sendiri tidak terlibat dalam keduanya.”

Syukran Amali tersenyum melihat aku. Sebenarnya aku sudah maklum sikap anakku ini. Dia menetapkan dirinya untuk menduduki dunia akademik bangsa Melayu. Aku menduga sahaja.

“Ruangan politik Melayu amat luas, abah. Ini abah sudah maklum. Saya mungkin berguna di dunia akademik. Sebab dunia ini pun memerlukan orang Melayu menguasainya.”

Syukran Amali senyum senang. Dia sudah tahu akan kefahamanku dalam hal ini. Aku tidak menolak pendapat Syukran Amali. Aku tidak menolak sikap yang diambilnya. Sesungguhnya aku menerima saja apa keputusan yang diambil oleh anak-anakku. Mereka adalah generasi sekarang yang berfikir berlainan sama sekali. Mereka berhak menentukan masa depan mereka sendiri.

“Tetapi menjadi oportunist itu suatu sikap yang hina. Mereka telah memakan daging dan darah saudara sendiri.”

Syukran Amali diam. Aku tidak tahu mengapa dia diam. Akan tetapi, aku cuba memancingnya untuk dia mewujudkan satu pemikiran baru terhadap *banker* daripada orang Melayu yang telah menggelapkan wang rakyat dalam beberapa buah

bank kerajaan. Aku mahu tahu pendapat dan alasan seorang pensyarah sains politik ini. Aku mahu tahu ini.

"Tentu abah sudah tahu," Syukran Amali seolah-olah cuba menerangkan, "kerajaan sudah menubuhkan suruhanjaya untuk menyiasat penyelewengan bank itu. Semua orang yang waras mengeji kejahatan itu. Mereka pasti dihukum. Betul kata abah itu, mereka telah memakan daging dan meminum darah saudara sendiri."

Aku telah duga jawapan itu. Syukran Amali menentang kejahatan itu sejak sekian lama. Dia selalu menyebut sikap kerajaan yang lemah dalam tindakan. Banyak penyelewengan berlaku. Peluang untuk bumiputera naik dalam ekonomi sudah disalahgunakan. Inilah satu-satunya kejahatan jenayah paling besar selepas merdeka. Aku telah mengatakan ini kepada Syukran Amali, telah aku katakan kepada Jalal Bairuni, telah aku katakan kepada orang lain. Mereka semuanya menentang kejahatan. Tetapi ada di kalangan mereka yang melakukan kejahatan ini juga.

Aku berkali-kali mengatakan perjuangan generasiku tidak melibatkan skandal seperti ini. Tetapi kemudiannya, aku sedari bahawa generasiku belum memerintah. Saki-baki generasiku yang sempat menyesuaikan diri dengan perjuangan sekarang, pada awal-awal kemerdekaan sudah ada terlibat dengan soal rasuah dan penyelewengan. Aku terpaksa mendiamkan diri tentang ini. Generasiku tidak ramai terlibat dalam bentuk perjuangan mengisi kemerdekaan. Sesiapa yang terlibat dengan perjuangan mengisi kemerdekaan, yang termasuk dalam galakan bumiputera, tentu sahaja terlibat

dengan soal politik perniagaan. Politik perniagaan itulah yang menyebabkan rasuah, penyelewengan koperasi dan geng-geng dalam menentukan kem dalam parti. Tentu sahaja Jalal Bairuni termasuk dalam salah satu kem. Sama ada secara terang-terang atau diam-diam, dia tentu terlibat.

Bagaimana udara perjuangan sekarang berbeza dengan zaman generasiku. Kami berjuang dengan semangat. Anak-anakku berjuang dengan menggunakan wang. Kekurangan wang akan menentukan kekurangan pengikut.

“Perjuangan zaman kemajuan, zaman pertumbuhan ekonomi, kita memerlukan keupayaan intelek. Keupayaan akal. Keupayaan berfikir. Kita tidak boleh kenyang dengan slogan. Kita tidak boleh hidup dengan mendidik anak isteri dengan semangat sahaja. Kita mesti mencapai segala-galanya. Kita mesti memegang kuasa. Kita mesti menguasai bank. Kita mesti menguasai koperasi. Kalau kita tidak merebut peluang ini, kita akan menjadi hina di tanah air sendiri. Kaum lain akan mengambilnya. Mereka akan menggunakan kekayaan tanah air kita untuk menghina kita.”

Ini sebahagian daripada kata-kata Jalal Bairuni. Syaukat Akbar membenarkan ucapan ini. Kata Syaukat Akbar: Politik itu kuasa. Kuasa itu akan membolehkan bangsa Melayu menikmati segala pembangunan. Pembangunan ekonomi dan pembangunan mental.

“Tidak ada satu bangsa pun dalam dunia yang benar-benar jujur dalam politik negara dan politik ekonomi. Tetapi kerana mereka telah lama menguasai bidang itu, kejahatan mereka tidak dilihat. Mereka seolah-olah jujur dan benar.”

Jalal Bairuni memandanguku. Dia cuba memancing fikiranku.

"Abah terima semua fikiranmu." Aku cuba mengatakan sesuatu. Cuba membenarkannya untuk kemudian memeranjatkannya. "Perebutan peluang hak istimewa bumiputera akan menimbulkan sengketa sesama sendiri."

"Bagaimana kita harus menghindarkannya kalau peluang itu dibuka untuk direbut?"

"Tetapi perebutan itu berlaku dengan orang kita dan bukan orang kita dalam parti. Bukan perebutan ikhlas secara terbuka. Berapa ramai bumiputera yang benar-benar memerlukan sokongan tetapi tidak beroleh apa-apa sokongan. Yang mendapat sokongan kerana mereka itu orang kita dalam parti. Abah tahu itu. Semua orang tahu."

Sebenarnya aku tidak memerlukan jawapan Jalal Bairuni. Tentu sahaja dia salah seorang daripadanya. Aku bukan menentang perebutan peluang. Akan tetapi, caranya menentukan sokongan dan pemberian kerajaan itu melemahkan sebahagian besar daripada bumiputera yang memerlukan sokongan dan galakan.

"Keadilan masyarakat tidak berlaku sepenuhnya." Aku menambah. Aku merasa satu kesempatan terbuka. "Kau yang mula kaya bertambah kaya. Tetapi orang lain yang miskin, bertambah miskin."

"Abah mungkin silap." Jalal Bairuni mengempang fikiranku. "Mereka tidak tahu merebut peluang. Tidak tahu cara pendekatan untuk cepat maju. Kerana itu mereka ketinggalan. Dalam satu perlumbaan, kita tidak perlu menoleh ke belakang bersama-sama orang yang kalah. Itu tentu saja abah maklum."

"Tetapi kau perlu menolong saudaramu yang lain. Apakah maknanya kekayaan engkau sedangkan jutaan bumiputera miskin?"

"Sebenarnya, abah, ramai jutawan Melayu telah memberi pekerjaan kepada bangsanya. Mereka menubuhkan syarikat dan pelbagai macam institusi kewangan dan perumahan. Pekerja di dalamnya ialah bangsa kita. Mereka dilatih supaya akhirnya mereka dapat berdikari. Akhirnya mereka dapat menubuhkan institusi kewangan seperti itu pula. Ini sudah berlaku di mana-mana, abah."

"Abah tidak menafikannya." Aku mula berhujah. "Bagaimana dengan nasib kaum nelayan Pantai Timur dan petani-petani kita?"

"Ada kemajuan sebenarnya, abah. Untuk meningkatkan mereka kepada satu kedudukan yang betul-betul bererti, tentulah akan memakan masa yang lama."

"Kita sudah merdeka 30 tahun."

"Amerika maju memakan masa lebih 100 tahun, abah."

Aku diam. Aku sedar kebenaran kata-kata itu. Tidak ada sebuah negara boleh maju dalam empat lima tahun. Kota Rom bukan dibina dalam sehari, kata orang Barat. Akan tetapi, ada sesuatu yang silap dalam pembahagian rezeki sekarang. Aku amat terasa dengan berita di Kedah. Dalam keadaan ada jutawan Melayu yang terhasil daripada peluang yang diberikan kepada bumiputera, masih ada penduduk yang tinggal di dalam gua. Masih ada orang Melayu yang rumahnya boleh disamakan dengan kandang kambing.

"Perebutan jawatan dalam politik sekarang tentu akan melemahkan orang Melayu."

"Ya. Saya terima pendapat abah itu. Tetapi itu juga membuka amalan demokrasi yang sebenarnya. Bolehkah kita menolak sistem amalan negara dan parti kita?"

"Sebenarnya banyak kelemahan dalam sistem demokrasi ini. Ia patut dikaji semula."

"Sebenarnya sudah diketahui. Kalau abah baca ucapan kebanyakan pemimpin utama kita, mereka sedang membuat praktikal beransur-ansur ke arah itu. Akan tiba masanya itu."

Aku belum membenarkan kata-kata itu. Kita terlalu fanatik dengan amalan demokrasi yang merugikan bangsa Melayu. Ketika pencabulan demokrasi oleh kaum imigran apabila mereka mendapat kemenangan kerusi dalam pilihan raya 1969, kewujudan Mageran tidak dikekalkan. Aku menyumpah hasrat pemimpin Melayu yang ingin kembali kepada demokrasi. Aku berdoa kepada Tuhan supaya Mageran tetap kekal selama-lamanya. Sebab, aku fikir, dengan Mageran itulah sahaja maruah Melayu dapat ditebus. Dalam fikiranku mengembang satu andaian: Kalau kaum imigran mendapat peluang demikian, mereka kembalakah kepada demokrasi? Akan kembalakah Sabah dengan PBS kepada bentuk USNO yang Islam?

Mungkin aku berbeza dengan generasi anak-anakku. Mungkin berbeza dengan generasi anak Rijal Akbar yang sudah menjadi menteri. Mereka generasi yang menerima hidangan untuk memperolehi segala-galanya. Mereka generasi rasional kononnya, yang setiap pemikiran dan tindakan mereka mesti selaras dengan kehendak moral dunia internasional. Betapakah aku akan berpijak ke dalam bentuk perjuangan mereka? Bagaimanakah

aku dapat memikirkan, dalam bentuk serasional mungkin, bahawa jawatan dalam parti dipertandingkan dengan kuasa wang? Bagaimanakah aku dapat mencelahkan pendapatku di depan mereka, apabila sindrom wang itu sudah menguasai perjuangan generasi sekarang?

"Sedikit sebanyak memerlukan wang, abah," kata Jalal Bairuni, ketika aku kemukakan fikiranku ini. "Mereka datang dari seluruh negeri. Mereka bukan orang kaya. Tetapi mereka perlu dibawa ke kota kerana undi mereka harus diturunkan. Kalau sedikit sebanyak tidak dibantu oleh tokoh-tokoh politik atau hartawan yang menyokong perjuangan parti, bagaimana mereka boleh berada di kota?"

"Zaman abah tidak berlaku demikian."

"Zaman abah tidak sehebat ini dalam pemilihan pucuk pimpinan. Mungkin saya silap, tetapi kira-kira saya begitulah."

"Ya. Memang berlainan. Tetapi penggunaan wang untuk merebutkan pengaruh zaman kau ini sudah sampai kepada peringkat yang sangat bahaya."

"Mungkin abah silap." Jalal Bairuni dengan suara perlahan memberi hujah. "Kalau abah perhatikan, setiap pilihan raya umum di Amerika Syarikat, negara yang sudah terkedepan dalam segala-galanya itu, jutaan dolar digunakan oleh setiap calon. Calon presiden saja sekurang-kurangnya 15 juta dolar Amerika. Mereka tidak apa-apa. Rakyat mereka tidak sibuk. Tidak timbul tohmahan tentang penggunaan wang."

"Kau selalu membela kedudukan politik wang, sindrom politik wang. Ini tentu saja kecenderungan materialistik yang membolehkan moral orang Melayu runtuh."

Jalal Bairuni tersenyum dan menyapu-nyapu dagunya. Dia sedang berfikir. Aku akan mendengar kata-katanya itu. Kata-kata generasi selepasku. Generasi yang berjuang secara berlainan dan berorientasikan keadaan semasa. Salahkah mereka? Salahkah aku?

"Abah harus maklum." Jalal Bairuni memberi jawapan yang entah bagaimana. "Perjuangan memerlukan sedikit pengorbanan. Abah telah memberikan pengorbanan tenaga dan fikiran untuk mengembalikan semangat kepada bangsa Melayu. Abah menderita kerananya. Itulah pengorbanan abah dan generasi abah. Kami amat hormati pengorbanan yang besar itu."

Aku ingin mendengar apa kata Jalal Bairuni. Dia diam. Dia merenung langit-langit rumah. Dia menyapu-nyapu dagunya. Aku diam. Aku mahu mendengar apakah perbezaan kami.

"Oleh sebab bentuk perjuangan kami berlainan, pengorbanan kami juga berlainan. Abah mengorbankan tenaga dan masa. Kami mengorbankan wang ringgit. Perjuangan tetap diteruskan. Bezanya bentuk pengorbanan itu. Bukankah ini sahaja prinsipnya?"

'Ya Tuhan!' keluhku dalam dada. Sebenarnya kami telah tidak bersatu dalam pemikiran dan pelaksanaan. Generasiku telah kehilangan punca berdepan dengan generasi Jalal Bairuni, Syaukat Akbar dan Syukran Amali. Mereka sedang membina satu pemikiran baharu yang asing daripada kami. Kami melihat mereka sedang menaburkan wang untuk kekuasaan politik parti dan politik perniagaan. Tetapi mereka mengatakan itu hanyalah satu bentuk pengorbanan yang sesuai dengan zaman.

“Untuk memperoleh sesuatu kejayaan yang lebih besar, abah, kami perlu mengorbankan sedikit wang. Ibarat menangkap ikan di laut luas, kecil umpannya, kecilah ikan yang dapat ditangkap. Kejayaan kami terpulang kepada sejauh mana keberanian kami memberi pengorbanan wang ringgit. Sebab, itulah satu-satunya moral dan harga diri manusia moden. Ini pasti!”

Ya Tuhan! Di manakah lagi moral Islam dalam diri generasi anakku sekarang? Di manakah lagi letaknya harga kejujuran yang murni kerana Tuhan semata-mata? Di manakah duduknya pengorbanan rohani daripada fitrah manusia apabila kebendaan menjadi sebahagian daripada perkembangan kehidupan? Aku tercampak jauh daripada diriku apabila terhantuk dengan kata-kata generasi sekarang. Aku terlempar jauh daripada kedudukan lama yang tidak menghasilkan apa-apa. Salahkah perjuangan kami dahulu? Benarkah perjuangan generasi sekarang seperti yang diluahkan oleh anak-anakku?

Bagaimanapun, aku menyedari hakikat Malaysia. Dasar Ekonomi Baru dengan bentuk hakiki penyusunan semula masyarakat Malaysia selepas tragedi 13 Mei 1969, telah menentukan kedudukan generasi anak-anakku dan anak-anak Rijal Akbar dan Yusuf Tamim berada di tingkat atas. Mereka berkuasa dalam politik. Mereka berkuasa dalam ekonomi. Mereka menjadi menteri. Mereka menjadi usahawan yang berjaya.

“Parti kaum imigran membantah kelanjutan Dasar Ekonomi Baru. Bagaimana?”

“Kata Syaukat,” demikian Jalal Bairuni menerangkan, “Dasar Ekonomi Baru tetap diteruskan.

Ia merupakan dasar hakikat daripada kerajaan dan parti. Pencapaian 30 peratus hanya dalam bentuk permulaan saja. Kita akan terus kepada pencapaian seratus peratus."

'Entahlah,' keluhku sendirian. Aku kehilangan pendapat. Aku kehilangan daya fikir tentang situasi Malaysia. Generasi anak-anakku mencipta sesuatu yang tidak pernah terfikirkan oleh generasiku. Akan tetapi, aku mendoakan agar Dasar Ekonomi Baru tetap berterusan sampai semua orang Melayu mencapai tahap kaum imigran dalam perusahaan tanah air. Benar kaum imigran cuba membantah penerusan itu. Akan tetapi, mereka tidak berhak mengurangkan rezeki generasi anak-anakku sekarang. Cukuplah generasiku sudah ditipu dan diperhambakan dalam sebarang ruang kehidupan, tetapi jangan berterusan setelah merdeka.

Kian berat aku berfikir, kian nampak perbezaan kami. Aku hanya semangat. Aku hanya baja. Jalal Bairuni adalah bentuk ekonomi baru. Syaukat Akbar adalah bentuk politik baru. Kami berbeza.

Ketika melangkah di sini, mentari terpacak dalam kepala. Angin kering hangat mengembang dalam diri. Perjuangan mulai bercabang dan bercarang. Aku menjadi tidak menentu. Ah!

*Dewan Budaya, Ogos 1987*

## DIA YANG DIA



**D**ENGAN tiba-tiba dia menjadi terkenal ke seluruh dunia.

Mula-mula Kampung Kalis Air, kampung tempat dia tinggal anak-beranak, seperti diserang histeria.

“Dia orang kampung kita dan sudah terkenal.”

“Dia menaikkan nama kampung kita.”

“Dia, orang yang tidak pernah berbuat apa-apa untuk kampung kita telah menjadi masyhur. Kampung kita menjadi amat, amat, amat, amat terkenal. Dan, jangan lupa dia akan menyusahkan kita semua!”

“Kita mesti halau dia sekarang.”

“Kita mesti ganggu dia supaya jangan masyhur.”

"Ya, supaya kurang kemasyhurannya."

"Bukan kurang, supaya jangan masyhur langsung."

"Atau kita bunuh dia anak-beranak."

"Kita bunuh dia sekarang. Mari!!"

Seluruh penduduk Kampung Kalis Air, 321 orang semuanya termasuk lelaki perempuan pemuda pemudi bayi dan yang buta dan kaki kudung dan lelaki tua bangka dan perempuan tua bangka, berhimpun di suatu lorong jalan tua yang bersambung dengan sebuah padang ragut. Suasana menjadi riuh-rendah dengan semangat penduduk yang meluap-luap. Suara embuan lembu dan uakan kerbau dan embekan kambing yang sedang meragut rumput dan daun-daun saling bercampur dan menjadi satu. Ditambah dengan suara ayam itik yang terkejut, lalu terberak dan menambahkan hitam air dalam lopak-lopak kecil. Hujan beberapa jam sahaja di Kampung Kalis Air hampir separuhnya tenggelam. Pengalaman penduduk Kampung Kalis Air dengan banjir sudah lumrah. Sebelum seluruh negeri Darul Bungkis banjir pada bulan November atau Disember setiap tahun, Kampung Kalis Air sudah lebih 400 kali banjir besar kecil dan tohor atau dalam.

"Bunuh dia!"

"Bunuh dia!"

Bunuh! Bunuh! Bunuh! Bunuh!

Suara penduduk Kampung Kalis Air berbaur dengan suara embekan kambing, embuan lembu, uakan kerbau, ketukan ayam jantan betina dan itik, menjadi satu gumpalan kemarahan yang amat, amat, amat, amat, amat besar. Wajah kemarahan dan keberangan dan kebimbangan yang tidak kelihatan telah wujud di situ.

Mereka mula berjalan. Mereka bawa kayu. Mereka bawa parang. Mereka bawa pisau. Mereka bawa badik. Mereka bawa keris. Mereka bawa lembing. Mereka bawa tombak. Mereka bawa tongkat dahan kayu sawo nilo. Mereka bawa batang kayu menada sebesar ibu jari. Mereka bawa. Mereka bawa. Mereka bawa. Mereka bawa.

Halau! Halau!

Bunuh! Bunuh! Bunuh!

Halau! Halau! Halau! Halau!

Bunuh! Bunuh! Bunuh! Bunuh!

Tiba-tiba gumpalan histeria yang berbaaur manusia, lembu, kerbau, ayam, itik, si buta, si kudung dan tongkat, pisau, lembing, ranting kayu sawo nilo, kayu menada dan dan dan dan itu terhenti seperti dihalang oleh sebuah gunung sebesar empat kali Kampung Kalis Air. Diam. Seribu diam. Diam yang amat sangat. Semua mata, kecuali si buta, menjatuhkan mata mereka ke atas seorang lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari. Semua orang Kampung Kalis Air tahu dan kenal si lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu. Guru agama dan fikirannya luas seperti gua di atas Bukit Batu Tidur di hujung Kampung Kalis Air.

"Ke mana kamu?"

Seribu diam.

"Hendak ke mana kalian?"

Seribu diam terhunjam antara lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu dengan 321 orang penduduk Kampung Kalis Air. Wap panas yang tidak kelihatan berkembang dengan cepat dan menujuh ke dalam baju dalam golongan wanita dan membakar seluar dalam lelaki. Mereka terpinga-pinga melihat kehadiran lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu.

Satu-satunya lelaki yang tidak pernah mengurangkan pompa agama Islam ke dalam ruang pemikiran mereka yang tidak pernah tersemat lama dalam ingatan. Gunung kemarahan dan api kebencian terhadap dia yang tiba-tiba menjadi terkenal ke seluruh dunia, tiba-tiba terhenti di situ. Terhenti antara lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari dengan mereka bersama-sama ayam itik, kerbau lembu dan, dan, dan.

“Kamu mahu halau siapa? Mahu bunuh siapa?”

Seribu diam terpacul di situ. Seribu diam menguasai 321 orang penduduk yang berbaur dengan lembu kerbau dan ayam itik dan tongkat kayu sawo nilo dan pisau parang dan keris lembing. Dan. Dan.

“Mahu bunuh siapa? Siapa yang harus kita bunuh?”

Seribu diam terbina menjadi seribu sepi. Penduduk Kampung Kalis Air hanya 321 orang sahaja. Kadar setiap penduduk Kampung Kalis Air menerima hampir tiga diam. Sebab itulah mereka terdiam walaupun telah beberapa kali lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu bertanya mereka.

Seorang lelaki berpakaian paling rapi tampil ke muka. Matanya menyelam ke dalam wajah lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari. Wajah lelaki itu tidak berubah: tubuhnya renceng tinggi, raut mukanya mengecil ke bawah yang disambung oleh segumpal janggut yang putih seluruhnya. Pakaiannya selalu berbaju gombang dengan seluar besar. Kepalanya ketayap Aceh yang kelihatan seperti sebuah lukisan awan larat yang sedikit rosak. Matanya jernih macam zamrud putih. Sinar matanya itulah yang mengenal setiap wajah dan nama penduduk Kampung Kalis Air. Kenduri-kendara dan mati relai

lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari ini akan terpacul di rumah penduduk Kampung Kalis Air. Lelaki inilah sejak 60 tahun yang lalu menanamkan otak agama kepada mereka dan anak-anak mereka. Betapakah lelaki yang berpakaian rapi akan menjawab pertanyaan lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu? Betapakah?

“Mahu halau dia.”

“Bukan. Mahu bunuh dia!”

Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari tersenyum. Dia mendekati lelaki berpakaian rapi. Diam tadi terkoyak sedikit.

“Dia itu, siapa?”

“Dia itu, dialah.”

Lelaki berpakaian rapi merapati lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari.

“Kami mahu bunuh kerana menyusahkan penduduk Kampung Kalis Air.”

“Ternyata kampung kita tidak kalis lagi.”

“Apa yang kalis dan apa yang tidak kalis itu?”

“Itulah dia mendadak menjadi terkenal. Keterkenalannya ke seluruh dunia menyebabkan Kampung Kalis Air seperti tidak kalis lagi.”

Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari seakan-akan mahu ketawa. Seakan-akan mahu ketawa kuat-kuat sampai didengari oleh White House di USA, sampai didengari oleh 10 Downing Street di London, sampai didengari oleh Tokyo, Seoul, Paris dan seluruh dunia. Seakan-akan. Akan tetapi, lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari hanya tersenyum dan menjatuhkan matanya dalam-dalam dan tajam ke dalam muka lelaki berpakaian rapi dan 321 orang lagi.

“Oh, dia!”

Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari mulai memahaminya. Lelaki itu mendekati kumpulan kemarahan yang terhalang dengan tiba-tiba itu.

"Kalian marah kepada dia kerana dia itu masyhur ke seluruh dunia?"

"Ya!"

"Ya. Ya. Ya!"

"Kamu marah kerana dia adalah satu-satunya rakyat yang masih miskin di Malaysia?"

"Bukan! Kami marah kerana kemiskinannya itu menjadikan dia terkenal dan masyhur, yang menyebabkan Kampung Kalis Air mendapat susah. Itu saja."

"Dia dan isteri serta anak-anaknya masih tinggal dalam kemiskinan ketika rakyat Malaysia sudah mencapai lebih 70 juta. Kerana dia satu-satunya rakyat Malaysia yang masih berada dalam kaya-raya dalam pelbagai pangkat dan status, maka itulah dia menjadi terkenal. Kemiskinannya itu menyebabkan dia dikunjungi oleh seluruh pembesar dunia, dan ini menyebabkan Kampung Kalis Air mendapat susah. Itukah yang membangkitkan perasaan kalian untuk membunuh dia?"

"Ya. Ya. Ya. Ya. Ya. Ya. Ya!"

Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari pun terbatuk-batuk. Dengan segera mengembalikan ingatan: Benarlah dia itu satu-satunya yang masih tinggal dalam kemiskinan walaupun Malaysia sudah menjadi salah satu negara maju di dunia. Malaysia telah mencapai per kapita RM160 000 setahun. Dalam pencapaian ekonomi begitu tinggi, tidak mungkin ada lagi orang miskin di Malaysia. Kerana pencapaian ekonomi yang mengagumkan seluruh dunia, semua makhluk dunia mencontohi Malaysia.

Ke mana-mana sahaja pelancong menjejakkan kakinya di Malaysia, tidak terlihat kemiskinan sebesar butir pasir pun. Seluruh rakyat Malaysia kaya-raya, ditambah dengan pelbagai gelaran status. Setiap para Sultan dan Agong menyenaraikan ribuan nama untuk dianugerahi gelaran setiap tahun yang melambangkan status, sehingga pada perhitungan lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari, sudah tidak ada lagi orang miskin dan orang yang tidak bergelar. Dan, inilah puncanya menyebabkan dia itu menjadi amat terkenal, kerana tidak ada gelaran status dan tetap berada dalam kemiskinan. Bayangkan dalam negara Malaysia yang berpendapatan per kapitanya RM160 000 setahun, masih ada seorang yang miskin dan tinggal di Kampung Kalis Air, sebuah *real estate* di pinggir kota kosmopolitan Kuala Lumpur. Inilah menyebabkan dia itu masyhur, dia miskin dan kerana kemiskinan itu dia tidak pernah dikenal. Tidak ada seorang pun antara 321 orang penduduk Kampung Kalis Air yang tahu akan nama orang yang terkenal itu. Kerana tidak ada sebarang gelaran status, semua penduduk Kampung Kalis Air tidak tahu nama orang yang sudah menjadi perhatian dunia itu.

“Undang-undang negara Malaysia belum ada peruntukan hukuman menghalau keluar negara atau hukuman ke atas seorang miskin dan tidak ada nama seperti dia. Kalian akan dihukum oleh kerajaan kalau kalian bertindak di luar batas undang-undang negara kita.”

Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari tidak dapat menasihati mereka yang sudah sepanas ruapan matahari 40 Celsius. Tidak dapat.

“Tapi dia akan menyusahkan kita kelak. Dia

akan merobohkan semua rumah kita. Dan, kita akan menjadi seperti dia. Kami tidak mahu miskin. Kami tetap mahu berada pada status nama kami seperti sekarang.”

“Ya. Ya. Ya.”

“Status kami Datuk, Tan Sri, Datin, Datin Seri, Toh Puan, Datuk Paduka, Datuk Seri, Datin Seri, Tun, Datuk Patinggi, dan gelar, gelar, gelar, gelar.”

“Kerana kalian menjana nama gelaran status dan hartawan jutawan, itulah menyebabkan dia menjadi perhatian dunia. Dia saja satu-satunya di Malaysia yang tidak mempunyai gelaran dan miskin pula, itulah dia menjana kemasyhuran ke seluruh dunia!”

“Halau saja dia!”

“Bunuh saja dia!”

“Bunuh sekarang!”

“Ya. Bunuh dia sekarang!!”

Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari tidak mampu menghalang tiupan angin kemarahan tidak tentu hala daripada 321 orang penduduk Kampung Kalis Air. Mereka seperti api, seperti ribut, seperti banjir, seperti ombak besar, seperti ledakan gunung berapi, seperti, seperti, seperti.

“Bunuh dia. Bunuh dia. Bunuh dia!”

Ketika kumpulan 321 orang itu mula hendak bergerak, tiba-tiba sekali lagi mereka secara mendadak terhenti. Ada halangan lagi. Tiba-tiba terbangun sejuta diam. Sejuta sepi. Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari dan lelaki berpakaian rapi menjilat seraut wajah yang selalu keluar dalam akhbar, majalah, televisyen dan suaranya juga sangat dikenali.

MB negeri Darul Bungkis muncul dengan bebe-

rapa orang pembesar luar negara. Kumpulan polis dengan bunyi siren menggamatkan suasana. Secepat kilat beberapa gulung permaidani merah dilunjurkan bermula dari jalan besar ke kawasan pintu masuk ke Kampung Kalis Air. Raut wajah MB Darul Bungkis tidak membayangkan kegembiraan. Wajah MB seperti dicurah cuka sahaja. Walaupun MB berjalan seiring dengan pembesar luar negara yang tidak pernah dikenal oleh 321 penduduk Kampung Kalis Air, tetapi wajah MB kelihatan seperti orang yang kematian isteri yang baru dikahwini.

Seramai 321 penduduk Kampung Kalis Air menujuh pandangannya ke dalam seraut wajah MB, kecuali seorang yang buta. MB sedikit menggelengkan kepala yang tidak difahami oleh penduduk Kampung Kalis Air. Cuma MB berada dalam kepalanya sendiri: Sejak seminggu yang lalu sudah 70 orang pembesar dunia datang melihat dan mengagumi dia orang miskin itu. Semua 70 orang pembesar dunia itu menggeleng-gelengkan kepala dan mengerutkan dahi mereka, lalu berbisik ke telinga MB, "Maha aneh MB, bagaimana Malaysia yang sudah mencapai per kapita RM160 000 setahun masih ada seorang orang miskin?" MB terdiam malu, mukanya kemerah-merahan seperti sedang demam panas. Akan tetapi, itulah kenyataannya. MB kurang jelas mengapa yang ini terabai. Mengapa MB tidak pernah terfikirkan di pinggir kosmopolitan Kuala Lumpur, di sebuah *real estate* yang bernama Kampung Kalis Air, yang seluruhnya (itulah sangkaan MB), dihuni oleh hartawan, jutawan, para korporat, doktor, peguam, pensyarah, profesor, para mekanik mahir, guru-guru lepasan universiti dalam dan luar negara, dan, dan, dan, tiba-tiba terpacul seorang, hanya satu orang,

tentulah bersama-sama isteri dan anak-anaknya, yang masih miskin dan tidak bergelar, maksudnya tidak bernama. Kerana miskin dan tidak bergelar itulah, semua 321 penduduk Kampung Kalis Air tidak mengetahui namanya. Mereka menyebutkannya *dia* saja. Ini amat memalukan. MB terasa mukanya ditampal dan diconteng dengan lumpur banjir di Taman Seri Muda, Shah Alam. Amat memalukan. Jauh di pedalaman jiwa MB, situasi dia yang menanjak ke peringkat antarabangsa ini sedikit sebanyak akan menjejaskan prestasi kerjaya MB sebagai tokoh politik. Pemilihan perhimpunan agung akan diadakan tidak lama lagi. MB terasa sedikit gusar, dan menjadi amat gusar. Nanti MB akan dituduh mengabaikan rakyat. Dituduh MB tidak melihat kebajikan rakyat. MB tidak tajam dalam menangani masalah rakyat. MB lebih mementingkan diri sendiri. Hanya kerana seorang, satu-satunya yang masih miskin dan tidak bergelar.

Ketika MB mulai menapak di jalan masuk ke Kampung Kalis Air yang dibungkus oleh sejuta diam yang dibawa oleh MB dan beberapa orang pembesar dunia luar negara, secara tiba-tiba di belakang MB terdengar suara seperti ribut taufan. MB dan pembesar luar negara terhenti. Ribut suara itu kian bertambah dari detik ke detik. MB dan lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari dan lelaki berpakaian rapi dan 321 penduduk Kampung Kalis Air, melihat, kecuali seorang yang buta, ribuan atau katakanlah puluhan ribu atau lebih sejuta penduduk negeri Darul Bungkis, sedang berarak perlahan-lahan menuju Kampung Kalis Air.

"Bunuh dia!"

Bunyi suara itu segumpal. Tidak terpecahkan.

“Bunuh dia sekarang!!”

Suara itu mengepul dan tergantung di langit Kampung Kalis Air. Mengembang dan mengeluarkan bahang yang membahangi pula setiap individu yang sedang berjalan perlahan-lahan, tetapi tetap. Mereka menuju ke Kampung Kalis Air.

Akan tetapi, seperti juga MB tersentak ketika hendak melangkah masuk ke jalan Kampung Kalis Air, dan seperti juga 321 penduduk Kampung Kalis Air yang tersentak kerana kedatangan MB dan pembesar dunia luar negara, demikianlah juga raksasa manusia yang berarak masuk ke Kampung Kalis Air tersentak dan terus juga berada dalam sejuta diam. Sejuta diam berubah kepada dua juta diam. Kepada tiga juta diam. Kepada empat juta diam, kepada lima juta diam. Kepada 20 juta diam. Diam yang sama dengan penduduk Lembah Kelang.

Dua puluh juta diam tegak di situ. MB sedang berdepan dengan mereka. Tidak ada kalimat tercipta di situ beberapa waktu.

“Kalian mahu membunuh dia?”

Dua puluh juta diam menggunung di permukaan jalan masuk ke Kampung Kalis Air.

“Jangan!”

Dua puluh juta diam menegak juga di situ.

“Ini salah saya. Biarlah saya menangani masalah ini. Saya bertanggungjawab semuanya, kerana dia itu rakyat Darul Bungkis.”

Ketika MB berkata-kata kepada 20 juta diam itu, beberapa orang pembesar dunia dari luar negara sudah menapaki kawasan dia yang miskin dan tidak bernama. Mereka saling berbisik dan tercengang dan amat takjub dan amat kagum dan amat bingung. Sang pembesar dunia dari Eropah, dan dari Amerika,

dan dari Afrika, dan dari Asia, dan dari Jepun, dan dari Australia, dan dari New Zealand, cepat mengambil dan membuat kesimpulan: Malaysia belum dapat sepenuhnya menangani masalah perkembangan ekonomi untuk rakyatnya. Malaysia belum betul-betul berkembang. Dan, Malaysia perlu lebih banyak belajar dan mencontohi negara-negara maju yang lain, terutama Eropah dan Amerika.

"Sayang sekali, Malaysia yang dianggap antara negara termaju di dunia masih juga ada seorang orang miskin dan tidak bernama. Malaysia perlu mengatasinya."

"Tetapi jangan lupa, kita harus bersyukur kerana masih dapat melihat *wajah* orang miskin di dunia ini. Malaysia mempunyai potensi menjadi negara pelancongan terbesar di dunia kerana *wajah* miskin itu. Dia menjadi barang berharga sebagai bahan arkeologi atau fosil hidup yang satu-satunya masih ada di dunia. Atau sekurang-kurangnya masih ada di Malaysia dan yang satu-satunya dia itu."

MB Darul Bungkis berasa serba salah. Gelisah dan rasa malu memanjat ke muka. Wajah gelisah itu kurang disedari oleh 20 juta diam. Antara MB dengan 20 juta diam, satu diam untuk seorang penduduk Lembah Kelang yang sudah menjangkau 20 juta, terganggu wajah kesal dan malu MB yang tidak dapat menangani masalah seorang dia ini. MB tahu banjir pengungsi dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar, Thailand, Afrika dan, dan, dan, dan, masih berarus deras seperti 20 tahun yang lalu juga. Dan, ini akan menyendatkan Lembah Kelang. Akan menumbuhkan industri *super* cepat yang menampung pendudukan 70 juta. Akan tetapi, betapakah ada lagi satu kemiskinan dan tidak bernama ini?

Inilah yang dirasakan oleh MB sebagai suatu kealpaannya selama menjadi pemimpin. Inilah.

Dalam situasi yang sarat dengan kebencian yang entah mengapa itu, antara MB dengan 20 juta diam, tiba-tiba terdengar suara mengaum di udara. MB dan lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari dan lelaki berpakaian rapi dan 20 juta diam yang tercegat di situ, mendongak. Di celah-celah raksasa kebisuan 20 juta diam itu terdengar siren yang memekakkan telinga, kecuali yang pekak dan bisu antara 321 penduduk Kampung Kalis Air. Sembilan buah kereta dan trak polis merempuh raksasa kebisuan 70 juta diam itu. Dalam beberapa minit, sebuah helikopter yang tidak dikenal oleh lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu mendarat pada salah satu lapangan pada sebuah bangunan dua tingkat. Semua pembesar dunia yang betul-betul besar akan mendarat di situ. Semua pembesar dunia yang bukan betul-betul besar akan melalui jalan darat sahaja. Dua puluh juta diam memerhati ke ruang depan balai polis bertingkat. MB Darul Bungkis mampir ke situ.

Menteri Perdana sedang melangkah keluar dari pintu besar balai polis bertingkat itu. Menteri Perdana disongsong oleh MB. Mereka bersama. Mereka juga bersalam berturut-turut dengan beberapa orang pembesar dunia yang betul-betul besar. Bull Kelen-tong Presiden Amerika, Yell Sin Presiden Rusia. Aji-no-Ketawa Perdana Menteri Jepun. Keriung Alih Habis Ratu Inggitir. Johan Meja Perdana Menteri Small Britain. Jag Kurap Presiden Perancis. Dan. Dan. Dan. Dalam kesempatan yang amat sedikit itu, MB sempat dibisiki Menteri Perdana.

“Mengapa MB biarkan ini sampai tercium ke luar negara. Ini amat memalukan.”

MB seperti hendak pengsan. Atau memang sudah pengsan. MB berasa dirinya tidak wujud di depan Menteri Perdana. MB tahu apa yang dibisikkan oleh Menteri Perdana itu tidak difahami oleh pembesar-pembesar dunia yang betul-betul besar. Dan, tidak pula didengari oleh 20 juta diam yang tercacak di situ. Akan tetapi, bisikan Menteri Perdana yang perlahan seperti pelepasan kentut kerana ditahan untuk menghabiskan solat itu, MB terasa seperti sebuah ledakan halilintar. Atau, seperti ledakan 10 000 Gunung Berapi Pinatubo.

"Saya seperti tidak percaya mendengar daripada radio bahawa puluhan pembesar dunia sudah datang ke Malaysia semata-mata hendak melihat dengan mata kepala mereka sendiri: Masih ada seorang yang miskin dan tidak bergelar di Malaysia. Bagaimana MB tidak menangani ini dengan betul dalam tempoh 20 tahun ini?"

Menteri Perdana terasa amat malu kepada pembesar-pembesar dunia yang betul-betul besar, yang sedang berjalan seiring dengannya. Waktu Menteri Perdana berbisik ke telinga MB sambil menapak mengiringi tamu itu, muka Menteri Perdana dan muka MB seperti orang tercucuk duri di punggung waktu duduk berak. Dan, MB berasa dirinya seperti tidak wujud. Seperti tidak masuk hitungan dalam kumpulan 321 penduduk Kampung Kalis Air. Seperti tidak berada dalam raksasa 20 juta diam. Seperti. Memang MB faham, kalau MB salah menangani sesuatu masalah rakyat, bererti MB tidak peka terhadap perkembangan parti. MB memang ketua parti untuk negeri Darul Bungkis. MB akan menanjak kepada naib presiden atau timbalan presiden. Akan tetapi, kalau masalah membiarkan

seorang orang miskin dalam Malaysia dan secara khusus pula berada di pinggir kosmopolitan Kuala Lumpur dalam negeri Darul Bungkis yang diterajui oleh MB, maka sudah tentu isu tidak dapat menangani masalah kemiskinan akan menjadi modal musuh-musuhnya dalam parti. Modal itu akan diruai-ruaikan ke seluruh bahagian dan cawangan parti seluruh negara. Tentu saja kempen itu akan menggugat kedudukannya dalam parti. MB dengan tiba-tiba berasa dia sudah pengsan di tengah-tengah 20 juta diam itu. MB hendak mengatakan sesuatu kepada Menteri Perdana. Tetapi keadaan diamnya itu menyebabkan Menteri Perdana berbisik lagi.

“Kes yang satu ini memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia. Mereka akan ke mari dengan pelbagai jalan dan cara, semata-mata kerana hendak melihat wajah seorang orang miskin, yang satu-satunya masih wujud di dunia. Malaysia akan terkenal dengan kemiskinan itu, tetapi sekali gus amat memalukan kita.”

MB diam. Kesemua 321 penduduk Kampung Kalis Air diam. 20 juta yang diam juga diam. Menteri Perdana diam. Lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari berasa amat hairan. Mengapa diam wujud di sini? Tanya lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari kepada dirinya sendiri. Tidak dapat dijawabnya. Berjalan dalam diam meninggalkan raksasa bisu yang terkangkang di situ. Sebelum meninggalkan kawasan diam dan bisu itu, lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu mengimbas sekali pandang kepada Menteri Perdana, kepada MB dan kepada pembesar-pembesar dunia yang betul-betul besar. Aneh, fikirnya. Seluruh dunia datang ke Kampung Kalis Air untuk melihat wajah seorang miskin. Aneh, fikirnya lagi dan me-

langkah diam-diam meninggalkan kawasan yang aneh itu. Dalam beberapa minit saja lelaki 81 tahun dua bulan tujuh hari itu hilang dalam raksasa bisu yang memanjang.

Menteri Perdana mampir ke suatu lorong. Kiri kanan depan belakang semuanya rumah banglo sampai empat tingkat. Lorong itu lurus ke arah Bukit Batu Tidur. Ada sebuah rumah kayu. Keruing Alih Habis di depan Menteri Perdana, diikuti oleh Jag Kurap, Johan Meja, Bull Kelentong dan lain-lain. Sekaliannya dengan keinginan 1000 ekor singa lapar ingin melihat wajah seorang orang miskin. Keinginan itu semakin membuak-buak apabila semakin dekat dengan kawasan yang ditinggalkan oleh seorang orang miskin, yang satu-satunya masih wujud di Malaysia khususnya, dan di dunia umumnya. Menteri Perdana seperti akan luruh air mukanya di depan para tamu pembesar seluruh dunia yang betul-betul besar. MB seakan-akan tidak terlangkahkan lagi. Kesemua 321 penghuni Kampung Kalis Air menahan sebak kerana maha marah yang tidak dapat ditunaikan. 20 juta diam dari seluruh Lembah Kelang mengeluarkan air mata dan menangis teresak-esak kerana seorang orang miskin itu menjadi duri dalam daging kekayaan dan kemakmuran Malaysia yang sudah mencapai per kapita RM160 000 setahun. Semua pembesar dunia yang betul-betul besar berjalan dengan cepat. Menteri Perdana juga berjalan dengan cepat-cepat di samping mengerling dan menjatuhkan pandangan sayu dan takutnya kepada Menteri Perdana sebagai ketua kerajaan dan ketua parti.

Kesemua 321 penduduk Kampung Kalis Air dengan 20 juta diam daripada penduduk Lembah

Kelang menahan kesebakan dada dan kebuncitan perut kerana tidak dapat bertindak menghalau dan membunuh dia. Halau! Bunuh! Hanya tenggelam dalam raksasa dia itu sahaja.

Seorang bapa 69 tahun enam bulan enam hari sedang memerhatikan kumpulan manusia yang begitu ramai di kampungnya, Kampung Kalis Air. Dia menoleh kepada tiga orang anaknya yang semuanya sudah dewasa. Dia baru sahaja turun daripada sejadah selepas berwirid panjang dan mengimami ketiga-tiga anak lelakinya dan juga isterinya yang lebih muda lima tahun daripadanya selepas solat asar dan berdoa.

“Mereka tidak habis-habis dengan pesta. Sejak pagi tadi, selepas subuh sampai sekarang sudah masuk waktu asar asyik berpesta. Tak tahu zuhur di mana dan asar di mana. Ingatlah anak-anakku, kekayaan kita sebenarnya adalah sebanyak mana kita mempunyai dan memperteguh iman.”

Tiga orang puteranya, dan yang terkecil berusia 23 tahun, mendekati tingkap yang terbuka, melihat raksasa manusia dengan tenang.

“Tetapi syukur kita kepada Allah. Sejak seminggu yang lalu, ramai orang datang hendak melihat rumah tradisi Melayu yang kita miliki. Alhamdulillah, derma yang mereka berikan, abah akan kumpulkan untuk menghantar adik kamu ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran agama Islamnya, insya-Allah.”

Tanpa mempedulikan raksasa manusia yang berderak asak di seluruh Kampung Kalis Air, dia turun melalui sembilan anak tangga, lantas ke tanah. Dia merenung kepada rumahnya: rumah Melayu berkayu cengal dengan atap bata tanah dari Menara yang di-

bina oleh datuknya entah puluhan entah ratusan tahun yang lalu. Rumah ini memberi rezeki dalam zaman semua orang membina rumah batu. Kedudukan rumahnya yang di celah-celah rumah banglo kiri kanan, dia berfikir sepintas lalu, memberi tarikan kepada orang ramai dan pelancong luar negeri.

"Hari minggu ini kita cat bahagian depan supaya nampak lebih menarik." Dia bersuara kepada tiga anak lelakinya tanpa melihat mereka.

"Abah!" Seorang anaknya berseru. Dia melihat anaknya yang masih berada di mulut jendela. "Orang putih datang lagi. Ramai, abah."

Dia menoleh ke lorong masuk ke kawasan rumahnya. Memang orang putih. Dan, dengan tenang dia berdiri dan merenung ke depan, dan dalam sanubarinya mengucapkan syukur ke hadrat Allah. Dia akan menghantar anak bongsunya ke luar negara untuk mendalami ilmu Islam, setelah dua orang anaknya yang tua hanya setakat dalam negara.

Sekali gus dia teringat akan kata-kata arwah ayahnya, seorang imam: Hidup sederhana itu baik, berkat dan tidak melupakan Allah. Sekali imbas dia melihat rumahnya, sebuah rumah tradisional Melayu, satu-satunya yang masih wujud di sini, fikirnya. Dan sekarang mendapat perhatian. Hatinya tenang.

Subhanallah.

*Dewan Budaya*, Februari 1996

## PUTERA SI LUNCAI



**B**ETAPAPUN menggunungnya kebencian Tuan Puteri Nila Kendi pada bekas suaminya Si Luncai, yang telah terbunuh itu, tetapi puteranya tetap disayangi dan dicintainya sepenuh jiwa raganya. Lukanya seakan-akan tidak terubatkan ketika mengetahui Si Luncai menipu ayahandanya, Maharaja Isin, sehingga ayahandanya terbunuh di dalam sebuah gaung. Tuan Puteri Nila Kendi tidak dapat menolak perkahwinannya dengan Si Luncai. Dia menerimanya kerana apa yang dikatakan oleh Si Luncai diterima oleh Perdana Menteri, diterima oleh sahibul fadilah Tuan Kadi, diterima oleh bonda,

dan diterima oleh seluruh rakyat Negara Indera Pati. Wasiat ayahanda wajib ditunaikan. Betapa pun Tuan Puteri Nila Kendi dukacita dan masyghul atas kemangkatan ayahandanya, hanya beberapa hari yang lalu dia terpaksa menerima ijab kabul oleh Tuan Kadi.

Seluruh Negara Indera Pati merayakan keselamatan dan kesukacitaan kerana perkahwinannya dengan ulama, orang akhirat dan penerima wasiat, Si Luncai yang pintar. Si Luncai yang pernah dijatuhkan hukuman bunuh oleh ayahandanya, telah dapat melepaskan dirinya. Dan, akhirnya Si Luncai berjaya kembali dan wujud sebagai orang akhirat yang dihantar ke dunia untuk menyampaikan salam ayahanda, nenda, dan kerabat diraja Negara Indera Pati. Sekalian orang besar percaya akan kata-kata Si Luncai. Bondanya ikut percaya. Menteri Besar ikut percaya. Tuan Kadi juga percaya. Dan, lalu Tuan Puteri Nila Kendi dinikahkan dengan Luncai tanpa tertahankan lagi.

Aneh, fikir Tuan Puteri Nila Kendi, walaupun dia masih dalam dukacita, tetapi dia tidak menolak perkahwinan itu. Dia amat takut dan tidak bernafsu sebaik-baik sahaja melihat wajah dan bentuk Si Luncai. Akan tetapi, Si Luncai telah sah menjadi suaminya. Dan, pemuda yang hodoh tanpa potongan itu sudah terpacul di dalam kamar tidurnya yang dihiasi begitu indah dengan bau-bauan yang menghilangkan segala bau hangit dan tengik pemuda kampung itu. Dan, malam pertama yang seakan-akan suatu mimpi yang tidak akan berulang selamanya, yang mungkin dorongan tabii atau naluri seks manusia gadis yang ditemukan dengan lelaki, dia seperti tidak tahu apa yang berlaku. Alih-alih

ketika dia menyadari akan dirinya, sesuatu yang seni, yang halus, yang dipertahankan selama ini, sudah tiada. Api kemurkaannya bergejolak. Dia hanya sempat melihat tubuh hitam tanpa potongan yang menarik terbungkam di sisinya. Dan, waktu yang sedikit dan seakan-akan tidak disedarinya itulah, entah dengan kekuatan, entah dengan semangat kesedaran apa, dia berasa amat malu dan benci dan terus memikirkan bahawa lelaki hodoh di sisinya ini, yang telah menghabiskan dunia gadisnya tanpa disedarinya inilah yang telah membunuh ayahandanya dengan tipu helah untuk membalas dendam. Sahlah, fikirnya.

Waktu yang samar-samar dalam keadaan nikmat sebagai isteri dan benci kerana lelaki itu, Si Luncai, telah menyebabkan ayahandanya mangkat, yang tanpa sedar adakah dia rela atau terpaksa ketika menyerahkan mahkota sucinya kepada lelaki hodoh itu, dia teraba pisau kecil yang selalu bersamanya. Dengan keberanian yang tidak dapat difikirkannya, dan entah dari mana sebenarnya datang hati yang nekad itu, dia menghunus pisau kecilnya yang tajam berkilat-kilat menangkap cahaya puluhan lilin yang terpasang di dalam kamar kurungan seekor harimau dengan seekor kucing itu, dan tanpa bergantung pada akalinya lagi, dia terus saja menancap sekuat-kuatnya, sekuat-kuatnya, sekuat-kuatnya, sekuat-kuatnya ke tengah-tengah leher Si Luncai yang tidur menelentang dan sedang menghamburkan bunyi geruh yang menakutkan. Dia tidak sedar dan seakan-akan bukan dirinya, dua kali dia menikamnya. Dan antara ingat dan tidak, dia sempat melihat mata si hodoh itu terbeliak dan meraung yang seakan-akan tidak ada suaranya lagi. Dan, dia tidak tahu

bagaimana yang berlaku selepas itu. Seperti dalam mimpi atau sebuah igauan yang lama, dia hanya tahu sudah berada di tengah-tengah sebuah kamar dan dirindui oleh puluhan dayang.

“Tuan puteri!”

Suara itu membayangkan kerinduan dan persahabatan atau perhambaan yang kekal abadi. Dia juga mendengar tangisan. Dan, yang jelas dia sedang dibasahi dengan air yang amat harum baunya. Dia ikut menangis, dan suaranya yang menambahkan kebisingan ruang kamar yang sudah bising oleh tangisan itu seperti perbauran suara yang menakjubkan. Lama kemudian barulah dia menyedari bahawa dia sudah kehilangan sesuatu yang amat disayangi oleh seseorang yang menidurinya, yang disahkan oleh suatu ucapan di depan Tuan Kadi. Dan, orang yang meragut sesuatu yang suci dan yang terindah dalam tabii insan itu juga sudah tidak ada.

Aneh, fikir lagi Tuan Puteri Nila Kendi, hanya sekali, sekali sahaja, sekali, sama ada dia sendiri sedar atau tidak akan kehilangan itu, sudah menjadi. Dan sekarang, akibat kurang awasnya pada malam pertama sekamar dengan Si Luncai, yang sekali itu telah melahirkan seorang putera.

Betapapun Puteri Nila Kendi bencikan Si Luncai, dia tidak mungkin membuang puteranya ini. Tidak mungkin. Malah sebaik-baik sahaja dia mendengar suara bayi yang diteran dengan penuh tanggungjawab dalam keadaan kesakitan melahirkan anak sulung itu, dia berasa amat bahagia. Hilang semua dendam kebenciannya yang tertanam di dalam dadanya selama sembilan bulan lebih itu. Ketika dia menjamah bayi comel itu, dengan segera dia menciumnya, betapa menggunungnya kasih

terhadap putera Si Luncai ini. Dan sekarang, putera sudah berusia masuk dua puluh lapan tahun setelah menamatkan pengajiannya di universiti dengan kelulusan yang cemerlang. Aneh! Fikir lagi Tuan Puteri Nila Kendi. Putera Si Luncai ini tidak mahu melanjutkan ijazahnya ke luar negara. Dia pernah mengusulkannya.

"Bonda jangan silap." Putera mampir ke sisinya dengan mesra dan seperti berbisik ke telinganya yang ditutup rambut yang panjang, dan ada sudah seakan-akan putih atau memang putih. "Maafkan anakanda, bonda. Pelajaran di universiti tempatan kita jauh lebih tinggi daripada yang di luar negara. Dan juga belanjanya jauh lebih rendah. Anakanda tidak mahu membazirkan wang kerajaan kita."

Tuan Puteri Nila Kendi tersenyum. Dia menyedari kepintaran puteranya ini saling tidak tumpah seperti arwah ayahnya juga. Raut muka Putera dengan biji matanya yang jernih bening seperti air jeram musim kemarau itu mengingatkannya kepada wajah dan pandangan arwah Si Luncai yang dibencinya itu. Dan, kerana Putera merupakan anak sintesis rautnya sudah campuran; sedikit bujur dengan alis tipis bibir agak kecil dan manis. Dayang-dayang selalu menyatakan, ini waktu Putera masih bayi dan meningkat belasan tahun, anakandanya itu lebih banyak kepada bondanya. Pagan tubuhnya tegak dan gagah seperti arwah ayahnya, tetapi suara dan kelakuan mirip kepadanya. Tuan Puteri mewarisi kecantikan bondanya dan kepintaran Putera pula biarlah mewarisi ayahnya Si Luncai. Sayup-sayup dan senyap-senyap di pedalaman dadanya Tuan Puteri Nila Kendi bangga dan menyanjung kepintaran Si Luncai. Si Luncai dapat mengatasi

semua masalah yang ditimpakan ke atasnya oleh kerenah ayahandanya Maharaja Isin. Benar juga, fikir Tuan Puteri Nila Kendi, Si Luncai bertindak seperti itu kerana memang ayahandanya bersalah. Apakah wajar dengan hanya Si Luncai mengatakan "kepala ayah patik" sama dengan "ulu tuanku" lalu dijatuhkan hukuman mati. Dan, sudah berapa kali Putera menyembahkan kepadanya bahawa Negara Indera Pati perlu menggubal suatu undang-undang yang adil. Kerana itulah juga Putera masih tidak mahu ditabalkan menjadi Raja Negara Indera Pati sehingga dia betul-betul terpelajar. Putera masih membiarkan bondanya menjadi Ratu Negara Indera Pati sejak nendanya, bahawa kedua-dua pembunuhan ke atas Maharaja Isin dan Si Luncai adalah wujud daripada ketidakadilan. Putera pernah membisikkan kepada bondanya, bahawa kedua-dua pembunuhan itu tidak akan berlaku kalau Perdana Menteri atau penasihat diraja pandai berfikir sedikit; memberi nasihat kepada nendanya. Tetapi tidak, Perdana Menteri dan penasihat nendanya hanya mengiakan. Sikap Perdana Menteri yang memilih diam tanpa kata inilah yang menyebabkan ayahnya menyimpan dendam dan akhirnya membunuh nendanya dengan cara yang amat cerdik, pintar dan bijaksana, melebihi akal Perdana Menteri dan penasihat-penasihat nendanya. Tuan Puteri Nila Kendi pernah mendengar kata-kata Putera, walaupun dia tidak menyenanginya tetapi itulah sanjungan seorang anak terhadap ayahnya, "Ayah Putera seorang yang pintar dan licik, bonda. Hanya bonda yang dapat mengalahkannya. Hanya bonda seorang sahaja!" Ketika Putera keluar dari kamarnya, waktu itu Putera sudah berada dalam persiapan terakhir ijazah

Sarjananya dalam bidang Pentadbiran Politik, Tuan Puteri Nila Kendi menangis teresak-esak. Dia berasa amat sayu dan tidak terfikirkan bahawa kebenciannya terhadap Si Luncai yang hodoh dan pendendam wujud sebuah sanjungan yang amat tinggi daripada puteranya sendiri. Dan, dalam kesayuan yang wujud di celah-celah kehidupannya sebagai Ratu Negara Indera Pati yang amat berkuasa itu, ada seorang pemuda, Putera Si Luncai, yang sedang memikirkan sesuatu yang terbaik untuk Negara Indera Pati. Sebagai ratu sebuah negara yang berdaulat, dan semua undang-undang berada di lidahnya, Tuan Puteri Nila Kendi mula menginsafi akan kedudukannya. Bila-bila masa sahaja Putera akan menduduki takhta kalau puteranya itu mahu. Dan, seluruh rakyat Negara Indera Pati mula menyanjung Putera yang sudah sarjana sekarang. Malah, ketika Putera berada di universiti dalam jurusan Pengajian Islam dan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Putera mula disanjung oleh rakyat. Banyak fikirannya diterima dalam mesyuarat rasmi kerajaan. Tuan Puteri Nila Kendi berasa kagum atas kemampuan dan kepintaran berfikir yang ditunjukkan oleh Putera. Dan ratu tahu, secara diam-diam, Putera juga dikagumi oleh Perdana Menteri yang sudah lapan puluh tiga tahun itu. Perdana Menteri tidak pernah diganti kerana khidmatnya baik untuk negara. Cuma beberapa kali Putera bersungut, se-pintar-pintar manusia, kalau sudah amat lanjut, akan menimbulkan masalah, katanya. Dan, ratu seperti lazimnya tidak banyak berhujah. Kalau berhujah pun, Putera akan senyum sahaja. Tidak banyak menentang bondanya. Hanya sebagai menamatkan pertelingkahan mesra dengan bondanya, Putera

akan berkata dengan senyum yang amat manis dan jantan, "Hanya bonda yang dapat mengalahkan ayah anakanda." Dan, setiap kali frasa itu diulang oleh Putera, ratu akan menangis selepas itu. Dia mengingatkan di atas gunung kebencian itu muncul raksasa sanjungan yang tidak berkeputusan. Alangkah luasnya perbezaan. Alangkah!

Betapapun pemikirannya berbeza daripada Putera, Puteri Nila Kendi berasa bangga dan bahagia. Putera akan menunjangkan sesuatu untuk Negara Indera Pati. Secara senyap-senyap dan diam ratu telah menerima fikiran Putera. Anggota penasihat diraja telah dipilih daripada pembesarpembesar yang berjasa dan cekap pengurusannya. Ia bermula dari peringkat daerah kemudian jajahan dan kemudian ke peringkat jabatan dan akhir sekali ke peringkat kementerian. Individu yang terbaik, yang cekap melaksanakan dasar dan bijaksana membuat keputusan dan proaktif, akan dilantik sebagai penasihat diraja. Pada awalnya Perdana Menteri memperlihatkan wajah muda yang kurang setuju, juga anggota penasihat asal yang sudah tua-tua, kerana secara tradisinya pemilihan dilakukan kepada keluarga mereka sahaja turun-temurun sejak zaman ayahandanya Maharaja Isin, tetapi kecekapan anggota-anggota baru berhujah dan melaksanakan tanggungjawab mereka, menyebabkan Perdana Menteri dan anggota penasihat lama terpaksa menutup mulut. Mereka akur secara diam-diam. Mereka menerima hakikat bahawa suatu perubahan mulai berlaku secara dalaman di peringkat atasan. Dan, ini daripada pemikiran ratu sendiri. Betapakah Perdana Menteri akan membantahnya? Betapakah?

Pernah juga ratu mendengar ucapan seakan

main-main sahaja daripada Putera tentang suatu bentuk pemerintahan yang agak asing padanya.

“Kalau bonda mengubah corak pemerintahan kepada Raja Berperlembagaan dan demokrasi, bonda tidak susah-susah berfikir dalam semua hal negara.”

Raja Berperlembagaan dan demokrasi pada mulanya amat asing pada ratu, tetapi kemudiannya, setelah berkali-kali dituangkan ke telinganya oleh Putera, ratu mulai faham. Dia malah menjadi sedikit takut dan ngeri apabila Putera menyebutkan banyak negara yang mengalami revolusi rakyatnya seperti di Perancis atau Rusia atau Indonesia atau Mesir atau Iraq atau Iran yang telah menjatuhkan raja-raja mereka. Perancis telah memenggal kepala ratunya. Rusia membunuh secara kejam semua anggota keluarga diraja. Iraq menyembelih rajanya. Iran menghalau maharajanya dan mati secara hina di luar negara. Tetapi bagaimanapun, demikian menurut Putera seperti yang masih diingati oleh Puteri Nila Kendi, ada beberapa buah negara yang mengekalkan raja dan ratu mereka kerana adanya perlembagaan, iaitu Raja Berperlembagaan dalam pemerintahan demokrasi.

“Bonda boleh lihat negara Thailand yang berdekatan dengan kita. Kerajaannya jatuh dan bangun, jatuh lagi dan bangun lagi, malah kadang-kadang diperintah oleh jeneral, namun raja tetap seperti asal. Kekal dan amat dihormati, seperti dewa.”

Ratu juga disuakan dengan contoh England dan Jepun. Demokrasi England menaik dan menurunkan kerajaan, tetapi Sang Ratu Inggeris tetap kekal dan tersanjung seluruh zaman. Jepun juga begitu. Negara itu sudah runtuh sebenarnya apabila berakhir perang dunia kedua. General Tojo yang memulakan perang

digantung. Jepun menjadi korban cubaan dua biji bom atom. Perdana menteri nya bertukar ganti dan semuanya bertanggungjawab memulihkan keadaan negara yang tenat oleh keadaan perang yang amat dahsyat itu. Huru-hara dan kemiskinan dan bala bencana alam yang saling berganti dan hutang perang yang dikenakan oleh pihak yang menang, tidak menjejaskan institusi beraja. Raja Jepun tetap wujud sebagai dewa yang dihormati oleh seluruh dunia. Dan, tidak diapa-apakan walaupun Jepun kalah dalam perang itu.

"Seperti bonda telah maklum," sembah Putera pada suatu hari ketika Tuan Puteri Nila Kendi bercakap-cakap hal revolusi Perancis dan Rusia, juga Iraq, Mesir, dan Iran dengan Puteranya itu. "Revolusi kecil telah berlaku di dalam Negara Indera Pati, sama ada bonda sedar atau tidak."

Ratu seakan-akan terangkat seperti disengat kala jengking mendengar kata-kata Putera yang bersahaja itu. Ratu kurang maklum tetapi dia berasa seperti seakan-akan telah mengalaminya. Ratu menajamkan matanya yang cerlang itu ke atas seluruh wajah dan pagan puteranya yang anggun itu seperti meminta penjelasan segera. Akan tetapi, seperti biasa, Putera lebih dahulu tersenyum dengan ulas bibirnya kemerah-merahan oleh kulitnya yang putih kemerah-merahan juga. Di dalam mata Putera yang seperti zamrud hitam putih itu memancarkan suatu sinar yang menambahkan kasih sayang Ratu Tuan Puteri Nila Kendi terhadap puteranya yang satu-satunya ini. Putera terus sahaja tersenyum, panjang dan lama, dan amat menarik dan tentu sahaja akan menjatuh-gugurkan hati sejuta gadis yang melihatnya. Ratu amat senang. Amat gembira. Amat bangga.

"Katakanlah revolusi itu, anakanda."

"Bonda tidak murka?"

Ketika itu seperti reduplah awan yang berarak dan angin seakan-akan berhenti daripada bertiup dan matahari seolah-olah malu untuk melemparkan sinarnya ketika Ratu Tuan Puteri Nila Kendi ketawa berdekah-dekah sambil menyambar lengan Putera dan memegangnya kuat-kuat seperti tidak mahu dilepaskannya sehingga kiamat.

"Pernahkah bonda murka apabila anakanda memperkatakan sesuatu selama ini? Mengapakah anakanda dengan tiba-tiba sahaja berasa ragu-ragu akan kasih sayang bonda kepada anakanda? Ilham apakah yang anakanda terima dalam sehari dua ini?"

Putera juga separuh terperanjat dan seakan-akan terjatuh kerana ditarik dan dicengkam kuat oleh bondanya itu. Dengan wajah ceria dan mengimbangi keterkejutannya yang tidak disangka-sangka, Putera memegang tangan bondanya dan mengucupnya dengan lama dan diam dan juga seperti tidak akan dilepaskan seumur hidup, sehingga bondanya merungkaikannya.

"Berkatalah, bonda akan mendengarnya."

"Bonda telah maklum," Putera seperti berbisik dan amat hati-hati dan berwaspada dan mengharapkan tidak akan mengguriskan hati bondanya walaupun sebesar kaki semut. "Nenda menjadi korban revolusi rakyat, bonda."

Dengan tiba-tiba Tuan Puteri Nila Kendi, Ratu Negara Indera Pati yang berpenduduk tiga ratus ribu tujuh ratus sembilan puluh tiga orang, menurut banci tahun yang lepas, memancarkan sinar laser daripada sepasang matanya yang bening dan mem-

pesonakan itu ke atas seluruh badan puteranya yang anggun itu.

Putera seperti tidak menyedari akan panahan laser yang cerlang, tajam dan mempesonakan itu, terus berkata, "Kerana perintah bunuh almarhum nenda ke atas seorang rakyat tanpa pertimbangan hukum yang adil, menyebabkan muncul revolusi kecil itu, bonda. Ayah anakanda itu menjadi lambang kepada kebangkitan rakyat Negara Indera Pati. Dan, kebangkitan itu menyebabkan Maharaja Isin, ayahanda kepada bonda dan nenda kepada anakanda, dibunuh dalam suatu peristiwa yang amat misteri dan tragik. Kalau waktu itu nenda sudah menjadi Raja Berperlembagaan, yakni ada perdana menteri dan jemaah menteri dipilih oleh rakyat, tentu sahaja sebarang keputusan atau hukum akan diterima tanggungjawabnya oleh kabinet atau mahkamah. Kalaupun ayah anakanda dihukum bunuh, tentu sahaja arwah ayah anakanda tidak menyalahkan paduka nenda. Dan, tentu sahaja paduka nenda tidak terbunuh seperti itu. Alangkah baik dan adilnya Raja Berperlembagaan dan demokrasi itu, bonda."

Sepasang mata ratu seperti tertanam dalam wajah Putera. Ratu amat kagum dengan pendapat itu, sehingga dia tidak dapat mengeluarkan suaranya oleh terlalu amat gembira. Walaupun dalam sanubarinya ratu masih samar-samar akan konsep yang disebutkan oleh Putera, tetapi ratu yakin Putera tidak berniat mengkhianati negaranya sendiri. Putera sebenarnya akan mewarisi takhta kerajaan Negara Indera Pati bila-bila masa sahaja sekarang. Dan, malah dalam segumpal niat yang tidak terpecahkan, ratu akan menyerahkan kerajaan ini kepada Putera walaupun sekarang. Walaupun

sekarang. Sekarang juga. Betapakah ratu akan berkata-kata kepada puteranya yang seolah-olah sedang memikirkan dengan berat dan payah untuk menyelamatkan negara ayah bondanya? Betapakah ratu akan mengucapkan kesyukuran atas kemampuan puteranya berfikir dan menjelmai negarawan? Betapakah?

Ratu Tuan Puteri Nila Kendi mengusap kepala Putera perlahan-lahan seperti seekor rama-rama pancawarna menyerai bunga hitam yang lebat dan indah dan memancarkan cahaya kilau-kemilau. Putera menahan sahaja. Biarlah tangan indah sang ratu, ibunya dan bondanya, balu ayahnya Si Luncai, atau seorang permaisuri tanpa suami, atau tangan yang telah menamatkan riwayat hidup seorang lelaki pejuang revolusi kecil iaitu Si Luncai, menyentuh dan mengusap kepalanya yang menandakan kasih sayang yang tidak pernah terbatas. Biarlah tangan yang membunuh ayahnya ini akan bertukar menjadi segunung kekuatan pemerintahan Ratu Berperlembagaan di dalam sebuah negara demokrasi yang mempunyai institusi kehakiman yang adil. Biarlah tangan yang lembut dan seakan-akan serumpun serai yang subur dan putih dan sejuk dan menyegarkan ini akan menjelma menjadi tangan keadilan untuk semua rakyat, yang tidak memungkinkannya terjadinya kesewenangan hukum seperti yang dilakukan oleh nendanya, Maharaja Isin, terhadap ayahnya, Si Luncai.

Benarlah apa yang diucapkan oleh arwah ayahnya: "Ulu tuanku" sama sahaja dengan "kepala ayah patik" itu. Putera telah lama memikirkan makna yang tersirat dalam ucapan ayahnya yang ringkas dan yang menyebabkan ayahnya dibunuh. Putera

maklum dan mafhum akan ucapan itu. Ayahnya secara terbuka menyebutkan bahawa akal raja sama sahaja dengan akal ayahnya orang biasa. Malah dalam tindakan ayahnya dalam melepaskan dirinya daripada pertanda ketika akan dibunuh di dalam sungai, nyatalah ayahnya orang yang paling pintar. Patutlah ayahnya dijadikan contoh dan ketua revolusi kecil yang dapat mengalahkan nendanya, Maharaja Isin. Dan, dalam keadaan kesal dan tidak terfikirkan itu, Putera seolah-olah dilahirkan oleh dua keadaan yang bertentangan tetapi sama-sama berakal. Bezanya ayahnya tidak bernasib baik untuk masa akan datang, tidak seperti bondanya. Hanya bondanya, satu-satunya di dunia ini, yang dapat mengalahkan ayahnya. Hanya bondanya seorang. Seorang sahaja. Seorang sahaja! Dan, dalam diam-diam dan senyap dan entah apa Putera menyanjung bondanya dan sekali gus menyanjung arwah ayahnya. Siapakah lelaki yang jantan tidak kalah kepada seorang gadis seperti bondanya? Siapakah? Dan siapakah?

Dan, ketika Putera melangkah keluar kamar besar yang penuh dengan ribuan buku itu, sang ratu masih tercacak di situ. Sang ratu masih memikirkan fikiran terakhir yang dibincangkan oleh Putera. Benar atau tidak. Ya atau tidak. Ratu akan turut membincangkan dengan perdana menteri dan penasihat diraja. Dalam majlis ini, seperti lazimnya, Putera tidak ikut serta. Akan tetapi, fikiran Putera diambilnya untuk dijadikan perbincangan. Seperti lazimnya ratu akan membentangkannya. Dan, ratu juga akan berkeras dan seakan-akan memaksa supaya menerima kemahuannya. Mereka tidak membahaskannya, kecuali fikiran perdana menteri

atau anggota penasihat diraja. Dan, kali ini pun ratu akan membentangkannya: Raja Berperlembagaan dan pemerintahan demokrasi!

"Perlembagaan demokrasi menentukan bonda sebagai ratu selama-lamanya. Pemerintah negara akan diberi kepada rakyat. Bonda tidak mencampuri pemerintah, kecuali menjadi lambang perpaduan dan taat setia, dan dengan itu bonda tidak akan terlibat seperti yang telah berlaku kepada nenda."

Ratu teringat semuanya. Bukan sekali, bukan dua atau sepuluh kali Putera menyatakan ini. Pembahagian kuasa antara raja dan rakyat menentukan raja selalu mendapat perlindungan rakyat. Putera tentu sahaja tidak berniat jahat seperti yang pernah dilakukan oleh Si Luncai. Tentu tidak. Demikian fikir ratu. Akan tetapi, dalam keadaan keyakinan yang kian mendalam dalam adanya itu, ada suatu keraguan yang menghinggapi fikiran ratu: Adakah negara demokrasi tidak akan menurunkan raja atau ratu? Dan, fikiran Ratu Tuan Puteri Nila Kendi menjadi bertambah yakin apabila mengingatkan kata-kata dan contoh negara yang disenaraikan oleh Putera, puteranya yang tersayang dan yang sedang mengembangkan akal di dalam kepalanya itu. Ratu teringat Thailand, Britain, Jepun, Belanda. Hanya empat buah negara? Ratu kurang pasti, tetapi sahlah dan nyatalah negara-negara ini menyelamatkan raja dan ratu masing-masing di bawah Perlembagaan Demokrasi. Demikian menurut Putera. Kepada siapakah lagi dia akan menanamkan kepercayaan kalau bukan Putera?

Demikianlah Tuan Puteri Nila Kendi, Ratu Negara Indera Pati dengan penduduknya yang seramai tiga ratus ribu tujuh ratus sembilan puluh tiga orang,

mendepani pemikiran puteranya Putera, seorang sang ratu ialah apabila Putera dengan wajah ceria dan serius mengucapkan suatu gagasan yang betul-betul memeranjatkannya.

"Anakanda akan menubuhkan parti politik se-baik-baik sahaja bonda mengisytiharkan Negara Indera Pati sebagai negara Raja Berperlembagaan dan Demokrasi."

"Apakah anakanda tidak berniat menjadi raja selepas bonda?"

"Anakanda akan bertanding dalam pilihan raya. Anakanda yakin akan menang dalam pilihan raya umum itu."

"Dan setelah menang, bagaimana?"

"Anakanda akan menjadi perdana menteri. Bukankah perdana menteri yang lazimnya mempertahankan kerajaan dan ratu? Itulah tugas anakanda yang sebenarnya, bonda."

"Bagaimana pula apabila bonda tiada, siapakah yang akan jadi raja?"

"Parlimen akan menentukannya. Dalam Parlimen itu anakandalah yang lebih berkuasa kerana anakanda menjadi Perdana Menteri?"

"Bukankah anakanda masih putera kepada bonda? Bukankah putera seorang raja itu akan menggantikan takhta kerajaan ayahanda bondanya?"

Ya Tuhan! Betapa pintarnya Putera, anak lelaki Si Luncai ini, desis Tuan Puteri Nila Kendi sayup-sayup dalam hatinya. Benarlah Putera ini anak lelaki tulen Si Luncai. Akalnya masih arwah ayahnya. Berputar-putar. Berbelit-belit. Akan tetapi, dalam kesayupan ingatan itu, Tuan Puteri Nila Kendi tidak lupa, malah kasih sayangnya kian bertambah,

bahawa Putera adalah anak lelakinya yang sah. Walaupun Tuan Puteri Nila Kendi membenci dan membunuh Si Luncai, tetapi dia telah mengandung anak yang sah melalui perkahwinan yang sah di depan perdana menteri, penasihat diraja dan dinikahkan oleh sahibul fadilah tuan kadi. Putera yang akalnya berputar-putar dan berpusing-pusing itu adalah puteranya yang sah dan tulen. Wahai, Putera. Ya Tuhan!

Ratu berasa dan itulah kesedaran sebenarnya yang tumbuh di dalam dirinya, dia sudah tua. Waktu dia ditiduri pertama kali usianya baru dua puluh tahun. Putera sudah dua puluh lapan tahun. Bukanlah usia sudah hampir lima puluh tahun atau memang sudah lima puluh tahun itu sewajarnya seorang wanita bersara sahaja daripada sebarang jawatan kerajaan hatta menjadi Ratu Negara Indera Pati? Akan tetapi, ratu seakan-akan sedang meneropong masa depan Negara Indera Pati dalam tangan Putera. Negara Indera Pati tidak akan mengulangi sejarah silam yang tragik dan misteri. Negara Indera Pati tidak akan menduakalikan pengaliran darah seperti yang berlaku dalam revolusi kecil seperti yang pernah disebutkan oleh Putera. Alangkah tajamnya pandangan Putera. Kalaulah Putera sudah wujud waktu itu dan menjadi perdana menteri, tentu saja pembunuhan ke atas Si Luncai tidak berlaku hanya dengan menyebut "ulu tuanku" sama dengan "kepala pacal yang hina ayah patik." Ya, tentu tidak. Putera akan menjatuhkan hukuman yang berlainan, fikir sang ratu. Tentu!

Sang ratu menerima fikiran Putera secara diam-diam. Dalam mesyuarat kerajaan antara perdana menteri dan penasihat diraja yang dianggotai tokoh

baru daripada pelbagai jabatan, daerah, jajahan dan kementerian, sang ratu mengisytiharkan atau menunjangkan fikiran atau keputusan baru. Jauh-jauh sang ratu melihat Putera yang menunjangkan fikiran itu.

“Beta umumkan bahawa semua bentuk perjudian, termasuk laga ayam, diharamkan di seluruh Negara Indera Pati.”

Perdana menteri tercengang. Semua anggota penasihat diraja terdiam yang amat lama dan tidak wujud sebarang suara sehingga majlis itu selesai.

“Beta nak jadikan Negara Indera Pati sebuah negara mengamalkan dasar kerukunan yang menyeluruh kepada semua rakyat dan orang besar. Judi menimbulkan persengketaan yang tidak pernah noktah. Judi mengharu-birukan masyarakat. Judi memporak-perandakan rumah tangga. Judi melanjutkan pemikiran tipu daya yang mengalirkan darah dan jiwa. Beta haramkan semua judi. Datuk perdana menteri tolong kanunkan undang-undang yang setimpal balasannya kepada orang-orang yang melanggar perintah beta ini.”

Sang ratu tahu, dan ini pernah diperkatakan oleh Putera, bahawa perdana menterilah yang banyak membuka gelanggang judi, khususnya judi laga ayam. Gelanggang diraja yang diciptakan oleh almarhum ayahanda Maharaja Isin adalah diilhamkan oleh perdana menteri. Apabila almarhum tiada, perdana menterilah yang mengaut semua keuntungan. Dan, gelanggang diraja inilah yang menjadi punca segala kejahatan di dalam Negara Indera Pati. Mestilah dihapuskan, kata Putera. Dan sekarang ratu berasa bahagia menerima fikiran puteranya itu. Dan dalam sanubarinya sang ratu seolah-olah

melihat kekecewaan orang besar-besar yang sudah menjadi madat dengan perjudian. Suatu kekecewaan yang tidak berapa ketara didengari sang ratu. Dan, ini lebih-lebih lagi yang diketahui oleh Putera. Tiga per empat pemikiran sang ratu sekarang adalah pemikiran yang disumbangkan oleh Putera.

Negara Indera Pati seperti berpesta besar pertengahan tahun itu apabila sang ratu mengisytiharkan negara itu sebagai negara rakyat. Ratu untuk rakyat dan rakyat untuk ratu. Ratu rela berada di bawah Perlembagaan daripada sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam suatu pilihan raya umum. Ratu rela berbahagi kuasa untuk mendapatkan keadilan untuk rakyat dan seluruh warga negara. Dan, ratu hanya mahu menjadi lambang kesetiaan dan keakraban rakyat secara menyeluruh. Pengisytiharan ratu menimbulkan kegemparan rakyat yang amat gembira. Seluruh Negara Indera Pati seperti dihantui histeria. Rakyat memuji paduka ratu. Akhbar di dalam dan luar negara menyanjung wawasan paduka ratu yang secara total menukarkan corak pemerintahan monarki kepada demokrasi.

Paduka Ratu Tokoh Besar Abad Kita!

Demokrasi di Indera Pati!

Raja Berperlembagaan, Rakyat Terjamin!

Pembahagian Kuasa di Indera Pati!

Demikianlah antara lain tajuk berita yang menjadi *lead news* sebahagian besar akhbar-akhbar dunia. Semuanya kagum dan mengejutkan bagaimana sebuah negara monarki yang ratunya berkuasa mutlak dengan tiba-tiba menukarkan pemerintahannya kepada demokrasi? Perubahan pemerintahan Negara Indera Pati menjadi perbincangan seluruh

ahli politik dan negarawan dunia. Ribuan pembesar dan negarawan dunia dan juga para wartawan seperti arus banjir mengalir ke Negara Indera Pati. Dalam sekejap masa sahaja Negara Indera Pati menjadi negara nombor wahid untuk para pelancong, sehingga restoran, hotel sampai bertaraf dua puluh bintang, taman rekreasi, *chalet*, malah *home stay* daripada sebahagian besar rumah rakyat, telah tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Rakyat dengan tiba-tiba menjadi kaya-raya. Nelayan tidak sempat menangkap ikan. Ayam terpaksa diimport daripada negara jiran. Beras juga terpaksa diimport. Pelancong mengalir seperti banjir besar di Negara Indera Pati.

Yang lebih menggemparkan lagi dan menambahkan jutaan kali ganda banyaknya pelancong ke Indera Pati ialah setelah penubuhan parti politik dibenarkan. Dan, lebih gah lagi ialah seorang anak raja, iaitu Putera, anak lelaki kepada Paduka Ratu sendiri telah melibatkan dirinya dalam politik parti. Putera sedang rancak berkempen dan mendapat sambutan rakyat yang amat hebat. Perdana menteri juga membuka partinya sendiri, dan ikut berkempen.

Paduka ratu dalam diam dan bimbang dan resah dan kadang-kadang timbul kegembiraan dan harapan yang besar kepada Putera. Dan, paduka ratu seolah-olah melihat Putera disanjung, kemudian menjadi perdana menteri, atau kemudiannya mewarisi takhta, sedang tersenyum riang seperti lazimnya. Dan, tiba-tiba paduka ratu berasa amat hiba dan sayu dan merindui seseorang yang entah siapa. Putera! Putera! Paduka ratu berseru-seru tetapi tenggelam ke dalam kesunyian dirinya. Sekonyong-konyong ratu menjadi rindu pada malam pertama bersama-sama Si Luncai, merasakan sesuatu yang

membahagiakan. Dia melihat Putera, melihat seseorang dengan kerinduan yang tidak terbatas. Seperti ada sesuatu yang sedang bergerak dalam jiwa raganya yang entah apa. Bayangan itu tercampak ke atas Putera dan melingkari suatu aksara rahsia dalam dirinya seorang wanita. Tanpa disedarinya paduka ratu bersuara seakan-akan meluahkan berbilion-bilion sesal dan kesal lalu berseru secara mendesis seperti menghembuskan nafasnya yang terakhir:

“Kakanda Luncai!”

*Dewan Sastera, Mac 1996*

## GUA PERCINTAAN



**D**IA tiba lebih awal daripada awal pagi.

Dia pun berasa hairan. Tidak terfikir olehnya. Bagaimanakah dia boleh tiba lebih awal daripada awal pagi?

Alangkah paginya dia. Alangkah!

Akan terbangunkah penghuni gua kerana ketibaannya lebih awal pagi ini? Janjinya demikianlah. Solat subuhnya di sini dengan doa kerinduan yang sejuk dan halus menajam. Pertemuan awalnya yang lebih terkemudian daripada gadis yang putih melepak, putih sepur dan lembut seperti pasir pantai itu, demikianlah janjinya.

Datanglah ke rumah ana. Tidak susah mencari rumah ana. Lihat sahaja pantai yang memanjang dengan tanjungnya yang berkelok-kelok, waktu ombak mengucupnya bertalu-talu dan menimbulkan muzik hakiki, di situlah rumah ana.

Getaran daun dengan muzik anginnya yang menjarum, lemparan jutaan bilion tempias busa ombak daripada alun-beralun dan dengung ajaib suara yang tidak keruan sepanjang zaman, antara selirat-menyelirat goresan jutaan kaki ketam, di situlah rumah ana. Ia wujud dalam terpegun: Merenung rona alamiah zaman-berzaman.

Ia sebuah gua yang bukan gua. Dan, ia bukan gua yang merupakan sebuah gua. Abang akan mengenalnya sebaik-baik saja abang melihat dan menelitinya, katanya. Abang harus melalui seluruh denai kehidupan di sepanjang pantai. Di akhir denai kehidupan yang melarik-larik dengan kelunakan pasiranya yang landai itulah, tercacaknya rumah ana. Datanglah dengan segera sebelum nafas terhembus kali kedua. Datanglah, kata gadis yang lembut seperti dada pantai itu.

Dan, dia pun menjatuhkan matanya ke atas muka gadis yang tinggi lampai berseluar putih sepur dengan baju T-nya yang meredupkan cahaya matahari petang itu. Konsep *trendy*, menurut zaman, kata gadis gebu seperti pasir pantai itu.

"Nur Diana binti Samani. Boleh panggil apa sahaja. Nama penuh atau Nur saja."

"Siraju'l-Munir bin Samawi. Panggil saja Munir. Ah, secara kebetulan Nur dan Munir daripada akar kata yang sama. Makna carangnya berbeza."

"Yang juga membawa makna fikiran kita mungkin berbeza."

"Ya."

Jauh-jauh dalam ruang dadanya, dia berasa ucapan Nur terlalu cepat. Dia agak hairan. Dia berasa aneh. Gadis yang putih dan gebu seperti tepian pantai, seperti taburan pasir halus pantai sepanjang zaman itu, boleh menentukan lebih awal perbezaan fikiran. Mungkin ini benar. Dia segera merenung diri sebagai *siraju'l-munir* dalam fitrah *zauq syi'rinya*. Segera dalam batinnya dia menolak perbezaan. Wajah Nur yang lembut seperti busaran awan yang mengapas, dengan pipinya seperti roti nan, dan matanya yang lembut dan menyinarkan kerinduan sepanjang hayat, dan suaranya yang manja seperti hempasan ombak pada musim kemarau, dengan gerak lakunya seperti seorang penari istana purbakala, Nur pasti tidak mewujudkan perbezaan. Pasti tidak. Nur juga mewujudkan Munir. Tanpa perbezaan. Munir dan Nur atau Diana atau Dian itu sinonim. Kedua-duanya hakikat cahaya. Mewujudkan cahaya hakiki. Hakikatnya tanpa perbezaan.

Perkenalan itu mampat seperti mata putih dengan mata hitam. Secara mampat daripada batinnya, dia seakan-akan melihat sebuah gua dalam bentuk manusia sepanjang pantai. Apakah isi gua di depannya sekarang? Pada waktu yang sama dia menikmati senyum Nur yang membariskan mutiara putih berkilau-kilauan bersama-sama rekahan tubir bibirnya yang kemerah-merahan. Kehadiran Nur dengan senyum alamiahnya itu telah meredupkan 90 peratus cahaya lampu malam sekitar pusat pameran itu.

Secara alamiahnya dia saling berkenalan melalui wajah diri masing-masing. Keanehan dalam perkenalan itu, Nur sangat dan cepat amat mesra. Dan, aksara kemesraan itulah dia menapak mencari Nur.

Dia belum menemui Nur badani. Belum melihat Nur sekali lagi. Dia hanya menemui tubir pantai yang memanjang. Apakah Nur itu sebuah pantai yang memanjang dalam lekuk-lekuk tanjung yang berteluk-teluk?

Nurkah yang sedang dia jalani sekarang?

Munir menapak dengan sebungkah debaran dalam rongga dadanya. Matanya segera jatuh ke atas dua buah bukit kecil yang seakan-akan terbelah. Dia cuba memanjatnya. Bergantung pada dua bukit kecil yang lembut dengan rumput halus kemerah-merahan. Kemuncaknya yang seolah-olah ditatah dengan dua permata seakan-akan batu hitam itu amat menakjubkan. Dia lama bertenggek dan bergantung di situ. Jari-jemarinya mengepal-ngepal kemuncak permata yang indah itu.

Tiba-tiba matanya segera terbang di sepanjang pantai landai itu. Dia seakan-akan ternampak sebuah kerangka gua. Dia segera menuruni dua bukit berpermata hitam. Dan berlari sepanantas-pantasnya sehingga santak ke sebuah gua.

"Inilah lokasi Nur itu," bisiknya dengan gem-bira.

Dia segera merapati muka gua itu. Bentuknya kecil dan seakan-akan bulat. Alunan ombak daripada lautan menghempas di permukaan gua yang menghadap ke laut luas. Ia menjadi hempasan ombak rindu daripada lautan cinta seluruh makhluk. Pintu gua yang kecil yang seakan-akan tertutup menghadap ke laut itu merupakan ciptaan Allah yang aneh dan mempesonakan. Ada aksara kerinduan insan terlukis di situ. Di atas pintu gua seakan-akan terhias dengan rumput-rumpai yang seolah-olah sudah dipangkas. Sekilas lalu dia melihat seperti

dipangkas dengan gunting. Atau dipangkas dengan sabit kecil yang amat tajam. Hutan kecil dengan rumput-rampai yang terpangkas itu menambahkan indah bentuk dan permukaan gua itu. Ya Tuhan! Alangkah indahnya gua ini. Alangkah ajaibnya kejadian gua ini. Betapakah gua ini tidak dirindui oleh seluruh insan kerana keindahan yang ajaib ini? Terlukis percintaan dan kerinduan Adam-Hawa dalam aksara yang tidak terlukiskan oleh indera insan. Alangkah terpesonanya dia. Alangkah!

"Nur!"

Dia melaung dalam dadanya. Tiba-tiba dia seperti atau seakan-akan melihat gua di Bukit al-Arqam, Gua Ashabu'l-Kahfi. Bukit al-Arqamkah itu yang menumbuhkan rumput-rampai yang terpangkas? Masih adakah ketujuh-tujuh orang pemuda yang beriman di dalam gua yang mukanya menghadap ke laut itu? Apakah masih ada anjing yang bernama Qitmir di pintu gua Bukit al-Arqam itu?

Dia tidak melihatnya. Tidak mendengar salakannya. Akan tetapi, dia dapat melihat kewujudannya dalam rongga batinnya. Ya Tuhan!

Dengan penglihatan seribu ajaib, dia seakan-akan melihat Nur. Nurkah yang bercahaya-cahaya di permukaan gua itu? Nurkah itu?

Dia terpegun. Cintanya berlambak-lambak jatuh di situ. Cintanya kian mendalam. Dia sedang mencari Nur di muka gua ajaib setelah turun dari dua bukit kecil dengan kemuncak permata hitam yang amat indah itu. Dia seakan-akan melihat seorang insan berdiri di muka gua.

Dan, benar. Pemuda itu wujud dalam kecintaannya terhadap Nur yang sedang meluap-luap. Pemuda itu berdiri di tengah Nur. Atau di sisi Nur? Mukanya

bercahaya-cahaya. Wajah iman sepanjang zaman. Alun dan ombak rindu terus menghempas di muka gua. Gua kecintaan insan sepanjang abad.

“Akulah Tamlikha.”

Suara itu mengapung dalam udara di sepanjang pantai zaman-berzaman. Tertusuk ke dalam dada hatinya. Betapakah indahnya suara iman pemuda itu. Alangkah besarnya rindu pemuda gua itu terhadap Khaliqnya. Alangkah agungnya percintaan antara makhluk dengan Khaliqnya. Alangkah!

“Aku Maksalmina.”

Seorang pemuda lagi berdiri di sisi Tamlikha. Wajah tawaduk yang melukiskan hiasan iman dan tawakal kepada Allah.

“Aku ini Martunis.”

Pemuda ketiga berdiri di tengah-tengah. Wajahnya meredupkan kebongkakan manusia. Senyumnya meredupkan cahaya matahari.

“Akulah Nainunis itu.”

Seorang lagi, pemuda keempat, menempatkan dirinya di sebelah Maksalmina. Wajahnya ceria seperti bulan penuh.

“Aku pula Saribunis.”

Mampir ke sisi Nainunis. Memeluk rakannya seperti menyatukan iman mereka bersama. Senyumnya jatuh di sepanjang pantai dan menghidupkan alun ombak bersama-sama ketam dan ikannya. Alangkah ajaibnya. Alangkah!

“Aku Zunawanis.”

Berdiri tegak di sebelah Nainunis. Memeluk pinggang Saribunis. Tersenyum memanjang. Gambaran ketenangan sepanjang hayat.

“Dan, aku pula Falyastatyunis. Namaku panjang sedikit.” Pemuda itu mampir ke sisi Martunis.

Tangan kanannya memegang pinggang Tamlikha, dan tangan kirinya memegang Martunis. "Kami tujuh orang pemuda daripada golongan bangsawan, menentang kekafiran Raja Tragan (98-117). Raja Tragan pemuja berhala, dan semua rakyat memberhalakannya."

"Dengan takdir Tuhan, kami bersatu menentang kezaliman berhala. Menentang pemujaan kepada manusia. Allah telah menyimpan kami di Bukit al-Arqam, di dalam gua ini selama 300 tahun. Dan, kami dibangunkan setelah beberapa generasi, dalam zaman Raja Theodoseus (408-450)."

Dia seakan-akan mendengar Tamlikha yang berkata-kata itu.

"Itulah cahaya yang meliputi. Bukankah Allah itu cahaya langit dan bumi?"

Ya Tuhan! Kamulah pemuda gua itu. Kamulah yang aku hafal namanya penghuni gua yang disebut Ashabu'l-Kahfi itu. Kamulah itu yang wujud dalam al-Quran. Kamulah yang wujud di Bukit al-Arqam itu. Kamulah cahaya itu. Cahaya sinonim iman. Kamu wali yang tujuh itulah cahaya. Selepas kamu pula adalah para ulama. Itulah cahaya yang meliputi insan. Alangkah ajaibnya penemuanku, ya Tuhan. Alangkah indah penemuan ini. Alangkah bermaknanya penemuan teragung awal abad ke-21 ini. Alangkah!

Apakah Nur yang aku cari itu merupakan sintesis iman daripada semua pemuda wali yang tujuh ini? Kaukah Nur yang berdiri dalam tujuh badan pemuda penghuni gua itu? Kaukah itu Nur, sayangkan? Atau kaukah Nur yang mewujudkan tujuh pemuda Ashabu'l-Kahfi itu?

"Kaukah itu, Siraju'l-Munir?"

Ya Tuhan! Suara Nurlah itu. Di manakah kau Nur? Apakah kau berada dalam kewujudan tujuh wali Ashabu'l-Kahfi itu? Atau kau berada dalam rongga dadaku, Nur?

Dia tidak cerat wajah Nur dalam kesepaduan cahaya tujuh wali Ashabu'l-Kahfi itu. Akan tetapi, dia dapat melihat dengan jelas Nur yang terpancar menembusi dinding dadanya yang mendetakkan debaran cinta dan rindu sebesar gunung.

"Mampirlah ke sisiku, Siraju'l-Munir!"

Dia terpaku. Memang benar, itulah suara Nur yang ditemuinya bertahun-tahun yang lalu. Suaranya mersik seperti muzik daunan ketika angin kencang. Menggelatak ke dalam jiwa. Muzik suaranya menumbuhkan kecintaan dan kerinduan sepanjang hayat.

"Di manakah kau, Nur?"

"Di sini!"

"Di manakah yang di sini itu, Nur?"

"Di sisi kau, Siraju'l-Munir."

Dia meraba dadanya. Hanya baju tebalnya yang dapat dirasakannya.

"Aku di sini. Di sisi kau. Rasailah aku, Siraju'l-Munir."

"Aku melihat cahaya itu, Nur. Bagaimanakah aku akan merasaimu, Nur, dalam kesepaduan cahaya yang meliputi di seluruh gua dan di sepanjang dada pantai yang landai dan lembut dan indah dan mencarikkan fikiranku akan kejadiannya ini? Bagaimanakah akan aku rasai dan gambarkan ini, Nur? Bagaimanakah?"

"Inderamu tidak berguna untuk merasai dan menikmati cahaya ini, Siraju'l-Munir."

"Dengan apakah yang akan dapat kurasakan cahaya ini, wahai Nur kekasihku?"

“Kau dapat merasakannya dengan *zauq syi'ri* kebatinan tulen. Indera dalaman dalam fitrah yang disebut *dhamir*. Itulah pancaran cahaya Allah yang disebut fitrah Allah dalam diri manusia. Kau dapat merasakannya dengan *zauq* itu, bukan dengan indera badani yang rendah ini.”

“Pimpinlah aku, Nur. Bimbinglah aku, Nur kekasihku.”

“*Dhamir* itulah yang berdaya memimpin dan membimbing kau, Siraju'l-Munir. *Dhamir* itulah yang menumbuhkan *zauq syi'ri*, dan membimbing kau menjadi seorang insan yang kamil. Kaucapailah itu, kekasihku Siraju'l-Munir.”

Tiba-tiba dia dapat merasakan dalam ruang batinnya, nyala cahaya daripada Nur dan Dian, kesepaduan cahaya sejuta cinta dan sejuta rindu. Cinta itu abadi dalam cahaya meliputi dari Gua Ashabu'l-Kahfi yang wujud di situ. Nur daripada Dian menjadi lambang cahaya percintaan abadi dalam dirinya. Terus menyala menghidupkan gunung iman dalam dadanya. Sepanjang hayat.

Nur Diana = Dian, cahaya kerinduan tumbuh abadi dalam dirinya di sepanjang pantai yang landai di antara dua buah bukit rindu dan sebuah gua ajaib lukisan Ashabu'l-Kahfi di Bukit al-Arqam. Ya Tuhan.

Aku telah menemuinya! Alangkah bahagiannya. Alangkah!

*Berita Minggu*, 17 Disember 2000

## BINTANG KEMILAU



**L**AMIN melihatnya. Lamin telah melihatnya. Dan, memang Lamin sudah melihatnya. Melihatnya sungguh-sungguh. Melihatnya betul-betul.

Ketika itulah galaksi satu-satunya dalam kepalanya itu meledak. Seperti ledakan bom atom atau hidrogen bertenaga sejuta *megaton*. Atom yang meledak di Hiroshima dan Nagasaki hanya baru satu *megaton*. Lamin tahu itu. Satu *megaton* sama dengan sejuta ubat bedil. Yang menakjubkan Lamin, mengapa secara tiba-tiba wujudnya kepala itu?

Selepas solat subuh dan membaca ayat daripada surah *an-Nazi'at* dan surah *an-Naba'*, tiba-tiba

wujud kepala ajaib itu. Dan, muncul pula ribuan galaksi dalam kepala lain di seluruh dunia. Khususnya di Amerika dan Eropah. Aneh. Ajaib. Dan mempesonakan. Ya Tuhan!

Apakah kepalanya itu sebuah *chaos* dalam era *hypermodernism* sekarang? Kepala kepada suatu kemusnahan besar dalam abad ini? Lambang keangkuhan dan kesombongan taraf iblis?

Lamin kurang mafhum. Akan tetapi, Lamin segera menggerakkan mindanya.

Minda?

Lamin mulai bergerak dalam kepalanya. Dunia maya minda yang indah dalam kejadian manusia. Allah menjadikan makhluk insan yang terlengkap. Inilah yang dikatakan manusia itu. Minda itulah kemuncaknya. Lamin mula bergerak dan meniti jambatan ilmu biologinya. Minda berada dalam otak yang saiznya hanya sebesar penumbuk. Otak yang sekecil itu, seberat 1.4 kilogram, demikian studi Lamin, mempunyai 100 bilion sel. Dalam seminit, sel-sel itu boleh menggerakkan sesuku juta *neuron* rangsangan gera atau *neuron gamma* atau *neuron alpha*. Gerakan daripada paduan rangsangan gera itu boleh memproses 50 juta isyarat atau *bit* maklumat dalam sedetik, dalam sesaat. Atau 3000 juta *bit* maklumat dalam seminit.

Apakah Lamin mempunyai kekuatan minda supaya itu? Lamin tidak dapat menentukannya. Akan tetapi, Lamin tahu, itulah keupayaan minda kepada setiap manusia. Dan, alangkah malangnya apabila kekuatan setinggi itu terjebak dalam pemikiran dunia *chaos* yang *bottomless pit*.

Falsafah dan tendensi *chaos* bermula di Amerika. Lamin tahu itu. Masyarakat yang membentuk kecelaruan teragung. Masyarakat yang mewujudkan

ketidakkерuanan paling agung. Masyarakat yang *great disorder* itu tidak dapat membezakan *terrorist* dengan *laymen*. Lamin tahu, nampak lahirnya masyarakat Amerika itu tersusun elok. Menjadi contoh seluruh dunia. Akan tetapi, Lamin lebih tahu dalam otak dan pembawaan, Amerika sudah membusuk.

Lamin melihat dengan kepalanya. Ledakan atom sejuta *megaton* itu akibat daripada kewujudan situasi dan kecelaruan *chaos* di Amerika. Sebab itulah kepala dan otak dua beranak Bush bertaburan. Bush bapa melihat Iraq mengancam kemanusiaan. Lalu dia memusnahkan berjuta-juta rakyat Iraq yang tidak berdosa. Bukan Saddam Husain. Bush anak membunuh ribuan rakyat, *laymen* di Afghanistan. Bukan Osama ben Laden. Bukan Mullah Muhammad Omar. Inilah praktikal teori *chaos* kepada Bush dua beranak. Bintang dalam kepala dua beranak itu sudah berantakan. Sudah masuk tahap *mental disorder*. Kedua-dua bapa dan anak yang *psychopath* itu menjadi simbol masyarakat Amerika yang pincang. Masyarakat pengganas. Masyarakat *incest*. Masyarakat *homosex*. Masyarakat *chaos*. Atau juga masyarakat *decadence*? Atau memang wujud *environmental pollution* dalam dunia kepala mereka? Dalam kepala pemimpin dunia?

Lamin terpegun dalam kepalanya. Bintang-bintang itu masih bertaburan. Lamin melihatnya dengan pasti. Awan sirus tidak sempat menyapa bintang yang jatuh. Awan kumulus tercengang-cengang. Awan satratus terperanjat besar. Betapakah bintang-bintang yang teguh itu akan bertaburan di muka bumi dan jagatraya kepala manusia? Betapakah bintang-bintang itu boleh jatuh dan meledak di mana-mana? Betapakah?

Ledakan agung itu masih berterusan dalam jagatraya kepalanya. Kini sudah menjadi wabak. Bermula dengan ledakan bentuk *chaos* dalam kepala Bush bapa dan Bush anak, sudah menular kepada manusia lain. Berbilion bintang dalam serpihan yang bertaburan di seluruh jagatraya kepala insan. Lamin melihatnya. Memang Lamin sudah melihatnya. Dan, memang benar-benar Lamin telah melihatnya. Melihatnya sungguh-sungguh. Lamin bersumpah, memang itulah yang dilihatnya.

Galaksi *Milky Way* meledak dalam kepalanya, segala bintang dan cakerawala bertaburan. Bersepah-sepah. Berangkai-rangkai. Berderak asak. Berbondong-bondong, berbenturan dan terlontar ke mana-mana. Ke mana-mana. Ke mana-mana. Dan, di mana-mana. Di mana-mana. Seluruh *universe* sudah musnah. Apakah ini tanda kiamat atau sudah betul-betul kiamat?

Lima bintang jatuh di beberapa buah hotel di Kuala Lumpur, di Hilton, di Parkroyal, di Istana, di Crown Princess, di Legend, di Mandarin Oriental, di Quality. Lima bintang jatuh di sebuah hotel di Kota Bharu, di Diamond Puteri. Lima bintang lagi jatuh di beberapa buah hotel di Shah Alam. Empat lima bintang juga jatuh di hotel-hotel di Johor Bahru, di Kuantan, di Ipoh, di Melaka, di Seremban. Di Kuala Terengganu, lima bintang jatuh di Primula. Dan, ledakan galaksi itu menyebabkan bintang jatuh di mana-mana ada manusia *super corporate*, ada manusia yang berbintang. Bintang-bintang yang jatuh di sini berkilau-kilauan. Bercahaya-cahaya. Bergemerlapan dalam jutaan warna. Ada manusia riang-riang di situ. Ada bintang lilin mongel yang gebu dan menyerah di situ. Ada bintang keberahian.

Ada bintang keghairahan bahimiah di situ. Ada, ada, ada, ada, ada!

Ledakan galaksi itu menjatuhkan 10 bintang di Kampung Baserah. Dua puluh bintang jatuh di sepanjang Pantai Timur bermula di Tabal dan berakhir di Mersing. Lima bintang jatuh di Kampung Sabak, Pantai Dasar, Pantai Cahaya Bulan, Pantai Geting, Pantai Bachok, Dungun, Rompin dan Sedili. Dua tiga bintang pecah di Kampung Pulau Pak Amat yang seakan-akan sudah pupus daripada muka bumi kerana ditelan keganasan raksasa hakisan laut. Enam bintang terhempas dan berserakan di Kampung Tunjung dan di Kampung Mulung dan di Kampung Tebing Tinggi dan di Kampung Wakaf Tuk Kasim. Lima enam bintang jatuh dan terhunjam di Kuala Juru, Kuala Kedah, Kuala Perlis, Kuala Selangor dan Sekincan. Bintang-bintang yang jatuh di sini amat kurang kilau-kemilaunya. Bintang apakah yang jatuh di sini? Bintang takdir? Bintang kecelaruan politik? Bintang kenihilan pentadbiran? Bintang kemiskinan? Lamin kurang pasti.

Lamin menyaksikan dengan kepalanya. Memerhatikannya sungguh-sungguh. Bintang-bintang itu pecah berserak-serakan dan menaburkan cahayanya yang kilau-kemilau. Berkilau-kilauan, terpencah-pecah, becar dan tidak dapat ditentang mata. Lamin menjadi riang seperti burung-burung. Riang seperti berada dalam majlis ucapan politik, memberi tepukan untuk carma (cari makan). Seperti. Seperti. Seperti. Sebab Lamin melihat dengan kepala. Kepalanya sendiri.

Lamin berasa amat bernasib baik. Dia melihat bintang-bintang yang jatuh itu bukan dengan mata. Bukan. Lamin melihatnya dengan kepala. Lamin pun

mafhum, ledakan galaksi *Milky Way* atau Bima Sakti berlaku dalam alam sarwajagat di dunia kepalanya. Dan, Lamin juga melihat ledakan hebat itu berlaku juga dalam beberapa galaksi kepala manusia yang dianggap tokoh dunia. Ledakan besar berlaku dalam kepala penganas besar Amerika dan Eropah. Bermula dalam zaman Bush bapa, kesinambungan dalam kepala Bush anak. Ledakan cakerawala dan bintang-bintang itu berkilau-kilauan. Ya!

Mata tidak berupaya menentang sinar kemilau yang mungkin membutakan itu. Tidak boleh. Kilauan itu seperti cahaya laser. Malah berjuta-juta kali lebih besar daripada cahaya laser. Tidak boleh. Kerana itu Lamin melihatnya dengan kepala. Lamin tahu kepalanya adalah pembenihan genetik 100 *zygote* yang terbaik daripada 100 ribu kromosom dalam sistem biologi manusia. Kerana itulah Lamin dapat masuk MCKK. Masuk IPTA dalam dan luar negara. Dan kini, Lamin bertugas sebagai pencatat pengganggu terhormat kerana pengajiannya itu. Pekerjaan yang setaraf dengan kelulusannya. Tanpa kantor tanpa gaji. Akan tetapi, sekali gus Lamin mafhum bahawa dia sendiri wujud. Dalam kewujudannya itulah tiba-tiba dia ada kepala. Ada tetap ada. Tidak ada-ada yang tidak ada. Ya!

Entah bagaimana, tiba-tiba pagi itu selepas Lamin selesai berdoa dalam solat subuhnya yang basah, tiba-tiba dia melihat galaksinya bertaburan. Memang benarlah dalam solat subuhnya dia membaca surah *an-Nazi'at*, yang bermakna "bintang-bintang yang bertaburan". Dalam rakaat kedua dia membaca Surah *an-Naba'*, yang membawa "perkhabaran" tentang kehidupan dan kiamat. Allah Maha Kaya menjadikan seluruh *universe* sebagai seba-

gian daripada takdir makhluk manusia. Dan, ketika itulah tiba-tiba Lamin merasa wujud sebuah kepala. Pada saat yang sama Lamin melihat bintang yang bertaburan itu manusia. Kemusnahan bintang-bintang itu juga kemusnahan kemanusiaannya manusia. Semuanya bertaburan itu dalam bentuk yang amat aneh dan mengerikan. Dirinya terlempar ke dalam suatu situasi *chaos* yang seakan-akan membusuk di seluruh dunia. Yang utama di Amerika Syarikat. Kemudian seluruh Eropah. Lamin berasa dirinya seakan-akan terdampar ke dalam *great disorder*. Seakan-akan tersungkur ke dalam *bottomless pit*. Apakah kepalanya itu penjelmaan anasir *chaos* itu? Kepala Lamin belum dapat melihat itu. Belum. Belum. Lamin pun yakin memang belum.

Apa yang jelas, Lamin melihat galaksi yang meledak dalam kepala Musharraf. Bintang dalam kepala Musharraf itu bertaburan dan menjadi serpihan-serpihan kecil yang menghancurkan Mazar-I-Sharif. Meleburkan Kunduz. Memporak-perandakan Kabul dan Jalalabad. Menyimpang-perenangkan Herat dan Kandahar. Alangkah besarnya ledakan dalam kepala Musharraf, sehingga menyokong *terrorist* Amerika terkutuk untuk membentes saudara Islamnya sendiri. Alangkah besar ledakan itu. Alangkah!

Lamin utuh melihatnya. Kepala melihatnya. Betapakah bintang akan berkilauan di jagatraya dalam *chaos* manusia yang psikosis atau skizofrenia? Betapakah slogan memerangi *terrorist* beberapa orang, lalu menjadi *great terrorist* membunuh jutaan nyawa, di Iraq, Palestin dan Afghanistan? Itulah makanya ledakan itu terjadi. Fikir Lamin. Betapakah kilauan bintang itu akan menjelma menjadi cahaya suci, harmoni dan damai semula?

Lamin melihatnya dengan tetap. Melihatnya dengan pasti.

Ledakan dalam kepala yang menyebabkan berbilion-bilion bintang menjadi simpang-perenang di jagatraya manusia, jatuh bertaburan di negara Arab. Jutaan bintang itu bergelimpangan dengan segala serpihannya di Asia Tenggara. Wajah bintang Bush anak, situasi *chaos*, menjalar di seluruh dunia. Menjalar juga di Asia Tenggara. Bintang Bush yang simpang-perenang meledak dalam kepala pengekornya. Di mana-mana.

Lamin melihatnya dengan pasti. Bintang penjelmaan ledakan agung itu tidak berkilauan. Malah kehilangan kilaunya. Kehilangan keindahannya. Kehilangan kepastiannya. Akan tetapi, Lamin melihatnya dengan tetap. Bintang yang malap dan bertaburan itu masih tersembunyi cahayanya dalam dada Pak Mat di Sabak. Terkandung dalam hati Mak Tih di Dasar. Tersimpan dalam rangka Pak Usuf di Tunjung. Terbuai-buai dalam diri nelayan sepanjang Pantai Timur. Terperangkap dalam kendong Siti Mariah di Kuala Kedah atau Kuala Juru atau Kuala Pak Amat. Atau, atau, atau, atau, atau.

Dalam keadaan cakerawala dan bintang-bintang yang pecah itu, Lamin hanya melihat sesuatu yang gemerlap, sunyi, suci dan teguh. Al-Quran dengan para penganut Islam yang mukmin. Lamin meneliti kepalanya. Kepalanya juga meneliti Lamin. Lamin mengingati surah *al-Ikhlâs* yang pendek. *Katakanlah (ya Muhammad), Allah itu Esa. Allah tempat pergantungan. Allah tidak beranak, dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada suatu pun yang menyerupai-Nya.* Konsep tauhid terhunjam di sini. Islam itu tauhid, ampuh dan tidak tertandingkan. Cahaya itu

mantap dalam kepala Lamin. Sekali gus juga Lamin melihat pencemaran dalam kepala manusia seperti Bush bapa dan Bush anak. Dan, kawan sekutunya termasuk yang menganut Islam.

Lamin kesal. Kesalnya sebesar cakerawala yang pecah. Lamin melihat *knowledgenya*, bukan ilmunya. Kepala Bush, Blair dan sekutunya itu adalah jenis kepala celaru, kepala kesinambungan Perang Salib. Kepala galaksi polusi akidah *trinity* yang syirik, berpecah-pecah. Kepala syirik itu sudah lebih 1000 tahun cuba menghapuskan Islam agama tauhid, penyatuan. *Environmental pollution* yang menelurkan *chaos* dalam kepala mereka itulah yang menyebabkan keganasan di seluruh dunia. Kepala *trinity* syirik Kristian dan keangkuhan Yahudi itulah bersepah-sepah di seluruh dunia. Semuanya untuk memindahkan Islam tauhid kepada syirik. Kepala itulah yang memusuhi Islam. Ya, tentu. Pasti!

Malah kepala itulah, menurut Lamin, mengembangkan konsep penduaan dalam teori sekularisme Barat. Semua nilai asal yang utuh mulai diubah. Nilai hakiki, Allah itu Esa. Sekularisme menerima konsep tiga tuhan, *trinity*. Seks tanpa nikah itu haram, kata Islam. Seks itu tabii. Boleh sahaja asal saling memerlukan. Kata sekularisme. Kata Islam dunia ini sambungan untuk ke akhirat. Kata sekularisme dunia terpisah daripada agama. Lamin tahu puluhan lagi nilai hakiki yang asal telah diubah. Diberi makna lain yang membusuk dalam konsep *hedonism*. Sebab itu kepala meledak di seluruh dunia menerima agama terpisah daripada pentadbiran negara. Boleh buat apa sahaja. Apa sahaja. Lamin tahu itu. Lamin melihat *World Trade Centre* itu lambang pusat keganasan dunia. WTC yang pecah

kerana reaksi keganasan Amerika di Palestin, Libya, Iraq, Sudan dan di mana-mana. Meledaknya WTC di New York itu hanya satu reaksi terhadap keganasan Amerika di seluruh dunia. Reaksi 11 September itu terlalu kecil kalau dibandingkan dengan ledakan dua buah bom atom di Jepun. Keganasan Yahudi di Palestin adalah juga keganasan Amerika. Betapakah besarnya keganasan kepala Kristian dan Yahudi Amerika kalau dibandingkan dengan hanya sepasang WTC dan Pantagon? Bukankah itu ledakan kepala Bush bapa, Clinton dan Bush anak? Malapetaka apakah lagi yang wajar di sebut di muka bumi ini?

Lamin pasti. Pasti betul-betul. Pasti sungguh-sungguh. Kepalanya tetap melihat: Konsep globalisasi hanyalah untuk menipu dunia. *Borderless world* hanya untuk memudahkan kemasukan Amerika ke mana-mana dunia Asia, Afrika dan Amerika Latin. Dasar langit terbuka hanyalah memudahkan Amerika melambakkan filem, vcd, siaran dan saranan negatif untuk memusnahkan dunia ketiga. Lambakan *environmental pollution* dalam kepala diglobalisasikan. Lambakan *hedonism* untuk menukarkan nilai Islam tauhid dengan *trinity* atau syirik. Lamin pasti. Sebab itulah, ledakan galaksi dalam kepala dua ekor Bush, memercikkan bintang yang bertaburan. Percikan itu dianggap global. Pecahan itulah dunia tanpa sempadan. Bintang-bintang serpihan itulah malapetaka global ke atas negara ketiga yang kecil dan saling bermusuhan sesama sendiri.

Kepala yang berisi galaksi yang pecah dan bertaburan itulah memenuhi ciri globalisasi. Lamin cuba menggariskan konsep penduaan nilai yang

dibawa oleh kepala Kristian dan Yahudi. Malah seluruh masyarakat Eropah. Arak itu haram, kata Islam. Arak itu minuman persahabatan, kata globalisasi. Riba itu haram, kata Islam. Itu bukan riba, tetapi keuntungan daripada sistem kewangan moden, kata sekularisme. Dan, sudah bersifat globalisasi. Kepala ini meledak di seluruh dunia secara global. Lamin melihat itu dalam kepalanya.

*Berita Minggu, 20 Januari 2001*

## SALAKAN SEORANG ANJING



**M**ARK Anthony, 58 tahun, merenung diri dengan rasa terkilan. Langit menjadi rendah dan awan menjadi hitam. Dia merasa ada sesuatu yang menghempap perasaannya. Semuanya bersumber daripada kerenah industri anjingnya. Korporat anjing. Bulan-bulan terakhir ini amat tidak memuaskan. Benarlah telah berjuta ringgit keuntungan dikautnya daripada ladang anjing ini. Mark Koming, anak sulungnya, sudah membawa balik ijazah pengu-rusan dari universiti luar negara. Biaya daripada ladang anjing inilah. Leisistra, anak gadisnya yang pernah dimahkotakan sebagai ratu *fresher*, sudah

keluar sebagai pemegang ijazah kelas satu dalam bidang perhutanan dari sebuah universiti tempatan. Ladang anjing inilah juga sumber biayanya.

Kedua-dua anaknya dibiayai sepenuhnya daripada keuntungan industri ladang anjing yang terbesar di Asia Tenggara. Mark Anthony sangat bangga dengan industri anjingnya ini. Malah, seluruh keluarganya bangga dengan korporat anjing ini. Mark Anthony bersama-sama isterinya Josie Johnson, anak Kadazan Sabah, entah berapa kali menghabiskan masa di luar negara. Libur dan wisatanya dengan urusannya mengenal pasti jenis anjing yang akan disenaraikan dalam katalog khusus, dan memenuhi ladang anjingnya. Malah, beberapa kali isterinya menyatakan tidak mahu ikut ke luar negara. Sudah jemu, fikir Mark Anthony.

Dalam urusan mengenal pasti itulah Mark Anthony telah menyenaraikan 160 jenis anjing yang terbaik di dunia. Dan, korporat anjingnya belum mencapai tahap terbanyak dalam jenisnya, walaupun sudah memiliki ribuan anjing. Dada Mark Anthony lapang seperti langit setiap kali mengira keuntungan yang sentiasa berganda setiap bulan. Mark Anthony menguasai pasaran anjing di Asia dan Eropah. Maknanya dia telah menguasai semua kumpulan anjing dunia. Alangkah nikmatnya menternak anjing. Alangkah baiknya menjadi tuan anjing. Alangkah!

Sering kali juga terbetik dalam dada Mark Anthony, mengapa dia memulakan kerjayanya sebagai penternak anjing? Mengapa tidak lembu atau kerbau atau kambing atau ayam? Berjuta-juta ayam sehari dimakan oleh penduduk Malaysia melalui kedai Kentucky, McDonald, A&W, Kenny Rogers dan sebagainya. Mengapa tidak membuka perniagaan

ayam yang boleh dinamakan Mark Chicken atau Anthony Chicken atau Josie Chicken saja?

Bagaimanapun selepas sebuah ladang anjingnya berjaya mengaut keuntungan dengan menternak beberapa jenis anjing tempatan, anjing kampung, Mark Anthony menjadi serius. Dia membesarkan ladangnya. Kali ini Mark Anthony mengimport beberapa jenis anjing dari luar negara. Mula-mula Mark Anthony memilih jenis anjing baka Rottweiler, Lessie, Bulldog dan Pitbull. Mark Anthony menjadi lebih serius lagi. Dia melantik seorang penasihat anjing. Dan, beberapa jenis anjing lagi diimport. Ini termasuklah baka anjing Samoyed, Komondor, Afghan Hound, Harrier dan banyak lagi. Dia gembira melihat anjing berkeliaran di dalam sangkar besar di ladangnya. Sangkar itu merupakan perbezaan jenis anjing. Secara diam-diam Mark Anthony berfikir, dia akan menguasai anjing seluruh dunia. Dia akan dikenal sebagai jutawan atau *billionaire* daripada korporat anjing terbesar di planet ini.

Mudah sahaja Mark Anthony berhujah dengan isterinya, Josie, yang setianya juga seperti anjing. Isterinya menerima hujah suaminya tanpa ragu-ragu, walaupun ada sedikit teka-teki. Kata Mark Anthony sambil tersenyum:

“Hampir seluruh orang Cina di Malaysia suka anjing. Juga sebahagian daripada keturunan India. Ertinya lebih separuh warganegara Malaysia berkawan dengan anjing. Mereka menjadi kawan dan tuan anjing yang baik. Syarikat kita akan terus berkembang. Sayang lihatlah nanti.”

Josie tersenyum. Melihat senyum isterinya itu, hati Mark Anthony terasa sejuk dan mantap. Bahagia.

"Tapi orang Melayu tidak suka anjing. Kita berjiran dengan Melayu. Di mana-mana, Cina atau India, berjiran dengan Melayu. Akan timbul masalah nanti," Josie mengingatkan suaminya.

"Hanya di bandar saja, sayang. Hampir 80 peratus orang Melayu berada di kampung. Melayu bandar sudah tidak kisah lagi. Malah segelintir Melayu tinggal di banglo, tanah luas berpagar seperti kota zaman purba, ada anjing."

"Mana abang tahu?"

"Abang sendiri yang membawa anjing ke rumah mereka."

"Mereka itu Islam. Anjing itu haram dalam Islam." Isterinya menjuihkan sedikit bibir mulutnya seakan-akan tidak percaya.

"Penghuni banglo mewah itu Melayu korporat. Kata mereka, itulah Melayu baru. Masanya banyak berada di luar negara. Rumahnya dijaga oleh Cina atau India. Orang gaji inilah yang menjaga anjing itu. Bukan Melayu."

Masa berhujah dengan isterinya itu sudah bertahun-tahun. Sekarang industri anjingnya berjalan dengan baik. Berkembang dan mengembang seperti wap. Industri anjingnya sudah menjadi sebuah syarikat gergasi. Menguasai dan menjajah pasaran dunia. Mark Anthony memilih nama syarikatnya dalam Bahasa Kebangsaan, iaitu "Syarikat Kemesraan Manusia-Anjing Berhad" (Skamaj), nama yang sangat patriotik bagi warganegara Malaysia, fikir Mark Anthony. Dan, Mark Anthony tidak pernah memikirkan terjemahannya ke dalam bahasa asing. Dia menyebut Skamaj saja dalam semua surat urusan rasmi.

Melihat Skamaj berkembang luas seperti langit,

penasihat anjingnya mencadangkan supaya Mark Anthony mengimport tiga jenis anjing lagi yang belum ada dalam ladangnya. Dari Amerika Syarikat, Mark Anthony memilih anjing baka Bush yang terkenal garang tetapi setia. Dari England, Mark Anthony mengimport anjing baka Blair. Dari Asia Barat, Mark Anthony memilih anjing Jew baka Sharon. Tiga spesies anjing ini, demikian menurut kajian seorang profesor pakar anjing dari Singapura, sangat baik dan teruji. Mark Anthony berasa puas. Dengan kemasukan tiga jenis anjing baka Bush, Blair dan Sharon ini, maka lengkaplah Skamaj sebagai korporat anjing tersohor.

Akan tetapi, inilah yang menjadi masalah sekarang. Hati Mark Anthony menjadi bengkak dan bernanah. Keupayaan dan kredibiliti sebagai penge-luar anjing daripada baka terbaik, sudah agak diragukan. Kesangsian dan kebimbangan terbangun dan menjadi hempasan ombak terbesar di pantai dadanya. Pelanggan syarikatnya dan pelanggan sebagai individu mulai berkurang. Tahun-tahun terakhir ini urusan niaganya kurang lancar. Ada kompelin dan ada protes. Semuanya berpunca daripada baka anjing jenis Bush, Sharon dan Blair. Baka lain seperti Pitbull, Lessie, Bulldog, Rottweiler, Samoyed, Afghan Hound, Harrier, Komondor dan lain-lainnya, apalagi baka anjing tempatan, tidak menimbulkan masalah.

Pada mulanya Mark Anthony macam tidak percaya. Aduan beberapa orang pembela anjing baka Blair, Sharon dan Bush seperti mahu mengujinya sahaja. Atau, iri hati kerana jenis anjing itu sangat laris jualannya.

“Anjing baka Bush dan Sharon cepat gila.”

"Anjing baka Blair juga cepat gila."

"Baka Bush selalu menyalak jiran."

"Anjing Blair menyalak tak tentu hala. Tak tentu masa."

"Anjing Sharon menggigit anak jiran, walaupun bertahun dikenalnya."

"Baka Bush menyalak tuannya sendiri."

"Anjing Bush dan Sharon menggigit anjing jiran."

"Anjing Sharon menggigit tuannya sendiri."

"Anjing Bush menggigit jiran."

"Bush menggigit tuannya sendiri."

"Memang anjing Bush baka anjing gila."

"Memang baka anjing Bush, Sharon dan Blair cepat gila."

"Anjing Blair, Sharon dan Bush ini patut dihapuskan."

Pada mulanya Mark Anthony kurang percaya aduan pembeli baka anjing jenis Bush, Sharon dan Blair ini. Akan tetapi, Mark Anthony segera teringat kepada peristiwa awal. Apabila dia meluaskan ladang anjingnya menjadi dua hektar, dia mula mengimport baka anjing Bush dari Washington. Bapa anjing Bush pertama, dengan tidak semena-mena menyerang jiran, seorang Arab. Arab itu mendapat luka teruk. Mark Anthony masih ingat, dia dengan wajah sugul membantu Si Arab itu dan membawanya ke hospital. Walaupun mereka saling bermaafan, tetapi Si Arab itu telah menjual banglonya dan tinggal di satu kawasan yang tidak ada anjing. Akan tetapi, di depan rumah Si Arab itu penuh dengan kambing, ternakan jiran. Panas telinga Mark Anthony apabila mendengar kata-kata Si Arab ketika kali terakhir akan meninggalkan rumahnya yang berjiran itu.

"Dunia kejiranan akan aman kalau semua kita tidak berada di lokasi yang ada anjing. Terutama baka anjing Bush. Baka anjing ini garang, pengotor dan cepat gila. Sepatutnya anda membunuh saja baka jenis anjing terkutuk ini. Jenis anjing ini patut dihapuskan di seluruh dunia."

Sejak Bush, bapa anjing awal yang menggigit jiran Arabnya, bertahun-tahun baka Bush ini dalam keadaan biasa. Malah, selepas Bush bapa diasingkan kerana tua, berkurap, berkudis dan baunya busuk kerana penyakit anjing (Mark Anthony kurang pasti apakah Mark Koming membunuhnya), tidak timbul apa-apa masalah pada baka anjing ini. Malah, selepas dia membiakkan anjing baka Bush, pelanggannya banyak membeli baka Bush ini, kalau dibandingkan dengan baka anjing yang lain. Menurut kata Mark Koming, yang mendapat maklumat daripada pembeli bahawa anjing baka Bush ini agak garang, tetapi sangat patuh kepada tuannya. Malah, sangat mengenal jiran dan sering berkawan dengan anjing jiran.

Dalam tempoh anjing baka Bush laku di pasaran, Mark Anthony mengimport anjing baka Blair dari London dan anjing Jew baka Sharon dari Asia Barat. Anak anjing Blair sangat cantik. Bulunya lebat dan mukanya sedikit kecil semacam muka tikus. Susuk fizikal anjing Blair ini lebih kurang sahaja dengan anjing baka Bush. Anjing Blair ini pun sangat laris di pasaran tempatan dan luar negara juga. Singapura banyak sekali membeli anjing baka Sharon.

Mark Anthony menerima banyak tempahan kedua-dua baka anjing Blair dan anjing Bush ini dari luar negara. Termasuk tempahan dari Amerika Syarikat dan England sendiri, China, Jepun, Korea

Selatan dan Korea Utara, Singapura, Taiwan, Rusia, India, Sri Lanka, Australia, New Zealand, Indonesia, Perancis, Jerman, dan dari seluruh negara Afrika.

Mark Anthony terkenal sebagai jutawan anjing, dengan syarikat korporatnya, Skamaj, dengan permulaan modal berbayar sebanyak RM20 juta. Dan, syarikatnya sekarang telah disenaraikan di BSKL pada papan pertama. Modalnya sudah berjumlah RM500 bilion. Mark Anthony masih ingat, untuk mengapungkan Skamaj di BSKL, dia harus membuka 30 peratus sahamnya kepada bumiputera. Walaupun menimbulkan pelbagai hukum yang difatwakan oleh Majlis Agama Islam Malaysia, tetapi 30 peratus saham korporat anjing ini tetap dibeli oleh seorang Melayu yang bergelar Tan Sri, yang kebetulan seorang ahli politik. Dunia wang tidak pernah mempersoalkan halal haram, fikir Mark Anthony. Sama sahaja seperti anjing yang telah menjadi produk syarikatnya juga. Sebagai orang Cina Malaysia, Mark Anthony tidak kisah sangat syarat 30 peratus itu. Itu kerjasama dalam perniagaan rakyat Malaysia, dan juga tanggungjawabnya terhadap kekayaan negara, fikir Mark Anthony.

Pada petang itu, Mark Anthony dengan ditemani oleh beberapa orang pekerja, termasuk anak sulungnya, Mark Koming, melawat lokasi penternakan anjing Bush dan anjing Blair. Secara kebetulan kedua-dua jenis anjing itu diletakkan di kandang yang berdekatan. Sebab kedua-dua baka anjing ini termasuk yang terakhir diimport dari Eropah. Kebanyakan jenis anjing lain dari China, Taiwan, Singapura, Thailand, Myanmar atau India, dibawa lebih awal. Dan, baka anjing dari Asia ini tidak

pernah mendapat kompelin daripada pembelinya.

Terbetik juga dalam kepala Mark Anthony, mengapa baka anjing Sharon, anjing Blair dan anjing Bush dari Eropah ini cepat gila? Melihat pada susuk fizikal dan wajah muka, demikian pemerhatian Mark Anthony apabila memerhatikan ketiga-tiga baka anjing itu, sangat baik. Kecuali anjing Blair yang kelihatan muncungnya agak kecil seperti tikus, tetapi susuk fizikalnya tetap tegap. Mark Anthony amat hairan, mengapa anjing dari Eropah ini cepat menjadi gila?

"Anjing Bush, Sharon dan Blair mesti diasingkan jauh daripada baka anjing lain." Tiba-tiba tercetus kata-kata daripada mulut Mark Koming.

Mark Anthony diam. Akan tetapi, dalam kepalanya mencari sebab mengapa Mark Koming berkata begitu. Pagi tadi dia menerima faks dari New York dan London, menyatakan ketiga-tiga jenis anjing ini semuanya gila. Sama ada kerana keadaan iklim atau makanan, Mark Anthony belum pasti.

"Lihat itu, kawanan anjing Bush menyalak-nyalak ke arah anjing lain. Tengok juga kawanan anjing Blair dan Sharon, mengikut apa yang dilakukan oleh kumpulan anjing Bush."

Mark Anthony diam sahaja dan tersenyum sedikit. Akan tetapi, dia segera teringat, anjing Bush bapa dahulu menyerang dan menggigit Si Arab. Dalam keadaan kemerosotan korporat anjingnya sekarang, dia menerima aduan bahawa anjing Bush anak telah menyerang dan menggigit seorang jiran Afghanistan. Anjing Blair juga ikut sama menggigit orang Afghanistan atau Pakistan itu.

Ketika Mark Anthony mendekati kandang besar dalam ladang ribuan anjing itu, anjing Bush, anjing

Blair dan anjing Sharon menyalak dengan kuat dan menyeringaikan taring dan giginya yang tajam itu ke arahnya. Mark Anthony agak terperanjat. Dia berhenti melangkah. Matanya menajam melihat bagaimana anjing Bush dan anjing Blair tidak berhenti-henti menyalak ke arahnya. Menyalak ke arah Mark Koming. Menyalak ke arah beberapa orang pekerja yang mengiringinya. Malah kelihatan ketiga-tiga jenis anjing itu seakan-akan memanjat jaring besi pagar itu untuk keluar. Menggigit-gigit jaring pagar itu seolah-olah mahu meruntuhkannya.

"Benarlah anjing jenis Bush, Sharon dan Blair ini baka anjing gila." Mark Anthony berbisik ke telinga anaknya. "Ketiga-tiga anjing ini mesti dijauhkan kedudukan kandangnya."

"Tidak cukup setakat itu, pa," dengan cepat Mark Koming menyampuk. "Ketiga-tiga jenis anjing gila ini kita musnahkan saja. Nanti penyakit gilanya berjangkit kepada anjing lain yang normal."

Mak Anthony mengangguk. Membenarkannya.

Anjing Bush, Blair dan Sharon terus menyalak dan mengais-ngais dan menyeringaikan taring dan giginya yang tajam.

Mark Anthony, Mark Koming dan beberapa orang pekerja menjatuhkan mata mereka ke atas kawanan anjing yang sedang menyalak itu dengan penuh kesal. Anjing gila!

*Berita Minggu*, 26 Januari 2003

## PULAU SEKAJING



**R**IBUAN atau ratusan ribu atau jutaan penghuni Tanah Besar memenuhi ruang di sepanjang pantai wilayah Tanjung Agas. Berpusu-pusu, berbusut-busut, berbukit-bukit dan bergunung-gunung ramainya. Mereka tidak bersenjata. Mereka membawa mata, lidah dan kaki, dan mungkin kaki berke-matu. Golongan lelaki kelihatan garang seakan-akan segera akan menelan dan memamah lumat leik Pulau Zamrud bersama-sama anjing-anjingnya sekali. Seakan-akan.

“Mari kita hapuskan anjing-anjing di Pulau Zamrud!”

"Segerakanlah kita musnahkan pembela anjing di Pulau Zamrud!"

"Kita mesti ambil Pulau Zamrud!"

"Kita mesti letupkan Pulau Zamrud. Mesti!"

"Pihak berkuasa Tanah Besar mestilah bertindak cepat sebelum telinga kita tersumbat dengan salakan anjing-anjing itu!"

"Baunya saja sudah mematikan segala ternakan dan tanaman kita!"

"Pulau Zamrud menjadi duri dalam daging kita. Mari kita hapuskan!"

"Ya, segerakan! Segerakan!"

Suara salakan ribuan anjing bertelau-telau memenuhi ruangan wilayah Tanjung Agas. Jarak Pulau Zamrud dengan wilayah Tanjung Agas kira-kira 10 kilometer. Dari tepi pantai wilayah Tanjung Agas yang berlekuk-lekuk dengan teluk kecil dan bertanjung-tanjung, Pulau Zamrud boleh dilihat dengan nyata. Pulaunya hanya selenggok batu yang tumbuh di tengah-tengah selat sempit di antara wilayah Tanjung Agas dengan Pulau Sekajing. Di atasnya dibina sebuah menara api yang tinggi, dan apinya jelas kelihatan waktu malam, boleh dilihat dari Tanjung Agas. Menara api itu dibina oleh pemerintah Pulau Sekajing entah bila. Penghuni Tanjung Agas tidak menyedarinya. Sedar-sedar apabila membaca kenyataan dalam akhbar berbahasa Inggeris: Untuk keselamatan kapal pengangkutan dari seluruh dunia yang akan memasuki pelabuhan Pulau Sekajing.

Salakan itu bergema menyerap ke dalam udara dan menyodok-nyodok masuk ke dalam telinga berjuta-juta penghuni Tanah Besar, terutama di wilayah Tanjung Agas. Suara salakan itu benar-benar datang dari Pulau Zamrud. Akan tetapi, semua penghuni

Tanah Besar tahu anjing-anjing di atas Pulau Zamrud itu dibawa masuk dari Pulau Sekajing, iaitu sebuah pulau moden, pusat perniagaan dan penternak anjing pada peringkat antarabangsa.

Kata nenek, kedua-dua pulau itu asalnya bersatu dengan Tanah Besar. Kata nenek lagi, seorang anak raja dari Tanah Besar mengorek sebuah terusan mata air. Maka terjadilah sebuah selat yang memisahkan bahagian selatan Tanah Besar. Bahagian yang terpisah itu dinamakan Pulau Sekajing.

"Anak raja itu tidak tahan dengan bunyi bising suara penghuni tepian laut yang memekik-mekik, menjerit-jerit, seperti kaca atau zink dihempas ke batu. Dan, anak raja itu tidak tahan dengan salakan anjing mereka." Nenek merenung muka kami dengan wajah tuanya yang ceria dan matanya yang tajam ke dalam sanubari kami. "Tiba-tiba di tengah-tengah selat kecil itu muncul selonggok batu, putihkah atau hijaukah tidak berapa pasti, berkilau-kilauan dalam terjahan matahari. Akhirnya disebut saja nama Pulau Zamrud. Entah apa zamrudnya, tidak pernah orang tahu. Tetapi yang jelasnya, batu selonggok itu indah dipandang dari sini, terutama ketika matahari mulai terbit, dan ketika matahari akan terbenam."

Kata sesetengah orang, nenek meneruskan, Pulau Zamrud itu menjadi khazanah permata yang berjuta-juta ringgit harganya. Bagaimanapun, kata nenek, belum ada orang menjadi kaya-raya kerana Pulau Zamrud itu. Yang jelasnya, hanya persengkeatan yang tumbuh, dan kaya dengan kata-mengata, kata nenek lagi. Bagaimanapun, penghuni Pulau Sekajing ingin memilikinya. Dan, malah sudah memilikinya secara tidak langsung. Mereka telah

mendirikan sebuah menara rumah api. Meletakkan seberapa banyak anjing di Pulau Zamrud itu. Suara salakan anjing itu menanamkan kegusaran dan ketidaksenangan kepada penduduk Tanah Besar. Penduduk Pulau Sekajing tahu orang Tanah Besar tidak suka anjing. Khabarnya orang Pulau Sekajing akan meletakkan babi pula di pulau itu. Kalau babi sudah menghuni Pulau Zamrud, orang Tanah Besar tidak akan menapak di situ seumur hidup. Pulau Zamrud bukan sahaja menjadi tempat menara api, tanda keterangan untuk masuk ke pelabuhan Pulau Sekangkang Anjing, malah akan menjadi milik sebenar pemerintah Pulau Sekajing.

Menurut Pak Cu Soh, seorang pesara guru Melayu, 83 tahun, Pulau Sekajing itu sebahagian daripada Tanah Besar. Asalnya bernama Tanjung Pulas. Dalam zaman penganas Kristian kolonial Inggeris menjajah Tanah Besar, Tanjung Pulas dibentuk menjadi pulau, dinamakan Pulau Rafflemania. Apabila Tanah Besar mencapai kemerdekaan bersama-sama pulau itu, anak raja Tanah Besar tidak tahan dengan salakan anjing dari Pulau Rafflemania, lalu Pulau Rafflemania dikeluarkan dari Tanah Besar, lantas dinamakan Pulau Sekajing, iaitu akronim daripada nama Pulau Sekangkang Anjing. Nama baharu ini sesuai kerana sebahagian besar penghuninya penjinak anjing, penternak anjing. Malah sebahagian besar daripada mereka memakan anjing. Di Pulau Sekajing itulah benar-benar ada makanan *hotdog* itu, selain daripada negara China dan Hong Kong.

Demikian keterangan Pak Cu Soh. Pak Cu Soh seorang guru sejarah di sekolah rendah sebelum perang. Pak Cu Soh bersara ketika menjelang mer-

deka. Sepatutnya disebut Cikgu Soh, tetapi dia senang disebut Pak Cu sebagai anak bongsu dalam keluarganya. Maka nama cikgunya hilang; yang muncul dan kekal sampai sekarang Pak Cu Soh itulah. Pak Cu Soh menjelaskan, penghuni Pulau Sekajing yang mula menguasai Pulau Zamrud itu keturunan manusia bermata sepet dari utara. Pegganas Kristian Inggeris memindahkan mereka secara besar-besaran dalam dua abad yang lalu. Mereka menjadi kuli lombong bijih pegganas Kristian Inggeris di Tanah Besar. Akhirnya menjadi sebahagian penghuni kekal Tanah Besar. Keturunan inilah yang membuat kerenah, dan tidak disenangi oleh seorang anak raja. Dengan helah politik yang mungkin kelihatan pintar, tetapi merugikan, lalu mereka dihalau ke Pulau Sekajing. Mereka beranak-pinak di situ. Mereka sering melastik dan memanah ke arah Tanah Besar, sebagai *target* atau sasaran latihan yang dinamakan Eksesais Anjingan.

Kata Pak Cu Soh lagi, tidak mungkin pemerintah Pulau Sekajing membawa dan membela babi di atas Pulau Zamrud. Pulau itu adalah selonggok batu tanpa pokok. Babi tidak tahan dengan cuaca panas. Dan, pulau batu selonggok itu pula sangat kecil. Apatah lagi anjing sudah ditempatkan di situ. Kami menerima pendapat Pak Cu Soh tentang babi itu. Memang benar.

Pulau Sekajing boleh dilihat dengan jelas dari Tanah Besar. Di tengah selat kecil terlonggok Pulau Zamrud, seperti perhentian sementara para nelayan dari Tanjung Agas dan wilayahnya yang besar. Salakan anjing dari pulau ini memekakkan kuping orang Tanah Besar. Sejak seminggu yang lalu mereka berhimpun, berdemonstrasi, berpidato, melaung dan

melolong, supaya suara mereka didengar oleh pihak berkuasa Tanah Besar dan Pulau Sekajing juga.

"Kita mesti berenang beramai-ramai ke Pulau Zamrud. Mari!! Kita bunuh anjing jahanam itu. Mari!!!"

"Kita putuskan bekalan untuk mengajar mereka!"

Tidak ada seorang pun bersedia untuk berenang ke Pulau Zamrud yang penuh dengan anjing itu. Pulau itu kelihatan dekat dalam terjahan matahari jam 11.00 pagi. Ombak selatnya tenang dengan busa putih yang beralun-alun, tenang diusap angin tipis di permukaannya. Ribuan anjing terus menyalak, melolong dan melompat-lompat apabila melihat ribuan manusia di seberang Tanah Besar, berbaur dengan laungan suara para demonstran yang berjuta-juta.

"Kalau tidak sanggup berenang, mari kita berkapal dan berperahu!"

"Kita tidak punya kapal lagi!"

"Kita tidak punya perahu lagi!"

"Kapal dan perahu nelayan kita sudah dirampas oleh mereka!"

"Kita tidak ada daya upaya lagi untuk ke Pulau Zamrud!"

Perhimpunan itu semakin bertambah. Semua nelayan dari seluruh wilayah Tanjung Agas, ribuan atau ratusan ribu, telah mendirikan khemah. Mereka berumah tangga di sini. Ingin melihat penyelesaian terhadap nasib mereka. Betapa tidak! Sudah belasan, malah puluhan perahu nelayan dikepung dan dirampas oleh polis laut Pulau Sekajing, kerana memasuki kawasan Pulau Zamrud. Menceroboh perairan, kata pemerintah Pulau Sekajing. Betapapun pihak

Tanah Besar, terutama pihak berkuasa Tanjung Agas membuat bantahan, secara rasmi dan tidak rasmi, pihak Pulau Sekajing tidak peduli. Mereka terus beroperasi siang malam, malah melangkaui perairan Pulau Zamrud, sampai ke dalam perairan wilayah Tanjung Agas.

“Kita tidak ada pahlawan seperti Hang Tuah.”

Beberapa pasang mata jatuh ke atas wajah seorang lelaki yang dianggap sangat tua. Tubuhnya kecil, berjanggut putih sejempit, tidak bermisai dan kepalanya botak. Anehnya, kepalanya dibiarkan begitu sahaja tanpa ditutup dengan kopiah atau songkok seperti lazim pada orang-orang tua yang lain. Orang tua itu memakai baju Melayu potongan teluk belanga dan berseluar hitam yang agak lusuh. Mukanya ceria. Orang tua itu membayangkan: Hang Tuah tercegat di atas pantai, merenung Pulau Zamrud dengan beberapa buah kapal kecil yang mengawal perairan di situ. Tiba-tiba seluruh badan Hang Tuah pecah dan berkecai, lalu menjadi pasir. Atau, berkecai menjadi ratusan, ribuan dan jutaan orang berkumpul sejak seminggu yang lalu, hanya untuk melihat keagungan Pulau Zamrud yang sudah ada menara rumah api, ada anjing dan ada pengawal di pulau itu dan di perairannya juga. Melihatnya sahaja. Hanya untuk melihatnya. Atau hanya untuk mendengar salakan anjing yang berbaur dengan deru angin yang bertiup semakin kencang. Awan tidak ada segaris pun.

Orang tua itu berfikir lagi: Hang Tuah sudah menjadi pasir pantai. Bukankah ribuan atau jutaan orang yang berhimpun sekarang ini sama saja dengan pasir? Banyak dan mengagumkan, tetapi sekadar menjadi pasir. Tidak berdaya menghalau anjing di

Pulau Zamrud. Tidak berdaya menghalang tindakan kapal-kapal Pulau Sekajing daripada memasuki perairan Tanjung Agas.

Dan malah, fikir orang tua itu, mereka tidak berdaya mengambil balik, belasan atau puluhan, kapal atau perahu nelayan yang dirampas oleh polis laut Pulau Sekajing. Di manakah Hang Tuah, wira Melayu itu sekarang? Orang tua itu berdiri diikuti oleh terjahan beberapa pasang mata daripada pemuda yang kelihatan garang dan bernafsu. Orang tua itu berjalan ke tepi pantai. Matahari sudah di atas kepalanya. Kepalanya bercahaya-cahaya seakan-akan matahari tercacak di atas kepalanya, dan memancarkan cahayanya ke seluruh kawasan wilayah Tanjung Agas yang diduduki oleh para nelayan, pemuda lasak entah lasak apa, anggota pertubuhan, pegawai kerajaan, pegawai parti, pengikut parti, dan, dan, dan, dan, dan, dan, dan.

"Kita pun tidak ada Hang Jebat. Tidak ada Hang Kasturi. Tidak ada Hang Lekir. Tidak ada Hang Lekiu. Kita hanya ada pasir. Kita hanya ada busut. Ada bukit. Ada gunung. Yang ada hanya makhluk untuk menjadi bahan, bukan wira bangsa."

Akan tetapi, suara bisikan orang tua itu tidak didengar oleh sesiapa. Malah kepada dirinya sendiri. Orang tua itu menyepetkan kedua-dua belah matanya meneropong ke Pulau Zamrud. Dia melihat sesuatu. Melihat sesuatu. Atau dia tidak melihat sesuatu? Beberapa orang pemuda yang membawa ribuan wajah curiga, berlari-lari mengejar lelaki tua itu. Akan tetapi, pemuda itu tidak dapat mendahului orang tua itu. Jarak usia menentukan orang tua itu tetap berada di hadapan. Orang tua itu tercegat di atas sebuah batu sebesar kerbau hitam di tepi laut.

Batu kerbau itu sudah lama terhunjam di situ. Warnanya hitam seperti hati. Batu kerbau itu kadang-kadang menjadi tempat kanak-kanak berlatih terjun ke atas pasir lembut dan halus itu. Dan, dia membayangkan dirinya seorang Hang Tuah dengan empat kawannya sedang mengintip lanun dari seberang. Dia mungkin tidak bersenjata. Akan tetapi, dirinya sendiri adalah senjata. Dalaman dalam dirinya ada puluhan senjata. Sebagai Hang Tuah yang dalam zaman remajanya sudah berguru dengan Sang Persanta Nala di atas sebuah gunung, apakah yang perlu ditakutkan? Siapakah di Nusantara ini berani menentang mata Hang Tuah? Siapakah?

Orang tua itu berdiri tegak. Baju teluk belanganya berkibar-kibar ditiup angin. Dia bercekek pinggang. Dia mula membaca pustakanya. Atau, mungkin sudah satu malam membaca pustakanya. Atau, sudah dua malam membaca pustakanya. Atau, mungkin sudah tiga malam membaca pustakanya. Ini amalan mantera untuk menentang Megat Panji Alam, putera raja Terengganu, tunang Tun Teja puteri Bendahara Pahang. Atau, mungkin dia tidak pun membaca pustakanya. Akan tetapi, dia sedang berdepan dengan musuh.

Tiba-tiba orang tua itu melihat beberapa ketul batu berterbangan dari Pulau Sekajing menuju ke Tanah Besar. Orang tua itu mengutip seketul batu sebesar lengan yang jatuh di sisinya. 'Ya Tuhan!' keluh orang tua itu. Ini tentu saja batu yang berterbangan daripada kekuatan lastik. Dan, dia melihat lagi batu berterbangan dari Pulau Sekajing merempuh dinding, pintu, atap, tingkap dan rumah berjuta-juta orang di Tanah Besar dan Tanjung Agas. Batu lastik yang beribu-ribu itu disertai dengan salakan

anjing yang amat nyaring dan galak, melompat-lompat, dan ada sebahagiannya telah terjun ke air. Mula berenang ke wilayah Tanjung Agas.

“Lari! Cari perlindungan!!”

Orang tua itu melaung sekuat-kuat hatinya. Akan tetapi, dia berasa suaranya masih terkulum dalam mulutnya yang sempit. Orang tua itu menoleh ke belakang, ke arah ribuan atau jutaan para demonstran seperti yang dilihatnya seminggu yang lalu.

“Lari, selamatkan diri kamu!”

Orang tua itu masih juga berasa suaranya itu terlekat di rahangnya. Malah sebahagian daripada kata-katanya itu sudah tertelan. Sudah masuk ke dalam tenggorok dan meluncur ke dalam usus. Dengan tiba-tiba, orang tua itu berasa ada sesuatu yang hendak keluar daripada perutnya. Orang tua itu menoleh ke arah orang ramai seperti pengalamannya seminggu yang lalu. Akan tetapi, orang tua itu tidak melihat sesiapa. Tidak melihat seorang pun. Tidak melihat khemah jutaan para nelayan. Tidak melihat kanopi pegawai NGO. Tidak melihat pemuda garang dan bernafsu. Tidak melihat pegawai dan pengikut parti. Tidak melihat sang berwibawa dari Tanjung Agas atau dari Tanah Besar. Orang tua itu tidak juga melihat dirinya. Akan tetapi, orang tua itu melepaskan hajatnya di tepi pantai. Membasuh punggungnya di air ombak yang tipis.

Orang tua itu hanya melihat pasir di sepanjang pantai. Bukan orang.

Orang tua itu masih berdiri di atas batu kerbau yang terhunjam ke dalam pasir di tepi pantai itu.

“Hang Tuah! Orang Kaya sudah kembali. Mari-lah kita pertahankan Tanah Besar yang sedang dimusnahkan!”

Orang tua itu melihat sebahagian daripada bayangnya sendiri. Bayangnya itu terlihat wajah Hang Tuah. Dan, bayangnya semakin kabur dalam mata orang tua itu. Wajah Hang Tuah menjadi kian kabur dalam mata orang tua itu. Yang wujud hanya pasir di sepanjang pantai. Bahan untuk mewujudkan konkrit dan bangunan. Bukan tenaga. Pada masa yang sama, ketika orang tua itu melihat Hang Tuah adalah pasir di sepanjang pantai wilayah Tanjung Agas, ribuan atau jutaan para demonstran membanyakkan sepanduk, dan mereka kian garang me-laungkan supaya tindakan diambil ke atas pemerintah Pulau Sekajing.

“Mereka tidak tahu berjiran!”

“Orang Pulau Sekajing tidak berbudi bahasa!”

“Pemerintah mereka tidak peka kepada perasaan jiran!”

“Kita mesti ambil Pulau Zamrud!”

“Kita mesti pertahankan Pulau Zamrud!”

Orang tua itu tidak melihat sesiapa. Akan tetapi, dia masih berdiri di atas batu kerbau itu. Saujana pandangan matanya, hanya pasir di sepanjang pantai. Orang tua itu melihat ke dalam diri sejarah. Muncul tanda tanya dalam urat geramatnya.

“Mengapakah kita beria-ia mahu memiliki selonggok batu sebesar belakang gajah, sedangkan sebuah wilayah seperti Pulau Sekajing diberikan percuma kepada mereka? Mengapakah tidak dipertahankan waktu anak raja itu hendak menyerahkan pulau itu kepada penghuni yang tidak pandai berbudi bahasa itu?”

Kaki orang tua itu mulai melangkah turun dari batu kerbau. Menapak ke atas pasir berbilion-bilion, bertrilion-trilion itu. Melintasi beribu-ribu atau

berjuta-juta orang yang masih melaung, melolong, memberi ucapan berapi-api, dan mendodoikan anak-anak yang menangis kerana suasana sesak; warung-warung yang sendat dengan pelanggan dan khemah pendaftaran milik anggota organisasi tertentu. Mata orang tua itu melihat awan, melihat pokok dan melihat Hang Tuah sedang memanjat pokok kelapa. Untuk mengambil buah kelapa atau untuk mengambil nira kelapa, orang tua itu tidak pasti. Itulah kerja Hang Tuah sekarang, bisik hati orang tua itu. Hang Tuah sudah sama dengan pasir, tukasnya. Orang tua itu terus melangkah. Dia meneropong sekali lagi ke arah Pulau Zamrud. Manusia sering melepaskan yang besar, dan kononnya, bersikap berani untuk merebutkan sesuatu yang kecil. Orang tua itu terus melangkah. Dan, ribuan atau jutaan orang sedang berdemonstrasi di sepanjang pantai.

Kata nenek, cerita ini belum berakhir. Siapa yang jadi ketua akan terburai lagi kisah anjing dari Pulau Zamrud, yang sebenarnya anjing pemburu untuk makanan dan minuman politik tertentu daripada penghuni Pulau Sekajing, sepanjang zaman.

Orang tua itu berjalan dalam hembusan angin petang, dengan tenang dan damai. Lesap bersap bersama-sama angin. Lenyap dalam pandangan. Berjuta-juta pasir pantai sinonim dengan berjuta-juta manusia Tanah Besar.

Pulau Zamrud sinonim dengan Pulau Sekajing. Ada rumah api dan salakan anjing sepanjang zaman.

Itulah kisahnya setakat ini, kata nenek.

Kami terlongo dan terlopong!

25 Januari 2004

## BIODATA



**S**asterawan Negara Dr. Syed Othman Syed Omar dilahirkan pada 13 November 1939 di Kelantan Darul Naim. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1983 dan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1995. Dr. Syed Othman mula menulis pada tahun 1954. Dalam dunia penulisan kreatif, beliau lebih dikenali dengan nama S. Othman Kelantan. Antara novel beliau yang terkenal ialah *Angin Timur Laut* (1969), *Juara* (1976), *Wajah Seorang Wanita* (1990), *Nagogho Astana* (1997) dan *Orang Kota Bharu* (2003). Cerpen dan novel beliau

pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis, Jepun, Inggeris, Rusia, Sinhalis, Thai, Vietnam dan Cina.

Dr. Syed Othman pernah menjadi guru (1952-1979), tutor di Universiti Sains Malaysia (1980-1983), pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (1983-1996) dengan jawatan akhirnya sebagai profesor madya, dan karyawan/pensyarah tamu di Universiti Malaya (1997-1999). Sebagai sarjana sastera, beliau banyak menghasilkan buku ilmiah tentang ke-susasteraan. Hasil daripada penglibatan dan sumbangan beliau yang berterusan dalam bidang penulisan kreatif, Dr. Syed Othman telah dianugerahi S.E.A. Write Award daripada Kerajaan Thailand pada tahun 1990 dan Anugerah Sastera Negara kesembilan daripada Kerajaan Malaysia pada tahun 2003.